



# Toolkits

---

*Penceramah SPRM*



# *TOOLKITS*

---

PENCERAMAH SPRM

Terbitan  
**BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT**  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
No. 2, Lebuh Wawasan,  
Presint 7, 62250 Putrajaya.

Telefon : 603-8870 0000  
Faks : 603-8870 0901  
E-mel : info@sprm.gov.my  
SMS : 019-6000 696

**Penulis dan penyunting**

Mohamad Tarmize Abdul Manaf  
Mohd Faizul Mohd Musa

**Reka bentuk muka hadapan**

Lee Cheng Teik

---

**@ HAK CIPTA  
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

**ISBN 978-967-5459-20-7**

Disember 2019





## **Penyumbang bahan dan idea**

Mohamad Tarmize Abdul Manaf  
Samsul Salip  
Wan Nor Laily Wan Ahmad  
Kamaruzaman Yusof  
Koo Lik Chi  
Wan Noraishah Wan Mohamad Isa  
Lee Cheng Teik  
Nik Sukiman Nik Yusof  
Aintan Haslinda Md Arif  
Alice Voon Mei Ling  
Haliza Sahafiai  
Yusliza Mohd Yusoff  
Faizul Mohd Musa  
Ho Ka Nyan  
Nur Harliza Abdul Hamid  
Maizatul Idzwie Mat Ali  
Emey a/p Boon Him  
Mohd Hanafi Abd Rahim  
Mohd Sufian Mohd Khalid  
Ramly Ali  
Muhamad Sufian Shafie  
Zamri Haji Darus  
Mohd Azizul Feisal Hasan  
Abang Azlanshah Abang Saufee

## **NOTA PENERBIT**

Buku *Toolkits Penceramah SPRM* umpsama *buffet* yang menyediakan kepelbagaiannya maklumat untuk kegunaan penceramah.

Penceramah boleh memilih mana-mana input atau maklumat yang bersesuaian dengan tajuk ceramah dan audiens.

## **PENTING**

Maklumat dalam buku ini perlu dikemas kini dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Penceramah SPRM perlu membuat carian dan kajian tambahan bagi menambah impak ceramah.

**Prakata**

<b>Toolkit 1:</b> Pengenalan kepada SPRM	<b>1</b>
<b>Toolkit 2:</b> Maksud rasuah secara umum	<b>55</b>
<b>Toolkit 3:</b> Kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009 bersama ilustrasi	<b>69</b>
<b>Toolkit 4:</b> Contoh sebenar kes rasuah (mengikut sektor)	<b>95</b>
<b>Toolkit 5:</b> Integriti	<b>165</b>
<b>Toolkit 6:</b> Punca dan simptom rasuah	<b>215</b>
<b>Toolkit 7:</b> Kesan rasuah	<b>239</b>
<b>Toolkit 8:</b> Laporkan rasuah dan jangan gentar!	<b>273</b>
<b>Toolkit 9:</b> Isu-isu lazim dalam perolehan kerajaan	<b>289</b>
<b>Toolkit 10:</b> Liabiliti korporat	<b>329</b>

<b>Toolkit 11:</b> Tatacara mencukupi	383
<b>Toolkit 12:</b> Bila hadiah menjadi rasuah?	413
<b>Toolkit 13:</b> Jenayah pengubahan wang haram	431
<b>Toolkit 14:</b> <i>White-collar crime</i>	443
<b>Toolkit 15:</b> Pengiktirafan kepada penjawat awam yang menolak rasuah	487
<b>Toolkit 16:</b> Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)	505
<b>Toolkit 17:</b> MS ISO 37001: <i>Anti-Bribery Management System</i>	541
<b>Toolkit 18:</b> Pencegahan rasuah oleh individu dan organisasi	561
<b>Toolkit 19:</b> Kerjaya di SPRM	583
<b>Toolkit 20:</b> Latihan dalam kumpulan - Kajian kes	603

# *Prakata*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera,

Segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat llahi atas limpah dan kurniaan-Nya, buku **Toolkits Penceramah SPRM** berjaya diterbitkan.

Buku ini merupakan inisiatif Bahagian Pendidikan Masyarakat untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kualiti ceramah oleh pegawai SPRM.

Ceramah yang baik mampu memberikan mesej pembudayaan integriti dan antirasuah secara berkesan. Seterusnya, berupaya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM.

Selain daripada ceramah, input-input dalam buku ini boleh digunakan untuk penulisan ilmiah, penerbitan bahan cetak dan tujuan-tujuan lain.

Akhir kata, saya berharap agar buku ini dapat memberi manfaat kepada semua warga SPRM.

**“Rasuah disisih, negara bersih”**

**Tuan Ruslan Tuan Mat**  
Pengarah  
Bahagian Pendidikan Masyarakat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia





*Toolkit 1*

---

# Pengenalan kepada SPRM




# Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(SPRM)**

## **NOTA PENCERAMAH**


- Gambar adalah ibu pejabat SPRM, yang terletak di No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.
- Orang awam boleh memohon untuk membuat lawatan ke SPRM.
- Antara fasiliti yang akan dibawa melawat adalah lokap, bilik kawad cam, bilik temu bual bervideo dan konti MACC.fm.
- Lawatan ke SPRM merupakan salah satu pendekatan untuk mendidik masyarakat mengenai jenayah rasuah.

# Latar Belakang SPRM



## NOTA PENCERAMAH

- Januari 1958 - Kerajaan meminta Shah Nazir Alam, Pegawai Tinggi Polis Pakistan membuat kajian berhubung masalah rasuah di Malaysia.
- Pada 26 April 1958, Kajian Shah Nazir Alam dikemukakan kepada Kerajaan dan mencadangkan sebuah agensi khusus ditubuhkan untuk mencegah rasuah.
- 1959 - Unit Pencegahan Rasuah (UPR) ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.
- Fungsi UPR melaksanakan program kesedaran antirasuah.
- Siasatan kes rasuah dijalankan oleh Criminal Investigation Department (Special Crime), PDRM.
- Pendakwaan dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara.
- 1 Oktober 1967 - Agensi khusus ditubuhkan. Semua fungsi pencegahan rasuah diletakkan di bawah agensi ini
- 1 Januari 2009 - SPRM beroperasi.
- Turut dibentuk adalah lima mekanisme *check and balance* bagi memantau dan memastikan keberkesanan SPRM.



## Transformasi undang-undang pencegahan rasuah

### NOTA PENCERAMAH

- Undang-undang rasuah diperkenalkan buat pertama kalinya oleh British di Singapura pada tahun 1871 menerusi Kanun Kesekeaman Negeri-Negeri Selat.
- Undang-Undang ini hanya diperkenalkan di Negeri-Negeri Selat (NNS).
- Pada 1893, undang-undang ini diperluaskan ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
- Seterusnya, British memperkenalkan Ordinan Pencegahan Rasuah 1937 yang dikuatkuasakan di NNS.
- Pada tahun 1938, British mewujudkan Enakmen Pencegahan Rasuah untuk dikuatkuasakan di NNMB.
- Pada tahun 1950, kedua-dua undang-undang ini disatukan dan dijadikan sebagai Ordinan Pencegahan Rasuah 1950 dan dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu.
- Selepas merdeka, undang-undang ini dikemas kini dari semasa ke semasa: Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta BSN 1973, Akta BPR 1982 dan Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- Januari 2009 - Akta SPRM 2009 digunakan sehingga sekarang.

# SPRM NEGERI

&

# CAWANGAN



## NOTA PENCERAMAH

- Pejabat SPRM berada di semua negeri.
- 21 pejabat SPRM peringkat cawangan.

## **VISI SPRM**

---

1. Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah.
2. Menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- SPRM mensasarkan untuk menjadi agensi pencegahan rasuah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
- Untuk mencapai visi ini, SPRM banyak menonjolkan peranan dan kejayaannya di platform antarabangsa.
- SPRM juga sering menerima kunjungan daripada delegasi luar negara untuk mendapat input mengenai usaha-usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan di negara ini.

## **MISI SPRM**

---

1. Menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia.
  
2. Menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- SPRM menjadi penggerak utama kepada usaha pencegahan rasuah.
- Sebagai peneraju, SPRM memperkenalkan inisiatif baharu pencegahan rasuah di negara ini.
- Bagaimanapun, usaha ini mesti disokong dan dilaksanakan secara bersama oleh semua agensi dan segenap lapisan masyarakat.
- SPRM amat mementingkan pembangunan kapasiti dan kapabiliti pegawaiannya.
- Usaha ini dilaksanakan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).
- SPRM mahu pegawai-pegawaiannya bukan sahaja berkeupayaan dan berkemahiran tinggi, tetapi mampu melaksanakan tugas secara profesional.

# **RASUAH DIHINA**

---

# **MARUAH DIBINA**

---

## **NOTA PENCERAMAH**

- Slogan ini SPRM.
- Slogan ini mengajak masyarakat melihat rasuah sebagai perbuatan yang amat menjijikkan.
- Pelaku rasuah merupakan mereka yang telah menjual maruah diri.
- Oleh itu, masyarakat perlu menolak rasuah demi menjaga maruah diri sendiri, keluarga, agama dan negara.

## ***MEKANISME 'CHECK AND BALANCE'***



## **NOTA PENCERAMAH**

- Mekanisme ini bertujuan memantau dan menasihati SPRM.
- Dibentuk melalui Akta SPRM 2009 dan arahan pentadbiran.
- Ahli badan pemantau mewakili pelbagai sektor sama ada parti politik, sektor swasta, NGO, pengamal undang-undang, pengamal media, bekas hakim dan bekas pegawai tinggi sektor awam.
- Secara keseluruhannya, badan pemantau ini mempunyai lebih kurang 48 ahli.
- Mereka bertindak mewakili masyarakat untuk memantau SPRM.
- Mekanisme pemantauan ini membuktikan kebebasan dan ketelusan SPRM dalam melaksanakan tugasnya.
- **SOALAN:** Apakah ada agensi lain di Malaysia yang mempunyai pemantau seperti SPRM?
- **JAWAPAN:** SPRM merupakan satu-satunya agensi penguat kuasa di negara ini yang dipantau oleh 5 badan pemantau yang bebas dan profesional.

# 1

## Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah

- Ditubuhkan melalui seksyen 14 Akta SPRM 2009
- Seramai 7 ahli. Meraka adalah Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, mewakili **parti kerajaan** dan **pembangkang**.
- JKMR berperanan:
  - a. Menasihati Perdana Menteri berhubung masalah rasuah di Malaysia.
  - b. Memeriksa dan mendapatkan penjelasan SPRM berhubung aktiviti yang dijalankannya.

### **NOTA PENCERAMAH**

- JKMR adalah bukti SPRM sebuah badan yang bebas dan telus.
- Ahli JKMR mewakili parti politik kerajaan dan pembangkang.
- Mereka memantau SPRM dalam melaksanakan tugas.
- Aktiviti SPRM mesti dibentang kepada JKMR.
- Seterusnya, JKMR akan menyediakan laporannya dan membentangkan laporan tersebut di Parlimen.
- Contoh saranan JKMR - mencadangkan kepada Perdana Menteri supaya SPRM mempunyai suruhanjaya perkhidmatan sendiri.

## 2 | Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah

- Ditubuhkan melalui seksyen 13 Akta SPRM 2009
- LPPR berperanan:
  - a. Menasihati SPRM mengenai dasar dan strategi.
  - b. Meneliti dan memperakukan cadangan SPRM untuk meningkatkan keberkesanannya.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Antara cadangan LPPR: Pengisytiharan harta Anggota Pentadbiran Persekutuan; Pertambahan jawatan pegawai SPRM; Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah Malaysia; Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM di bawah Perlembagaan Persekutuan; Pindaan undang-undang berkaitan liabiliti korporat; dan peruntukan mengenai salah laku pegawai awam.

# 3 | Jawatankuasa Aduan

- Ditubuhkan melalui seksyen 15 Akta SPRM 2009
- JKA berperanan:
  - a. Memantau SPRM dalam mengendali aduan mengenai salah laku (bukan kesalahan jenayah) pegawai-pegawaiannya.
  - b. Mengenal pasti kelemahan dalam tatacara/prosedur kerja SPRM dan seterusnya membuat syor bagi penambahbaikan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- JKA memantau bagaimana SPRM (melalui Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme) mengendalikan aduan salah laku terhadap pegawai-pegawaiannya.
- JKA memastikan SPRM tidak menyembunyikan kesalahan pegawai-pegawaiannya.
- JKA akan pastikan pegawai SPRM sentiasa profesional dalam melaksanakan tugas.
- JKA juga mencadangkan penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur SPRM dalam melaksanakan fungsinya.

## **4 | Panel Perundingan & Pencegahan Rasuah**

- Ditubuhkan secara pentadbiran.
- PPPR menasihati SPRM dalam aspek:
  - a. Aktiviti pemeriksaan dan perundingan berhubung amalan, sistem atau tatacara kerja di agensi awam dan swasta.
  - b. Pelaksanaan aktiviti pendidikan masyarakat/kempen bagi meningkatkan kesedaran dan sokongan masyarakat.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Memantau dan memberi nasihat berkaitan:
  - aktiviti pendidikan masyarakat oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat.
  - aktiviti pemeriksaan dan perundingan oleh Bahagian Pemeriksaan & Perundingan.
  - aktiviti hebahan dan promosi kempen antirasuah melalui media.
  - aktiviti dan peranan Unit Integriti di agensi-agensi.

# 5 | Panel Penilaian Operasi

- Ditubuhkan secara pentadbiran.
- PPO berperanan:
  - a. Memantau serta memeriksa Kertas Siasatan dan keputusan yang dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya.
  - b. Menasihati dan memperakukan langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti siasatan SPRM.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Ahli PPO adalah profesional yang mahir dalam siasatan.
- Peranan PPO adalah memantau aktiviti siasatan SPRM.
- PPO pastikan tiada kes/maklumat/aduan yang disembunyikan atau '*swept under the carpet*'
- SPRM mesti membentangkan untuk kelulusan PPO:
  - semua maklumat/aduan yang tidak disiasat; dan
  - semua kes yang hendak ditutup.

# Fungsi SPRM



## NOTA PENCERAMAH

- Penceramah mesti menekankan bahawa tugas SPRM adalah menyiasat kes-kes berkaitan rasuah dan salah guna kuasa sahaja.
- Pendakwaan dijalankan oleh Jabatan Peguam Negara.
- Setiap tahun SPRM menerima antara 6,000 - 8,000 maklumat daripada pelbagai saluran.
- Namun, hanya separuh sahaja yang berkaitan rasuah.
- Seterusnya, sekitar 1,000 Kertas Siasatan dibuka.
- SPRM amat berhati-hati dalam membuka Kertas Siasatan bagi memastikan tiada pihak yang teraniaya kerana fitnah.
- Perlu juga dijelaskan mengenai peranan Bahagian/Unit Pemeriksaan & Perundingan dalam menambah baik sistem & prosedur di sektor awam dan swasta.
- Peranan SPRM dalam pendidikan adalah bagi membudayakan integriti dan antirasuah dalam kalangan masyarakat.



SPRM melaksanakan fungsinya berdasarkan prinsip:

- Bebas
- Telus
- Profesional

## **NOTA PENCERAMAH**

- 3 prinsip ini menjadi teras kepada SPRM dalam melaksanakan tugas.
- Prinsip ini dilaksanakan bagi meningkatkan keyakinan masyarakat Malaysia dan antarabangsa terhadap SPRM.



Mohd Syahabudin - Sime Honey Tong

## BEBAS

Tidak dipengaruhi dan tidak perlu merujuk kepada mana-mana pihak dalam menjalankan siasatan.

### **NOTA PENCERAMAH**

- SPRM bebas melaksanakan tugasnya.
- Tiada siapa boleh menghalang SPRM dalam menjalankan aktiviti siasatan, pencegahan dan pendidikan.
- SPRM tidak perlu merujuk kepada sesiapa dalam menjalankan siasatan.

## **TELUS**

Aktiviti SPRM dipantau dan dinasihat oleh lima badan bebas. Laporan aktiviti SPRM juga mesti dibentangkan di Parlimen.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Laporan aktiviti SPRM akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR).
- JKMR ini dianggotai oleh ahli Parlimen yang mewakili parti memerintah dan pembangkang.
- Seterusnya, JKMR akan menyediakan laporannya dan membentangkan di Parlimen.
- Pembentangan laporan aktiviti SPRM kepada JKMR membuktikan ketelusan SPRM dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

## **PROFESIONAL**


Pegawai SPRM bertindak berlandaskan parameter undang-undang dan kod etika kerja jabatan.



### **NOTA PENCERAMAH**

- Prinsip ini bagi memastikan SPRM melaksanakan tugasnya dengan tahap profesionalisme yang tinggi.
- SPRM melatih pegawainya bagi meningkatkan kapabiliti dan kapasiti untuk melaksanakan tugas.
- Sekiranya masyarakat merasakan SPRM melaksanakan tugas secara tidak profesional, boleh membuat aduan kepada Jawatankuasa Aduan.

## Prinsip pengasingan kuasa



## NOTA PENCERAMAH

- Prinsip ini diamalkan hampir di semua negara.
- Merupakan '*check & balance*' antara agensi penguatkuasaan, pendakwaan dan kehakiman .
- Mengelakkan salah guna kuasa apabila agensi yang sama melaksanakan tugas siasatan dan pendakwaan.
- Contoh, sekiranya SPRM ada kuasa mendakwa, mungkin ada tohmahan SPRM mendakwa atas dasar dendam atau sentimen peribadi. Bukan atas fakta.

# Mengapa SPRM **tiada** kuasa mendakwa?

## **NOTA PENCERAMAH**

- Terdapat pihak yang beranggapan SPRM mempunyai kuasa mendakwa.
- Hakikatnya, kuasa pendakwaan hanya diberikan kepada Peguam Negara sahaja.
- Perkara ini merupakan kehendak di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia.



"**Peguam Negara** hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera."

- Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan -

## NOTA PENCERAMAH

- Kuasa Peguam Negara jelas diperuntukkan dalam Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan.
- **SOALAN:** Bolehkah Peguam Negara didakwa atas kesalahan jenayah?
- **JAWAPAN:** Tidak boleh. Sekiranya hendak mendakwa seseorang Peguam Negara, beliau mesti dilepaskan jawatan sebagai Peguam Negara. Selepas itu, Peguam Negara yang baharu boleh mendakwa bekas Peguam Negara.

# Bagaimana mencapainya?

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Bagaimana SPRM mencapai visi, misi objektif dalam agenda pencegahan rasuah?
- *Slide* yang seterusnya akan menjelaskan strategi-strategi yang dilaksanakan SPRM.

## 3 STRATEGI SPRM



PENGUATKUASAAN



PENCEGAHAN



PENDIDIKAN

### **NOTA PENCERAMAH**

- Merupakan 3 strategi utama dalam melaksanakan tugas.
- 3 strategi ini berdasarkan Seksyen 7(a)-7(h) Akta SPRM 2009.
- Slide seterusnya akan menjelaskan perincian setiap strategi berserta contoh aktiviti yang dilaksanakan.



## Penguatkuasaan

- Mengesan kesalahan rasuah
- Menyiasat kesalahan rasuah

## NOTA PENCERAMAH

- Strategi **penguatkuasaan** adalah seperti mana diperuntukkan melalui Seksyen 7(a) dan 7(b) Akta SPRM 2009.
- **Seksyen 7(a)** - Menerima dan menimbaangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu.
- **Seksyen 7(b)** - Mengesan dan menyiasat:
  - i. Apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta SPRM 2009;
  - ii. Apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009; dan
  - iii. Apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

# Aktiviti

---

# PENGUATKUASAAN

## **NOTA PENCERAMAH**

- *Slide* seterusnya adalah beberapa contoh aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan SPRM.
- **SOALAN:** Bolehkah sesuatu tindakan diambil walaupun kejadian rasuah itu telah lama berlaku?
- **JAWAPAN:** Boleh. Sesuatu maklumat tentang perbuatan rasuah yang berlaku dari tahun 1961 dan penyalahgunaan kuasa dari tahun 1970 hingga sekarang boleh dikemukakan kepada SPRM untuk tindakan selanjutnya.
- Dalam undang-undang jenayah, tiada had masa ditentukan untuk mengambil tindakan terhadap pelaku kesalahan.

### PERANGKAAN AKTIVITI SIASATAN SPRM (2009 - 2019)

BIL.	TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS SIASATAN	TANGKAP	TUDUH	SABITAN
1	2009	12,307	939	500	176	83
2	2010	12,614	1,220	944	381	237
3	2011	13,325	1,304	918	297	299
4	2012	11,765	1,078	701	350	212
5	2013	7,927	976	509	296	173
6	2014	6,584	919	552	334	230
7	2015	6,343	982	841	223	162
8	2016	6,551	985	939	268	172
9	2017	7,348	863	879	373	216
10	2018	8293	833	894	294	211
11	2019	7,724	1,039	1,101	282	140
<b>JUMLAH</b>		<b>92,684</b>	<b>10,196</b>	<b>7,679</b>	<b>2,991</b>	<b>1,994</b>

## NOTA PENCERAMAH

- Slide ini adalah statistik SPRM bagi tempoh 10 tahun.
- Secara puratanya setiap tahun:
  - lebih kurang 7,000 **maklumat** diterima daripada pelbagai saluran.
  - lebih kurang 1,000 **Kertas Siasatan** dibuka
  - 800 hingga 1,000 individu **ditangkap** kerana rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
  - lebih kurang 300 individu **didakwa** di mahkamah.
  - lebih 200 kes berjaya mendapat **sabitan**.
- **SOALAN:** Apakah SPRM akan mengambil tindakan terhadap maklumat yang dikemukakan melalui surat layang?
- **JAWAPAN:** SPRM akan mengambil tindakan ke atas apa-apa maklumat yang diterima termasuk melalui surat layang sekiranya maklumat itu mempunyai asas tentang wujudnya perlakuan rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa.



## SKANDAL 1MDB DAN SRC INTERNATIONAL

### **NOTA PENCERAMAH**

- Antara kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam yang disiasat SPRM.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.

## SKANDAL AIR SABAH



- **Ops Water** - dijalankan dalam bulan Oktober 2016.
- Melibatkan Jabatan Air Negeri Sabah.
- Keseluruhan rampasan berjumlah **RM214,139,537**
- **4 individu** didakwa di mahkamah atas kesalahan pengubahan wang haram di bawah AMLATFAPUAA 2001:

## NOTA PENCERAMAH

- Antara kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam yang disiasat SPRM.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.

## PENYELEWENGAN DI KBS

8 Mac 2016 -  
SPRM menahan  
**Setiausaha  
Bahagian,**  
disyaki mendalangi  
sindiket seleweng  
dana kerajaan  
RM107 juta.

### SPRM menyita:

- 69 akaun bernilai RM8.33 juta,
- Merampas rumah
- 12 kereta mewah (Audi, Mercedes Benz, Nissan GTR & Toyota Vellfire).
- Jam Richard Mille (RM400,000)
- 40 beg tangan termasuk jenama Hermes (RM400,000)
- Set cadar mewah (RM260,000),
- Cincin mutiara Cartier (RM600,000).

## NOTA PENCERAMAH

- Antara kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam yang disiasat SPRM.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.

# Pemain T-Team mengaku terima rasuah

> "Ada seorang pemain memiliki RM27,000 di dalam akaunnya. Selepas didesak, dia mengaku itu adalah imbuhan hasil mengatur perlawanan," kata seorang jurulatih pasukan T-Team, mengenai rasuah dan mengatur perlawanan oleh pemain pasukan itu tahun lalu.

## NOTA PENCERAMAH

- Antara kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam yang disiasat SPRM.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.

# SPRM siasat kes pencemaran alam sekitar

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat beberapa kes pencemaran alam sekitar yang melibatkan aktiviti perlombongan bausit dan pembalakan haram di beberapa negeri.

Ia dipercayai berlaku akibat elemen rasuah dan salah guna kuasa oleh pihak-pihak tertentu.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Bakri sahkan, pasukan penyiasat sedang mengumpul serta mendapatkan maklumat mengenai perkara berkenaan.

## BERITA DI MUKA 4




Jika didapati wujud elemen rasuah dan salah guna kuasa, kita akan mengambil tindakan terhadap penjenayah-penjenayah alam sekitar yang terlibat,"

**DATUK AZAM BAKI**  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya  
(Operasi) SPRM

## NOTA PENCERAMAH

- Antara kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam yang disiasat SPRM.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.



## Pencegahan

- Mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur.
- Memberi khidmat nasihat untuk menutup ruang dan peluang rasuah.

## NOTA PENCERAMAH

- Strategi **pencegahan** adalah seperti mana diperuntukkan melalui Seksyen 7(c), 7(d) dan 7(e) Akta SPRM 2009.
- **Seksyen 7(c)** - Meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah.
- **Seksyen 7(d)** - Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu.
- **Seksyen 7(e)** - Menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan badan-badan awam itu sebagai mana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah.

# Aktiviti

## PENCEGAHAN

### **NOTA PENCERAMAH**

- *Slide* seterusnya adalah beberapa contoh aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan SPRM.



Khidmat nasihat kepada DBKL berhubung agihan petak khas **bazar Ramadan** di Lorong Tunku Abdul Rahman (TAR) dan Jalan Masjid India

## NOTA PENCERAMAH

- Antara pemeriksaan dan khidmat nasihat yang melibatkan kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.

Khidmat nasihat berhubung sistem dan prosedur kerja berkaitan penguatkuasaan dan pentadbiran tanah di **Cameron Highlands**



## **NOTA PENCERAMAH**

- Antara pemeriksaan dan khidmat nasihat yang melibatkan kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.

Khidmat nasihat kepada  
Lembaga Tabung Hajji  
berhubung proses pemilihan  
dan rayuan ke **Tanah Suci**  
Makah



## **NOTA PENCERAMAH**

- Antara pemeriksaan dan khidmat nasihat yang melibatkan kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.



Khidmat nasihat berhubung  
penguatkuasaan  
**penyeludupan migran**  
melalui pintu sempadan di  
zon utara Kedah dan Perlis.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Antara pemeriksaan dan khidmat nasihat yang melibatkan kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.

Khidmat nasihat kepada  
Lembaga Kemajuan Ikan  
Malaysia berhubung  
pengagihan **bantuan**  
**khas** perumahan  
nelayan 2012.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Antara pemeriksaan dan khidmat nasihat yang melibatkan kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam.
- Penceramah boleh menambah kes-kes lain yang bersesuaian dengan audiens.

## SPRM memantau projek-projek mega kerajaan



Projek mega adalah:

- Kos projek bernilai RM500 juta ke atas; atau
- Projek yang menjadi perhatian umum disebabkan impak projek terhadap komuniti, alam sekitar dan peruntukan kewangan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- SPRM juga akan memantau projek-projek mega kerajaan.
- Antaranya adalah projek Mass Rapid Transit (MRT).

## Pendidikan Masyarakat

- Mendidik orang ramai agar menentang rasuah
- Mendapat dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.



## NOTA PENCERAMAH

- Strategi **pendidikan** adalah seperti mana diperuntukkan melalui Seksyen 7(f) dan 7(g) Akta SPRM 2009.
- **Seksyen 7(f)** - Mendidik orang ramai untuk menentang rasuah.
- **Seksyen 7(g)** - Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

# Aktiviti

---

# PENDIDIKAN

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Kumpulan sasar utama dalam strategi pendidikan adalah:
  - sektor awam di bidang penguatkuasaan, perolehan dan perlesenan
  - sektor swasta terutama GLC
  - NGO
  - ahli politik
  - pelajar IPT
  - murid sekolah
- Objektif utama strategi ini adalah:
  - mendidik masyarakat mengenai jenayah rasuah
  - meningkatkan keyakinan mereka terhadap SPRM
  - mendapatkan sokongan masyarakat terhadap SPRM
  - menghebahkan kejayaan SPRM
  - mempromosi inisiatif baharu antirasuah



**120,000**

audiens melalui lebih  
2,000 ceramah

**700**

program seminar /  
rundingan meja bulat /  
program turun padang

**350**

pameran

## **NOTA PENCERAMAH**

- Aktiviti utama dan berterusan iaitu ceramah antirasuah, program pendidikan antirasuah dan pameran.
- *Slide* menunjukkan jumlah aktiviti dan jumlah audiens secara purata dalam tempoh setahun.
- SPRM bekerjasama dengan agensi awam, syarikat swasta, NGO dan sektor politik untuk mengadakan program-program antirasuah.

# I.B.R

IKRAR BEBAS RASUAH



- Fokus kepada pemimpin organisasi
- Aku janji untuk tidak terlibat dengan jenayah rasuah dan salah guna kuasa
- Bersifat sukarela

## NOTA PENCERAMAH

- IBR diperkenalkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.
- Agensi yang pertama menandatangani IBR adalah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) iaitu pada 27 Januari 2017.
- Sehingga 31 Disember 2019 - lebih 1,500 organisasi telah menandatangani IBR.
- Aku janji dalam IBR adalah:
  1. akan mematuhi undang-undang, peraturan, dasar negara berkaitan antirasuah.
  2. akan membenci dan menolak rasuah.
  3. tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah.
  4. akan memastikan kakitangan-kakitangan tidak terlibat dalam rasuah.
  5. akan melaporkan kepada SPRM, sebarang bentuk perlakuan rasuah.

SPRM turun padang,  
dekati masyarakat

## Program **Walkabout**



**20 April 2016**

Walkabout bersama warga Kuantan, Pahang

### **NOTA PENCERAMAH**

- SPRM turun padang dan berjumpa dengan komuniti setempat.
- Program ini bertujuan mendekati masyarakat setempat.
- Melalui program ini, masyarakat setempat boleh berinteraksi secara langsung dengan SPRM.
- Masyarakat setempat berpeluang berkongsi dengan SPRM berkaitan isu dan masalah rasuah di tempat mereka.

## **ANGKATAN MAHASISWA ANTIRASUAH**

### di institut pengajian tinggi

---



### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Inisiatif SPRM bagi mendidik golongan pelajar.
- Golongan ini merupakan '*profesional in the making*'.
- AMAR - kelab/persatuan pelajar yang dikawal selia oleh SPRM.
- AMAR dahulunya dikenali sebagai Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR).
- Nama ditukar kepada AMAR pada tahun 2018.
- SPR/AMAR ditubuhkan pada tahun 2007 berikutan Kajian Persepsi Rasuah di Malaysia 2002 mendapati 30.5% responden pelajar sanggup terlibat rasuah sekiranya mempunyai peluang.
- Pada masa sekarang, SPRM memberi tumpuan menubuhkan banyak lagi AMAR di institusi pengajian tinggi swasta.

# Kursus 'Integriti & Rasuah' di institusi pendidikan tinggi



- Subjek elektif yang ditawarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda.
- Bermula pada Semester kedua sesi 2017/2018 (Februari 2018) di UKM.
- Pendekatan '*experience-based learning*'
- Pensyarah - gabungan pensyarah IPT dan pegawai kanan SPRM.
- Akan diperluas ke IPT lain

## **NOTA PENCERAMAH**

- Inisiatif ini adalah kesinambungan usaha SPRM untuk mendidik golongan pelajar IPT mengani jenayah rasuah.
- AMAR - pendidikan melalui pelaksanaan program di luar kelas (ko-kurikulum).
- Subjek Integriti dan Rasuah - pembelajaran dalam kelas (kurikulum).
- menggunakan pendekatan '*experience-based learning*'.
- Antara tugas pelajar - menyediakan video pendek antirasuah dan membuat kajian kes rasuah (dalam dan luar negara).
- Aktiviti wajib dalam subjek ini:
  - lawatan pelajar ke pejabat SPRM
  - perkongsian kesan rasuah oleh bekas majistret dan pesalah rasuah, Firdaus Ramlan.
  - perkongsian kes siasatan berprofil tinggi oleh pegawai kanan SPRM
- Kursus ini mula ditawarkan di UKM sebagai projek rintis.
- SPRM sedang memperluaskan ke IPT lain.

## PERTANDINGAN VIDEO PENDEK ANTI RASUAH 2016



**TEMA**

- i). SPRM dipantau oleh lima badan bebas
- ii). Peranan dan kuasa SPRM
- iii). Isu ikan jerung vs ikan bilis
- iv). Isu rasuah di politikkan.
- v). Laporan rasuah
- vi). Akta Pemberi Maklumat 2010/Akta Perlindungan Saksi 2009
- vii). Bila hadiah menjadi rasuah?
- viii). Perang orang tengah (middleman)

**Tempat pertama -RM5,000.00**  
**Tempat kedua-RM3,000.00**  
**Tempat ketiga -RM1,000.00**  
**Saguhati (4 & 5)-RM 300.00**

**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

Penyertaan wajibkan kerada pelajar :

- Universiti Teknologi PETRONAS
- Institut Pendidikan Guru (IPG)
- Institut Pendidikan Masa (IPM)
- Universiti Sains (USM) di seluruh Malaysia

Videos yang diluluskan dimuat naik ke dalam YouTube semasa 20 Mac sehingga 31 Oktober 2016 (berlaku untuk video kosong ije pertandingan).

Pertandingan ini adalah berpermakahan "Walaupun bertengkar, tanpa juga mengabaikan peran SPRM".

Durasi video maksima 30 saat - 100 saat

Karya buatan dalam peringkat sekolah, wajah desawarni, sambutan calon barisan menteri plus menggunakan teknologi handphone.

Setiap penyertaan tersebut akan mendapat maklumat SPRM®.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Siti Zakiah binti Che Man (03 8886 7336 / 019 2770 667) / zakiah@sprm.gov.my  
 Rozilina Binti Hashim (019 5787 901) / rozilina@sprm.gov.my  
 Noraini Binti Ahmad (03 8886 7883 / 017 3798 104) / noraini.ahmad@sprm.gov.my

Terbuka kepada semua pelajar IPT seluruh Malaysia

28 April - 31 Oktober 2016

## NOTA PENCERAMAH

- Merupakan salah satu aktiviti melibatkan pelajar IPT.
- Pertandingan ini diadakan dari semasa kes semasa.
- Menguji pemahaman dan kreativiti pelajar mengenai jenayah rasuah.
- Video pendek yang berjaya dan mempunyai kandungan yang baik akan dimuat naik ke portal SPRM untuk tontotonan umum.



## Walk Stop Talk: Six Hours, Quarter Million Messages

- 07 Julai 2018, 9.00 pagi - 3.00 petang
- Diiktiraf MBOR - edar **212,919** risalah antirasuah dalam tempoh **6 jam**
- Melibatkan 831 pelajar IPG seluruh negara



## NOTA PENCERAMAH

- Aktiviti pertama SPRM yang mendapat pengiktirafan The Malaysia Book of Records (2018).
- Program ini juga memenangi tempat kedua (Naib Johan) Kategori Non-ICT dan Pingat Emas dalam Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (2019).
- Program ini merupakan pendekatan pendidikan antirasuah secara kreatif oleh SPRM.

## Elemen antirasuah dalam buku teks



### Darjah 6 - mulai 2016

- Pendidikan Islam (bab khas)
- Pendidikan Moral (B.M)
- Pendidikan Moral (Cina)
- Pendidikan Moral (Tamil)

### Tingkatan 1 - mulai 2017

Pendidikan Moral (bab khas)

### Tingkatan 2 - mulai 2018

Pendidikan Moral

## NOTA PENCERAMAH

- Hasil kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Usaha ini bertujuan agar mesej antirasuah diajar di dalam bilik darjah oleh guru (kurikulum).
- Pelengkap kepada usaha SPRM melaksanakan program di luar bilik darjah (ko-kurikulum)
- Terbaru - buku teks Pendidikan Sivik diterapkan mesej antirasuah.

## **WIRA ANTIRASUAH (WAR)**

- Mulai tahun 2014.
- Dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah.
- Melibatkan murid sekolah, guru dan ibu bapa.



### **NOTA PENCERAMAH**

- Program WAR khusus untuk sekolah rendah dan menengah.
- Dilaksanakan mulai tahun 2014 di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- Pada ketika itu, SPRM ingin mendekati komuniti Cina yang didapati kurang pendedahan berkaitan jenayah rasuah dan kurang pengetahuan mengenai SPRM (Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM 2012 dan 2013).
- Seterusnya, program WAR diperluas ke sekolah kebangsaan lain.
- Program WAR mendapat kerjasama penuh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Aktiviti semasa program WAR - taklimat kepada murid, tayangan video antirasuah, edaran risalah antirasuah, edaran bahan kempen SPRM, taklimat kepada guru dan ibu bapa.



[www.macc.fm](http://www.macc.fm)

Radio *streaming* pertama  
agensi penguat kuasa

# MACC.fm

- Dilancarkan pada 9 Disember 2015
- Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa
- Antara yang pernah ditemubual, YAB Tun Mahathir, YAB Datuk Seri Wan Azizah, YAB Dato' Sri Mohd Najib, YB Datuk Paul Low dan YB Khairy Jamaluddin.

## NOTA PENCERAMAH

- Inisiatif ini adalah bagi mempelbagaikan saluran untuk menyampaikan mesej antirasuah.
- Radio *streaming* beroperasi secara atas talian (*on-line*)
- Radio *streaming* ini boleh didengar di seluruh dunia.
- SPRM adalah satu-satunya agensi penguat kuasa yang mempunyai radio *streaming*.
- Dengan adanya radio *streaming* ini, SPRM boleh menyampaikan apa sahaja mesej antirasuah pada bila-bila sahaja.
- Radio *streaming* ini menjadi rujukan media terutama apabila melibatkan temu bual pengurusan tertinggi SPRM dan pimpinan negara.
- Orang ramai boleh muat turun aplikasi radio ini melalui App Store atau Google Play.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Mesej antirasuah di *variable message sign* (VMS) di jalan-jalan utama negara.
- Kerjasama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia.



*Toolkit 2*


---

## **Definisi rasuah secara umum**

# Definisi **RASUAH** secara umum


## **NOTA PENCERAMAH**

- Bahagian ini akan menjelaskan maksud rasuah secara umum.
- Definisi rasuah adalah berbeza antara satu negara dengan negara yang lain.
- Di Malaysia, kesalahan rasuah diperuntukkan melalui Akta SPRM 2009.
- Kesalahan rasuah bukan sahaja memberi dan menerima suapan.
- Rasuah juga dikategorikan sebagai jenayah serius di negara ini.



## NOTA PENCERAMAH

- United Nations Development Programme (UNDP) adalah sebuah badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations)
- Tafsiran ini merujuk rasuah sebagai salah guna kuasa oleh penjawat awam untuk keuntungan peribadi.



*“The abuse of a  
public or private office  
for personal gain.  
The active or passive  
misuse of the powers  
of Public officials  
(appointed or elected)  
for private financial or  
other benefits.”*

**The Organisation for  
Economic  
Co-operation and  
Development (OECD)**

## **NOTA PENCERAMAH**

- The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) mempunyai keahlian seramai 34 negara anggota. OECD membincangkan isu-isu pembangunan ekonomi dan polisi sosial.
- Tafsiran OECD lebih luas. Rasuah didefinisikan sebagai salah guna kuasa oleh pegawai di sektor awam dan sektor swasta untuk keuntungan peribadi.



***“The abuse  
of public  
office for  
private gain.”***

**The World Bank**

## **NOTA PENCERAMAH**

- The World Bank adalah institusi kewangan antarabangsa yang memberi pinjaman kepada negara untuk tujuan pembangunan.
- Takrifan The World Bank sama seperti OECD iaitu salah guna kuasa pegawai awam untuk keuntungan peribadi.




***“Misuse of entrusted power for private gain. It hurts everyone who depends on the integrity of people in a position of authority.”***

**Transparency International**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Transparency International (TI) adalah pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa yang berpusat di Berlin, Jerman.
- Misi TI adalah mewujudkan dunia yang bebas rasuah.
- TI mendefinisikan rasuah sebagai salah guna terhadap kuasa yang diamanahkan untuk keuntungan peribadi.
- Definisi ini juga meluas dan terpakai kepada sektor awam dan swasta.



***"Corrupt means doing an act knowing that the act done is wrong, doing so with evil intention... purposely doing an act which the law forbids! Corrupt is a question of intention. If the circumstances show that what a person has done or has omitted to do was moved by an evil intention or a guilty mind, then he is liable under the section."***

**Hakim YA Raja Azlan Shah**  
dalam kes PP v Dato' Harun bin Idris (1997)

## **NOTA PENCERAMAH**

- Dalam kes *landmark* Pendakwa Raya lawan Dato' Harun Idris (bekas Menteri Besar Selangor), hakim mengatakan rasuah adalah:
  - melakukan sesuatu perkara dengan mengetahui ianya adalah salah.
  - perbuatan salah itu dilakukan dengan niat jahat/curang.
  - Sengaja melakukan perkara yang dilarang oleh undang-undang.
- Rasuah adalah persoalan niat.
- Sekiranya sesuatu perkara dilakukan dengan niat jahat (*evil intention*) atau minda yang salah (*guilty mind*), maka individu berkenaan boleh disabitkan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang (rasuah).

# Rasuah



Penerimaan atau pemberian **suapan** (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Ini merupakan maksud rasuah secara umum.
- Boleh dikategorikan kepada dua jenis rasuah iaitu '*passive bribery*' dan '*active bribery*'
  - *Passive bribery* - perbuatan meminta dan menerima rasuah
  - *Active bribery* - perbuatan menawar dan memberi rasuah
- Berdasarkan Akta SPRM 2009, terdapat 4 kesalahan utama.
- Perkara tersebut akan dijelaskan dalam bab seterusnya.

# ELEMEN RASUAH

- **Pemberi** rasuah
- **Penerima** rasuah
- **Suapan** - dalam pelbagai bentuk
- **Balasan** - tujuan rasuah diberi atau diterima
- **Mens rea** - niat jahat. Elemen paling penting dan paling susah dibuktikan dalam siasatan kes rasuah

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Rasuah berlaku sekiranya kelima-lima elemen wujud.
- Elemen niat jahat wajib ada untuk membuktikan sesuatu kesalahan rasuah.

## **CONTOH**


Seorang ayah memberi upah RM50 kepada anaknya supaya dia pergi sekolah, **bukan** satu kesalahan rasuah mengikut undang-undang.

Ini kerana, tiada '**mens rea**' atau niat jahat dalam pemberian tersebut.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Walaupun bukan rasuah, tindakan ibu bapa yang sering menjanjikan hadiah atau upah untuk anak melakukan sesuatu, bukan satu amalan yang baik.
- Dikhawatiri anak tersebut akan terbiasa mengharapkan balasan untuk apa sahaja tugas yang diamanahkan.
- Ibu bapa mesti menerapkan nilai ikhlas dan amanah dalam melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab.

## Di MALAYSIA, rasuah juga dikenali dengan **nama-nama** berikut:



## NOTA PENCERAMAH

- Terdapat pelbagai nama samaran untuk rasuah.
- Nama paling selalu digunakan adalah 'kawtim', dan 'duit kopitiam'.
- Di luar negara, rasuah juga mempunyai nama lain yang merujuk kepada perbuatan rasuah.
- *Pungli* (Indonesia) - pungutan liar
- *Sleaze* (UK) - perbuatan tidak jujur dan tidak bermoral terutama oleh penjawat awam.
- *Tangentopoli* (Itali) - perbuatan rasuah dalam sistem politik Itali yang terbongkar sekitar tahun 90-an.
- *Les Affaires* (Perancis) - transaksi haram dalam perniagaan.
- *Black Mist* (Jepun) - merujuk kepada skandal mengatur perlawanannya dalam liga profesional besbol Jepun yang berlaku antara tahun 1969 dan 1971.
- 419 (Nigeria) - nombor 419 adalah merujuk kepada peruntukan undang-undang bagi jenayah *fraud* dalam Nigerian Criminal Code.
- *Air Supply* (Uganda) - pembayaran yang dibuat walaupun barang tidak dibekalkan atau perkhidmatan tidak diberikan.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Bentuk rasuah adalah pelbagai. Tidak hanya berupa wang ringgit sahaja.
- Bentuk 'suapan' ditafsirkan dalam Seksyen 3 Akta SPRM 2009.
- Contoh bentuk rasuah adalah seperti di bawah:
- **Hadiah** - Pembekal A memberi hadiah berupa set golf kepada B, seorang pegawai kewangan supaya mempercepatkan bayaran bagi tuntutannya.
- **Bonus** - A, pengarah urusan syarikat berjanji memberikan bonus hujung tahun sebanyak lima bulan gaji kepada akauntannya, B dengan syarat B menyembunyikan penyelewengan wang syarikat yang dilakukan A.
- **Perkhidmatan** - A, seorang kontraktor menawarkan khidmat seks GRO kepada B, pengarah perolehan syarikat XXX. Sebagai balasannya, B akan memastikan A mendapatkan projek daripada syarikat XXX.

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- **Pinjaman** - Seorang pembekal memberi pinjaman wang kepada seorang pegawai pentadbir makmal universiti (yang kesempitan duit). Dengan syarat, pegawai berkenaan menerima dan memperakui pembekalan peralatan makmal yang tidak sempurna.
- **Diskaun** - A, pemilik syarikat pengedar kereta mewah memberi diskauan 75% untuk sebuah kereta BMW kepada B, seorang pegawai penguatkuasa. Diskaun melampau ini bertujuan agar B tidak mengambil tindakan terhadap A yang sedang disiasat kerana terlibat dalam aktiviti menjual dadah.
- **Jawatan** - A, pengurus syarikat menawarkan kenaikan pangkat kepada akauntannya supaya tidak melaporkan kepada polis mengenai perbuatannya yang telah mencuri wang syarikat.



*Toolkit 3*

---

# **Kesalahan rasuah berdasarkan Akta SPRM 2009 & ilustrasi**



## **NOTA PENCERAMAH**

- Kesalahan rasuah bukan sekadar beri dan terima rasuah.
- Berdasarkan Akta SPRM 2009, terdapat 4 kesalahan utama.
- Bab ini menjelaskan 4 kesalahan utama rasuah berserta ilustrasi kes.

# 1

# Meminta/ Menerima Rasuah



Mana-mana orang **meminta / menerima** suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Merujuk kepada Seksyen 16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009. Kesalahan ini juga dikenali sebagai '*passive bribery*'.
- Boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja (sektor awam, swasta, NGO, ahli politik dan lain-lain).
- Walaupun begitu, kesalahan ini banyak dilakukan oleh penjawat awam dan mereka yang mempunyai kuasa dalam sesuatu perkara.

## **ILUSTRASI 1**

- Seorang kerani bank menerima RM500 daripada pemohon pinjaman.
- Sebagai upah memastikan permohonan pinjamannya diluluskan oleh pihak bank.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku di sektor awam atau swasta.

## **ILUSTRASI 2**

- Pegawai Bahagian Kewangan menerima wang berjumlah RM600 daripada seorang kontraktor.
- Sebagai upah mempercepatkan tuntutan bayaran kontraktor itu yang menjalankan kerja-kerja membaik pulih bilik pejabat.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku di sektor awam atau swasta.

## **ILUSTRASI 3**

- Setiausaha Politik kepada seorang menteri menerima komisen (2% daripada nilai projek) daripada kontraktor.
- Sebagai balasan Setiausaha Politik memastikan kontraktor mendapat projek di kementerian terbabit.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku dalam kalangan ahli politik.

## **ILUSTRASI 4**

- Pengajar pusat latihan memandu meminta dan menerima suapan wang tunai berjumlah RM1,000.
- Sebagai upah untuk mendapatkan lesen memandu tanpa menghadiri ujian memandu (gerenti lulus).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku di sektor swasta.

# 2

# Menawar/ Memberi Rasuah



Mana-mana orang **menawar / memberi** rasuah kepada seorang ejen / pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan sesuatu perkara berkaitan tugas rasmi pegawai awam tersebut.

## NOTA PENCERAMAH

- Merujuk kepada Seksyen 16(b) dan 17(b) Akta SPRM 2009.
- Kesalahan ini juga dikenali sebagai '*active bribery*'.
- Boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja.
- Walaupun begitu, kesalahan ini banyak dilakukan oleh sektor swasta, ahli perniagaan dan orang awam yang ingin mendapatkan sesuatu perkara atau mengelakkan sesuatu hukuman.
- **SOALAN:** Pemberi dan penerima rasuah, kedua-duanya melakukan kesalahan. Oleh sebab itu, siapa yang akan didakwa?
- **JAWAPAN:** SPRM akan melindungi orang yang membuat aduan.
- Contohnya, sekiranya pengadu adalah orang yang memberi rasuah, SPRM akan menyiasat dan mengambil tindakan ke atas orang yang menerima rasuah.
- Oleh sebab itu, jangan takut untuk membuat aduan. Tidak kira sama ada anda adalah pemberi atau penerima rasuah.

## **ILUSTRASI 1**

- Seorang peniaga runcit memberi wang rasuah sebanyak RM500 kepada penguatkuasa Kastam.
- Supaya beliau tidak ditangkap atas kesalahan memiliki rokok seludup.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.
- **SOALAN:** Adakah terdapat kes yang mana pemberi dan penerima rasuah di dakwa di mahkamah kerana rasuah?
- **JAWAPAN:** Ada. Rujuk kes rasuah melibatkan bekas Penolong Gebenor Bank Negara.
- **Ringkasan kes:** BNM mengadakan perjanjian dengan Note Printing Australia Limited (NPAL) bagi percetakan wang kertas polimer RM5.
- NPAL melantik syarikat Aksavest Sdn. Bhd. (AKSB) sebagai perantara antara NPAL dengan BNM. (*bersambung...*)

## **ILUSTRASI 2**

- Pengurus kelab malam menawarkan dan memberi wang rasuah kepada penguat kuasa PBT.
- Bertujuan agar tidak diambil tindakan terhadapnya yang melanggar syarat-syarat permit perniagaan yang ditetapkan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- *sambungan...*
- SHAH ALAM, 1 Julai 2011 - Pengarah syarikat AKSB didakwa atas 2 pertuduhan di bawah Seksyen 11(b) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana **memberi** rasuah sebanyak RM100,000 kepada Penolong Gabenor BNM menerusi 2 transaksi. (RM50,000 setiap transaksi).
- Bayaran rasuah adalah bagi memastikan NPAL memperoleh kontrak percetakan wang kertas polimer RM5 daripada BNM.
- Bekas Penolong Gabenor BNM pula didakwa atas 2 pertuduhan di bawah Seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana **menerima** suapan RM100,000 daripada AKSB melalui 2 transaksi (RM50,000 setiap transaksi). (*Sumber: Laporan Tahunan SPRM 2011, m.s 49*)
- 6 Disember 2013 - Tertuduh bagi kes ini **dibebaskan** oleh mahkamah.
- Sukar untuk membuktikan kes sekiranya pemberi dan penerima didakwa. Bukti sokongan lain mesti amat kuat.

## **ILUSTRASI 3**

- Seorang pemandu memberi wang rasuah RM100 kepada anggota Polis.
- Sebagai balasan untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang kerana memandu kenderaan yang telah tamat tempoh cukai jalan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

## **ILUSTRASI 4**

- Seorang calon majlis tertinggi parti politik telah memberi rasuah RM1,000 kepada lima ahli parti.
- Rasuah bertujuan ahli terbabit mengundinya dalam pemilihan jawatan dalam parti.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Ilustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

# 3

## Tuntutan Palsu



Mana-mana orang menggunakan / mengemukakan dokumen **tuntutan** yang mempunyai **butiran palsu** dengan niat untuk memperdayakan pejabatnya.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Merujuk kepada Seksyen 18 Akta SPRM 2009.
- Kesalahan boleh dilakukan di sektor awam dan sektor swasta.
- Secara mudahnya, kesalahan berlaku apabila ‘tuntut lain, buat/bekal lain’ yang menguntungkan pihak yang membuat tuntutan.
- Boleh berlaku dalam 2 keadaan:
  - a. tuntutan palsu dalam aspek kuantiti
  - b. tuntutan palsu dalam aspek spesifikasi.

## **ILUSTRASI 1**

**Menuntut bayaran bagi barang yang belum lagi dihantar**

- Pembekal mengemukakan dokumen Pesanan Kerajaan kepada jabatan kerajaan.
- Pembekal menuntut bayaran bagi pembekalan pakaian sukan serta pakaian seragam sekolah.
- Sebenarnya, pembekalan tidak dibuat.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Ilustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

## **ILUSTRASI 2**

**Tuntutan bayaran penuh, padahal barang tidak cukup bilangan atau tidak ikut spesifikasi**

- Kontraktor mengemukakan dokumen pesanan kerajaan bagi tuntutan bayaran bagi kerja-kerja menggantikan 20 buah pintu bilik di pejabat.
- Padahal, kontraktor tersebut hanya menggantikan 10 buah pintu bilik sahaja.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

## **ILUSTRASI 3**

### **Tuntutan palsu melibatkan bayaran kemajuan**

- Kontraktor mengemukakan tuntutan bayaran kemajuan 50%.
- Sebenarnya, kemajuan pembinaan sebenar hanya 20% sahaja.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Ilustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

## **ILUSTRASI 4**

### **Tuntutan palsu melibatkan ahli politik**

- Seorang ADUN menuntut elauan sidang DUN. Sebenarnya beliau tidak hadir ke sidang tersebut.
- Seorang EXCO membuat tuntutan daripada peruntukan ADUN. Kononnya, beliau melaksanakan program untuk kawasannya. Sebenarnya, program tidak dibuat.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

# 4

# Salah Guna Kuasa oleh Pegawai Awam



Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

## NOTA PENCERAMAH

- Merujuk kepada Seksyen 23 Akta SPRM 2009.
- Kesalahan ini khusus untuk pegawai awam.
- Secara umumnya, syarikat milik kerajaan adalah dianggap 'badan awam'. Melainkan dapat dibuktikan sebaliknya.
- Tafsiran 'badan awam' adalah seperti mana Seksyen 3 Akta SPRM 2009
- Secara ringkasnya, kesalahan berlaku apabila seseorang pegawai awam terlibat memberikan projek kerajaan kepada ahli keluarga.
- Penglibatan boleh jadi dalam berbagai cara - meluluskan, menyokong, mencadangkan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung sesuatu tender atau sebut harga.

## **'Saudara' termasuk...**

- a. isteri atau suami pegawai awam itu;
- b. adik atau abang atau kakak pegawai awam itu;
- c. adik atau abang atau kakak isteri atau suami pegawai awam itu;
- d. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan pegawai awam itu;
- e. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami pegawai awam itu;
- f. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan 'b';
- g. bapa saudara, emak saudara atau sepupu pegawai awam itu; dan
- h. menantu pegawai awam itu.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Definisi 'saudara' adalah seperti mana Seksyen 3 Akta SPRM 2009 - Tafsiran 'saudara'

## **ILUSTRASI 1**

Dalam satu mesyuarat tender, pengerusi mesyuarat selaku YDP Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan jawatan beliau dengan meluluskan projek pembinaan rumah kos rendah kepada syarikat XXX Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh isterinya.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Ilustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

## **ILUSTRASI 2**

Pengarah Kewangan sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) meluluskan pemberian projek kepada syarikat anaknya.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Illustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

## **ILUSTRASI 3**

- Seorang Menteri meluluskan hak milik tanah kepada anaknya.
- Exco terlibat dalam mesyuarat yang membuat meluluskan permohonan tanahnya sendiri.
- Exco mencadangkan syarikat milik abangnya untuk diberikan projek kerajaan negeri.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh/Ilustrasi bagaimana kesalahan ini boleh berlaku.

## RASUAH: JIKA BERSALAH...



**PENJARA** tidak lebih  
20 tahun; **DAN**

.

**DENDA** 5 kali ganda nilai  
suapan, atau RM10,000,  
mana yang lebih tinggi.



### **NOTA PENCERAMAH**

- Rujuk Seksyen 24(1) Akta SPRM 2009 dan Seksyen 24(2) Akta SPRM 2009.
- Mahkamah wajib mengenakan hukuman denda dan penjara.
- Penjara - tiada jumlah minimum. Undang-undang menetapkan penjara maksimum 20 tahun.
- Denda bagi kesalahan meminta/menerima suapan, menawar/memberi suapan dan salah guna kuasa - 5 kali nilai suapan atau nilai yang menjadi kesalahan.
- Sekiranya suapan tidak boleh dinilai (seperti suapan berbentuk jawatan dan perkhidmatan) - denda tidak kurang daripada RM10,000.
- Denda bagi kesalahan membuat tuntutan palsu - 5 kali nilai tuntutan palsu yang dibuat.

## **ILUSTRASI HUKUMAN 1**

Jika jumlah suapan RM5,000, maka hukuman adalah penjara dan denda RM25,000 (RM5,000 x 5 kali suapan).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Ilustrasi bagaimana pengiraan denda boleh dikenakan terhadap pesalah rasuah.

## **ILUSTRASI HUKUMAN 2**

Jika jumlah suapan adalah RM1,000, maka hukuman adalah penjara dan denda RM10,000.

Ini kerana,  $\text{RM1,000} \times 5$  hanya RM5,000. Oleh kerana jumlahnya kurang daripada RM10,000 (nilai minimum), maka RM10,000 adalah denda yang akan dikenakan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Ilustrasi bagaimana pengiraan denda boleh dikenakan terhadap pesalah rasuah.
- **SOALAN:** Sekiranya rasuah berbentuk perkhidmatan seks, bagaimana mahkamah akan menetapkan hukuman denda?
- **JAWAPAN:** Sekiranya nilai suapan boleh nilai, maka dendanya adalah 5 kali nilai suapan, atau minimum RM10,000.
- Memandangkan suapan berbentuk khidmat seks tidak boleh dinilai, denda minimum boleh dikenakan iaitu RM10,000.



*Toolkit 4*

---

# **Contoh sebenar kes rasuah (mengikut sektor)**

# KES SEBENAR RASUAH MENGIKUT SEKTOR

## **NOTA PENCERAMAH**

- Bab ini memberi contoh kes sebenar rasuah.
- Semua kes telah dilaporkan di media massa. Bukan maklumat sulit.
- Memberi contoh kes sebenar, bukan berniat untuk mengaibkan mana-mana pihak.
- Kes-kes sebenar ini dibahagikan kepada beberapa kategori: sektor awam, sektor swasta, NGO dan ahli politik.
- Contoh kes sebenar membantu pemahaman audiens terhadap sesuatu kesalahan rasuah.
- Contoh kes sebenar dapat memberi iktibar kepada audiens.

# **SEKTOR AWAM**

- Penguatkuasaan & Undang-Undang
- Pendidikan
- Perolehan

## **NOTA PENCERAMAH**

Sektor Awam

# PENGUATKUASAAN & UNDANG-UNDANG



**NOTA PENCERAMAH**

## **Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pertama dipenjara kerana rasuah**




- PUTRAJAYA, 24 Jun 2015 - Mahkamah Rayuan memerintahkan bekas Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Perak menjalani hukuman penjara 6 tahun atas tujuh kesalahan rasuah. Beliau turut didenda RM210,000 (atau 42 bulan penjara).
- Beliau menerima rasuah sebanyak RM13,000 bertujuan:
  1. sebagai upah **meringangkan** hukuman pesalah syarie dan melepaskan wang jaminan mahkamah.
  2. meluluskan permohonan **poligami**.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH
- Kes bekas hakim Mahkamah Tinggi Syariah Perak, Basuri @ Haji Hassan Basri bin Markum.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku 'Jerung dalam Jaring Kami' (2013).

## **Terima rasuah untuk ringankan hukuman**

- KUALA LUMPUR, 27 Oktober 2017 - Seorang Inspektor Polis di IPK Kuala Lumpur dijatuhi hukuman penjara 2 tahun dan denda RM100,000.
- Beliau didapati bersalah menerima wang tunai RM20,000
- Sebagai dorongan untuk meringankan hukuman ke atas sepasang suami isteri yang ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan mengedar dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH



## Terima rasuah untuk lindungi premis VCD/DVD haram

- KUCHING, 28 September 2017 - Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 14 hari dan denda RM10,000 terhadap seorang pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- Beliau mengaku salah menerima rasuah RM1,750 melalui transaksi pemindahan bank pada 27 Julai 2015.
- Sebagai dorongan tidak mengambil tindakan terhadap 11 premis perniagaan menjual VCD dan DVD cetak rompak.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## **Suami isteri dipenjara kerana terima rasuah berkaitan bekalan TLDM**



- 8 Oktober 2015 - Suami isteri berjawatan Lettenan Komander TLDM menghadapi 6 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM420,852.85.
- Rasuah sebagai upah meluluskan kerja-kerja **pembekalan alat ganti dan peralatan kapal** bernilai RM1,363,317.95 kepada sebuah syarikat.
- 31 Januari 2017 - Suami isteri itu menukar pengakuan kepada bersalah atas 4 pertuduhan pilihan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.
- Suami dipenjara 9 bulan dan denda RM20,000. Isterinya pula dipenjara 6 bulan dan denda RM10,000

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH



## **Bayar RM3,000 untuk tukar sampel ujian air kencing**

“Aduan paling jelas didengar adalah bagaimana ujian air kencing boleh bertukar daripada positif kepada negatif dengan bayaran. Bukan sedikit, mahal... RM2,000 hingga RM3,000. Ini cerita-cerita yang saya sendiri dengar daripada orang awam.”

**Datuk Seri Abdul Hamid Bador**

Ketua Polis Negara

- 22 Jun 2019 -

## **NOTA PENCERAMAH**

## Ops Jejak & Ops Kota Raya

19 Mac 2019



BERITA PENUH  
DIMUKA 3 & 15

### SPRM ADA SENARAI PENGUAT KUASA 'LINDUNGI' RUMAH URUT

3-5  
TAHUN

telah beroperasi  
di Kuala Lumpur

RM1,000-  
RM10,000

kutipan wang sogokan sebulan  
daripada pelbagai penguat kuasa

RM1.09  
JUTA

sebulan bayar  
sogokan

146  
rumah urut tanpa lesen

RM5,000  
wang sogokan sebulan

180  
rumah urut berlesen

RM2,000  
wang sogokan sebulan

7 penguat kuasa  
direman

7 orang awam  
direman

### NOTA PENCERAMAH

- Maklumat daripada orang ramai dan risikan SPRM mendapati berlaku amalan rasuah dan salah guna kuasa berhubung premis urut badan yang beroperasi di Platinum Walk, Setapak, Kuala Lumpur.
- Pihak yang terlibat dan tujuan rasuah adalah seperti berikut:

- Perbuatan rasuah oleh pegawai Dewan Bandaranya Kuala Lumpur (DBKL) serta Bomba dan Penyelamat berkaitan pengeluaran lesen premis urut badan;
- Perbuatan rasuah oleh anggota polis bagi melindungi aktiviti pelacuran warga asing dan mereka yang tidak memiliki permit kerja yang sah; dan
- kumpulan samseng yang meminta wang perlindungan bulanan daripada pemilik premis agar mereka tidak membuat kecoh di premis urut badan.

**Terima rasuah,  
nelayan asing  
ceroboh perairan  
negara**

"Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) tidak akan berkompromi dengan anggotanya yang mengamalkan rasuah."

"Dalam kes tiga anggota APMM yang ditahan kerana terbabit dalam kes rasuah **kemasukan bot nelayan asing** di Sabah tahun lalu, saya juga terbabit secara langsung bersama SPRM bagi membantu siasatan."

**Laksamana Maritim Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar**  
Ketua Pengarah APMM  
- 23 Januari 2018 -



## **NOTA PENCERAMAH**

## **Pegawai SPRM dihukum penjara dan denda kerana minta rasuah daripada OKT**



- SHAH ALAM, 19 Februari 2010 - Seorang pegawai SPRM didakwa di mahkamah kerana meminta, menyetuju terima dan memperoleh suapan daripada seorang lelaki yang sedang disiasat SPRM.
- Rasuah bertujuan untuk tidak meneruskan siasatan terhadap lelaki tersebut.
- 3 pertuduhan rasuah adalah seperti berikut:
  1. Pada 22 Oktober 2009 - meminta rasuah RM250,000.
  2. Pada 22 Oktober 2009 - bersetuju untuk menerima RM200,000.
  3. Pada 25 Oktober 2009 - memperoleh RM5,000
- 7 Julai 2012 - Mahkamah mendapati berliau bersalah dan menjatuhkan hukuman penjara 39 tahun dan denda RM2,275,000.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH
- Semua orang berisiko terlibat rasuah, walaupun pegawai SPRM.
- Kes ini membuktikan SPRM tidak berkompromi dengan pelaku rasuah.



## Pegawai SPRM mengaku bersalah menerima suapan RM20,000

- SHAH ALAM, 12 April 2016 - Seorang pegawai SPRM mengaku bersalah di mahkamah atas pertuduhan menerima suapan RM20,000 daripada seorang anggota polis.
- Rasuah bertujuan kononnya untuk menutup kertas siasatan SPRM berkaitan anggota polis terbabit.
- Sebenarnya, tiada kertas siasatan SPRM terhadap anggota polis itu (tidak wujud).
- Beliau dihukum penjara 3 bulan dan didenda RM3,000 di bawah Seksyen 415 Kanun Keseksaan.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH
- Semua orang berisiko terlibat rasuah, walaupun pegawai SPRM.
- Kes ini membuktikan SPRM tidak berkompromi dengan pelaku rasuah.

## **Penguat kuasa JPJ didakwa melindungi lori lebih muatan**



- PULAU PINANG, 16 April 2019 - Seramai 70 pegawai dan anggota JPJ Pulau Pinang ditahan SPRM.
- Mereka disyaki melindungi pemandu-pemandu lori yang melakukan kesalahan jalan raya khususnya membawa lebih muatan sekitar Pulau Pinang.
- Mei hingga Julai 2019 18 anggota JPJ (gred 19 hingga 32) didakwa di mahkamah kerana menerima rasuah daripada pemilik syarikat pengangkutan.
- Mereka didakwa menerima rasuah antara RM10,000 ke RM32,000 secara bulanan.
- Sebagai dorongan:
  - tidak mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu lori terlibat
  - membocorkan maklumat operasi JPJ.
- Modus operandi - mereka membekalkan pelekat khas kepada lori yang dilindungi agar senang dikenal pasti.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Kontraktor beri rasuah dipenjara 3 bulan

- IPOH, 19 Ogos - Seorang kontraktor binaan dihukum penjara tiga bulan dan denda RM15,000 (atau penjara lima bulan) kerana rasuah.
- Beliau didakwa memberi rasuah RM3,000 kepada penguatkuasa Pejabat Tanah dan Galian ([PTG](#)) Ipoh agar tidak mengambil tindakan ke atas syarikat miliknya yang mengeluarkan bahan batu tanpa permit.



## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH

- MUAR, 18 Disember 2018 - Pengurus kilang baja dijatuhi hukuman penjara 7 hari dan denda RM30,000.
- Kesalahan memberi rasuah sebanyak RM5,100 kepada Penolong Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (**KPDKK**).
- Sebagai balasan agar tidak mengambil tindakan terhadap beliau yang menyimpan/memiliki barang kawalan berjadual tanpa lesen (Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961).

**Beri rasuah untuk elak tindakan kerana simpan barang kawalan tanpa lesen**



## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH



## Cuba rasuah Polis kerana tiada dokumen pengenalan diri

- KOTA KINABALU, 9 April 2018 - Seorang pembantu kedai dijatuhi hukuman penjara 1 hari dan denda RM10,000.
- Kesalahan memberi rasuah RM2,000 kepada pegawai **polis**.
- Sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap beliau yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH

## Beri rasuah untuk elak ditangkap Imigresen



- KUCHING, 9 Ogos 2016 - Seorang peniaga dijatuhkan hukuman penjara 1 hari dan denda RM10,000.
- Kesalahan memberi rasuah RM610 kepada Pegawai Kanan **Imigresen**.
- Sebagai dorongan agar tidak mengambil tindakan terhadapnya kerana tiada permit pekerja yang sah (seksyen 55B(1) Akta Imigresen 1959/63).

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH

- KUALA LUMPUR, 19 Februari 2018 - Seorang pembekal alat ganti mesin dan jentera dihukum penjara sebulan dan denda RM10,000.
- Kesalahan memberi suapan RM1,100 kepada pegawai polis ketika serbuan dijalankan di sebuah pusat hiburan.
- Tertuduh yang didapati positif dadah jenis Meth memberi wang suapan itu agar pegawai polis:
  - a. tidak mengambil sampel air kencingnya
  - b. menukarkan kepada air paip untuk dimasukkan ke dalam botol urin.
- Kesalahan dilakukan pada 31 Januari 2018, jam 1.30 pagi di pusat hiburan Meridian, Cheras.

## Beri suapan RM1,100 untuk tukar sampel air kencing kepada air paip



### **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH

## Tauke Vietnam mengaku salah rasuah bos APMM



- KUALA TERENGGANU, 27 November 2017 – Tauke bot warga Vietnam dijatuhi hukuman denda RM500,000 dan 6 bulan penjara atas tuduhan memberi suapan RM100,000 kepada Pengarah Pangkalan Maritim Kemaman, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (**APMM**).
- Tertuduh didakwa bersama-sama dua lagi rakannya.
- Suapan sebagai balasan melepaskan 2 bot nelayan Vietnam yang ditahan mengikut Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985.
- Kesalahan rasuah dilakukan di sebuah restoran di Kemaman, pada 5 November 2017, jam 12.50 tengah hari.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH



Sektor Awam

# PENDIDIKAN

## **NOTA PENCERAMAH**

## Pensyarah Matematik terima rasuah, tambah markah



- IPOH, 3 Julai 2014 - Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM25,000 terhadap seorang Pensyarah Matematik selepas didapati bersalah atas 5 pertuduhan rasuah.
- Beliau telah menerima wang sogokan sebanyak **RM1,130** keseluruhannya untuk **menaikkan markah dua pelajarnya** bagi subjek Matematik dan Statistik pada tahun 2011 dan 2012.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Dipenjara kerana jual ijazah

- SHAH ALAM, 15 April 2018 - Seorang eksekutif jualan menerima suapan RM11,000 daripada seorang individu
- Sebagai upah mendapatkan sijil Bachelor of Business Administration di Multimedia Universiti (MMU) tanpa mengikut proses pembelajaran yang betul.
- 7 Mei 2019 - Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM55,000 (atau 1 tahun penjara).



### **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## **Guru besar minta rasuah daripada pengusaha kantin**



- SHAH ALAM, 6 Februari 2017 - Seorang guru besar dijatuhkan hukuman penjara 8 bulan selepas didapati bersalah terhadap 2 pertuduhan rasuah.
- Beliau menerima RM4,400 daripada seorang pengusaha kantin.
- Pebuatan dilakukan pada 30 Januari dan Oktober 2014.
- Suapan bertujuan mendapatkan surat sokongan untuk melanjutkan kontrak kantin di sekolahnya.
- Seksyen 165 Kanun Keseksaan

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Guru dipenjara kerana tuntutan palsu berkaitan pembekalan pakaian seragam



- KOTA KINABALU, 11 Oktober 2016 - Bekas guru dipenjara 3 tahun dan denda RM10,000 selepas didapati bersalah kerana membuat tuntutan palsu berhubung pembekalan pakaian seragam murid Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).
- Guru tersebut didakwa mengemukakan Pesanan Kerajaan bagi membuat tuntutan perbelanjaan pakaian seragam dan sukan murid Tabika KEMAS, yang sebenarnya tidak dibekalkan.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU



## Dekan dihukum penjara



- Dekan universiti memperakukan pembekalan peralatan **Multi Joint 2 AP** berharga RM138,600.
- Padahal, peralatan sebenar yang dihantar adalah **Multi Hip** yang hanya berharga RM27,965.
- 30 Januari 2012 - Dihukum penjara setahun dan didenda RM10,000.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

**Pengurus dan CEO  
Yayasan Pelajaran  
MARA berpakuat  
membuat tuntutan palsu**



YAYASAN PELAJARAN MARA  
MARA EDUCATION FOUNDATION

- Dua pegawai kanan YPM telah memperakukkan **9 Program Kecemerlangan Ilmu dan Sahsiah Diri Murid** untuk Jabatan Pelajaran Perak, sedangkan program tersebut tidak dilaksanakan.
- Setiap program yang diperakukan bernilai RM33,850 dengan jumlah keseluruhan adalah RM304,650.
- 6 September 2013 - CEO YPM mengaku bersalah. Beliau dihukum penjara satu hari dan didenda RM300,000.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENGEKSKLUSIFIKASI / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

## **Pensyarah suami isteri bersalah salah guna kuasa**

- ALOR SETAR, 9 Januari 2017 - Sepasang suami isteri yang bertugas sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Padang Terap didapati bersalah kerana kesalahan salah guna kuasa.

- Si isteri **menyediakan** Pesanan Kerajaan bagi pembekalan alat ganti kelengkapan elektrik yang bernilai RM34,250.25 kepada syarikat milik adiknya.
- Suaminya pula **memperakukan** Pesanan Kerajaan tersebut.

Hukuman kepada suami - penjara 1 hari dan denda RM170,251.25

Hukuman kepada isteri - berkelakuan baik selama 3 tahun dengan seorang penjamin

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM

## Guru Besar pilih syarikat sendiri



- ALOR SETAR, 27 Januari 2014 - Bekas guru besar dihukum penjara 2 tahun dan denda RM148,500 oleh mahkamah atas 5 pertuduhan salah guna kuasa.
- Sebagai guru besar, beliau telah menggunakan kedudukannya untuk memilih syarikat ZNR Kuala Nerang Enterprise untuk membekalkan pakaian seragam Pengakap, Persatuan Bulan Sabit dan Tunas Kadet Remaja Sekolah bernilai RM32,400.
- Syarikat itu adalah **milik adiknya**.
- Kesalahan dilakukan sekitar tahun 2008 dan 2009 .

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA  
OLEH PEGAWAI AWAM



## Pengetua lantik syarikat sendiri

- Pengetua SMK Perempuan Raja Zarina, Pelabuhan Klang, telah menyalahgunakan jawatannya.
- Memilih syarikatnya sendiri untuk membekalkan:
  1. bahan bantu mengajar berjumlah RM2,091.65
  2. peralatan dan alat tulis berjumlah RM4,500
- 27 Julai 2017 - Beliau dijatuhkan hukuman penjara 9 bulan dan denda RM40,500.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM

Sektor Awam

# PEROLEHAN/ PENGURUSAN



**NOTA PENCERAMAH**

## Bekas KSU dan anak dipenjara



- 21 Februari 2017 - Bekas KSU KKLW dan anak didakwa menerima rasuah bernilai RM627,636.
- Rasuah bertujuan memberikan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sistem Solar Hidbrid di 4 buah pulau terpencil di Sandakan, Sabah bernilai RM60 juta kepada syarikat tertentu.
- 14 November 2018 - Mahkamah mendapati kedua-duanya bersalah.
- Hukuman ke atas bekas KSU KKLW - penjara 3 tahun dan denda RM3 juta.
- Hukuman ke atas anaknya - penjara 5 tahun dan denda RM9.6 juta atas empat tuduhan bersubahat meminta dan menerima suapan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Rasuah dan penyelewengan projek 1AZAM



- KUALA LUMPUR, 20 Jun 2014 - Penolong Pegawai NKRA, KPWKM dituduh atas kesalahan meminta suapan iaitu:
  1. 10% daripada nilai Projek Kemasyarakatan **1AZAM** bagi menaik taraf dan membaik pulih balai raya/dewan/surau/masjid yang bernilai RM18 juta.
  2. 10% daripada tuntutan bayaran bagi projek menaik taraf dan membaik pulih dewan Kampung Pengkalan Bharu, Manjung, Perak berjumlah RM 99,640.
- 28 September 2016 - beliau dijatuhkan hukuman penjara 9 tahun dan denda RM9,099,530.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Tuntutan palsu: Kontraktor, Juruteknik JKR dipenjara

- Seorang kontraktor didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth kerana menuntut bayaran pembinaan pagar sepanjang **405 meter** bernilai RM11,323.80.
- Ukuran sebenarnya pagar adalah **162.2 meter**.
- 7 Oktober 2011 - Kontraktor dan Juruteknik JKR didapati bersalah. Masing-masing dihukum penjara 4 tahun dan denda RM144,709.65.



## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

## Tuntutan perubatan palsu



- 30 Mei 2017 - Pegawai Tadbir TUDM dituduh membuat 7 tuntutan perubatan palsu berjumlah **RM109,979**, sekitar tahun 2013.
- Wanita itu didakwa mengemukakan tuntutan pembayaran bagi **pembelian ubatan**, antaranya jenis Pregbalin 150 miligram (mg), Oxynorm 5 mg, Celecoxib 500 mg dan Lyrica 150 mg yang dibeli di AA Farmasi Bargain Base Sdn Bhd, Bangsar.
- Sebenarnya semua ubat itu tidak pernah dibeli.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

## **Tuntutan palsu berkaitan projek tenusu, PPRT**



- MELAKA, 18 April 2007 - Seorang Pembantu Tadbir Jabatan Perkhidmatan Haiwan Melaka, dituduh di mahkamah kerana membuat 8 tuntutan palsu berjumlah RM270,650 sekitar tahun 1999.
- Tuntutan adalah berkaitan kerja-kerja pembangunan projek tenusu di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di Merlimau, Jasin dan Masjid Tanah.
- Padahal, kerja-kerja tersebut tidak pernah dilaksanakan.
- 25 Julai 2012 - Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM1,353,250.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

## Bekas pegawai JAIS salah guna kuasa dipenjara 2 bulan, denda



- SHAH ALAM, 31 Oktober 2018 - Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 2 bulan dan denda RM175,600 (atau penjara selama 31 bulan) terhadap seorang bekas kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- Beliau disabitkan atas 9 pertuduhan salah guna kuasa yang dilakukan antara 1 Februari hingga 28 Oktober 2016.
- Beliau didakwa mengemukakan permohonan dan syor pembekalan oleh syarikat Prisma Jaya Kini Resources **milik abangnya** dan syarikat Prisma Maju Trading **milik adiknya** bagi 9 program membabitkan wang berjumlah RM53,156.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM

## **Salah guna kuasa pembekalan baju makmal: Penjara 4 tahun, denda RM130,812.50**



- GEORGETOWN, 26 Julai 2016 - Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang didakwa kerana salah guna kuasa sekitar tahun 2013.
- Tertuduh telah memperakukan baucar bayaran bernilai RM26,162.50 kepada Syarikat Nur Ehsan Maju Enterprise bagi pembekalan baju makmal kepada pembantu sekolah di seluruh Pulau Pinang.
- Tertuduh didapati mempunyai kepentingan dalam syarikat tersebut.
- Tertuduh juga didakwa menerima RM24,656 daripada individu yang mempunyai hubungan rasmi dengannya.
- 11 Julai 2019 - Mahkamah Tinggikekalkan hukuman penjara 4 tahun dan denda RM130,812.50.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM

# **SEKTOR SWASTA**

**NOTA PENCERAMAH**



## Timbalan Pengarah Perbadanan Putrajaya rasuah

- Menerima **tiket kapal terbang** pergi balik dari Kuala Lumpur ke London bernilai RM3,022 daripada seorang kontraktor.
- Sebagai dorongan memberikan projek penyelenggaraan Taman Putra Perdana, Putrajaya bernilai RM 3,521,894.48 kepada kontraktor berkenaan.
- 28 Mac 2012 - Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM15,110.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Rasuah untuk mendapat kuota beras ST15



- 24 Mac 2016 - Seorang pegawai Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) didakwa dengan 6 pertuduhan menerima suapan RM146,000 daripada dua syarikat.
- Perbuatan dilakukan sekitar 2013 dan 2014.
- Tujuan suapan untuk mendapatkan **kuota beras ST15** (Super Tempatan 15% hancur) sebanyak 230 tan metrik.
- 13 Mac 2017 - Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara 20 bulan dan denda RM365,000.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH



## Terima wang, jam tangan, telefon, barang pembinaan

- 4 Mei 2017 - Seorang Jurutera TNB di Kelantan didakwa atas 16 pertuduhan memperoleh suapan wang tunai, telefon bimbit, jam tangan dan barang pembinaan seperti pasir, papan lapis dan simen yang kesemuanya bernilai RM40,468.
- Rasuah diterima daripada 2 syarikat kontraktor sebagai upah mencadangkan syarikat berkenaan untuk memperoleh projek.
- 16 Julai 2018 - Didapati bersalah, dihukum penjara 6 tahun dan denda RM236,000.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Terima BMW 5 series untuk beri diskau berat tembaga



- KUALA LUMPUR, 21 Disember 2017 - Pengurus Besar MTM Sdn. Bhd. (anak syarikat Tenaga Nasional) dijatuuhkan hukuman penjara 6 tahun dan denda RM5.4 juta kerana menerima rasuah hampir RM2 juta dan sebuah kereta BMW 5 series.
- Rasuah diterima daripada pengarah dan pekerja Bina Mekar Sdn. Bhd. antara Disember 2013 hingga Disember 2014.
- Sebagai balasan memberi **diskau kepada timbangan berat tembaga** yang belum diproses milik MTM Sdn. Bhd. kepada syarikat tersebut

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

- KUALA LUMPUR, 31 Mei 2016 - Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM894,400 kepada bekas Pengurus Besar Kanan Sime Darby Engineering Sdn Bhd atas lima pertuduhan rasuah.
- Beliau menerima rasuah set perabot dan 3 utas jam tangan mewah bernilai RM178,880 daripada seorang kontraktor.
- Sebagai dorongan membantu mendapatkan Surat Hasrat bagi satu projek dan juga upah membantu melulus dan mempercepatkan tuntutan bayaran berhubung kontrak.

Dipenjara 2 tahun kerana terima set perabot dan jam tangan mewah



## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH



## Eksekutif kanan Digi dipenjara 4 tahun, didenda RM2 juta

- PUTRAJAYA, 8 April 2016 - Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara 4 tahun dan denda RM2,075,000 terhadap seorang Eksekutif Kanan, DiGi Telecommunications Sdn Bhd.
- Tertuduh didakwa menerima rasuah RM415,000 daripada Syarikat Nakhoda Sistem Sdn Bhd sebagai balasan dipilih menjadi pembekal kabel dan peralatan telekomunikasi kepada DiGi.
- Wang rasuah diterima melalui kemasukan ke akaun Maybank milik tertuduh antara tahun 2007 sehingga 2008

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Rasuah: Bekas COO Rapid Penang didenda RM1.05 juta



- KUANTAN, 22 Februari 2018 - Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 2 minggu dan denda RM1.05 juta terhadap bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) Rapid Penang.
- Beliau mengaku bersalah atas tiga tuduhan rasuah berjumlah RM210,000 daripada syarikat Jayonik MSC Sdn. Bhd. antara 2014 hingga 2016.
- Suapan wang tunai itu bertujuan sebagai dorongan mengeluarkan surat pelantikan kepada syarikat itu bagi beberapa projek berkaitan Sistem Simulator Bas Prasarana bernilai RM8.4 juta.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## **Rasuah untuk uruskan permohonan pembiayaan peribadi**



- KOTA KINABALU, 25 Jun 2018 - Seorang pegawai eksekutif bank dijatuhkan hukuman penjara 1 hari dan denda RM13,000 kerana rasuah.
- Beliau menerima suapan RM2,500 sebagai upah menguruskan permohonan pembiayaan peribadi pemohon sehingga diluluskan oleh pihak Bank Kerjasama Rakyat.

### **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## **Bekas pegawai kanan Alcatel dipenjara dan didenda kerana beri rasuah**



- PUTRAJAYA, 20 Disember 2016 - Bekas Ketua Akaun Pelanggan Serantau, Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd dijatuhkan hukuman penjara 6 bulan dan denda RM125,000 selepas didapati bersalah kerana rasuah.
- Tertuduh memberi suapan RM25,000 dalam bentuk cek Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd kepada Penolong Pengurus Perolehan, Telekom Malaysia Berhad.
- Rasuah bertujuan mendapatkan maklumat tender "*for the supply of Wideband Code Division Multiple Access (WDCMA) Mobile Communication System and the Provision of Works phase II*".
- Kesalahan dilakukan di Hotel Shangri-La, Jalan Sultan Ismail pada 17 Februari 2006.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH

## Ahli perniagaan didenda RM1.5 juta kerana beri rasuah kepada mantan Menteri Kabinet



- KUALA LUMPUR, 15 November 2018 - Seorang pengarah syarikat pemaju harta tanah didakwa memberi rasuah RM1 juta kepada seorang mantan Menteri Kabinet.
- Rasuah sebagai upah untuk meluluskan permohonan syarikat Nucleus Properties Sdn Bhd bagi menaikkan ratio plot berkaitan pembangunan Lot 228, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.
- Bayaran rasuah didepositkan ke akaun CIMB Bank milik mantan Menteri Kabinet tersebut.
- 17 September 2019 – Pengarah syarikat tersebut mengaku bersalah atas pertuduhan pindaan iaitu bersubahat dengan kesalahan Menteri Kabinet yang menerima rasuah.
- Beliau dijatuhkan hukuman denda RM1.5 juta.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH

## Tuntut gaji pekerja tidak wujud

- IPOH, 22 September 2016 - Pengurus Cawangan syarikat Keselamatan Cisco (M0 Sdn Bhd di Perak dituduh atas kesalahan membuat tuntutan **gaji dan lebih masa palsu** berjumlah RM40,021.24.
- Tuntutan palsu dibuat atas nama individu yang sebenarnya **tidak pernah bekerja** dengan syarikat tersebut.
- Tempoh tuntutan adalah mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012.
- Tertuduh mengaku salah dan dijatuhi hukuman penjara 18 bulan serta denda RM200,106



## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN /  
MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

- KUALA LUMPUR, 5 Mei 2017 - Pengurus Besar Kanan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) mengaku bersalah terhadap tiga pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM15,580.
- Tertuduh didakwa membuat tuntutan penggunaan kad kredit bagi tujuan rasmi MAHB.
- Sebenarnya perbelanjaan adalah bagi tujuan peribadi iaitu **rawatan kecantikan kulit** dan **pelansingan badan** dirinya sendiri.
- 4 Januari 2018 - Mahkamah Sesyen Shah Alam memutuskan tertuduh dikenakan hukuman denda berjumlah RM46,800.

## Tuntutan palsu untuk rawatan kecantikan diri



## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

## Projek Pengindahan dan Pembaikan Sungai Melaka: Bekal sikit, tuntut banyak



- KUALA LUMPUR, 26 Julai 2017 - Seorang ahli perniagaan bergelar Tan Sri dan anaknya dituduh membuat tuntutan palsu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia bernilai hampir RM13 juta.
- Perbuatan dilakukan antara 27 April 2012 hingga 23 April 2013.
- Mereka didakwa mengemukakan tuntutan palsu berkaitan **pembekalan 358 unit** dewatering container bagi projek Projek Pengindahan dan Pembaikan Sungai Melaka.
- Sebenarnya, hanya **89 unit** dewatering container dibekalkan dengan kos RM3.2 juta.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENGEKSKLUSIFIKASI / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU



## Tuntut pemasangan kabel yang tidak dibuat

- SHAH ALAM, 18 Disember 2018 - Pengurus Pemasaran dan Saluran Telekom Malaysia SME dihukum penjara setahun dan denda RM4.11 juta.
- Didapati bersalah atas 10 pertuduhan membuat tuntutan palsu bernilai RM822,398 bermula April 2012 hingga Januari 2013.
- Membuat tuntutan palsu berkaitan kerja pemasangan kabel Unifi di beberapa lokasi yang sebenarnya belum dilaksanakan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN /  
MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

**Bekas Pengarah  
Urusan Felcra  
Training &  
Consultancy didakwa  
33 tuduhan salah  
guna kuasa**



- KUALA LUMPUR, 4 September 2019 - Bekas Pengarah Urusan Felcra Training & Consultancy Sdn Bhd didakwa atas 33 pertuduhan kerana menggunakan kedudukan untuk beri kontrak pembekalan kepada saudaranya.
- Pertuduhan 1 - 16, beliau didakwa melantik syarikat Al Maisan Enterprise **milik menantunya** bagi pembekalan alat elektronik, pembekal sumbangan cenderahati, rakan strategik program latihan kemahiran, pembekal baju kurung dan baju T berkollar.
- Pertuduhan 17 - 33, beliau didakwa melantik syarikat Hexa Tech Pride **milik anaknya** sebagai pembekal cenderahati korporat, telefon pintar, projektor, komputer riba, barang elektronik dan sebagai konsultan program keusahawanan.
- Semua perolehan itu berjumlah RM1.648,810.60.
- Kesalahan didakwa berlaku antara 23 April 2014 dan 27 Jun 2018.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA  
OLEH PEGAWAI AWAM

# **NGO / PERSATUAN**

**NOTA PENCERAMAH**

## Atur perlawanan bola sepak



- 28 April 2017 – 2 bekas pemain bola sepak (kebangsaan dan Kelab) didakwa atas 2 tuduhan menawarkan rasuah RM20,000 bagi mengatur satu perlawanan bola sepak.
- Tawaran rasuah dibuat pada 27 Mac 2017 seperti berikut:
  1. RM10,000 kepada penjaga gawang Malaysian India Sports Council-Malaysian Indian Football Association (MISC-MIFA)
  2. RM10,000 kepada seorang lagi pemain MISC-MIFA.
- Tujuan rasuah adalah supaya MISC-MIFA kalah 0-2 kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Perlawanan berlangsung pada 7 April 2017.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Rasuah untuk dilantik sebagai pengurus acara



- 4 April 2011 - Bekas Timbalan Pengurus Besar, Yayasan Selangor didakwa atas 3 pertuduhan menerima rasuah seperti berikut:
  1. Menerima RM20,000 sebagai upah membantu syarikat Drift Z Enterprise dilantik sebagai pengurus acara 'Majlis Sambutan 40 Tahun Yayasan Selangor'.
  2. Menerima RM20,000 sebagai upah tidak menahan pembayaran kepada Syarikat Drift Z Enterprise.
  3. Menerima RM5,000 sebagai balasan melepaskan bayaran tambahan sebanyak RM93,982.40.
- Kesalahan dilakukan antara 5 Oktober 2010 sehingga 11 November 2010.
- 8 September 2017 - Beliau dijatuhkan hukuman penjara 13 tahun dan denda RM225,000.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH

## Peguam tuntut kos khidmat yang tidak dilakukan



- 25 Oktober 2018 - Seorang peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) didakwa atas kesalahan mengemukakan tuntutan palsu sebanyak RM450.
- Beliau mengemukakan 9 'claim form' kepada YBGK Melaka yang setiap satunya berjumlah RM50 bagi perkhidmatan 'hearing/mitigation' yang tidak dilakukan.
- 27 Februari 2019 - Beliau dijatuhkan hukuman penjara 1 hari dan denda RM10,000.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN MENGEJEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

## Bekas pengerusi belia dipenjara guna kedudukan beri projek kepada suami



- JOHOR BAHRU, 5 Ogos 2015 - Bekas Pengerusi Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Cawangan Maokil 2, Segamat dipenjara 7 hari dan denda RM200,000 selepas mengaku bersalah atas pertuduhan salah guna kuasa.
- Beliau telah membuat keputusan menganugerahkan Projek Pembinaan Pusat Memancing dan Taman Rekreasi MBFM bernilai RM40,000 kepada syarikat milik suami.
- Kesalahan dilakukan pada 3 Oktober 2012.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA  
OLEH PEGAWAI AWAM

# **POLITIK**

## **NOTA PENCERAMAH**

## **MB terima rasuah berbentuk dana politik**



- 25 November 1975 - Bekas Menteri Besar Selangor didakwa di mahkamah atas kesalahan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM250,000 daripada Bank HSBC dalam bentuk 'derma politik' untuk parti UMNO.
- Sebagai balasannya, bekas Menteri Besar itu akan mendapatkan kelulusan Mesyuarat Exco Negeri Selangor berhubung permohonan Bank HSBC untuk mendapatkan sebidang tanah negeri.
- Tanah tersebut adalah untuk projek pembinaan ibu pejabat Bank HSBC.
- 9 Mei 1976 - Beliau didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara, keseluruhannya 5 tahun dan denda RM250,000 dibayar kepada Kerajaan Persekutuan.

### **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MEMINTA / MENERIMA RASUAH
- Kes ini berkaitan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Harun bin Idris.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku 'Jerung dalam Jaring Kami' (2013).

- 14 April 2004 - Exco Perak didakwa kerana memberi rasuah RM2,000 dan RM5,000 kepada seorang kontraktor
- Tujuan rasuah supaya kontraktor itu **menolak tawaran penyelesaian hutang** daripada pesaing beliau yang merupakan ketua Pemuda Bahagian.
- Perkara tersebut menyebabkan Ketua Pemuda Bahagian itu kekal muflis dan tidak layak bertanding perebutan jawatan ketua pemuda.
- 22 Ogos 2005 - Beliau dikenakan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM10,000

## Guna rasuah untuk menang jawatan



## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENAWAR / MEMBERI RASUAH
- Kes ini berkaitan bekas Exco Perak, Datuk Azman bin Mahalan.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku 'Jerung dalam Jaring Kami' (2013).

## **Membuat tuntutan bagi program yang tidak dilaksanakan**

**FALSE**

- SHAH ALAM, 2 Mei 2019 - Bekas ADUN Telok Datok dijel 3 tahun dan didenda RM66,900 selepas mengaku bersalah mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM13,380.
- Beliau membuat tuntutan berhubung program Sambutan Hari Guru Dewan DUN Telok Datok yang sebenarnya tidak dilaksanakan.

### **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU
- Kes ini berkaitan bekas ADUN Telok Datok (Selangor), Loh Chee Heng.

## **Penyelewengan peruntukan ADUN**



- 3 November 2009 - ADUN Teratai bersama pembantunya telah mengemukakan 7 tuntutan palsu berhubung program mesra rakyat sempena Tahun Baru Cina dan sambutan Thaipusam.
- Padahal sebenarnya, program-program tersebut tidak dilaksanakan.
- ADUN dan pembantunya didapati bersalah. Mereka dikenakan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM50,000 bagi setiap pertuduhan.
- 29 November 2016 - Mahkamah Rayuan kekalkan sabitan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN MENGEMUKAKAN / MEMBUAT TUNTUTAN PALSU
- Kes ini berkaitan bekas ADUN Teratai, Yap Soo Sun.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku ‘Jerung dalam Jaring Kami’ (2013).

## KM guna kuasa mutlak lantik syarikat keluarga



- KOTA KINABALU, 5 Januari 1991 - Ketua Menteri Sabah didakwa menyalah guna kuasa mutlaknya.
- Beliau meluluskan projek pembangunan di Tambunan bernilai hampir RM1.5 juta kepada syarikat yang dimiliki oleh **dua adik iparnya**.
- Beliau didapati bersalah dan didenda RM1,800.

## NOTA PENCERAMAH

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM
- Kes ini berkaitan bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku 'Jerung dalam Jaring Kami' (2013).

- 27 Mei 1998 - Didakwa kerana terlibat dalam mesyuarat EXCO yang meluluskan tanah untuk projek kuari kepada syarikat Teraju Nusantara.
- Beliau tidak mendedahkan kepentingannya semasa mesyuarat.
- Isterinya merupakan salah seorang pengarah syarikat tersebut.
- Apabila tanah dijual, beliau dan isteri menerima RM250,000.
- Dipenjara 2 tahun.

**Exco N9 terlibat dalam mesyuarat yang luluskan tanah kepada syarikat isteri**



## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM
- Kes ini berkaitan bekas Exco Negeri Sembilan, Datuk Waad bin Mansor.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku 'Jerung dalam Jaring Kami' (2013).

## **Exco Melaka terlibat mesyuarat luluskan tanah kepada syarikat sendiri**



- 31 Mei 1997 - Didakwa kerana terlibat dalam mesyuarat EXCO yang meluluskan permohonan tanah kepada syarikat Ivory Height Sdn. Bhd untuk projek perikanan.
- Beliau tidak isytiharkan kepentingan.
- Sebenarnya syarikat itu adalah milik beliau, tapi menggunakan nama orang lain (proksi).
- Beliau memperolehi RM500,000 apabila saham syarikat dan tanah yang diberikan kerajaan dijual.
- Dipenjara 2 tahun dan didenda RM20,000

## **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM
- Kes ini berkaitan bekas Exco Melaka, Datuk Sahar bin Arpan.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku 'Jerung dalam Jaring Kami' (2013).

## **Exco Melaka terlibat mesyuarat luluskan tanah kepada bakal isteri**



- Exco Melaka terlibat dalam Mesyuarat Exco yang luluskan tanah kerajaan kepada seorang gadis bernama 'Kipah' untuk projek ternakan udang.
- Exco tersebut mempunyai kepentingan dalam syarikat yang akan menjalankan projek itu. Beliau adalah Pengarah Urusan dan pemegang saham.
- Perkara itu tidak pernah diisyiharkan dalam mesyuarat.
- Tiga hari selepas permohonan tanah diluluskan, Exco tersebut mengahwini Kipah sebagai isteri kedua.
- Beliau didapati bersalah atas kesalahan salah guna kuasa dan dijatuhkan hukuman setahun penjara.

### **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM
- Kes ini berkaitan bekas Exco Melaka, Abdul Ghani bin Ishak.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku 'Jerung dalam Jaring Kami' (2013).

- 14 Februari 1982 - Seorang Exco Kedah dituduh di bawah seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970 kerana menyalah guna kedudukan sebagai pegawai awam.
- Tertuduh terlibat dalam mesyuarat Exco pada 4 Oktober 1975 yang meluluskan pemberian tanah kerajaan kepada beliau sendiri.
- Tanah itu digunakan untuk membina rumah beliau.
- 13 Jun 1982 - Hakim memutuskan beliau bersalah dan menjatuhkan hukuman penjara sehari serta denda RM2,000.

## **Exco Kedah terlibat mesyuarat luluskan tanah diri sendiri**



### **NOTA PENCERAMAH**

- KESALAHAN SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM
- Kes ini berkaitan bekas Exco Kanan Kedah, Dato' Mohamed Muslim bin Othman sekitar tahun 1982.
- Perincian kes ini boleh diperoleh dalam buku 'Jerung dalam Jaring Kami' (2013).



*Toolkit 5*

---

# Integriti

# **INTEGRITI**

---

## **NOTA PENCERAMAH**

- Bab ini menjelaskan maksud integriti daripada perspektif SPRM.
- Integriti tidak hanya terpakai kepada individu.
- Integriti terpakai juga kepada agensi atau sesuatu proses.
- Contoh 1 - Integriti pegawai penguat kuasa dalam menjalankan tugas.
- Contoh 2 - Integriti proses perolehan kerajaan mesti dipertahankan daripada disalah guna.

# MAKSUD INTEGRITI

*The quality of being honest and having strong principles the state of being whole and undivided.*



- Oxford Dictionary, 2<sup>nd</sup> Edition 2003 -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Definisi Oxford Dictionary, 2003 - kejujuran dan mempunyai prinsip yang kukuh.

# MAKSUD INTEGRITI




Kejujuran, ketelusan,  
kesempurnaan dan keutuhan.

- Kamus Dewan, Edisi 2000 -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Definisi Kamus Dewan, 2000 - menekankan sifat jujur, telus, sempurna dan utuh.

# MAKSUD INTEGRITI



Integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkait rapat dengan etika.

- PIN, 2004 -


## NOTA PENCERAMAH

- Definisi oleh Pelan Integriti Nasional (PIN).
- Sebelum adanya Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, PIN adalah dasar kerajaan berkaitan integriti dan antirasuah.
- NACP 2019-2023 memansuhkan PIN.

# MAKSUD INTEGRITI

Perihal sifat individu dan organisasi yang sempurna berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana.

- Institut Integriti Malaysia -



## NOTA PENCERAMAH

- Definisi Institut Integriti Malaysia adalah lebih terperinci.
- Merujuk kepada semua sifat baik yang perlu ada pada seseorang individu atau organisasi.

# **INTEGRITI** secara ringkasnya

*“Is doing the **RIGHT** thing,  
even when no one is watching”*

- C.S Lewis -

## **NOTA PENCERAMAH**

- CS Lewis adalah penulis terkenal dari United Kingdom. Beliau juga ahli akademik di Oxford University dan Cambridge University.
- Definisi CS Lewis adalah mudah - melakukan sesuatu perkara yang betul, walaupun tiada orang melihat.
- Definisi ini menekankan prinsip yang perlu ada pada seseorang individu.
- Prinsip untuk sentiasa melakukan perkara yang betul pada bila-bila masa atau di mana sahaja.
- Tidak akan terpengaruh dengan anasir tidak baik yang berada di persekitaran kita.

# Bagaimana **INTEGRITI** masyarakat Malaysia?

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Penceramah boleh bertanya kepada audiens mengenai tahap integriti masyarakat Malaysia.

Ujian  
**INTEGRITI**

Menilai integriti  
rakyat  
Malaysia?



## **NOTA PENCERAMAH**

- Salah satu eksperimen sosial yang viral di saluran Youtube.
- Eksperimen sosial ini dijalankan di Malaysia.
- Eksperimen ini menguji tindakan masyarakat kita apabila melihat wang RM50 yang tercincir (sengaja dicicirkan)
- Kesimpulan daripada eksperimen ini, tahap integriti masyarakat kita masih rendah.

Adakah perbuatan ini  
dianggap berintegriti?

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Penceramah meminta pendapat audiens
  - Adakah perbuatan (di *slide* berikutnya) berintegriti atau tidak?

Assalamualaikum semua

Saya pinjam duit tabung masjid RM 7.85.

Maaf saya dah 3 hari tak makan sebab saya x ada duit. Inshallah dlm masa terdekat

saya akan ganti balik saya one of student / budak kolej ni.

Terima kasih. May Allah bless all of u.

Doakan saya kuat.

## NOTA PENCERAMAH

- Tindakan mengambil wang daripada tabung masjid adalah tidak berintegriti.
- Walaupun begitu, tindakan individu ini wajar dipuji:
  - a. berani mengaku kesalahan.
  - b. memohon maaf.
  - c. berjanji untuk pulangkan wang yang diambil.

# **5** faktor yang boleh menjejaskan integriti

## **NOTA PENCERAMAH**

## **KELEMAHAN INDIVIDU**



- Integriti tidak menjadi budaya
- Lemah pertahanan diri
- Kurang penghayatan nilai-nilai murni
- Etika kerja yang lemah
- Sifat tamak
- Tidak munasabah kelemahan sendiri
- Tekanan hidup
- Suka mengambil peluang
- Suka mengejar kemewahan
- Cara hidup yang suka berpoya-poya

## **NOTA PENCERAMAH**

- Faktor diri sendiri.
- Diri sendiri menjadi benteng penting untuk melawan segala godaan dan ujian.
- Manusia melakukan perbuatan tidak berintegriti kerana tunduk kepada hawa nafsu dan ujian hidup.



## KEPIMPINAN YANG TIDAK BAIK

- Kepimpinan tidak memberi teladan yang baik
- Kepimpinan tidak menitik berat integriti
- Arahan pimpinan yang melanggar prosedur dan peraturan
- 'Cakap tak serupa bikin'

## NOTA PENCERAMAH

- Pemimpin wajib pamerkan teladan terbaik  
*- tone from the top*
- Pemimpin menjadi ikutan warga organisasi.
- Jangan jadi seperti ketam mengajar anaknya berjalan. Maksudnya, pemimpin yang menyuruh anak buahnya berintegriti, padahal dia sendiri pun tidak berintegriti.
- Pepatah Cina - *the fish rots from the head*

## **KELEMAHAN SISTEM DAN PROSEDUR**



- Amalan, sistem dan prosedur yang lemah dan membuka ruang kepada rasuah dan penyelewengan
- Peraturan yang lapuk dan tidak sesuai lagi dilaksanakan
- Kurang ketelusan dalam sesuatu proses
- Kurang penguatkuasaan atau penguatkuasaan berpilih
- Kurang pemantauan
- Keupayaan sumber manusia dan material yang terhad

## **NOTA PENCERAMAH**

- Sistem yang lemah membuka ruang berlakunya perbuatan tidak berintegriti.
- Untuk mengukuhkan integriti, sistem dalam organisasi mesti mampu mencegah daripada berlakunya perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

## BUDAYA TIDAK SIHAT



- Budaya masyarakat yang kurang menitikberatkan integriti
- Takut membuat laporan kerana bimbang tindakan balas
- Sikap tidak ambil peduli
- Budaya ‘angguk’ dan ‘mengampu’ di pejabat

## NOTA PENCERAMAH

- Budaya yang tidak elok, boleh merosakkan organisasi.
- Amalkan budaya integriti di dalam organisasi.
- Patuhi segala peraturan yang berkuat kuasa.
- Budayakan - melakukan perkara yang betul walau tiada mata melihat.
- Contoh: Mematuhi peraturan tidak merokok di kedai makan; mematuhi peraturan jalan raya seperti memberi signal untuk membobelok; peraturan pejabat seperti etika pakaian dan waktu makan; dan lain-lain.

## STRUKTUR DAN INSTITUSI



### STRUKTUR

- Struktur organisasi tidak kemas, lapuk dan tidak sesuai dengan peredaran masa
- Matlamat organisasi yang tidak jelas dan munasabah

### INSTITUSI

- Pertindihan skop, tugas dan tanggungjawab antara institusi
- Tiada koordinasi antara organisasi
- Pertentangan matlamat antara institusi

## NOTA PENCERAMAH

- Struktur yang tidak kemas dan lapuk boleh melemahkan sistem dan prosedur.
- Seterusnya, membuka ruang berlakunya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

## **Mengapa** individu boleh terjebak dengan rasuah dan salah guna kuasa



1. Tiada integriti
2. Sifat manusia suka dirai
3. Sifat manusia yang ingin untung secara mudah
4. Menjadi tradisi dan amalan organisasi
5. Persepakatan dan persetujuan secara bersama
6. Hubungan baik manusia (pegawai dan kontraktor)
7. Bermula dengan jumlah yang kecil
8. Diuji dengan rasuah secara berulang kali
9. Berjaya tolak rasuah, tetapi bukan selamanya
10. Taktik kontraktor: Berbaik-baik hari ini, mengena hari esok.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Faktor-faktor berlakunya perbuatan rasuah dan salah guna kuasa.
- Boleh dibahagikan kepada faktor dalaman dan faktor luaran.
- Faktor dalaman:
  - tiada integriti
  - tamak
  - suka dirai
  - hidup mewah
- Faktor luaran:
  - tekanan hidup
  - desakan/pujukan kontraktor
  - taktik kontraktor - berbaik-baik dengan orang tertentu
  - tawaran demi tawaran rasuah

**KES  
SEBENAR**

**PERBUATAN **TIDAK**  
BERINTEGRITI**

### **NOTA PENCERAMAH**

- *Slide* berikut adalah beberapa kes menarik yang berkaitan isu integriti dan tadbir urus.
- Kes sebenar ini boleh menjadi iktibar kepada semua pihak.
- Bukan bertujuan memalukan atau membuka aib mana-mana pihak.



- LKAN 2012 -

## **Penyelewengan dalam subsidi baja padi**

Pemeriksaan audit mendapati penyelewengan berlaku dalam bentuk berikut:

- pesawah tidak terima subsidi baja
- penerima bukan pesawah
- penerima yang sama terima daripada dua sumber
- penerima subsidi melebihi kelayakan

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh perbuatan yang bukan sahaja tidak berintegriti, tetapi salah di sisi undang-undang.

## **Palsukan dokumen naik pangkat sendiri**



- SEREMBAN, 17 Januari 2012 - Bekas Pengarah Jabatan Veterinar Negeri Sembilan didakwa kerana palsukan dokumen naik pangkat sendiri.
- Kesalahan melibatkan:
  - a. Palsukan surat arahan kenaikan pangkat Gred G48 - pelarasan gaji dan elaun RM39,536.90.
  - b. Palsukan surat arahan memangku Gred G52 (KUP) - pelarasan gaji dan elaun RM5,013.82.
  - c. Palsukan surat keputusan kenaikan pangkat Gred G48 ke Gred G52 - pelarasan gaji dan elaun RM5,764.86.
  - d. Palsukan surat keputusan pemangkuan Gred G54.
- 29 Januari 2015 - Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM10,000.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh perbuatan yang bukan sahaja tidak berintegriti, tetapi salah di sisi undang-undang.

## **Ambil kesempatan terhadap ibu tunggal yang memerlukan rumah**

- 18 November 2014 - Pegawai sebuah agensi awam didakwa meminta habuan seks daripada ibu tunggal
- Sebagai balasan mendapatkan kelulusan memiliki rumah mampu milik Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).



## **NOTA PENCERAMAH**

- Kes ini melibatkan seorang pegawai Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).
- Bagaimanapun, tertuduh dalam kes ini dilepaskan oleh mahkamah.
- Perbuatan pegawai tersebut amat tidak berintegriti kerana mengambil kesempatan terhadap golongan yang memerlukan (ibu tunggal yang miskin).

## **Palsukan ijazah untuk dapat kerja: Bekas pengurus kilang didenda**

- KUALA LUMPUR, 22 September 2016  
- Pengurus kilang didakwa kerana palsukan ijazah Sarjana Muda, Kolej Islam Antrabangsa, Kuala Lumpur.
- Bertujuan memohon kerja sebagai Timbalan CEO di sebuah kolej.
- Mengaku salah dan dihukum denda RM20,000.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh perbuatan yang bukan sahaja tidak berintegriti, tetapi salah di sisi undang-undang.

### **Pecah amanah: Bekas amil dipenjara 4 tahun, 3 sebatan**



- KULAIJAYA, 1 November 2011 - Seorang bekas amil/imam dihukum penjara 4 tahun dan 3 sebatan kerana melakukan pecah amanah.
- Tertuduh mengaku bersalah kerana melakukan pecah amanah terhadap wang hasil kutipan zakat fitrah dan kutipan derma anak yatim sebanyak RM19,510.
- Tertuduh telah menggunakan wang itu untuk diri sendiri.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh perbuatan yang bukan sahaja tidak berintegriti, tetapi salah di sisi undang-undang.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Slide ini menjelaskan beberapa cabaran yang dapat menjadikan integriti seseorang individu.
- Bagi penjawat awam dan orang yang mempunyai kedudukan, cabaran integriti yang utama adalah jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Memahami

## MINDA PERASUAH (*MINDSET*)

Alasan-alasan seseorang individu  
itu melakukan **rasuah**

### **NOTA PENCERAMAH**

- Segmen ini, kita menyelami apa yang difikirkan oleh seseorang itu sehingga terdorong untuk melakukan rasuah.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Secara ringkasnya, terdapat 7 alasan mengapa seseorang itu terlibat dengan rasuah.
- Perincian bagi setiap alasan adalah seperti di *slide* berikutnya.

## MINDSET PERASUAH

### KENAPA SAYA AMBIL RASUAH?

- Kalau saya tidak ambil, orang lain akan ambil.
- Dalam dunia moden sekarang, susah saya nak tolak. Hari ini boleh kita tolak, esok belum tentu lagi. Lagipun saya tak minta. Mereka yang nak beri.

### **NOTA PENCERAMAH**

- **ALASAN 1:** Individu itu memikirkan semua orang melakukan rasuah.
- Individu itu beranggapan tidak mengapa untuk ambil rasuah kerana ia hanya jenayah kecil.
- Tiada siapa yang rugi.
- Malah, rasuah menguntungkan kedua-dua pihak (pemberi dan penerima).

# MINDSET PERASUAH

## BERCITA-CITA TINGGI DAN TAMAK

- Saya mahu jadi kaya seperti pegawai sebelum ni.
- Dia boleh kaya, kenapa tidak saya? Peluang hanya datang sekali.

## **NOTA PENCERAMAH**

- **ALASAN 2:** Individu itu berasa ingin cepat kaya, tetapi melalui cara yang mudah.
- Sikap tamak menguasai diri.
- Suka membandingkan kehidupan sendiri dengan pegawai-pegawai lain.
- Malas berusaha lebih untuk berjaya.

## MINDSET PERASUAH

### MANGSA KEADAAN DAN TAKUT KENA PULAU

- Kalau saya tak ambil rasuah, rakan-rakan setugas saya akan pulaukan saya.
- Saya tidak mahu kena pulau. Jadi, untuk mudahkan hidup saya, saya terpaksa juga terima.

### **NOTA PENCERAMAH**

- **ALASAN 3:** Melakukan rasuah kerana tekanan rakan sekerja/rakan sejawat.
- Sekiranya enggan mengambil rasuah, akan dipulaukan rakan sekerja.
- Perkara ini banyak berlaku terutama dalam agensi penguatkuasaan.

# MINDSET PERASUAH

## KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

- Bos pun sama juga. Saya ikut bos la.
- Kalau dia '*sapu*', kenapa saya nak jadi orang baik pula?

## **NOTA PENCERAMAH**

- **ALASAN 4:** Mengikut teladan buruk daripada kepimpinan organisasi.
- Sekiranya pemimpin mementingkan integriti, perkara itu sudah tentu dapat meningkatkan integriti warga organisasi.
- Sekiranya pemimpin melakukan rasuah, warga organisasi akan merasakan tidak salah untuk mereka turut sama melakukan rasuah.
- **Pesan** kepada pengurusan organisasi: Tingkah laku pemimpin sentiasa diperhatikan oleh warga organisasi.

## MINDSET PERASUAH

### ***MINDSET ‘SEKALI TERLEPAS, SELAMANYA TERLEPAS’***

- Sekali buat terlepas. Dua kali terlepas. Tiga kali lagi terlepas. Setakat ini semuanya beres. Berani buat beranilah tanggung.
- Kalau saya kena tangkap, saya akan bongkarkan semua kegiatan jahat dalam jabatan ini.

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- **ALASAN 5:** Individu itu melihat rakan-rakan mengambil rasuah dan terlepas.
- Mereka cuba-cuba mengambil rasuah, dan terlepas.
- Perkara itu memotivasiikan mereka untuk mengulangi perbuatan rasuah kerana yakin akan terlepas.

# MINDSET PERASUAH

## SINDROM KECEWA

- Memang tak adil buat saya. Saya kerja dengan bersungguh-sungguh. Tapi, bila bab 'melintang/menegak', si dia yang dapat. Dahlah dia tu pemalas, kuat bodek pulak tu.
- Kalau aku kerja kuat dan jujur, bukan orang nampak pun.
- Kerja ikhlas bukan boleh jadi kaya.

## NOTA PENCERAMAH

- **ALASAN 6:** Kecewa apabila usaha keras mereka tidak dihargai dengan sewajarnya.
- Contoh - mendapat penilaian tahunan yang rendah; tidak dinaikkan pangkat; tidak mendapat bonus yang diharapkan; dan lain.
- Pekerja mula memberontak dan melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya.
- Alasannya, '*nothing to lose*'.

# MINDSET PERASUAH

## DEMI SURVIVAL HIDUP

- Dunia sekarang ni, kalau tak hulur, susahlah dapat projek.
- Kerja kerajaan gaji kecil. Lebih-lebih lagi tinggal di bandar. Kalau tak ada *side-income*, susah la hidup.

## NOTA PENCERAMAH

- **ALASAN 7:** Rasuah terpaksa dilakukan demi kelangsungan hidup.
- Kononnya - kerana darurat, rasuah boleh dilakukan.
- Menyalahkan persekitaran yang menyebabkan rasuah terpaksa dilakukan.
- Ingin: Matlamat tidak menghalalkan cara.
- Kadang-kadang, kita sendiri yang mencipta darurat itu.
- Contoh: Mengamalkan hidup mewah, kahwin lebih seorang, suka berjudi, suka berjoli dan lain-lain.

## BIDANG YANG BERISIKO TINGGI

---

**Hati-hati** sekiranya anda bekerja dalam bidang ini

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Kita mesti mengetahui tahap risiko rasuah di tempat kerja.
- Sekiranya anda bekerja di sektor atau bidang ini, anda mempunyai risiko tinggi untuk terjebak dengan rasuah dan salah guna kuasa.
- Oleh sebab itu, anda perlu lebih berhati-hati.



- Percanggahan kepentingan
- Pilih kasih terhadap kontraktor dan pakatan
- Dengan sengaja tidak melaporkan apa-apa kecacatan atau kekurangan
- Membocorkan maklumat jabatan
- Memutarbelitkan fakta tentang spesifikasi kerja, barang atau perkhidmatan
- Membuat '*variation order*' tanpa kawalan
- Penipuan dalam '*progress payment*'
- Menerima komisen/habuan
- Salah guna kuasa untuk kepentingan sendiri atau keluarga

## **NOTA PENCERAMAH**

- Jelaskan secara ringkas.
- Bidang pekerjaan yang berkaitan dengan pengurusan kontrak dan tender.
- Berisiko kerana anda berhadapan dengan kontraktor dan pembekal yang cuba mendapatkan projek walau dengan apa cara sekalipun.
- Anda juga mempunyai kuasa tertentu yang boleh disalah guna untuk kepentingan anda dan keluarga.

### Isu integriti yang selalu berlaku



- Pembelian secara berlebihan
- Pembekalan barang yang bermutu rendah dan tidak mengikut spesifikasi kontrak
- Harga yang dinaikkan
- Jadual bayaran mengikut keselesaan dan menyebelahi pembekal tertentu
- Bayaran bertindih bagi barang yang sama
- Pesanan dipecah kecil
- Menyalahgunakan peruntukan
- Kekerapan membuat pembelian secara tergesa-gesa dan tanpa perancangan
- Segaja mewujudkan keperluan sesuatu perkhidmatan/kerja/pembelian
- Pembayaran dibuat tetapi barang belum dibekalkan

### NOTA PENCERAMAH

- Jelaskan secara ringkas.
- Bidang pekerjaan yang berkaitan dengan pengurusan pembelian dan pembekalan.
- Sama juga. Anda mempunyai kuasa tertentu yang boleh disalah guna atau diseleweng untuk kepentingan anda dan keluarga.



- Menggunakan kuasa untuk faedah sendiri
- Penggunaan budi bicara tanpa kawalan
- Mengambil kesempatan semasa berurusan dengan pelanggan yang sedang menghadapi masalah
- Kerja lebih masa palsu atau kerja lebih masa yang sengaja direka-reka
- Ponteng kerja
- Tidak mematuhi peraturan jabatan
- Tidak menyelia tugas pegawai bawahan
- Mengugut pelanggan untuk faedah sendiri

## **NOTA PENCERAMAH**

- Jelaskan secara ringkas.
- Bidang pekerjaan yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan penyeliaan.
- Berisiko kerana kuasa dan budi bicara yang anda miliki.
- Kuasa - Anda boleh mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar peraturan.
- Budi bicara - Anda juga boleh melepaskan (tidak ambil tindakan) sekiranya anda mahu.

## Isu integriti yang selalu berlaku



- Kuantiti barang yang dihantar tidak cukup (kurang)
- Barang yang dibekalkan bermutu rendah/tidak mengikut spesifikasi
- Kecurian/kehilangan barang daripada stor yang tidak dilaporkan
- Menggunakan harta/barang pejabat untuk kepentingan sendiri
- Pengagihan barang pejabat yang tidak direkodkan

## **NOTA PENCERAMAH**

- Jelaskan secara ringkas.
- Bidang pekerjaan yang berkaitan dengan pengurusan harta dan aset pejabat.
- Berisiko kepada penyalahgunaan harta atau aset pejabat.
- Anda boleh memanipulasi rekod harta dan aset pejabat untuk faedah anda.
- Anda berpotensi menyalah guna harta atau aset pejabat untuk diri sendiri.

# BUDAYAKAN INTEGRITI, JAUHI RASUAH

## **NOTA PENCERAMAH**

- Integriti bukan hanya sekadar perkataan.
- Integriti mesti dibudayakan.
- Negara seperti New Zealand, Denmark dan Finland - *integrity-based community*.
- Budaya integriti mesti daripada sekecil-kecil perbuatan sehingga perkara yang besar.
- Contoh: Menjaga masa, tidak curi tulang, tidak mengambil hak orang dan sentiasa menghormati orang lain.



**INTEGRITI**  
bermula dari hati

## **NOTA PENCERAMAH**

- Hati yang mencorak perbuatan kita.
- Bersihkan hati, jaga tingkah laku.
- Elakkan melakukan perkara-perkara yang tidak betul.

# Ibu bapa membentuk **INTEGRITI** anak-anak

## **NOTA PENCERAMAH**

- Anak-anak ibarat kain putih, ibu bapa yang mencorakkan perilaku anak-anak.
- Tanggungjawab membentuk integriti mesti bermula dari rumah.
- Ibu bapa mesti mempamerkan percakapan dan perbuatan yang baik kepada anak.
- Ibu bapa tidak boleh melepaskan tanggungjawab membentuk anak-anak kepada guru.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Moral daripada video ini adalah - ibu bapa mesti menjadi teladan kepada anak-anak.
- Kalau ibu bapa menunjukkan contoh yang buruk, anak-anak pasti akan menuruti teladan buruk tersebut.


Betulkan niat anda!

Sentiasa mencari rezeki daripada  
sumber yang halal

---

## **NOTA PENCERAMAH**

- Semua agama mengajar pengikutnya untuk mengamalkan nilai-nilai murni.
- Tiada agama membenarkan perbuatan yang salah seperti rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
- Agama tidak menghalang untuk menjadi kaya raya.
- Apa yang penting, kekayaan bukan diperoleh melalui jalan yang salah.
- Setiap individu mesti berusaha mencari rezeki yang halal.



## NOTA PENCERAMAH

- Ilustrasi ini menggambarkan realiti masyarakat kita.
- Kita hanya melihat halal atau haram pada fizikal makanan sahaja.
- Hasil yang diperoleh secara haram, adalah haram.
- Sekiranya harta diperoleh melalui jalan jenayah (seperti rasuah), harta tersebut boleh disita mengikut undang-undang.

# **INISIATIF-INISIATIF KERAJAAN**

## untuk meningkatkan integriti perkhidmatan awam

### **NOTA PENCERAMAH**

- Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan integriti penjawat awam.
- Isu dalam perkhidmatan awam yang utama bukan ketiadaan peraturan atau undang-undang.
- Isu utama adalah ketidakpatuhan kepada peraturan dan undang-undang tersebut.
- Negara kita mempunyai terlalu banyak peraturan dan undang-undang dalam pelbagai perkara.
- Banyak undang-undang yang tidak atau kurang dikuatkuasakan. Contoh - peraturan mengenai merokok di tempat awam, membuang sampah bukan pada tempatnya, penggunaan *parking OKU* dan lain-lain lagi.

**Antara *inisiatif*  
kerajaan untuk  
meningkatkan  
integriti  
perkhidmatan  
awam**

1979 - Panduan Perkhidmatan Cemerlang  
1980 - Kad Perakam Waktu  
1982 - Kempen Bersih Cekap Amanah  
1982 - Dasar Pandang Ke Timur  
1983 - Tanda Nama  
1983 - Kepimpinan Melalui Teladan  
1985 - Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran  
1987 - Etika Kerja Islam  
1989 - Gerakan Budaya Kerja Cemerlang  
1991 - Sambutan Hari Q  
1992 - Buku Tonggak 12  
1998 - Arahan PM untuk melaksanakan Aktiviti Nilai Murni  
2000 - Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan  
2004 - Pelan Integriti Nasional (PIN)

## **NOTA PENCERAMAH**

- Antara inisiatif penting yang diperkenalkan kerajaan.

**Antara *inisiatif*  
kerajaan untuk  
meningkatkan  
integriti  
perkhidmatan  
awam**

2007 - Audit Nilai  
2009 - KPI  
2009 - KIK  
2009 - Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus  
2009 - Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)  
2009 - NBOS  
2013 - Penubuhan Unit Integriti Agensi  
2014 - Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)  
2014 - EKSA/5s  
2014 - HRMIS  
2018 - Jawatankuasa Khas Mengenai Antirasuah (JKKMAR)  
2018 - Jawatankuasa Antirasuah (JAR)  
2019 - Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

## **NOTA PENCERAMAH**

- Antara inisiatif penting yang diperkenalkan kerajaan.
- Paling baharu adalah:
  - a. Jawatankuasa Khas Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.
  - b. Jawatankuasa Antirasuah (JAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara
  - c. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 29 Januari 2019.
- NACP merupakan dasar negara berkaitan antirasuah.
- Dasar 5 tahun ini mesti digerakkan oleh semua agensi. Bukan hanya terletak kepada SPRM semata-mata.

## Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023



### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Video ini menjelaskan secara ringkas mengenai NACP 2019-2023.



*Toolkit 6*

---

# Punca dan simptom rasuah

# RASUAH

## PUNCA SIMPTOM

### **NOTA PENCERAMAH**

- Bab ini menjelaskan mengapa rasuah berlaku dan mengenal pasti simptom-simptom rasuah.
- Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian SPRM.

# Mengapa **RASUAH** **BERLAKU?**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Punca-punca berlakunya rasuah berdasarkan teori-teori ahli akademik, pengkritik sosial dan ahli kriminologi.
- Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian SPRM.

# KUASA!

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kebanyakan orang yang terlibat rasuah adalah mereka yang mempunyai kuasa.
- Mereka menggunakan kuasa untuk mendapat keuntungan diri sendiri.
- Pegawai kerajaan dalam bidang berikut berisiko tinggi terlibat rasuah kerana kuasa yang dimiliki:
  - penguatkuasaan
  - perolehan
  - perlesenan
- Penguatkuasaan - kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar peraturan
- perolehan - kuasa mencadangkan pembekal yang layak, kuasa memilih pembekal secara terus, kuasa untuk mempercepatkan bayaran
- Perlesenan - kuasa untuk meluluskan permit atau lesen.

**“Power tends to corrupt  
and  
absolute power corrupt  
absolutely.”**

*John Emerich Edward  
Dalberg Acton (Lord Acton),  
ahli sejarah dan pengkritik  
sosial England (1834-1902)*

## **NOTA PENCERAMAH**

- Lord Acton pengkritik sosial di England.
- Beliau mengatakan, kuasa menyebabkan seseorang itu cenderung melakukan rasuah.
- Seseorang yang mempunyai kuasa mutlak, pasti akan terjebak dalam perbuatan rasuah.
- Kritikan beliau ini menunjukkan kuasa merupakan faktor utama seseorang itu melakukan rasuah.

**“** *Nearly all men can stand adversity, but if you want to test a man's character, give him power.* **”**

- Abraham Lincoln -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Abraham Lincoln adalah Presiden Amerika Syarikat yang ke-16 (Mac 1861 sehingga dibunuh pada April 1865).
- Beliau berkata, hampir semua orang mampu berhadapan dengan kesusahan. Namun, sekiranya ingin melihat karakter sebenar seseorang itu, beri dia kuasa.
- Kata-kata ini menunjukkan kuasa boleh mengubah seseorang individu.
- Ketika tanpa kuasa, seseorang individu itu mampu menjadi insan yang baik.
- Selepas mendapat kuasa, individu boleh lupa daratan, menggunakan kuasa untuk melakukan penyelewengan dan mendapat faedah untuk diri sendiri/keluarga.

# Sifat TAMAK dalam diri dan wujud PELUANG untuk melakukan rasuah

Menurut **Profesor John Hogarth** (Law Faculty, University of Canada), rasuah berpunca daripada sifat tamak (*greed*) dan kerana wujud peluang (*opportunity*).

## ILUSTRASI

### Tamak

Setiap orang memerlukan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kerana tamak, ada yang **mahu kan lebih** daripada itu, sedangkan dia tidak mampu.



### Peluang

Wujud kerana kelemahan kawalan dalaman, karenah birokrasi, tiada pemantauan, tiada sistem pengasingan tugas dan penggunaan kuasa budi bicara. Contohnya, prosedur permohonan yang mempunyai banyak lapisan (birokrasi atau '*red tape*') sebelum diluluskan menyebabkan urusan menjadi lambat. Keadaan itu membuka peluang kepada pelanggan yang ingin cepat untuk menawarkan rasuah.



## NOTA PENCERAMAH

- Profesor John Hogarth adalah seorang ahli akademik di University of Canada.
- Teori beliau, rasuah berpunca daripada 2 faktor utama iaitu TAMAK dan PELUANG.
- Apabila wujud kombinasi 2 faktor ini, maka rasuah pasti berlaku.
- Contoh: Seorang yang **tamak** sentiasa berasa tidak cukup dengan apa yang ada. Mereka akan cuba mendapat pendapatan lebih walau dengan apa cara sekali pun.
- **Peluang** wujud apabila tugas mereka membuka ruang untuk melakukan rasuah dan penyelewengan. Ditambah pula, kurang pemantauan daripada pegawai atasan dan sistem yang boleh dimanipulasi secara mudah.

# *Corruption Equation*

Kuasa + Peluang - Integriti  
= **RASUAH**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Satu lagi teori mengenai punca rasuah diberikan 'kuasa + peluang - integriti = RASUAH'
- Teori ini menjelaskan, 3 faktor berlakunya rasuah:
  - memiliki kuasa
  - mempunyai ruang dan peluang melakukan rasuah
  - ketiadaan integriti dalam diri

# Teori Segi Tiga Fraud

(Donald R. Cressey, 1953)

## **NOTA PENCERAMAH**

- Sekitar tahun 50-an, Dr. Donald R. Cressey, seorang ahli kriminologi Amerika Syarikat membuat kajian terhadap 250 penjenayah *fraud*.
- Beliau ingin mengenal pasti punca berlakunya perbuatan *fraud*.
- Cressey membangunkan model ‘segitiga *fraud*’ yang mencadangkan 3 punca utama.
- Model ini turut sesuai untuk memahami mengapa seseorang itu melakukan perbuatan rasuah.
- Model tersebut menyatakan, seorang manusia biasa akan terdorong melakukan *fraud* kerana peluang (*opportunity*), tekanan (*pressure*) dan rasionalisasi (*rasionalisation*).

TEKANAN



PELUANG

RASIONALISASI

## **NOTA PENCERAMAH**

- Mengadaptasi daripada model segi tiga *fraud*, rasuah berlaku disebabkan 3 faktor utama iaitu:
  1. berlaku tekanan hidup
  2. wujud peluang untuk melakukan rasuah
  3. akal yang merasionalkan tindakan melakukan rasuah



## **NOTA PENCERAMAH**

- **FAKTOR 1:** Tekanan
- 2 jenis tekanan iaitu tekanan kewangan dan tekanan kerja.
- Contoh **tekanan kewangan** adalah masalah hutang, tunggakan bil, gaya hidup mewah, terlibat dengan ketagihan dadah, alkohol dan berjudi.
- Boleh juga disebabkan peningkatan kos sara hidup terutama bagi mereka yang mempunyai isteri dan anak yang ramai.
- Dalam sesebuah syarikat, **tekanan kerja** disebabkan pihak pengurusan menetapkan sasaran pencapaian yang terlalu tinggi atau tidak realistik, yang mana mesti dicapai walau apa cara sekalipun.
- Akibatnya, rasuah digunakan untuk memastikan sesuatu projek atau tender berjaya diperolehi.
- Tekanan juga boleh berlaku apabila seseorang itu berasakan kerja yang dibuat tidak setimpal dengan gaji yang diperolehi.

- Kawalan dalaman yang lemah
- Ruang berlaku rasuah dalam sistem/prosedur
- Tiada pemantauan
- Tiada pengasingan tugas
- Banyak budi bicara

**FAKTOR  
BERLAKU RASUAH**

**PELUANG**

## **NOTA PENCERAMAH**

- **FAKTOR 2:** Peluang
  - Seseorang itu akan melakukan rasuah apabila beliau melihat ‘jalan’ untuk melakukannya
  - Peluang wujud akibat kelemahan kawalan dalaman, karenah birokrasi, tiada pemantauan, tiada sistem pengasingan tugas dan penggunaan kuasa serta budi bicara yang berlebihan (tidak terkawal).
  - Contoh: Prosedur permohonan yang mempunyai banyak lapisan (birokrasi/*red tape*) sebelum diluluskan menyebabkan urusan menjadi lambat.
  - Peluang - Pelanggan menawarkan rasuah agar proses disegerakan.
- Begitu juga sekiranya prosedur terlalu rumit menyebabkan ada pegawai menawarkan ‘bantuan’ untuk memudahkan proses dengan bayaran tertentu.
- Peluang juga wujud apabila seseorang pekerja itu mempunyai pengetahuan mendalam mengenai selok belok sesuatu proses kerja, memegang jawatan yang mendapat kepercayaan pegawai atasannya atau menjadi satu-satunya individu yang tahu mengenai sesuatu tugas atau prosedur.



- “Orang nak bagi. Ambik je la. Bukan mintak pun.”
- “Bos pun ambik rasuah. Tak kan aku tak boleh kot.”
- “Bukan duit dia pun. Dia akan ‘claim’ kat syarikat.”
- “Kalau saya tak ambil, orang lain akan ambil.”

## RASIONALISASI

### **NOTA PENCERAMAH**

- **FAKTOR 3:** Rasionalisasi
- Orang yang melakukan *fraud* atau rasuah tidak melihat diri mereka sebagai penjenayah.
- Sebaliknya merasakan, mereka adalah orang biasa yang jujur, tetapi terperangkap dalam keadaan yang salah.
- Mereka mewajarkan perbuatan salah yang dilakukan dengan alasan yang kelihatan rasional bagi diri mereka.
- Contoh rasionalisasi adalah seperti dalam slide.  
• Contoh lain:
  - “Ini bukan salah saya, tuhan pasti akan mengampunkan saya”,
  - “Semua orang buat benda ni”,
  - “Dia untung, saya pun untung. Apa masalahnya?”,
  - “Duit tu saya pinjam sekejap jer”
  - “Saya buat kerana terdesak. Saya kena bantu keluarga saya yang miskin”.



## **NOTA PENCERAMAH**

# Mengenal **SIMPTOM** **RASUAH**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Simptom rasuah bermaksud tanda-tanda mereka yang terlibat dengan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
- Simptom ini adalah berdasarkan pemerhatian dan kajian SPRM.

Perubahan  
gaya hidup  
mewah  
secara  
tiba-tiba



## NOTA PENCERAMAH

- **SIMPTOM 1:** Gaya hidup berubah menjadi mewah secara mendadak.
- Tidak salah untuk menjadi kaya.
- Tetapi salah sekiranya kekayaan hasil aktiviti haram.
- Kemewahan adalah tidak sepadan dengan pendapatan daripada sumber yang sah.
- Contoh perubahan hidup mewah:
  - membeli harta tanah mahal
  - ubah suai rumah yang keterlaluan
  - membeli kenderaan mewah
  - pakej bercuti luar negara yang mahal
  - berbelanja secara mewah
  - pakaian berjenama yang mahal
  - kerap bermain golf di luar negara
  - jam tangan berharga puluhan/ratusan ribu.
  - beg tangan berjenama yang keterlaluan mahal.



**ANAK EXCO JOHOR DITAHAN KES RASUAH**  
SPRM tahan 5 yang lain, beku 45 akaun RM15.5 juta, rampas 21 kereta mewah, 5 motosikal dan wang tunai RM500,000



Kegagalan  
menjelaskan punca  
perolehan harta

## NOTA PENCERAMAH

- **SIMPTOM 2:** Tidak dapat menjelaskan punca perolehan harta.
- Dalam siasatan, SPRM boleh meminta mana-mana orang untuk mengisyiharkan harta dan pendapatan mereka - Seksyen 36(1) Akta SPRM 2009.
- Orang yang terlibat rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa tidak akan dapat menjelaskan punca perolehan harta/aset mereka.
- Kegagalan menjelaskan lebihan harta/aset merupakan satu kesalahan di bawah **Seksyen 36(3) Akta SPRM 2009**.
- Sekiranya bersalah, boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda 5 kali nilai lebihan harta/aset (atau minimum RM10,000, mana yang lebih tinggi).



Enggan dinaikkan  
pangkat atau ditukarkan

## NOTA PENCERAMAH

- **SIMPTOM 3:** Tidak mahu naik pangkat atau ditukarkan.
- Alasannya, ingin terus kekal di posisi atau tempat kerja lama.
- Terlalu lama di sesuatu posisi atau tempat boleh membuka ruang berlakunya rasuah.
- Kelebihan bekerja di sesuatu tempat adalah kemahiran pegawai adalah tinggi dan amat memahami selok belok pekerjaannya.
- Keburukan terlalu lama - pegawai berkenaan amat memahami ruang yang boleh dimanipulasi untuk faedah diri sendiri.
- Pegawai berkenaan juga telah mengenal pasti pelanggan organisasi yang sanggup memberi rasuah untuk sesuatu perkara.
- Faedah ini menyebabkan mereka selesa bekerja di sesuatu tempat dan tidak kisah sekiranya pangkat dan gaji tidak naik.
- Sebabnya, ada pendapatan lain yang lebih lumayan.

## Panggilan telefon yang mencurigakan



### **NOTA PENCERAMAH**

- **SIMPTOM 4:** Sering menerima panggilan telefon yang mencurigakan.
- Pegawai dan pelanggan organisasi - akan berurusan secara sembunyi-sembunyi berkaitan perkara yang tidak betul (rasuah).
- Pegawai berkenaan tidak akan membincangkan urusan mereka (rasuah) secara terbuka.



Suka hidup  
berlagak  
seperti  
orang kaya

## **NOTA PENCERAMAH**

- **SIMPTON 5:** Berlagak seperti orang kaya
- Walaupun gaji kecil, tetapi berlagak seperti orang kaya.
- Suka membeli barang-barang berjenama yang mahal.
- Suka menunjuk-nunjuk kemewahan
- Suka meraikan kawan-kawan dan rakan sekerja secara berlebihan. Contohnya, belanja makan di hotel mewah.

Perletakan  
jawatan  
secara  
tiba-tiba



## **NOTA PENCERAMAH**

- **SIMPTOM 6:** Meletak jawatan atau berhenti kerja secara tiba-tiba.
- mereka tidak kisah sekiranya terpaksa membayar penalti tertentu.
- Puncanya:
  1. Telah puas mendapat pendapatan secara haram hasil aktiviti rasuah dan penyelewengan.
  2. Berasa aktiviti haram mereka telah dikesan dan tidak selamat lagi.
  3. Cuba mencari bidang lain untuk meraih keuntungan.



Perhubungan  
rapat dengan  
pelanggan  
syarikat/jabatan

## **NOTA PENCERAMAH**

- **SIMPTON 6:** Perhubungan terlalu rapat dengan pelanggan syarikat atau jabatan.
- Contoh pelanggan syarikat - pembekal atau kontraktor
- Contoh pelanggan bagi agensi penguatkuasaan - orang yang disiasat/suspek.
- Hubungan terlalu rapat ini seperti bercuti bersama, selalu keluar makan, selalu memberi hadiah dan lain-lain.





*Toolkit 7*

---

# Kesan rasuah

# KESAN RASUAH

## **NOTA PENCERAMAH**

- Bab ini menjelaskan kesan rasuah kepada ekonomi, reputasi negara, individu, organisasi, keselamatan negara dan lain-lain.
- Contoh kesan rasuah dengan memetik beberapa kes sebenar.
- Penceramah boleh berkongsi pengalaman sendiri dalam memberikan contoh kesan dan akibat perbuatan rasuah.

Kesan **rasuah** kepada  
**EKONOMI &**  
**REPUTASI NEGARA**

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Rasuah menyebabkan ketirisan hasil negara sehingga menjelaskan ekonomi rakyatnya.
- Rasuah yang melibatkan pegawai awam dan pimpinan negara akan mencemarkan nama serta maruah negara.

**USD2.6  
trilion**

Anggaran jumlah kerugian dunia setiap tahun kerana rasuah (5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar atau GDP)

*Sumber: Transparency International*

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kajian oleh Transparency International
- Setiap tahun, dianggarkan nilai kerugian yang ditanggung akibat rasuah adalah 5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) dunia.
- Jumlah ini bersamaan USD2.6 trilion.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Kajian oleh Transparency International
- Setiap tahun, dianggarkan sejumlah USD1 trillion rasuah dibayar untuk pelbagai tujuan.

Antara 2005 hingga 2014, **MALAYSIA** kehilangan

# **RM1.8 TRILION**

menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagian daripadanya berpunca daripada amalan **RASUAH**.

*Sumber: Global Financial Integrity Report 2017*

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kesan rasuah kepada aliran ekonomi Malaysia.
- Global Financial Integrity Report 2017
  - kesan rasuah dan aktiviti haram lain menyebabkan kehilangan wang sekitar RM1.8 trilion.
- Jumlah kerugian tersebut amat besar.
- Sepatutnya wang ini boleh digunakan untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.
- Ketirisan boleh dielakkan sekiranya agensi kerajaan dan sektor swasta meningkatkan tadbir urus untuk mencegah jenayah rasuah.

TAHUN	KEDUDUKAN	SKOR
2019	Kedudukan ke-51 daripada 180 negara	53%
2018	Kedudukan ke-61 daripada 180 negara	47%
2017	Kedudukan ke-62 daripada 180 negara	47%
2016	Kedudukan ke-55 daripada 175 negara	49%
2015	Kedudukan ke-54 daripada 168 negara	50%
2014	Kedudukan ke-50 daripada 175 negara	52%
2013	Kedudukan ke-53 daripada 177 negara	50%
2012	Kedudukan ke-54 daripada 176 negara	49%*
2011	Kedudukan ke-60 daripada 183 negara	4.3
2010	Kedudukan ke-56 daripada 178 negara	4.4
2009	Kedudukan ke-56 daripada 180 negara	4.5
2008	Kedudukan ke-47 daripada 180 negara	5.1
2007	Kedudukan ke-43 daripada 179 negara	5.1

Jeaskan **reputasi**  
Malaysia dalam  
**Corruption  
Perception  
Index (CPI)**

\*pengenalan sistem  
skor yang baru

## NOTA PENCERAMAH

- CPI menjadi antara rujukan penting kepada pelabur-pelabur sebelum membuat pelaburan di sesebuah negara.
- CPI yang baik menarik pelabur asing ke negara.
- Walaupun banyak pertikaian mengenai CPI, kebanyakan negara di dunia menerima CPI.
- Banyak negara yang tidak mahu menerima CPI disebabkan faktor berikut:
  1. CPI hanya mengukur persepsi mengenai rasuah dan bukan insiden sebenar rasuah yang berlaku.
  2. CPI bukan kajian. CPI hanya mengumpulkan beberapa kajian lain menjadi satu indeks rasuah.
  3. Sumber kajian bagi CPI negara adalah berbeza. Contohnya, bagi tahun 2018, 13 sumber data digunakan untuk CPI Malaysia. Bagi negara lain, jumlah sumber data adalah berbeza.

# Kesan **rasuah** kepada **INDIVIDU**

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Individu yang terlibat rasuah boleh didakwa, dipenjara dan didenda.
- Individu terbabit juga akan hilang jawatan dan kedudukan apabila dikaitkan dengan jenayah rasuah.
- *Slide* berikutnya memberi contoh beberapa pemimpin negara yang tumbang kerana jenayah rasuah.

# TUMBANG kerana rasuah!



Presiden  
Suharto  
(Indonesia)



Presiden Mobuto  
(Zaire)



Presiden  
Marcos  
(Filipina)



Richard Nixon  
(Amerika  
Syarikat)

## NOTA PENCERAMAH

- Pemerintahan **SUHARTO** selama 32 tahun dibayangi skandal rasuah, amalan kronisme, diktator dan penindasan. Transparency International menganggarkan jumlah penyelewengan Suharto sekitar \$15 bilion - \$35 bilion. Suharto meletak jawatan susulan pemberontakan rakyat Indonesia (1998).
- Presiden **MOBUTO** terkenal sebagai diktator, skandal rasuah, nepotisme dan penyelewengan dana kerajaan berjumlah antara \$4 bilion - \$15 bilion. Beliau mengamalkan gaya hidup mewah termasuk terbang dengan jet Concorde ke Paris semata-mata untuk membeli-belah.
- Dianggarkan **MARCOS** menggelapkan wang kerajaan antara \$5 bilion - \$10 bilion. Beliau dikatakan mengumpul \$15 bilion kekayaan peribadi. Rakyat Filipina bangkit memberontak (Revolusi Kuasa Rakyat) pada Februari 1986 dan menggulingkan Marcos. Beliau dan isteri melarikan diri ke Hawaii dan meninggal dunia di sana pada 28 September 1989.
- Presiden Ke-37 Amerika Syarikat, Richard **NIXON** (20 Januari 1969 - 9 Ogos 1974) dikaitkan dengan perbuatan rasuah dan salah guna kuasa semasa kempen Pilihan Raya Presiden 1972 (Skandal Watergate).



Ahli Politik Amerika  
Syarikat Robert  
Budd Dwyer  
**menembak diri**  
**sendiri** semasa  
sidang akhbar  
(1987)

## Kerana Rasuah!



Menteri Pertanian, Perhutanan  
dan Perikanan Jepun,  
Toshikatsu Matsuoka **gantung diri** (2007)

### NOTA PENCERAMAH

- Budd **DWYER** merupakan Ahli Senat Pennsylvania (1971 - 1981). Dwyer didakwa menerima rasuah \$300,000 bagi memastikan syarikat Computer Technology Associates (CTA) dilantik kerajaan bagi menentukan bayaran balik lebihan cukai kepada pekerja.
- Dwyer dijatuhkan hukuman 55 tahun penjara dan denda \$300,000.
- 22 Januari 1987 - Dwyer mengadakan sidang akbar dan membunuh diri di hadapan wartawan yang hadir.
- Video Dwyer boleh ditonton di YouTube.
- **MATSUOKA** merupakan bekas Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun (September 2006 - Mei 2007).
- Beliau berhadapan dengan dakwaan rasuah dan penyelewengan wang kerajaan. Beliau dikatakan telah berbelanja lebih 28 juta yen (\$236,600) untuk utiliti pejabat rasminya. Padahal, beliau sebenarnya tidak perlu membayar apa-apa sewa dan belanja utiliti bagi pejabat tersebut.
- Pada 28 Mei 2007, Matsuoka membunuh diri (gantung diri) di pangapurinya.

# Kerana Rasuah!



Menteri  
Pembangunan  
Singapura, Teh  
Cheang Wan  
**bunuh diri**  
semasa siasatan  
CPIB (1986)



Perdana Menteri Israel, Ehud  
**Olmert dipenjara**  
18 bulan (mulai Feb 2016)

## NOTA PENCERAMAH

- **TEH** Cheang Wan (1979 - 1986) disiasat Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB) kerana dakwaan menerima rasuah daripada kontraktor.
- Teh akhirnya bertindak membunuh diri pada 14 Disember 1986.
- Selepas kematiannya, seorang kontraktor mengaku kepada CPIB bahawa beliau menjadi 'orang tengah' dan telah 2 kali memberi sogokan kepada Teh.
- Setiap sogokan berjumlah SGD500,000.
- Kesalahan Ehud **OLMERT** dilakukan pada tahun 2005, ketika memegang jawatan Datuk Bandar Jerusalem dan Menteri Perdagangan Israel.
- Olmert berhadapan dakwaan menerima rasuah berjumlah 500,000 *shekel* (\$129,000) untuk melicinkan projek pembinaan kompleks perumahan yang dikenali sebagai '*Holyland*'; dan menerima 60,000 *shekel* daripada seorang lagi pemaju hartanah bagi satu lagi projek yang lain.
- 31 Mac 2014 - Olmert disabitkan kesalahan dan dijatuhan hukuman penjara 6 tahun.

# RASUAH DI MALAYSIA

## STATISTIK TANGKAPAN OLEH SPRM & NILAI RASUAH TERLIBAT 2015 - 2019

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019
TANGKAPAN	841	939	879	894	1,101
NILAI RASUAH	RM28.31 juta	RM120.42 juta	RM1,995.44 juta	RM7,069.00 juta	RM2,068.7 juta

## NOTA PENCERAMAH

- Di Malaysia, rasuah dikategorikan sebagai jenayah serius.
- Rasuah merupakan **kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran** (*seizable offence*).
- Perkara ini adalah seperti mana peruntukan Seksyen 49(1) Akta SPRM 2009.
- Orang awam boleh membuat tangkapan terhadap pelaku rasuah seperti mana Seksyen 27 Kanun Prosedur Jenayah.
- Statistik tangkapan kes rasuah (oleh SPRM) adalah seperti di *slide*.
- Disertakan juga nilai rasuah yang terlibat untuk rujukan.

# AKTA SPRM 2009 RASUAH: JIKA BERSALAH...



PENJARA tidak lebih 20  
tahun; DAN

DENDA 5 kali ganda nilai  
suapan, atau RM10,000, mana  
yang lebih tinggi.



## NOTA PENCERAMAH

- Akta SPRM 2009 menetapkan hukuman bagi kes rasuah adalah penjara dan denda.
- Rasuah berbentuk seks - tidak boleh dinilai. Oleh sebab itu, denda yang boleh dikenakan adalah RM10,000 (minimum).
- Hukuman penjara adalah tertakluk kepada nilai rasuah dan keseriusan kes.
- Bagi penjawat awam, hukuman penjara boleh menyebabkan mereka hilang pencen.
- **Seksyen 21(1) Akta Pencen 1980** - jika mana-mana orang yang telah diberikan pencen atau faedah lain di bawah akta ini dikenakan hukuman mati atau penjara selama sesuatu tempoh oleh suatu mahkamah, maka pencen atau faedah lain itu hendaklah **terhenti** dengan serta-merta.

Nama perasuh akan  
dipaparkan dalam



Selama tempoh **3** tahun

## **NOTA PENCERAMAH**

- Pangkalan Data Pesalah Rasuah di portal rasmi SPRM (<http://www.sprm.gov.my>) mula diperkenalkan pada 4 Mac 2010.
- Pangkalan data ini dibangunkan untuk mewujudkan kesedaran tentang kesan buruk rasuah kepada orang ramai dengan memaparkan maklumat pesalah rasuah seperti gambar, nama, nombor kad pengenalan, nombor kes, pertuduhan, hukuman dan tarikh sabitan kesalahan.
- Pangkalan Data Pesalah Rasuah digunakan sebagai rujukan oleh majikan dan kedutaan asing dalam membuat penilaian ke atas individu yang memohon pekerjaan atau urusan pengeluaran visa.
- Maklumat pesalah rasuah ini dipamerkan dalam pangkalan data selama 3 tahun (dari tarikh sabitan).

**Portal Rasmi**  
**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**  
Bebas • Telus • Profesional

LAPORKAN RASUAH  
**1-800-88-6000**

Utama Korporat Penguatkuasaan Pencegahan Pendidikan MACA ACE Hubungi Kami

**Data Pesalah Rasuah**

**PENGUATKUASAAN**

- Pengenalan
- Fungsi
- Bidang Kuasa & Akta
- Laporan Rasuah
- Proses Siasatan
- Perlindungan Pemberi Maklumat
- Perlindungan Saksi
- Hak Orang Kena Tangkap (OKT)
- Data Pesalah Rasuah**
- Statistik Operasi
- Sistem Pengurusan Aduan (CMS)
- Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK)



**PANGKALAN DATA PESALAH RASUAH**

Objektif utama inisiatif ini adalah untuk menunjukkan langkah-langkah pencegahan dan memberikan petunjuk yang jelas bahawa perang telah dilancarkan terhadap rasuah. Pangkalan Data ini berkhidmat sebagai satu alat kesedaran yang penting untuk membantu orang awam dan organisasi dalam melaksanakan proses penyelidikan dan penilaian sebelum mengambil, melantik atau menaikkan pangkat pekerja mereka.

[LIHAT SEPENUHNYA](#)

[STATISTIK PAPARAN DATA PESALAH](#)

**CARIAN DATA PESALAH RASUAH**

A | B | C | D | E | F | G | H | I | J | K | L | M | N | O | P | Q | R | S | T | U | V | W | X | Y | Z | #

Tahun:  Semua:  Masukkan Kata Carian Disini...

Jantina:  Kategori:  Warganegara:

## NOTA PENCERAMAH

- Layari portal SPRM [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my) dan buat carian di Data Pesalah Rasuah.
- Hanya kes yang telah dijatuhkan hukuman bersalah sahaja akan dipaparkan di pangkalan data ini.

Kesan **rasuah** kepada

# HARTA BENDA

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Harta atau aset yang dimiliki dengan menggunakan hasil rasuah boleh disita dan dilucut hak.

# Hasil rasuah **DISITA & DILUCUT HAK**



## **NOTA PENCERAMAH**

- Pelucutahan dilakukan sama ada melalui Seksyen 40 dan 41 Akta SPRM 2009; atau Seksyen 55 dan 56 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFAPUAA 2001).
- Pelucutahan harta dibuat dalam 2 keadaan iaitu:
  1. Pelaku rasuah didakwa di mahkamah; atau
  2. Pelaku rasuah tidak didakwa di mahkamah

## **STATISTIK SITA DAN LUCUT HAK OLEH SPRM**

2015 - 2019

PERKARA	2015	2016	2017	2018	2019	JUMLAH
SITA	RM22.27 juta	RM306.15 juta	RM353.06 juta	RM2,709.41 juta	RM60.83 juta	<b>RM3,451.72 juta</b>
LUCUT HAK	RM3.94 juta	RM4.95 juta	RM48.56 juta	RM37.66 juta	RM1,285.27 juta	<b>RM1,380.38 juta</b>

### **NOTA PENCERAMAH**

- Statistik nilai harta dan aset yang disita dan dilucut hak adalah seperti di *slide*.
- Lucut hak harta adalah satu proses yang rumit dan memakan masa yang panjang.
- Banyak kes lucut hak masih lagi belum selesai.
- Jumlah lucut hak akan meningkat dari semasa ke semasa.
- Tahun 2019 - jumlah lucut hak yang tinggi disebabkan faktor berikut:
  1. Ops SSER (Suria Strategic Energy Resources Sdn Bhd) - lucut hak sebanyak RM1,146,711,148.56
  2. Ops IMDB - lucut hak secara sukarela RM27,938,444.46
  3. Ops IMDB (di bawah Seksyen 56 AMLATFAPUAA 2001) - lucut hak RM12,673,665.38
  4. Ops IMDB (kompaun di bawah Seksyen 92 AMLATFAPUAA 2001) - kutipan kompaun sebanyak RM90,000.

## PENYELEWENGAN DI KBS

8 Mac 2016 -  
SPRM menahan  
**Setiausaha  
Bahagian,**  
disyaki mendalangi  
sindiket seleweng  
dana kerajaan  
RM107 juta.

### SPRM menyita:

- 69 akaun bernilai RM8.33 juta,
- Merampas rumah
- 12 kereta mewah (Audi, Mercedes Benz, Nissan GTR & Toyota Vellfire).
- Jam Richard Mille (RM400,000)
- 40 beg tangan termasuk jenama Hermes (RM400,000)
- Set cadar mewah (RM260,000),
- Cincin mutiara Cartier (RM600,000).

## NOTA PENCERAMAH

- Contoh kes yang melibatkan harta/aset disita SPRM.
- Penceramah boleh mendapatkan kes-kes lain yang bersesuaian.

## SKANDAL AIR SABAH

- **Ops Water** - dijalankan dalam bulan Oktober 2016.
- Melibatkan Jabatan Air Negeri Sabah.
- Keseluruhan rampasan berjumlah

**RM214,139,537**



Wang tunai  
**RM75,803,598**



Akaun bank  
**RM25,091,972**

**9** kereta mewah

**575** barang kemas emas

**346** barang kemas permata

**93** beg tangan berjenama

**86** jam tangan mewah

**127** bidang tanah

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh kes yang melibatkan harta/aset disita SPRM.
- Penceramah boleh mendapatkan kes-kes lain yang bersesuaian.



**4 individu** didakwa di mahkamah atas kesalahan pengubahan wang haram di bawah AMLATFAPUAA 2001:

- Pengarah JANS - 14 pertuduhan
- Isteri Pengarah JANS - 21 pertuduhan
- Timbalan Pengarah JANS - 127 pertuduhan
- Mantan Timbalan Pengarah JANS - 4 pertuduhan

**NOTA:** Pertuduhan dibuat secara berperingkat. Pertuduhan pertama pada 29 Disember 2016.

## NOTA PENCERAMAH

- Kes ini masih di peringkat perbicaraan.
- **SOALAN:** Benarkah kes ini ada melibatkan ahli politik di Sabah?
- **JAWAPAN:** Tidak benar. Siasatan SPRM tidak menjumpai sebarang bukti atau keterangan bahawa wang yang dirampas itu berkait dengan mana-mana pemimpin politik di Sabah atau negeri lain.

# Kesan **rasuah** kepada **ORGANISASI**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Rasuah boleh menyebabkan kerugian kepada syarikat.
- Imej dan reputasi syarikat boleh tercemar kerana budaya rasuah yang diamalkan oleh warga syarikat.
- Kerana rasuah, pelabur dan pemegang taruh akan hilang keyakinan terhadap sesebuah syarikat.

## Rasuah menyebabkan...



- Perkhidmatan menjadi tidak cekap
- Sistem, prosedur, dan peraturan menjadi tidak berkesan.
- Wujud ketidakadilan dalam perkhidmatan
- Hilang kepercayaan orang awam/pelanggan
- Merosakkan imej jabatan/organisasi.

## NOTA PENCERAMAH

- Pekerja yang mengamalkan rasuah akan mengutamakan keuntungan peribadi berbanding keuntungan syarikat.
- Mereka sanggup menjual maklumat dalaman syarikat kepada pesaing semata-mata kerana habuan lumayan.
- Dalam projek pembinaan, kontraktor yang dipilih kerana rasuah mungkin menyebabkan projek tidak dilaksanakan dengan sempurna.
- Malah, boleh menyebabkan projek terbengkalai.
- Ini kerana, kriteria pemilihan bukan berdasarkan kelayakan, keupayaan atau kebolehan, tetapi jumlah rasuah yang ditawarkan.
- INGAT! Rasuah merupakan ‘pelaburan’ berbahaya yang berisiko tinggi.



Perbuatan rasuah menyebabkan penambahan **10%** kepada kos perniagaan.

*Sumber: Transparency International*

## **NOTA PENCERAMAH**

- Bayaran rasuah untuk memperoleh sesuatu projek atau kontrak akan meningkatkan kos operasi.
- Apabila kos operasi meningkat, harga barang/perkhidmatan turut akan menjadi lebih mahal
- **ILUSTRASI:** A, seorang peniaga membayar rasuah RM500 secara bulanan kepada penguat kuasa Majlis Perbandaran XXX.
  - Rasuah adalah bagi memastikan premisnya tidak diperiksa dan diganggu oleh penguat kuasa berkenaan.
  - Bagi mengekalkan keuntungannya, A menyerap kos bayaran rasuah tersebut dalam harga barang-barang yang dijual.

Contoh kesan rasuah

## Kerugian besar Sime Darby



Sime Darby mengumumkan kerugian sebanyak **RM964 juta** bagi suku tahun kedua tahun kewangan 2010.

'Ops Bilion' oleh SPRM membawa kepada penangkapan 4 pegawai kanan termasuk CEO Sime Darby yang terlibat dengan rasuah.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh kes yang menjelaskan bagaimana rasuah boleh merugikan syarikat.
- Penceramah boleh mendapatkan kes-kes lain yang bersesuaian.

# **Liabiliti korporat**

Seksyen 17A Akta SPRM 2009

Syarikat atau **organisasi komersial** boleh **didakwa dan dihukum** kerana membenarkan pegawai/kakitangannya melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek (atau mendapat sesuatu faedah).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Seksyen 17AAkta SPRM 2009 - kesalahan rasuah oleh organisasi komersial
- Merupakan peruntukan baharu dalam Akta SPRM 2009.
- Diluluskan oleh Parlimen pada 5 April 2018.
- Berkuat kuasa pada Jun 2020 iaitu selepas 2 tahun kelulusan Parlimen.
- **HUKUMAN BAGI KESALAHANINI:** Denda 10 kali nilai suapan (minimum RM1 juta); atau penjara tidak lebih 20 tahun; atau kedua-dua sekali.
- **KESALAHAN BERLAKU APABILA:**
  - Seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial
  - Menawarkan / Memberikan / Menjanjikan rasuah yang bertujuan:
    - untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
    - untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.



**Rolls-Royce** didakwa membayar jutaan pound bagi memperoleh kontrak kejuruteraan awam dan ketenteraan di beberapa buah negara.

Rasuh dibayar oleh pegawai Rolls-Royce atau melalui orang tengah, dari tahun 1999 sehingga 2013.

Pada Januari 2017, Rolls-Royce bersetuju membayar penalti sebanyak **£671 juta** bagi mengelakkan pendakwaan oleh pihak berkuasa United Kingdom, United State of America dan Brazil.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh kes di mana syarikat dikenakan penalti akibat perbuatan rasuah oleh pegawai-pegawaiannya.
  - Kes disiasat di bawah UK Bribery Act 2010.
  - Walaupun Rolls-Royce telah dikenakan penalti, perkara itu tidak menghalang individu yang terlibat didakwa.
  - November 2017 - 3 bekas pegawai Rolls-Royce mengaku bersalah atas dakwaan merasuah.
  - Seorang pekerja syarikat perunding yang bertindak bagi pihak Rolls-Royce turut mengaku bersalah atas dakwaan rasuah.
  - Seorang lagi yang didakwa adalah 'orang tengah' kepada Rolls-Royce.

## Siemens didenda USD1.6 bilion



**Siemens AG** merupakan antara syarikat kejuruteraan elektronik terbesar di dunia.

Didakwa membuat bayaran rasuah bejumlah €1.3 bilion untuk memenangi bidaan bagi projek-projek besar.

Disember 2008 - Siemens mengaku bersalah. Siemens bersetuju membayar penalti **USD1.6 bilion** kepada pihak berkuasa Amerika dan Eropah.

## NOTA PENCERAMAH

- Contoh kes di mana syarikat dikenakan penalti akibat perbuatan rasuah oleh pegawai-pegawaiannya.
- Kes disiasat di bawah US Foreign Corrupt Practices Act 1977.
- Siemens AG dikenakan penalti terbesar dalam sejarah akibat kesalahan ‘liabiliti korporat’.



## Alcatel•Lucent

Didenda USD137 juta dan disenarai hitam oleh Kerajaan Malaysia

**Alcatel-Lucent** didakwa merasuh pegawai kerajaan Costa Rica, Honduras, Taiwan dan Malaysia, bertujuan mendapatkan dan mengekalkan kontrak kerajaan bernilai jutaan dollar.

Pada 28 Disember 2010, Alcatel Lucent bersetuju membayar penalti lebih **USD137 juta** untuk menyelesaikan pendakwaan pihak berkuasa Amerika Syarikat.

Bagi kesalahan yang berlaku di Malaysia, syarikat tersebut pernah disenarai hitam oleh kerajaan.

## NOTA PENCERAMAH

- Contoh kes di mana syarikat dikenakan penalti akibat perbuatan rasuah oleh pegawai-pejawanya.
- Kes disiasat di bawah di US Foreign Corrupt Practices Act 1977.
- KES ALCATEL DI MALAYSIA**
- PUTRAJAYA, 20 Disember 2016 - Bekas Ketua Akaun Pelanggan Serantau, Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd dijatuhkan hukuman penjara 6 bulan dan denda RM125,000 selepas didapati bersalah kerana rasuah.
- Tertuduh telah memberi suapan RM25,000 dalam bentuk cek Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd kepada Penolong Pengurus Perolehan, Telekom Malaysia Berhad.
- Rasuah bertujuan mendapatkan maklumat tender *"for the supply of Wideband Code Division Multiple Access (WDCMA) Mobile Communication System and the Provision of Works phase II"*.

Kesan **rasuah** kepada

# **KESELAMATAN & ALAM SEKITAR**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Rasuah mengancam keselamatan negara dan alam sekitar.
- Walaupun perbuatan rasuah dilakukan oleh mereka yang berjawatan kecil dalam perkhidmatan awam, kesan kepada keselamatan dan alam sekitar amat besar.
- **Contoh 1:** Rasuah yang dilakukan oleh mereka yang bertugas di sempadan negara menyebabkan senjata api dan bahan terlarang masuk ke negara.
- **Contoh 2:** Rasuah yang dilakukan oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar menyebabkan mereka yang melakukan pencemaran terlepas daripada tindakan undang-undang.

## Rasuah, perlombongan dan penyeludupan pasir



Pelakuan rasuah menyebabkan berlakunya penyeludupan serta perbuatan mencuri pasir.

Dianggarkan 3,000 lori digunakan untuk mengangkut pasir selama setahun. Kerugian boleh mencecah hampir **RM600 juta**.

Pengorekan pasir melebihi had yang dibenarkan boleh mengubah corak aliran air sungai dan seterusnya mengganggu habitat tumbuhan dan haiwan.

## NOTA PENCERAMAH

- Contoh kesan rasuah kepada alam sekitar dan keselamatan negara.
- Jelaskan secara ringkas.
- Sumber: Laporan Tahunan SPRM 2010.



## Pintu masuk negara diceroboh

- Dianggarkan **1,000 - 1,500 PATI** lolos masuk ke negara ini setiap hari.
- Purata bayaran yuran pas lawatan (kerja sementara) serta levi yang sepatutnya dikenakan adalah RM800 seorang.
- Kerajaan Malaysia dianggarkan mengalami kerugian mencecah RM86.4 juta setahun.
- Kos tambahan yang sukar dianggarkan apabila mengambil kira aspek keselamatan, implikasi sosial dan kesihatan.

## NOTA PENCERAMAH

- Contoh kesan rasuah kepada alam sekitar dan keselamatan negara.
- Jelaskan secara ringkas.
- Sumber: Laporan Tahunan SPRM 2010.

- Dianggarkan **RM2.2 bilion cukai kastam** hilang kerana rasuah dan penipuan cukai.
- Pada 28 Mac 2011, 'Ops 3B' - Serbuan dilakukan terhadap 84 ejen penghantaran, 24 syarikat dan 25 premis Jabatan Kastam seluruh Malaysia.
- Kesan operasi tersebut serta pelbagai pendekatan yang dilaksanakan oleh JKDM, hasil kutipan cukai meningkat 7.4% (RM2.1 bilion)
  - 2010 - RM28.3 bilion
  - 2011 - RM30.4 bilion



### **Ketirisan cukai kastam**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh kesan rasuah kepada alam sekitar dan keselamatan negara.
- Jelaskan secara ringkas.
- Sumber: Laporan Tahunan SPRM 2011.



*Toolkit 8*

---

**Laporkan  
rasuah dan  
jangan gentar!**

# Laporkan RASUAH!

## **NOTA PENCERAMAH**

- Bab ini menjelaskan tanggungjawab masyarakat dalam melaporkan jenayah rasuah.
- Laporan boleh dibuat melalui pelbagai saluran yang akan dijelaskan dalam bab ini.
- Bagaimanapun, penceramah perlu menggalakkan audiens untuk melaporkan rasuah dengan pergi sendiri ke pejabat SPRM dan bukan melalui surat layang.

## TANGGUNGJAWAB MEMBUAT ADUAN

Wajib lapor **tawaran/pemberian** rasuah

- Mana-mana orang yang dijanji, ditawar, atau diberi rasuah untuk melakukan sesuatu perkara.
- Wajib melaporkan kepada SPRM.

### GAGAL MELAPOR

- Didenda tidak lebih RM100,000; atau
- Penjara tidak lebih 10 tahun; atau
- Kedua-duanya sekali.



## NOTA PENCERAMAH

- Laporkan rasuah bukan sekadar tanggungjawab, tetapi adalah kehendak undang-undang.
- **Seksyen 25(1) Akta SPRM** - mewajibkan pelaporan rasuah oleh mana-mana orang yang dijanji, ditawar atau diberi rasuah.
- Gagal melapor merupakan satu kesalahan di bawah **Seksyen 25(2) Akta SPRM 2009**.

## TANGGUNGJAWAB MEMBUAT ADUAN

Wajib lapor **permintaan/penerimaan** rasuah

- Mana-mana orang yang diminta, diperoleh atau cuba diperoleh (daripada beliau) suapan.
- Wajib lapor kepada SPRM.



### GAGAL MELAPOR

- Didenda tidak lebih RM10,000; atau
- Penjara tidak lebih 2 tahun; atau
- Kedua-duanya sekali.

## NOTA PENCERAMAH

- Melaporkan rasuah bukan sekadar tanggungjawab, tetapi adalah kehendak undang-undang.
- **Seksyen 25(3) Akta SPRM** - mewajibkan pelaporan rasuah oleh mana-mana orang yang diminta, diperoleh atau cuba diperoleh.
- Gagal melapor merupakan satu kesalahan di bawah **Seksyen 25(4) Akta SPRM 2009**.
- **SOALAN:** Pernahkah ada pendakwaan kerana gagal melapor jenayah rasuah?
- **JAWAPAN:** KUANTAN, 6 Jun 2012 - Seorang pegawai SPAD didakwa 9 pertuduhan rasuah berjumlah RM7,000, yang bertujuan tidak mengambil tindakan ke atas lori-lori seorang individu yang membawa batu kasaran yang melanggar Akta Pengangkutan Darat 2010.
- Selain pertuduhan di bawah Seksyen 17(a) dan 16(a)(B) Akta SPRM 2009, beliau juga didakwa di bawah Seksyen 25 Akta SPRM 2009 kerana gagal melaporkan transaksi penyogokan.
- 11 Disember 2012 – Tertuduh dibebaskan oleh mahkamah setelah pihak pendakwaan menarik balik kes terhadap tertuduh.

## Melaporkan rasuah: **Apa yang penting?**

- Tarikh, masa dan tempat kejadian;
- Identiti pemberi, penerima dan orang tengah (jika ada);
- Apa yang berlaku dan siapa yang terlibat dalam kejadian;
- Saksi-saksi yang mengetahui atau melihat kejadian; dan
- Dokumen-dokumen yang berkaitan.



### **NOTA PENCERAMAH**

- Sekiranya orang ramai ingin memberi maklumat atau membuat aduan, amat penting untuk menyediakan maklumat-maklumat seperti dalam *slide*.
- Maklumat ini penting bagi memastikan tindakan dapat diambil segera.
- Banyak maklumat yang diterima SPRM bersifat umum dan tidak mempunyai kriteria 'dapat bertindak' (*persuable*) dan 'dapat dikesan' (*traceable*).
- Contoh maklumat: "A melakukan rasuah semasa menjawat jawatan sebagai Pengarah Bahagian Pentadbiran di Jabatan Saliran".
- Maklumat sebegini amat umum dan SPRM sukar membuat siasatan sewajarnya.



## Bagaimana melapor?

- Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM
- Menghubungi pejabat SPRM
  - Talian Bebas Tol : 1-800-88-6000*
  - Talian Biasa : 03-8870 0688 / 0689 / 0690 / 0691*
  - SMS : 019-6000 696*
  - Faks : 03-8870 0934*
- Mengirim e-mel kepada [info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my)
- Layari Portal SPRM - [Sistem Pengurusan Aduan \(CMS\)](#)
- Mengirim surat ke **Peti Surat 6000** (tanpa setem)
- Menghubungi mana-mana pegawai SPRM

## NOTA PENCERAMAH

- Dinyatakan saluran-saluran yang ada untuk melaporkan rasuah.
- Bagaimanapun, digalakkan untuk datang sendiri kepada pejabat SPRM supaya perbincangan secara bersemuka dapat dibuat.
- **SOALAN:** Adakah SPRM akan memaklumkan kemajuan siasatan kepada pengadu atau pemberi maklumat?
- **JAWAPAN:** Daripada segi undang-undang, SPRM tidak diwajibkan untuk memaklumkan kepada pemberi maklumat atau pengadu tentang kemajuan siasatan berkaitan kes mereka. Ini kerana, kandungan siasatan SPRM adalah rahsia.
- Walau bagaimanapun, status siasatan boleh dimaklumkan kepada pengadu atas permintaan atau permohonan pengadu itu sendiri.



## Sistem Pengurusan Aduan (CMS)

*Platform untuk orang ramai membuat aduan berhubung kes-kes rasuah secara on-line.*

Sistem yang membolehkan pengadu menyemak status aduan mereka.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Salah satu usaha SPRM untuk meningkatkan ketelusan dalam siasatan.
- Pengadu yang membuat aduan melalui CMS boleh mengetahui status aduan mereka melalui sistem ini.
- Sistem ini boleh dilayari melalui portal SPRM [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my).

Orang ramai boleh memuat turun aplikasi



## **NOTA PENCERAMAH**

- Satu lagi kaedah untuk orang ramai membuat aduan rasuah.
- Orang ramai boleh memuat turun aplikasi ini di telefon bimbit melalui App Store dan Google Play.
- Selain membuat aduan rasuah, boleh juga menyemak status aduan dari semasa ke semasa.

# KERAHSIAAN

## pemberi maklumat dan aduan

- Aduan yang dibuat adalah **dirahsiakan** sehingga tertuduh didakwa di mahkamah.
- **Identiti** pemberi maklumat adalah rahsia dan tidak akan didedahkan di dalam mana-mana mahkamah.

## NOTA PENCERAMAH

- Perlindungan asas kepada aduan, maklumat dan pemberi maklumat.
- Perlindungan ini diberikan sebagai mana Seksyen 65 Akta SPRM 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
- **SOALAN:** Adakah pengadu boleh mendapatkan salinan aduan dibuatnya?
- **JAWAPAN:** Pengadu tidak boleh mendapatkan salinan aduannya.
- Ini kerana, aduan SPRM diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia dan tidak boleh didedahkan kepada umum sehinggalah kes tersebut dituduh di mahkamah.



Pemberi  
maklumat  
& saksi SPRM  
**AKAN  
DILINDUNG!!**

## **NOTA PENCERAMAH**


- Segmen ini menjelaskan mengenai perlindungan kepada pemberi maklumat dan saksi SPRM.
- Oleh sebab itu, orang ramai tidak perlu takut untuk tampil membuat aduan atau memberi maklumat berkaitan jenayah rasuah kepada SPRM.

**MAKSUD**

**Pemberi  
maklumat  
dan  
saksi**

### **NOTA PENCERAMAH**

- Penceramah mesti memberi pemahaman mengenai perbezaan tafsiran antara pengadu, pemberi maklumat dan saksi.
- Perlindungan kepada pemberi maklumat dan saksi adalah berbeza.



## **PEMBERI MAKLUMAT**

- Pemberi maklumat mendedahkan secara rahsia sesuatu perbuatan rasuah.
- Tidak terlibat secara aktif dalam sesuatu perbuatan rasuah.
- Pendedahan dibuat berdasarkan kepercayaannya yang munasabah.
- Perlu menjadi saksi atau tidak perlu menjadi saksi di mahkamah.
- Dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Pemberi maklumat - orang yang mengetahui sesuatu perbuatan rasuah secara tidak langsung dan tidak terlibat dalam perbuatan tersebut.
- Tidak mahu membuat aduan, tetapi hanya ingin memberi maklumat secara sulit (*tip-off*).

## Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010



Kerahsiaan identiti pemberi maklumat itu sendiri



Kebal daripada tindakan sivil, jenayah, atau tatatertib akibat daripada pendedahan



Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan  
- apabila pemberi maklumat diambil tindakan

**NOTA:** *Dengan syarat pemberi maklumat bersedia dikenali oleh pegawai SPRM.*

### **NOTA PENCERAMAH**

- 3 bentuk perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat kes rasuah.
- Syarat paling penting - pemberi maklumat mesti dikenali oleh pegawai SPRM.
- Bagaimana SPRM hendak memberi perlindungan sekiranya pemberi maklumat tidak dikenali?
- Laporan melalui surat layang - perlindungan tidak dapat diberi kerana SPRM tidak tahu identiti pemberi maklumat.
- Tindakan memudaratkan bermaksud, pemberi maklumat dikenakan tindakan setelah membuat pendedahan rasuah dan penyelewengan kepada SPRM.
- Contoh tindakan memudaratkan - dibuang kerja, diturunkan pangkat, ditukar tempat kerja, diugut dan lain-lain.



**SAKSI**

- Orang yang mempunyai pengetahuan langsung melalui:
  - penglihatan,
  - pendengaran dan
  - penglibatannya dalam sesuatu kelakuan jenayah.
- Menjadi saksi perbicaraan di mahkamah.
- Dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Saksi - orang yang membuat aduan rasmi, memberi keterangan kepada SPRM dan akan menjadi saksi di mahkamah.

## Akta Perlindungan Saksi 2009

Menyediakan tempat tinggal untuk peserta itu



Memohon mewujudkan identiti baru

Memberikan pembayaran sara hidup



Apa-apa tindakan lain yang sesuai

Bentuk perlindungan melalui  
Program Perlindungan Saksi

### NOTA PENCERAMAH

- Slide di atas menjelaskan bentuk perlindungan kepada saksi melalui Program Perlindungan Saksi.
- Program ini bagi kes saksi yang menghadapi ancaman yang serius.
- Saksi yang merasa terancam, boleh memohon perlindungan daripada SPRM.
- SPRM akan membuat permohonan kepada Unit Perlindungan Saksi di Jabatan Perdana Menteri.
- Sekiranya tidak masuk program ini, perlindungan masih boleh diberi kepada saksi.
- Bentuk perlindungan bergantung kepada tahap keseriusan ancaman dan persetujuan saksi.
- Contoh 1: Saksi memohon untuk diadakan rondaan polis di rumahnya. SPRM merasakan wajar dan sesuai dengan tahap ancaman. Maka, SPRM akan mendapatkan bantuan polis untuk tujuan tersebut.
- Contoh 2: Saksi memohon untuk menggelapkan cermin kereta. SPRM merasakan wajar dan sesuai dengan tahap ancaman. Maka, SPRM akan mendapatkan kelulusan JPJ untuk tujuan tersebut.



*Toolkit 9*

---

# **Isu-isu lazim dalam perolehan kerajaan**

## **ISU LAZIM DALAM PEROLEHAN AWAM**

---

### **NOTA PENCERAMAH**

- Bab ini akan menjelaskan antara isu lazim dalam perolehan awam.
- Setiap isu:
  - akan dijelaskan maksudnya
  - disokong dengan kes sebenar. Sebagai contoh, beberapa kes dipetik daripada Laporan Ketua Audit Negara dan laporan media arus perdana.
  - langkah pencegahan bagi mengelakkan isu berulang.

# **1** Perolehan pada harga tidak munasabah

## **NOTA PENCERAMAH**

- Sesetengah harga barang atau perkhidmatan dinaikkan harganya bagi menampung kos-kos lain yang tidak dinyatakan dalam tender atau pesanan kerajaan.
- Ada juga yang memasukkan pembelian barang atau perkhidmatan tambahan lain.
- Terdapat juga kemungkinan harga barang atau perkhidmatan dinaikkan bagi menampung kos bayaran rasuah kepada pihak tertentu.
- Terdapat banyak kes perolehan pada harga yang terlalu mahal yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara disebabkan kesilapan, salah urus dan kecuaian pegawai yang terlibat.



- RTM membelanjakan **RM3,810** untuk satu jam dinding.
- Harga pasaran hanya **RM100**.
- Perolehan untuk 20 buah jam tersebut mencecah RM76,200.
- 3,710% lebih mahal.

- LKAN 2013 -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Tiada Kertas Siasatan dibuka berhubung isu ini.
- Berlaku kerana salah urus (*mismanagement*) dan kecuaian pegawai.
- SPRM mencadangkan agar kerajaan mewujudkan peruntukan undang-undang berhubung salah laku pegawai awam (*misconduct in public office*) bagi menangani isu salah urus dan kecuaian sebegini.

- RTM membeli mesin pengimbas bersaiz A4 dibeli pada harga **RM14,670** seunit.
- Harga pasaran **RM200** seunit.
- Tiga unit dibeli dengan jumlah keseluruhan RM44,010.
- 7,235% lebih mahal.



- LKAN 2013 -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Tiada Kertas Siasatan dibuka berhubung isu ini.
- Berlaku kerana salah urus (*mismanagement*) dan kecuaian pegawai.
- SPRM mencadangkan agar kerajaan mewujudkan peruntukan undang-undang berhubung salah laku pegawai awam (*misconduct in public office*) bagi menangani isu salah urus dan kecuaian sebegini.

- Jabatan Taman Laut Malaysia
- Pembelian Marine Binocular.
- Harga pembelian **RM56,350** berbanding harga pasaran **RM1,940**.
- 2,805% lebih mahal.



- LKAN 2010 -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Tiada Kertas Siasatan dibuka berhubung isu ini.
- Berlaku kerana salah urus (*mismanagement*) dan kecuaian pegawai.
- SPRM mencadangkan agar kerajaan mewujudkan peruntukan undang-undang berhubung salah laku pegawai awam (*misconduct in public office*) bagi menangani isu salah urus dan kecuaian sebegini.

# LANGKAH PENCEGAHAN



1. Pegawai yang menguruskan perolehan wajib membuat **kajian pasaran**. Perkara ini selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 169.1.
2. Kajian pasaran dibuat melalui:
  - sumber terbuka (*on-line*)
  - harga daripada beberapa pembekal
3. Agensi mestil menyediakan **Jadual Kadar Harga** yang menyenaraikan anggaran harga pasaran bagi setiap barang, kerja atau perkhidmatan.
4. Bagi kontrak yang mempunyai banyak item, harga setiap item perlu disemak secara terperinci.
5. Pastikan tiada item dibeli pada harga yang tidak munasabah (*over-charged*).

## **NOTA PENCERAMAH**

## **2** Pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi

### **NOTA PENCERAMAH**

- Pembekalan wajib menghantar barang atau memberi perkhidmatan sebagai mana kontrak kerajaan.
- Pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi berlaku apabila:
  - a. kontraktor cuba mendapat untung lebih dengan membekalkan barang atau perkhidmatan yang berkualiti rendah.
  - b. wujud rundingan sulit antara pegawai perolehan dan kontraktor. Keuntungan akan dikongsi dengan pegawai perolehan terbabit.
- Akibat kecuaian pegawai penerima yang tidak membuat semakan semasa pembekalan barang atau perkhidmatan.
- Terdapat juga insiden di mana pegawai perolehan membuat kesilapan semasa menyediakan spesifikasi.
- Akibatnya, barang yang dihantar tidak dapat digunakan. Malah terpaksa dilupuskan.



- Jabatan Kastam Diraja Malaysia rugi RM602,089.
- Terpaksa luluskan **7,659 pasang** kasut.
- Kerana saiz kasut tidak menepati keperluan pegawai.

- LKAN 2013 -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Tiada Kertas Siasatan dibuka berhubung isu ini.
- Berlaku kerana salah urus (*mismanagement*) dan kecuaian pegawai.
- SPRM mencadangkan agar kerajaan mewujudkan peruntukan undang-undang berhubung salah laku pegawai awam (*misconduct in public office*) bagi menangani isu salah urus dan kecuaian sebegini.

- Majlis Sukan Negara (MSN) membeli 23 ekor kuda baka khas untuk satu pertandingan.
- Harga RM5.66 juta.
- Hanya **5 ekor sahaja lulus** untuk sertai pertandingan.



- LKAN 2010 -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Tiada Kertas Siasatan dibuka berhubung isu ini.
- Berlaku kerana salah urus dan kecuaian pegawai.
- SPRM membuka Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP).
- Hasil pemeriksaan SPRM mendapati pembelian kuda dibuat secara rundingan terus dan tidak memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kewangan.
- Terdapat kuda yang dibeli tidak layak dipertandingkan kerana tidak memenuhi syarat Federation Equestre Internationale (FEI).
- SPRM memberi surat teguran dan nasihat kepada pihak MSN supaya memohon kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum rundingan terus dibuat.

# LANGKAH PENCEGAHAN



1. Tuntutan yang tidak mengikut spesifikasi adalah kesalahan di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009.
2. Sekiranya berlaku, wajib lapor kepada SPRM.
3. Agensi mesti menetapkan spesifikasi barang/peralatan yang sesuai dengan keperluan.
4. Jangan sesekali memperakukan untuk bayaran bagi barang/peralatan yang:
  - Tidak cukup kuantiti
  - Tidak mengikut spesifikasi.
5. Ingat, spesifikasi mungkin berbeza antara satu negara dengan negara lain. **Contoh**, ukuran standard saiz kasut di Malaysia adalah berbeza berbanding Amerika Syarikat. Oleh sebab itu, agensi mesti menyatakan secara jelas, saiz tersebut adalah mengikut standard Malaysia atau Amerika Syarikat.

## **NOTA PENCERAMAH**

# 3 *Improper payment*

## **NOTA PENCERAMAH**

- *Improper payment* bermaksud pembayaran dibuat kepada kontraktor atau pembekal tanpa mengikut tatacara kewangan yang betul.
- Salah satu bentuk *improper payment* adalah membuat pembayaran kepada kontraktor walaupun perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak sempurna.
- Tidak sempurna bermaksud perolehan tidak dibuat langsung atau hanya sebahagian sahaja dilaksanakan (tidak sempurna).
- Berhati-hati ketika di hujung tahun.
- Kemungkinan berlaku pembayaran kepada kontraktor, walaupun pembekalan belum dibuat.
- Ini kerana, agensi cuba mengelakkan pembayaran menggunakan peruntukan tahun berikutnya seperti mana Arahan Perbendaharaan 58 (AP58).

## **Peralatan dibekal, premis belum siap**



**- LKAN 2013 -**

- Perolehan peralatan dan mesin roti di Jabatan Penjara Malaysia.
- Pembekal telah menghantar semua peralatan dan mesin roti ke 5 institusi penjara.
- Bagaimanapun, bengkel roti masih **belum dibina** atau **diubah suai**.
- Oleh itu, pembekal tidak dapat memasang, menguji dan mentauliah peralatan dan mesin roti yang dihantar.
- Bayaran penuh telah dibuat kepada pembekal.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Tiada Kertas Siasatan dibuka berhubung isu ini.
- Berlaku kerana salah urus (*mismanagement*) dan kecuaian pegawai.
- SPRM mencadangkan agar kerajaan mewujudkan peruntukan undang-undang berhubung salah laku pegawai awam (*misconduct in public office*) bagi menangani isu salah urus dan kecuaian sebegini.

- Perolehan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu).
- 3 perolehan bernilai RM1.31 juta berkaitan kerja-kerja landskap telah dibayar bersekali dengan kerja-kerja penyelenggaraan yang **belum dilaksanakan** sepenuhnya.

**- LKAN 2015 -**



## **NOTA PENCERAMAH**

- Tiada Kertas Siasatan dibuka berhubung isu ini.
- SPRM membuka Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP).
- Khidmat nasihat SPRM kepada MPKu:
  - Memperkasakan peranan dan fungsi Unit Perolehan dan Pengurusan kontrak.
  - Mewujudkan koordinasi di antara jabatan/bahagian untuk menghindarkan budaya kerja secara *silo*.
- Melaksanakan naziran Unit Audit Dalaman ke atas pelanggaran dan ketidakpatuhan MPKu disalinkan ke Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.
- Mewujudkan pangkalan data senarai kontraktor bagi setiap bidang untuk tujuan rekod dan rujukan.

# **LANGKAH PENCEGAHAN**



1. Tuntutan dibuat tetapi tiada pembekalan adalah kesalahan di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009.
2. Agensi mesti merancang perolehan yang akan dibuat. Elakkan perolehan di penghujung tahun.
3. Sekiranya, kontraktor tidak mampu membuat pembekalan, bayaran tidak boleh dibuat.
4. Jangan membuat janji dengan kontraktor seperti "kita bayar dulu, barang hantar kemudian".
5. Patuhi sepenuhnya kontrak dalam membuat pembayaran.
6. AP58 bukan alasan untuk membuat pembayaran bagi perolehan yang tidak sempurna.

## **NOTA PENCERAMAH**

# **4** Isu orang tengah dalam perolehan

## **NOTA PENCERAMAH**

- ‘Orang tengah’ boleh terdiri daripada individu, syarikat atau pertubuhan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.
- ‘Orang tengah’ yang sering menimbulkan masalah adalah individu-individu yang menggunakan hubungan rapat dengan mereka yang mempunyai kedudukan untuk faedah diri sendiri.
- ‘Orang tengah’ ini boleh jadi pegawai khas, setiausaha sulit, setiausaha politik, atau kenalan kepada mana-mana menteri, ketua jabatan, pegawai yang terlibat perolehan dan sebagainya.

## **Isteri pegawai SKMM minta rasuah**



- Isteri seorang pegawai kanan SKMM bertindak sebagai 'orang tengah' antara kontraktor dengan suaminya.
- Beliau meminta rasuah RM250,000 daripada Ketua Pegawai Operasi syarikat Siaga Informatics SB.
- Sebagai balasan membantu syarikat itu memperoleh surat penganugerahan tender projek mereka bentuk, melaksana, menguji dan pentaulahan Makmal Forensik Digital SKMM.
- 5 April 2013, mahkamah mendapati suami isteri bersalah:
  - Suami - dipenjara 5 tahun dan denda RM1.25 juta
  - Isteri - dipenjara 4 tahun dan denda RM1.25 juta

## **NOTA PENCERAMAH**

- Setiausaha Sulit Menteri kononnya boleh menjadi 'orang tengah' kepada menteri.
- Meminta rasuah daripada kontraktor-kontraktor yang memohon projek di kementerian beliau.
- Rasuah berbentuk komisen daripada nilai projek seperti berikut:
  - 1% apabila surat kelulusan telah dikeluarkan.
  - 2% akan dibayar apabila surat niat telah dikeluarkan.
  - 2% lagi apabila kontraktor telah menerima surat tawaran daripada kementerian.

## SU Sulit Menteri minta komisen



### **NOTA PENCERAMAH**

- Sekadar pengetahuan penceramah - kes ini melibatkan tertuduh bernama Hasbie Satar, bekas Setiausaha Sulit kepada Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.
- Kes berlaku sekitar bulan Februari 2010.
- Tertuduh **dibebaskan** daripada pertuduhan rasuah dan jenayah pengubahan wang haram.
- Bagaimanapun, hartanya iaitu rumah banglo dan rumah kedai telah dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.

## **LANGKAH PENCEGAHAN**



1. Pegawai perolehan dinasihatkan tidak berurusan dengan 'orang tengah' dalam sesuatu perolehan.
2. Memberi ingatan kepada kontraktor/pembekal agar tidak berurusan melalui 'orang tengah'.
3. Laporkan kepada SPRM sekiranya mempunyai maklumat mengenai 'orang tengah' yang cuba meminta rasuah daripada kontraktor/pembekal.
4. Sekiranya ada keperluan berurusan dengan 'orang tengah', pastikan 'orang tengah' terabbit mempunyai pelantikan atau pemberian kuasa yang sah.

## **NOTA PENCERAMAH**

# **5** Perolehan secara pecah kecil

## **NOTA PENCERAMAH**

- Amalan ini bermaksud memecahkan perolehan bagi item yang sama kepada beberapa perolehan lain.
- Taktik pecah kecil digunakan supaya sesuatu perolehan itu boleh dibuat secara pembelian terus, sekaligus mengelak daripada menggunakan kaedah sebut harga atau tender.
- Contoh perolehan secara pecah kecil adalah:
  - a. Perolehan peralatan ICT, di mana ‘diasingkan’ perolehan software dan hardware.
  - b. Pembinaan jalan bertar yang dipecah kecil mengikut jarak. Contohnya, jalan bertar sepanjang 10 kilometer diberikan kepada 5 kontraktor, iaitu setiap kontraktor akan membina 2 kilometer jalan bertar.
- Amalan pecah kecil menyebabkan perolehan dibuat secara tidak telus; pembekalan atau kerja diberikan kepada kontraktor tertentu sahaja; dan boleh menyebabkan harga perolehan dimanipulasi.
- Amalan ini membuka ruang untuk berlaku jenayah rasuah.

# OPS SEALORD

Depot Bekalan Armada, TLDM  
(Mac 2015)

- Proses perolehan bagi alat ganti kapal dibuat secara **pecah kecil**.
- Tujuannya, membolehkan pelantikan syarikat tertentu dibuat secara terus (tanpa tender/sebut harga)
- Pegawai terlibat menerima rasuah daripada syarikat yang dipilih.



- 16 ditangkap (6 pegawai TLDM).
- 5 pegawai TLDM dituduh dengan 40 pertuduhan
- 240 akaun dibeku, melibatkan RM23 juta (termasuk saham)
- 13 buah kenderaan mewah disita - Lamborghini, BMW, Mercedes Benz dan Audi

## NOTA PENCERAMAH

- Rasuah dilakukan dengan memecah kecil perolehan.
- Kaedah ini membolehkan pegawai TLDM yang terlibat memilih syarikat tertentu untuk pembekalan alat ganti kapal.
- Sebagai balasan, syarikat tersebut memberi 'habuan' kepada pegawai TLDM yang terlibat.
- Pegawai TLDM yang terlibat hidup mewah hasil pendapatan daripada aktiviti rasuah.

# **LANGKAH PENCEGAHAN**



1. Larangan pecah kecil dalam perolehan - Perkara 1(iii) Larangan Pecah Kecil, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013 - Kaedah Perolehan Kerajaan.
2. Perolehan secara pecah kecil boleh dilakukan setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).
3. Antara keadaan yang membolehkan perolehan secara pecah kecil dibuat (dengan kelulusan MOF) adalah perolehan yang perlu dilaksanakan segera dan bersifat kecemasan.

## **NOTA PENCERAMAH**

# **6** Salah urus aset kerajaan

## **NOTA PENCERAMAH**

- Pengurusan aset kerajaan yang tidak baik termasuklah:
  - Menggunakan aset kerajaan untuk kegunaan sendiri
  - Tidak menyelenggara aset kerajaan seperti mana ditetapkan
  - Tiada rekod penerimaan dan simpanan aset kerajaan
  - Menghilangkan aset kerajaan



- LKAN 2012 -

- Polis Diraja Malaysia (PDRM) kehilangan aset berjumlah RM1.33 juta.
- PDRM kehilangan 156 unit gari, 44 unit senjata api dan 29 unit kenderaan dalam tempoh tahun 2010 hingga 2012.
- Kehilangan aset melibatkan Ibu Pejabat PDRM dan tiga ibu pejabat polis kontinjen yang disemak iaitu di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

## NOTA PENCERAMAH

- Tiada Kertas Siasatan dibuka berhubung isu ini.
- Berlaku kerana salah urus (*mismanagement*) dan kecuaian pegawai.
- SPRM mencadangkan agar kerajaan mewujudkan peruntukan undang-undang berhubung salah laku pegawai awam (*misconduct in public office*) bagi menangani isu salah urus dan kecuaian sebegini.

## Guna harta kerajaan untuk syarikat sendiri

- 20 Disember 2013 - Ketua Makmal Patologi Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HATTM) dituduh di mahkamah atas 6 kesalahan menyalah guna harta kerajaan.
- Seksyen 403 Kanun Keseksaan.
- Beliau telah menjadikan beberapa peralatan perubatan milik HATTM untuk kegunaan dirinya sendiri.



## NOTA PENCERAMAH

- Tertuduh adalah Dr R Kunaseegaran. Beliau juga terlibat dalam kes pembunuhan Datuk Kevin Morais.
- Bagi kes SPRM, tertuduh didakwa atas beberapa kesalahan seperti berikut:
  - 2 pertuduhan menerima rasuah RM700,000.
  - **Keputusan:** Tertuduh dijatuhi hukuman penjara 5 tahun dan denda RM3.5 juta.
- 6 pertuduhan salah guna aset kerajaan di bawah Seksyen 403 Kanun Keseksaan.
- Tertuduh menggunakan peralatan perubatan milik HATTM untuk syarikat beliau iaitu Genomed Sdn. Bhd.
- **Keputusan:** Tertuduh dibebaskan daripada pertuduhan ini.

## **LANGKAH PENCEGAHAN**



1. Agensi wajib mematuhi sepenuhnya prosedur dan peraturan berkaitan pengurusan aset kerajaan.
2. Setiap aset atau inventori yang diterima mesti direkodkan dalam Borang Terimaan Barang-Barang (KewPS 1).
3. Sebarang kehilangan aset kerajaan perlu dilaporkan segera kepada ketua jabatan.
4. Pergerakan setiap aset dan inventori mesti dipantau.

## **NOTA PENCERAMAH**

# **7** Menerima hadiah, tajaan dan keraian daripada pembekal/kontraktor

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjawat awam dilarang menerima sebarang hadiah atau barang berharga daripada mereka yang mempunyai hubungan rasmi dengannya.
- Larangan ini secara jelas dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam.
- Seksyen 165 Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan jenayah bagi perbuatan yang sama.
- Penjawat awam harus sentiasa beringat agar tidak menggunakan kedudukan mereka untuk mendapat sebarang hadiah atau keraian.
- Penjawat awam juga mesti berwaspada apabila ada pihak tertentu yang cuba membeli ‘jiwa’ mereka dengan hadiah dan keraian.
- Walaupun dalam nilai yang kecil..

## NARATHIWAT



- Tahun 2003 dan 2004
- Pegawai pegawai IKBN terima tajaan penginapan di Narathiwat, Thailand
- Daripada kontraktor yang membuat pembekalan peralatan di pejabatnya

### **NOTA PENCERAMAH**

- Contoh kes - pegawai awam menerima keraian berbentuk tajaan bercuti.

- Tahun 2004
- YDP Majlis Perbandaran Kangar terima rasuah dan hadiah set golf Mizuno berharga RM2,500.
- Daripada kontraktor yang mendapat projek pembangunan daripada MPK



## **NOTA PENCERAMAH**

- Sekadar pengetahuan penceramah:
- Tertuduh adalah bekas Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kangar, Baharuddin Ahmad
- Siasatan mendapati semasa tertuduh memegang jawatan YDP MPK, beliau telah meminta dan menerima rasuah daripada syarikat Sonati, kontraktor yang membangunkan tanah MPK untuk projek perumahan.
- 9 Februari 2004 - tertuduh didakwa di Mahkamah Sesyen Kangar atas 4 pertuduhan.
- Pertuduhan tersebut adalah (1) Meminta suapan RM300,000; (2) Bersetuju menerima suapan RM25,000; (3) Bersetuju menerima suapan RM60,000; dan (4) **Menerima set golf Mizuno**.
- 29 November 2006 - beliau dijatuhkan hukuman 9 tahun penjara dan denda RM1.945 juta.

## **Menerima hadiah berbentuk pembiayaan bil telefon**



- Kangar, 31 Mei 2005 - Kakitangan JKR didakwa di Mahkamah Majistret atas 13 pertuduhan menerima 'hadiah' daripada individu yang mempunyai hubungan rasmi.
- Hadiah – telefon bimbit dan pembiayaan bil telefon sepanjang tahun 2003 bernilai RM2,673.23.
- Hadiah diterima daripada seorang pengurus sebuah syarikat kejuruteraan.
- Tertuduh adalah penyelia kepada kerja-kerja penyelenggaraan mekanikal di bangunan-bangunan persekutuan yang dilaksanakan oleh syarikat pengurus tersebut.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Jelaskan secara ringkas.

## **LANGKAH PENCEGAHAN**



1. Pegawai awam mesti mematuhi sepenuhnya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam.
2. Pegawai awam dilarang menerima sebarang hadiah daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengan jabatan.
3. Pegawai perolehan mesti berhati-hati dengan pemberian barang bernilai daripada kontraktor atau pembekal.
4. Menerima hadiah yang dikategorikan sebagai rasuah merupakan kesalahan jenayah di bawah Akta SPRM 2009.
5. Agensi juga dilarang meminta apa-apa sumbangan daripada syarikat swasta.

### **NOTA PENCERAMAH**

# **8** Gagal melaksanakan *due diligence*

## **NOTA PENCERAMAH**

- *Due diligence* secara ringkasnya bermaksud, siasatan latar belakang sebuah syarikat sebelum sesuatu kontrak ditandatangan.
- Langkah ini perlu diambil bagi memastikan kepentingan kerajaan terjamin.
- Kegagalan melaksanakan *due diligence* akan menyebabkan kesilapan memilih kontraktor yang betul-betul layak dan berkemampuan dalam melaksanakan perolehan kerajaan.

## Sime Darby rugi kerana syarikat perantara



- Sime Darby Berhad memberi kuasa kepada syarikat Vertical Drive SB dan syarikat Nature Ambience SB untuk berurusan dengan Kerajaan Negeri Sarawak - berhubung kelulusan bagi membangunkan tanah NCR.
- Bagaimanapun, tanah NCR terbabit dianugerahkan kepada kedua-dua syarikat itu. Bukannya kepada Sime Darby.
- Punca - Sime Darby gagal membuat *due diligence* dalam proses penganugerahan tanah tersebut.
- Kesan - Sime Darby terpaksa membayar RM85,023,036 kepada Vertical Drive SB dan RM16,816,212 kepada syarikat Natural Ambience SB untuk mendapat tanah NCR tersebut.

## NOTA PENCERAMAH

- KUALA LUMPUR, 5 September 2016 - Mahkamah Sesyen **melepaskan dan membebaskan** bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Datuk Seri Ahmad Zubair Murshid daripada pertuduhan pecah amanah dan menipu.
- Hakim membuat keputusan itu selepas TPR memberitahu bahawa pihaknya tidak lagi berniat meneruskan pendakwaan terhadap Ahmad Zubair.
- Pertuduhan ditarik balik selepas Jabatan Peguam Negara menerima dan berpuas hati terhadap representasi yang dikemukakan tertuduh melalui peguamnya.
- 17 Julai 2012 - Ahmad Zubair didakwa atas 2 pertuduhan pecah amanah jenayah dana Sime Darby Berhad membabitkan projek pembangunan tanah adat Sarawak yang menyebabkan kerugian lebih RM100 juta.

## **LANGKAH PENCEGAHAN**



1. Agensi bertanggungjawab melaksanakan semakan latar belakang syarikat (yang hendak dilantik) sebelum menandatangan sesuatu kontrak.
2. Elakkan melantik syarikat yang mempunyai sejarah dan latar belakang tidak baik.
3. Laporkan segera ke SPRM sekiranya mempunyai maklumat mengenai rasuah dan salah guna kedudukan dalam melantik sesebuah syarikat.

## **NOTA PENCERAMAH**

# 9

## Campur tangan legislative (*unseen hands*)

### **NOTA PENCERAMAH**

- Integriti pegawai yang terlibat perolehan sering kali teruji apabila individu tertentu yang mempunyai kedudukan dan kuasa mengeluarkan arahan-arahan yang jelas bertentangan dengan prosedur kewangan.
- Contoh arahan adalah:
  - a. memilih syarikat tertentu tanpa melalui prosedur yang betul.
  - b. memberi kelonggaran kepada syarikat tertentu.
  - c. mempercepatkan pembayaran kepada syarikat tertentu.
- Perkara ini menimbulkan perasan serba salah pegawai terlibat, untuk memilih antara kepentingan jabatan dan mematuhi arahan tersebut.
- Kebanyakan arahan dibuat secara lisan.
- Oleh itu, apabila timbul masalah dalam perolehan, pegawai perolehan terbabit yang akan dipertanggungjawabkan.



### - ILUSTRASI KES -

- Jabatan A telah mempelawa kontraktor yang layak untuk mengemukakan tawaran mereka bagi kerja penyelenggaraan pejabat.
- Pemilik syarikat Halaman Sdn. Bhd telah berjumpa Menteri yang merupakan Ketua Bahagian (parti politik) di tempatnya.
- **Menteri** berkenaan mencatat sokongan berbunyi "Saya sokong" pada surat tawaran syarikat Halaman Sdn. Bhd.
- Menteri menghubungi ketua jabatan A meminta agar syarikat Halaman Sdn. Bhd. dipilih bagi kerja tersebut.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Hanya kes ilustrasi yang diberikan bagi menjelaskan isu ini.

- **Ketua jabatan** menelefon Pengarah Bahagian Kewangan mengarahkan syarikat Ahmad Albab Sdn. Bhd. dipilih secara rundingan terus.
- Pembekalan perabot pejabat sebenarnya perlu dibuat secara tender kerana harganya melebihi RM50,000.

#### - ILUSTRASI KES -

- **Timbalan menteri** memarahi pegawai perolehan kerana tidak memperakukan kerja yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat.
- Akibatnya, pembayaran tidak dapat dibuat kepada syarikat berkenaan.
- Pegawai perolehan terbabit enggan memperakukan kerana barang yang dihantar tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Hanya kes ilustrasi yang diberikan bagi menjelaskan isu ini.

# **LANGKAH PENCEGAHAN**



- Pegawai perolehan mesti menjelaskan kepada individu berpengaruh mengenai prosedur perolehan yang perlu dipatuhi.
- Rujuk 'Garis Panduan Tindakan ke atas Sokongan yang Diterima daripada Pemimpin Kerajan, Individu Berpengaruh atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan' - dikeluarkan pada 8 Mac 2010.
- Surat sokongan mesti didokumenkan dan dilaporkan. Arahan atau sokongan secara lisan mesti direkodkan dan didokumenkan.
- Dinasihatkan agar segala tekanan atau ugutan daripada individu berpengaruh turut dicatatkan dalam diari rasmi dan peribadi pegawai.
- Surat sokongan tidak boleh menjadi faktor kepada sesuatu keputusan.

## **NOTA PENCERAMAH**





*Toolkit 10*

---

# **Liabiliti korporat**

# **Liabiliti Korporat**

---

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Bab ini menjelaskan mengenai:
  - maksud kesalahan rasuah oleh organisasi komersial (liabiliti korporat).
  - kategori organisasi dan individu yang boleh didakwa di bawah kesalahan ini.
  - bagaimana untuk mengelakkan diri daripada didakwa di bawah kesalahan ini.

# Kesalahan **RASUAH** oleh organisasi komersial

Seksyen **17A** Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

## **NOTA PENCERAMAH**

- Sering disebut sebagai ‘liabiliti korporat’.
- Nama dalam undang-undang adalah ‘kesalahan oleh organisasi komersial’.
- Peruntukan baharu ini adalah tambahan atau ‘extension’ kepada kesalahan sedia ada dalam Akta SPRM 2009.
- **SOALAN:** Apakah perbezaan antara peruntukan baharu ini dengan kesalahan rasuah sedia ada?
- **JAWAPAN:** Sebelum peruntukan ini wujud, Akta SPRM 2009 hanya memperuntukkan hukuman ke atas individu yang terlibat sahaja.
- Undang-undang baharu ini menghukum organisasi (*legal person*) sekiranya rasuah berlaku.

## **Pendahuluan**

---

- Merupakan peruntukan baharu dalam Akta SPRM 2009.
- Seksyen 17A Akta SPRM 2009 - kesalahan rasuah oleh organisasi komersial
- **Diluluskan** oleh Parlimen pada 5 April 2018.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Latar belakang kesalahan liabiliti korporat.

## **Seksyen 17A Akta SPRM 2009**

---

- Berkuat kuasa pada **Jun 2020** iaitu selepas 2 tahun kelulusan Parlimen.
- Tujuannya bagi memberi masa yang cukup kepada organisasi komersial untuk:
  - Memahami peruntukan ini
  - Melaksanakan langkah perlu agar tidak terjebak dalam kesalahan ini

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Peruntukan baharu ini tidak bersifat '*retrospective*'
- Pendakwaan bagi kesalahan ini boleh dibuat bagi kesalahan yang berlaku selepas peruntukan undang-undang ini dikuatkuasakan.
- Pada masa sekarang, SPRM giat memberi kesedaran kepada industri mengenai peruntukan baharu ini.

## Memenuhi obligasi antarabangsa

1. United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)  
Article 26 - Liability of legal persons
2. Trans-Pacific Partnership Agreement (TPP) & Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership  
Chapter 26 - Transparency & Anti-Corruption

### **NOTA PENCERAMAH**

- Peruntukan baharu ini memenuhi tuntutan standard antarabangsa yang menghendaki wujud peruntukan undang-undang berhubung kesalahan oleh syarikat (*legal person*)

# 3

objektif

- Menggalakkan aktiviti perniagaan dijalankan secara **jujur** dan bebas daripada rasuah.
- Menggalakkan organisasi komersial melaksanakan **langkah pencegahan** rasuah dalam organisasi.
- Mempromosikan **tadbir urus baik** dan pematuhan undang-undang pencegahan rasuah.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Peruntukan mengenai kesalahan rasuah oleh organisasi komersial (liabiliti korporat) bukan hanya bersifat punitif.
- Semangat peruntukan ini adalah agar organisasi komersial melaksanakan usaha pencegahan rasuah.
- Tindakan mendakwa dan menghukum akan diambil sekiranya kesalahan rasuah telah berlaku dan organisasi gagal melaksanakan usaha pencegahan rasuah.

## **Negara lain yang mempunyai peruntukan ini**

- Seksyen 7, UK Bribery Act 2010
- Foreign Corrupt Practices Act of 1977 (FCPA)

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kesalahan liabiliti korporat bukan sesuatu yang baharu.
- Selain United Kingdom dan Amerika Syarikat, negara lain yang mempunyai peruntukan ini adalah Thailand, Singapura dan lain-lain.
- Seksyen 17A Akta SPRM 2009 banyak mengadaptasi Seksyen 7 UK Bribery Act 2010.

## **LIABILITI KORPORAT**

Syarikat atau organisasi komersial dikenakan hukuman kerana membenarkan pegawai dan kakitangan mereka melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek (atau mendapat sesuatu faedah).

### **NOTA PENCERAMAH**

- **ILUSTRASI** - Seorang kakitangan syarikat AAA Sdn. Bhd. memberi rasuah kepada pengarah syarikat BBB untuk memperoleh projek penyelenggaraan bangunan.
- Peruntukan undang-undang sedia ada - hanya individu terbabit sahaja yang boleh didakwa dan dihukum.
- Hakikatnya, perbuatan mereka itu (memberi rasuah) adalah untuk faedah syarikat atau organisasi mereka.
- Peruntukan liabiliti korporat memberi kesan secara langsung kepada organisasi komersial.
- Perkara ini disebabkan, selain daripada individu yang memberi rasuah, organisasi komersial dan mereka yang terlibat dengan pengurusan organisasi komersial boleh didakwa dan dihukum.

## Seksyen 17A Akta SPRM 2009

### - Kesalahan oleh organisasi komersial -

- (1) *Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat -*
- (a) *untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau*
- (b) *untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.*

## NOTA PENCERAMAH

- Petikan daripada Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
- Kesalahan - perbuatan **menawar, menjanjikan** dan **memberi** rasuah untuk faedah organisasi komersial (syarikat).
- Tidak melibatkan kesalahan lain dalam Akta SPRM iaitu:
  - kesalahan meminta / menerima rasuah
  - kesalahan membuat / mengemukakan tuntutan palsu
  - kesalahan salah guna kuasa oleh pegawai awam
- **SOALAN:** Adakah organisasi komersial boleh didakwa sekiranya rasuah diberi atas tujuan peribadi? Contohnya, mengelakkan saman kerana lesen mati dan sebagainya.
- **JAWAPAN:** Tidak boleh. Bagi kesalahan liabiliti korporat, rasuah diberi adalah untuk faedah syarikat.

## **Secara mudahnya, kesalahan berlaku apabila...**

- Seseorang yang **bersekutu** dengan **organisasi komersial**
- Memberikan / bersetuju untuk memberikan / menjanjikan / menawarkan rasuah
- Tujuan rasuah:
  - a. untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
  - b. untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

## **NOTA PENCERAMAH**

- *Slide* di atas bagi memudahkan pemahaman audiens. .
- Dalam Seksyen 17A Akta SPRM 2009 - 2 terma penting untuk difahami adalah:
  - organisasi komersial
  - orang yang bersekutu dengan organisasi komersial
- Kesalahan rasuah adalah **menawar, menjanjikan** dan **memberi** rasuah.
- Tujuan rasuah:
  1. **memperoleh / mengekalkan kontrak**  
Contoh: Memberi rasuah kepada pegawai perolehan untuk pastikan kontrak diperoleh atau disambung pada tahun hadapan.
  2. **mendapatkan apa-apa faedah bagi organisasi komersial**  
Contoh: Memberi rasuah untuk kelulusan permit, mempercepatkan pembayaran atau mengelakkan tindakan undang-undang terhadap syarikat.

*Definisi*  
“organisasi komersial”

**4** kategori organisasi yang boleh didakwa kerana rasuah.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Jenis organisasi komersial yang boleh didakwa kerana rasuah dinyatakan di bawah Seksyen 7A(8) Akta SPRM 2009.
- **SOALAN:** Kementerian atau jabatan kerajaan tidak tertakluk kepada kesalahan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009. Bagaimana dengan syarikat yang dimiliki kementerian, jabatan dan agensi kerajaan?
- **JAWAPAN:** Sekiranya diperbadankan/ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, organisasi/syarikat tersebut adalah tertakluk kepada Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

# Organisasi komersial?

1

Organisasi  
yang  
diperbadankan  
di bawah **Akta  
Syarikat 2016**

2

Perniagaan  
yang didaftarkan  
di bawah **Akta  
Perkongsian  
1961**

3

Perniagaan  
yang didaftarkan  
di bawah **Akta  
Perkongsian  
Liabiliti Terhad  
2012**

4

Syarikat/  
perniagaan **luar  
negara** yang  
menjalankan  
perniagaan di  
Malaysia

## NOTA PENCERAMAH

- 4 kategori organisasi yang boleh didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
  - a. **Organisasi yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016**  
Contoh: Syarikat ABC Sdn. Bhd, Syarikat DDD Berhad
  - b. **Perniagaan yang ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian 1961**  
Perniagaan yang mempunyai 2-20 orang pemilik. Selalunya, firma perakaunan, guaman, arkitek dan firma profesional lain ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian 1961.
- c. **Perniagaan yang ditubuhkan di bawah APLT 2012**  
Merupakan alternatif kepada perniagaan perkongsian. Kelebihan penubuhan di bawah APLT 2012 adalah, apa-apa hutang perniagaan akan ditanggung sepenuhnya oleh aset perniagaan. Di bawah Akta Perkongsian 1961, rakan kongsi mempunyai tanggungan hutang secara bersama.
- d. **Syarikat / perniagaan luar negara yang menjalankan perniagaan di Malaysia**  
Syarikat luar negara (*multinational company*) yang mempunyai cawangan atau anak syarikat di Malaysia.


## *Definisi*

**“seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial”**

Perbuatan rasuah individu ini  
boleh menyebabkan  
organisasi mereka didakwa.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Perbuatan rasuah oleh seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial boleh menyebabkan organisasi komersial dan pengurusannya didakwa.
- Siapa yang dimaksudkan dengan ‘seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial’?
- Rujuk slide berikutnya.



## Seseorang yang bersekutu dengan *organisasi komersial*?

- Pengarah, rakan kongsi atau pekerja.
- Individu yang melaksanakan tugas bagi pihak organisasi komersial berkenaan.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Kategori 1: Pengurusan dan warga organisasi.
- Kategori 2: Individu yang dilantik untuk menjalankan tugas bagi pihak organisasi komersial (contohnya, syarikat perunding, firma guaman, firma perakaunan, orang tengah dan sebagainya)
- **SOALAN:** Apabila kesalahan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 telah berlaku, adakah semua pengurusan syarikat akan didakwa di mahkamah?
- **JAWAPAN:** Siapa akan didakwa adalah bergantung kepada situasi dan fakta kes berkenaan. Secara asasnya, pengurusan syarikat boleh didakwa sekiranya:
  - a. perbuatan rasuah dilakukan dengan keizinan atau makluman mereka.
  - b. kegagalan melaksanakan usaha mencukupi untuk mencegah pelakuan rasuah daripada berlaku.

## JIKA BERSALAH...



**DENDA** tidak kurang 10 kali ganda nilai suapan, atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi; **ATAU**



**PENJARA** tidak lebih 20 tahun;  
**ATAU**

**Kedua-dua sekali**

## NOTA PENCERAMAH

- Penjara tidak boleh dikenakan ke atas organisasi komersial. Hanya denda sahaja.
- Hukuman penjara dikenakan ke atas individu yang terlibat dalam pengurusan syarikat (contohnya ahli lembaga pengarah, CEO) dan individu yang terlibat rasuah.
- **Ilustrasi hukuman:** Jika suapan berjumlah RM200,000, maka hukuman adalah penjara (tidak lebih 20 tahun); atau denda RM2,000,000 (RM200,000 x 10 kali); atau keduanya.
- Jika jumlah suapan adalah RM10,000, maka hukuman adalah penjara (tidak lebih 20 tahun); atau denda RM1,000,000; atau keduanya.
- Bagi hukuman denda - RM10,000 x 10 hanya RM100,000. Oleh kerana jumlahnya kurang daripada RM1,000,000 (nilai minimum), maka RM1,000,000 adalah denda yang boleh dikenakan.

Contoh kes sebenar yang  
**boleh** didakwa di bawah  
Seksyen 17A Akta SPRM 2009

## **NOTA PENCERAMAH**

- **SOALAN:** Sekiranya rasuah berbentuk perkhidmatan seks, bagaimana mahkamah akan menetapkan hukuman denda?
- **JAWAPAN:** Sekiranya nilai rasuah boleh dinilai, maka dendanya adalah 10 kali nilai rasuah, atau minimum RM1 juta. Memandangkan rasuah berbentuk seks tidak boleh dinilai, denda minimum yang akan dikenakan ialah RM1 juta.
- Hukuman bagi kesalahan ini diperuntukkan melalui Seksyen 17A(2) Akta SPRM 2009.
- *Slide* berikutnya adalah kes sebenar berkaitan pemberian rasuah oleh individu bagi faedah syarikat.
- Sekiranya perbuatan ini dilakukan selepas peruntukan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 berkuat kuasa, besar kemungkinan syarikat yang terlibat boleh didakwa.
- Tujuan kes ini dijadikan contoh adalah bagi memberikan audiens gambaran lebih jelas kesalahan liabiliti korporat ini.

## **Bekas pegawai kanan Alcatel dipenjara dan didenda kerana beri rasuah**



- PUTRAJAYA, 20 Disember 2016 - Bekas Ketua Akaun Pelanggan Serantau, Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd dijatuhkan hukuman penjara 6 bulan dan denda RM125,000 selepas didapati bersalah kerana rasuah.
- Tertuduh telah **memberi suapan RM25,000** dalam bentuk cek Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd kepada Penolong Pengurus Perolehan, Telekom Malaysia Berhad.
- Rasuah bertujuan mendapatkan maklumat tender *"for the supply of Wideband Code Division Multiple Access (WDCMA) Mobile Communication System and the Provision of Works phase II"*.
- Kesalahan dilakukan di Hotel Shangri-La, Jalan Sultan Ismail pada 17 Februari 2006.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kes melibatkan bekas Eksekutif Akaun Pelanggan Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd, Radziah Ani.
- Intipati kesalahan:
  1. Orang yang bersekutu dengan organisasi komersial - Eksekutif Akaun Pelanggan Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd.
  2. Organisasi komersial - Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd iaitu anak syarikat antarabangsa Alcatel-Lucent SA (Perancis).
  3. Memberi rasuah RM25,000
- 4. Rasuah bagi faedah syarikat - mendapatkan tender *"for the supply of Wideband Code Division Multiple Access (WDCMA) Mobile Communication System and the Provision of Works phase II"*.
- 5. Bayaran rasuah bagi pihak syarikat - Tertuduh menggunakan cek Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd untuk bayaran rasuah.

## **Sekiranya organisasi komersial didapati bersalah, *siapa* yang boleh dihukum?**

- (a) Organisasi komersial itu sendiri
- (b) Pengarah, orang yang mempunyai kawalan (terhadap organisasi komersial), rakan kongsi atau pegawai.
- (c) Sesiapa yang terlibat dalam pengurusan organisasi komersial berkenaan.

### **NOTA PENCERAMAH**

- **SOALAN:** Apabila kesalahan rasuah dilakukan oleh pegawai sesebuah organisasi komersial, mengapa pengurusan sesebuah organisasi komersial (pengarah, lembaga pengarah dan rakan kongsi) yang tidak terlibat juga boleh didakwa?
- **JAWAPAN:** Individu yang terlibat memberi rasuah boleh didakwa secara individu di bawah Seksyen 16(b) atau 17(b) Akta SPRM 2009.
- Organisasi komersial dan pengurusannya boleh didakwa kerana:
  - a. membenarkan rasuah dilakukan
  - b. gagal melaksanakan usaha mencukupi untuk mencegah rasuah berlaku
- **PENTING:** Tanggungjawab utama organisasi komersial dan pengurusannya adalah memastikan langkah pencegahan rasuah dilaksanakan sewajarnya.

## **Kecuali... individu terbabit membuktikan:**

---

- Kesalahan dilakukan tanpa keizinannya atau penglibatannya.
- Dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan tersebut.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Bagi mengelakkan pengurusan organisasi didakwa di mahkamah, 2 perkara penting mesti dibuktikan:
  1. Tidak mengizinkan pegawai dan kakitangan menggunakan rasuah untuk mendapat projek atau apa-apa faedah bagi organisasi komersial.
  2. Melaksanakan usaha pencegahan rasuah yang mencukupi bagi memastikan rasuah tidak berlaku dalam organisasi komersial terbabit.
- **SOALAN:** Adakah rakan kongsi tidak aktif (*sleeping partner*) boleh didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009?
- **JAWAPAN:** Boleh didakwa. Semua Ahli Lembaga Pengarah sama ada aktif atau tidak boleh didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009, walaupun mereka tidak terlibat dalam membuat keputusan.
- Mereka boleh didakwa kerana gagal melaksanakan usaha pencegahan rasuah yang mencukupi di syarikat.
- SPRM menasihati agar berhati-hati dan jangan bersikap sambil lewa apabila menjadi Ahli Lembaga Pengarah sesebuah syarikat.

# Mengelakkan liabiliti korporat

Organisasi komersial yang dituduh di mahkamah mesti membuktikan **tatacara (usaha) yang mencukupi** untuk mencegah jenayah rasuah telah dilaksanakan dalam organisasi terbabit.

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN:** Bagaimanakah sesebuah organisasi komersial ingin memastikan usaha mencegah rasuah yang dilaksanakan itu mencukupi atau tidak?
- **JAWAPAN:** Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah Seksyen 17A(5) Akta SPRM 2009 hanya memberi panduan bentuk atau usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh sesebuah organisasi komersial untuk mencegah jenayah rasuah.
- Hanya mahkamah yang boleh membuat keputusan sama ada usaha yang dilaksanakan itu mencukupi atau tidak.
- **PENTING:** Usaha-usaha pencegahan rasuah mesti sesuai dengan saiz organisasi, jenis perniagaan dan tahap risiko rasuah organisasi komersial terbabit.
- Contohnya, syarikat besar yang mempunyai 1,000 pekerja memerlukan pelaksanaan usaha pencegahan rasuah yang banyak, berbanding syarikat yang mempunyai 100 pekerja.

# **Usaha yang mencukupi?**

Menteri mengeluarkan **Garis Panduan Tatacara Mencukupi** untuk menghalang pegawai atau kakitangan terlibat rasuah.

Garis panduan ini telah dikeluarkan dan dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 10 Disember 2018.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kerajaan telah mengeluarkan Garis Panduan Tatacara Mencukupi seperti yang yang dikehendaki di bawah Seksyen 17A(5) Akta SPRM 2009.
- Garis panduan ini adalah sebagai rujukan kepada organisasi komersial mengenai usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk mencegah jenayah rasuah.

# Prinsip **T.R.U.S.T**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Organisasi komersial perlu merujuk kepada Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah Seksyen 17A(5) Akta SPRM 2009 dalam melaksanakan usaha-usaha pencegahan rasuah.
- Garis panduan tersebut menggariskan 5 prinsip asas untuk mengelakkan organisasi komersial daripada didakwa.
- Prinsip dengan akronim T.R.U.S.T adalah seperti *slide* seterusnya.

# T.R.U.S.T | Top level commitment



- *Tone from the top*
- Jaminan kepada *stakeholders* bahawa organisasi akan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa
- Memantau tahap integriti dan tadbir urus organisasi
- Menyediakan bajet dan sumber manusia berkaitan usaha pencegahan rasuah

## **NOTA PENCERAMAH**

- Komitmen pengurusan organisasi dalam pencegahan rasuah.
- Komitmen ini mesti jelas melalui pendirian pengurusan organisasi berhubung jenayah rasuah.
- **PENTING:** Komitmen menyediakan bajet dan sumber manusia dalam menggerakkan usaha pencegahan rasuah.



- Melaksanakan penilaian risiko rasuah dan fraud dalam organisasi.
- Dicadangkan, dibuat setiap 3 tahun
- Menambah baik sistem dan prosedur yang lemah
- Turut melibatkan pihak luar yang dilantik oleh organisasi komersial.

## NOTA PENCERAMAH

- Penilaian risiko dibuat secara menyeluruh dengan mengambil kira pandangan setiap lapisan warga organisasi.
  - Semasa penilaian risiko dilaksanakan, pengurusan dan warga organisasi perlu berterus terang mengenai masalah serta kelemahan organisasi.
  - Penilaian risiko rasuah boleh dibuat bersekali dengan penilaian risiko lain dalam organisasi (tidak perlu berasingan).
- **APA SPRM BOLEH BANTU?**
- a. membuat penilaian risiko rasuah melalui Corruption Risk Management (CRM).
  - b. memberi nasihat bagi mengukuhkan sistem dan prosedur organisasi.
  - c. membantu organisasi merangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) seperti mana yang dikehendaki dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP).



- Polisi syarikat mengenai rasuah
- Melaksanakan *due-diligence*
- Menggalakkan pelaporan rasuah
- *Conflict of interest*
- Hadiah dan keraian
- Sumbangan dan penajaan termasuk sumbangan politik
- Bayaran kemudahan (*Facilitation payment*)

**Penting:** Memastikan polisi, prosedur dan inisiatif antirasuah didokumentasi

## NOTA PENCERAMAH

- Langkah kawalan pencegahan rasuah mesti dirangka berdasarkan penilaian risiko yang telah dibuat.
- Langkah kawalan ini mestilah praktikal dan sesuai dengan saiz organisasi, sifat organisasi serta risiko organisasi untuk terdedah kepada jenayah rasuah.
- *Due-diligence* - semakan latar belakang terhadap sesuatu projek, kontraktor yang hendak dilantik atau calon pekerja baharu.
- *Due-diligence* - mengurangkan risiko organisasi tersalah memilih kontraktor atau pekerja yang bermasalah.
- Organisasi mesti mewujudkan budaya melaporkan sebarang salah laku.
- Usaha menggalakkan pelaporan:
  - mewujudkan saluran aduan yang berwibawa.
  - memastikan kerahsiaan aduan.
  - memastikan setiap aduan diambil tindakan.
- Mewujudkan dan melaksanakan dasar/polisi antirasuah.



- Penilaian / penambahbaikan berterusan terhadap:
  - polisi dan prosedur antirasuah
  - program antirasuah
- Melantik individu kompeten untuk [audit dalaman](#) inisiatif antirasuah
- Melantik [audit luar](#) untuk melihat pematuhan terhadap prosedur antirasuah - contoh, ISO 37001
- Memantau pegawai/kakitangan
- Mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat rasuah dan salah laku

### NOTA PENCERAMAH

- Pengurusan organisasi perlu memastikan penilaian secara berkala dilaksanakan bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program antirasuah.
- Pengurusan organisasi mesti pastikan semua inisiatif antirasuah (yang dirangka) dilaksanakan sepenuhnya.
- Penilaian program antirasuah boleh dilaksanakan melalui audit dalaman atau audit yang dilaksanakan oleh pihak luar.
- Hasil penilaian dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan antirasuah sedia ada di organisasi.
- Pemantauan terhadap pekerja adalah amat penting, terutamanya terhadap:
  - a. pekerja berisiko (*hot staff*)
  - b. jawatan berisiko (*hot job*) - contohnya, jawatan pegawai pelulus sesuatu kontrak atau lesen/permit
  - c. bahagian berisiko (*hot spot*) seperti bahagian kewangan atau perolehan
- Garis panduan ini mencadangkan organisasi untuk mendapatkan pensijilan ISO 37001: Anti-Bribery Management System.



- Polisi dan prosedur antirasuah mesti dihebahkan
- Latihan warga dalam pencegahan rasuah
- Program kesedaran antirasuah

### **NOTA PENCERAMAH**

- Polisi dan inisiatif antirasuah organisasi mesti dihebahkan kepada semua warga organisasi.
- Latihan antirasuah mesti dilaksanakan secara berterusan.
- Latihan antirasuah kepada warga organisasi dan mereka yang berurusan dengan organisasi (contohnya, pembekal atau kontraktor syarikat).
- Khidmat SPRM - organisasi boleh menjemput SPRM untuk menyampaikan ceramah integriti dan antirasuah dalam program-program yang dianjurkan.

# Contoh kes luar negara berkaitan **liabiliti** **KORPORAT**


## **NOTA PENCERAMAH**

- *Slide* berikutnya adalah beberapa kes sebenar melibatkan syarikat di luar negara yang dihukum kerana kesalahan rasuah.
- Siasatan dibuat di bawah UK Bribery Act 2010 dan US Foreign Corrupt Practices Act 1977.
- Tujuan kes ini dijadikan contoh adalah bagi memberikan gambaran lebih jelas kepada audiens mengenai kesalahan liabiliti korporat.

# **Sweett Group PLC**

UK Bribery Act 2010

## **NOTA PENCERAMAH**



# sweett

Sweett Group PLC (Sweett), merupakan penyedia perkhidmatan profesional dalam sektor pembinaan di United Kingdom.

Sweett menjadi **syarikat pertama** yang didakwa dan disabitkan hukuman kerana rasuah di United Kingdom. Siasatan Serious Fraud Office (SFO) ke atas Sweett bermula sekitar Jun 2014.

## **NOTA PENCERAMAH**

- UK Bribery Act 2010 dikuatkuasakan pada tahun 2010.
- Tahun 2015 - Sweett Group PLC menjadi syarikat pertama yang didakwa di mahkamah dan mengaku bersalah kerana kesalahan rasuah di UK.



Siasatan mendapati anak syarikat Sweett di Timur Tengah iaitu Cyril Sweett International Limited telah membuat bayaran rasuah kepada pegawai kanan Al Ain Ahlia Insurance Company.

Rasuah bertujuan untuk memenangi kontrak khidmat perundingan bagi pembinaan Hotel Rotana di Abu Dhabi.

## NOTA PENCERAMAH

- Anak syarikat (Cyrill Sweett) terlibat rasuah, syarikat induk (Sweett Group) yang didakwa dan dihukum.
- Sekadar pengetahuan penceramah, di bawah adalah kes lain yang mempunyai kaitan dengan kes rasuah Sweett Group:
  - 21 Disember 2016 - Bekas pegawai Sweett Group, Richard Kingston (54) yang bertugas di Timur Tengah dijatuhankan hukuman penjara kerana memusnahkan bukti berhubung kes rasuah syarikat itu.
  - Bukti tersebut merupakan 2 unit telefon bimbit.
  - Telefon bimbit itu mempunyai maklumat rasuah yang boleh membantu siasatan Serious Fraud Office (SFO) terhadap kes rasuah syarikat Sweett.

Pada Disember 2015, Sweett mengaku bersalah kerana gagal melaksanakan usaha pencegahan rasuah seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 7(1)(b) UK Bribery Act 2010.

Pada 19 Februari 2016, Southwark Crown Court mendenda Sweett sebanyak £2.25 juta. Mahkamah juga menganahkan Sweett menanggung kos siasatan SFO sebanyak £95,000.

## **NOTA PENCERAMAH**

- UK Bribery Act 2010 dikuatkuasakan pada tahun 2010.
- Tahun 2015 - Sweett Group PLC menjadi syarikat pertama yang didakwa di mahkamah dan mengaku bersalah kerana kesalahan rasuah di UK.

# **Standard Bank**

---

UK Bribery Act 2010

## **NOTA PENCERAMAH**



Standard Bank disiasat oleh Serious Fraud Office (SFO) apabila anak syarikatnya, Stanbic Bank Tanzania dikatakan memberi rasuah USD6 juta kepada sebuah syarikat Tanzania, Enterprise Growth Market Advisors (EGMA).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Seperti kes Sweet Group - anak syarikat (Stanbic Bank) terlibat rasuah di luar negara, syarikat induk (Standard Bank) yang terpaksa berdepan hukuman.
- Standard Bank adalah organisasi pertama di UK yang membuat penyelesaian di luar mahkamah (kes rasuah) melalui *Deferred Prosecution Agreement* (DPA).



Rasuah yang dibayar sekitar bulan Mac 2013 bertujuan memujuk pegawai kerajaan Tanzania supaya membuat pinjaman USD600 juta daripada Stanbic Bank. Hasil pinjaman tersebut, Stanbic Bank dan Standard Bank akan berkongsi caj yuran berjumlah USD8.4 juta.

## **NOTA PENCERAMAH**

- **APAKAH ITU DPA?**  
*Deferred Prosecution Agreement* (DPA) diperkenalkan di UK pada 24 Februari 2014.
  - DPA adalah persetujuan antara pihak pendakwaan dan organisasi yang menghadapi pendakwaan kerana jenayah *fraud*, rasuah dan jenayah ekonomi lain.
  - DPA akan menangguhkan pendakwaan terhadap sesebuah organisasi dengan syarat-syarat tertentu.
  - DPA dilaksanakan dengan penyeliaan mahkamah.
  - DPA hanya terpakai kepada organisasi dan bukan individu.
- CIRI-CIRI UTAMA DPA:**
1. membolehkan organisasi membetulkan kesalahan jenayah yang mereka lakukan. Pendakwaan terhadap organisasi akan menyebabkan terlalu banyak implikasi buruk terhadap imej organisasi, perniagaan dan menyebabkan warga organisasi hilang pekerjaan.

Pada 30 November 2015, Standard Bank bersetuju membayar penalti USD\$32.2 juta melalui *Deferred Prosecution Agreement* (DPA).

Standard Bank juga dikehendaki membayar kos siasatan dan pengurusan DPA kepada SFO berjumlah £330,000.

**Standard Bank adalah organisasi pertama yang bersetuju memasuki prosiding DPA bagi mengelakkan pendakwaan di bawah UK Bribery Act 2010.**

## **NOTA PENCERAMAH**

2. DPA diselia oleh mahkamah. Terma yang dipersetujui melalui DPA mesti adil, munasabah dan sesuai.
3. DPA menggelakkan tempoh perbicaraan yang lama dan pastinya melibatkan kos yang tinggi.
4. DPA bersifat telus dan keputusannya akan dimaklumkan kepada umum.



Siasatan mendapati pengerusi EGMA juga adalah ketua agensi percukaian kerajaan iaitu Tanzania Revenue Authority.

Wang USD6 juta yang dimasukkan ke dalam akaun EGMA telah dikeluarkan melalui 4 transaksi tunai dalam tempoh 10 hari

## NOTA PENCERAMAH

- **BAGAIMANA DPA DILAKSANAKAN DI UK?**
- Pihak pendakwaan melaksanakan pertuduhan terhadap organisasi terbabit atas sesuatu jenayah.
- Prosiding pendakwaan akan ditangguhkan secara automatik sekiranya DPA diluluskan oleh hakim (mahkamah).
- Serious Fraud Office (SFO) hanya menawarkan DPA kepada organisasi (yang menghadapi pendakwaan), sekiranya organisasi tersebut memberi kerjasama penuh semasa siasatan.
- Apabila SFO dan organisasi bersetuju untuk memasuki DPA, rundingan akan bermula.
- Rundingan - organisasi bersetuju untuk membayar sejumlah penalti; bersetuju membayar sejumlah ganti rugi; bersetuju memperkuatkan tadbir urus dan usaha-usaha pencegahan rasuah di organisasi; dan memberi kerjasama penuh dengan SFO bagi mendakwa individu-individu yang terlibat.
- Sekiranya organisasi melanggar perjanjian dalam DPA, pendakwaan terhadap organisasi boleh dimulakan semula.

# **Rolls-Royce**

UK Bribery Act 2010

## **NOTA PENCERAMAH**



**Rolls-Royce** didakwa membayar jutaan pound bagi memperoleh kontrak kejuruteraan awam dan ketenteraan di beberapa buah negara.

Rasuah dibayar oleh pegawai Rolls-Royce atau melalui orang tengah, dari tahun 1999 sehingga 2013.

## NOTA PENCERAMAH

- Syarikat gergasi yang dikenakan penalti kerana perbuatan rasuah.
- Siasatan dibuat secara besar-besaran dalam kes ini.
- Contoh: DI Indonesia, bekas CEO syarikat penerbangan Indonesia Garuda, Emirsyah Satar diberkas atas dakwaan pengubahan wang haram yang berkaitan dengan skandal rasuah Rolls-Royce.
- Suspek dipercayai menerima sogokan AS\$1.4 juta daripada Rolls-Royce sebagai pertukaran untuk membeli pesawat yang menggunakan enjin syarikat itu.
- Kesalahan dilakukan ketia beliau menerajui Garuda dari 2005 hingga 2014. (Mediacorp, 8 Ogos 2019)
- Serious Fraud Office (SFO) turut menamakan **AirAsia group** sebagai salah sebuah syarikat yang terlibat dalam skandal rasuah Rolls-Royce. Bagaimanapun, AisAsia menafikan penglibatannya. (BHarian, 23 Januari 2017).

# The Daily Telegraph

Business

## Rolls-Royce to pay £671m to settle bribery and corruption claims

By Alan Morris, Business Editor  
Rolls-Royce is to pay about £671m in fines, bribery and corruption claims over its conduct in India, the US and Brazil. It is the second largest ever settlement after the market regulator in the UK agreed a record £1.1 billion fine against巴克莱银行 (Barclays) over its role in the Libor rate-fixing scandal.

The company has agreed a Deferred Prosecution Agreement (DPA) with the US Justice Department (DOJ) and the Office of the Director of National Intelligence (ODNI) in the US, and with the Brazilian Federal Public Ministry (MPF) and the Federal Anti-Corruption Commission (Cade) in Brazil.

It will give increasing costs to Rolls-Royce's shareholders, but the management team is determined to focus on financial and operational discipline.

It follows a series of scandals, including a bribery probe in India, a £1.2 billion fine for its role in the Libor rate-fixing scandal, and a £1.1 billion fine for its role in the US Foreign Corrupt Practices Act (FCPA).

It also faces investigations by the US Department of Justice and the US Securities and Exchange Commission (SEC) in the US, and by the Brazilian Federal Anti-Corruption Commission (Cade) in Brazil.

Rolls-Royce has admitted that it had paid bribes to officials in India, Brazil and the US.

It has also admitted that it had given a negotiated agreement to a US government official to influence the outcome of a bid for a defence contract.

Under the terms of a DPA, Rolls-Royce will pay a total of £671m to regulators for its submission of false financial statements, and for its conduct and regulatory violations.

As well as agreeing with the DOJ, the company will pay the US Office of the Director of National Intelligence (ODNI) and the US Department of Justice and the SEC in the US.

The company will pay the US Justice Department and the US Federal Trade Commission (FTC) in the US, and the Brazilian Federal Public Ministry (MPF) and the Federal Anti-Corruption Commission (Cade) in Brazil.

It has also admitted that it had given a negotiated agreement to a US government official to influence the outcome of a bid for a defence contract.

In a statement, Rolls-Royce said it had little basis in return for its bribe.

"We regretfully fully admit that we committed fully aligned with our values and principles in giving the bribe," the group said.

"We have learned from this experience that it is not always what the law says that matters, but what the law means in practice.

"We are sorry for the inconvenience caused by the DOJ's conduct which is already causing significant reputational damage to the company and its shareholders."

Under the terms of the DPA, Rolls-Royce will pay £671m to regulators for its submission of false financial statements, and for its conduct and regulatory violations.

As well as agreeing with the DOJ, the company will pay the US Office of the Director of National Intelligence (ODNI) and the US Department of Justice and the SEC in the US.

The company will pay the US Justice Department and the US Federal Trade Commission (FTC) in the US, and the Brazilian Federal Public Ministry (MPF) and the Federal Anti-Corruption Commission (Cade) in Brazil.

It has also admitted that it had given a negotiated agreement to a US government official to influence the outcome of a bid for a defence contract.

In a statement, Rolls-Royce said it had little basis in return for its bribe.

"We regretfully fully admit that we committed fully aligned with our values and principles in giving the bribe," the group said.

"We have learned from this experience that it is not always what the law says that matters, but what the law means in practice.

"We are sorry for the inconvenience caused by the DOJ's conduct which is already causing significant reputational damage to the company and its shareholders."

Under the terms of the DPA, Rolls-Royce will pay £671m to regulators for its submission of false financial statements, and for its conduct and regulatory violations.

As well as agreeing with the DOJ, the company will pay the US Office of the Director of National Intelligence (ODNI) and the US Department of Justice and the SEC in the US.

The company will pay the US Justice Department and the US Federal Trade Commission (FTC) in the US, and the Brazilian Federal Public Ministry (MPF) and the Federal Anti-Corruption Commission (Cade) in Brazil.

It has also admitted that it had given a negotiated agreement to a US government official to influence the outcome of a bid for a defence contract.

In a statement, Rolls-Royce said it had little basis in return for its bribe.

"We regretfully fully admit that we committed fully aligned with our values and principles in giving the bribe," the group said.

"We have learned from this experience that it is not always what the law says that matters, but what the law means in practice.

"We are sorry for the inconvenience caused by the DOJ's conduct which is already causing significant reputational damage to the company and its shareholders."

Under the terms of the DPA, Rolls-Royce will pay £671m to regulators for its submission of false financial statements, and for its conduct and regulatory violations.

## NOTA PENCERAMAH

- Rolls-Royce juga bersetuju memasuki *Deferred Prosecution Agreement* (DPA) bagi mengelakkan pendakwaan.
- **SOALAN:** Adakah DPA akan dilaksanakan di Malaysia?
- **JAWAPAN:** Setakat ini, Seksyen 17A Akta SPRM 2009 tidak menawarkan penyelesaian melalui DPA.

Pada Januari 2017, Rolls-Royce bersetuju membayar penalti sebanyak **£671 juta** bagi mengelakkan pendakwaan oleh pihak berkuasa United Kingdom, United State of America dan Brazil.

Walaupun Rolls-Royce telah dikenakan penalti, perkara itu tidak menghalang individu yang terlibat didakwa.

### November 2017

- Tiga bekas pegawai Rolls-Royce mengaku bersalah atas dakwaan rasuah.
- Seorang pekerja syarikat perunding yang bertindak bagi pihak Rolls-Royce turut mengaku bersalah atas dakwaan rasuah.
- Seorang lagi yang didakwa adalah 'orang tengah' kepada Rolls-Royce.



## NOTA PENCERAMAH

- Selain penalti kepada syarikat, individu yang terlibat dengan transaksi rasuah juga menghadapi pendakwaan di mahkamah.
- Individu yang didakwa tersebut adalah:
  - pegawai syarikat Rolls-Royce sendiri
  - perunding yang dilantik oleh Rolls-Royce
  - orang tengah yang menjalankan tugas bagi pihak Rolls-Royce.
- Kes Rolls-Royce amat menarik untuk kita lihat kesan rasuah kepada syarikat dan individu yang terlibat.

# **Skansen Interiors Limited**

---

UK Bribery Act 2010

## **NOTA PENCERAMAH**

**Skansen** adalah syarikat kecil yang menjalankan kerja-kerja membaik pulih. Skansen hanya mempunyai 30 pekerja dan tidak aktif (*dormant*) sejak tahun 2014.



Skansen didakwa apabila bekas Pengarah Urusannya merasauh bekas Pengurus Projek DTZ Debenham Tie Leung.

Bayaran rasuah berjumlah £10,000 bertujuan memenangi kontrak membaik pulih dua pejabat di London bernilai £6 juta.

## NOTA PENCERAMAH

- Skansen adalah syarikat pertama yang didakwa dan menghadapi perbicaraan penuh.
- Syarikat yang dibincangkan sebelum ini:
  1. Sweett Group PLC - syarikat pertama didakwa dan mengaku salah.
  2. Standard Bank - tidak didakwa dan menerima penyelesaian melalui DPA. Syarikat pertama yang memasuki DPA.
  3. Rolls-Royce - tidak didakwa dan menerima penyelesaian melalui DPA.

## Sabitan mahkamah



Pada 21 Februari 2018, Southwark Crown Court mensabitkan Skansen dengan kesalahan rasuah di bawah Seksyen 7 UK Bribery Act 2010.

Mahkamah mendapati Skansen **gagal melaksanakan usaha mencukupi** bagi mencegah berlakunya rasuah.

Walaupun disabitkan, mahkamah tidak mengenakan sebarang penalti terhadap Skansen. Keputusan dibuat kerana syarikat itu tidak aktif dan tidak mempunyai sebarang aset.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Digalakkan penceramah membuat bacaan sendiri mengenai kes Skansen ini.
- Kes Skansen unik kerana:
  - syarikat didakwa dan dihukum walaupun tidak aktif (*dormant*).
  - syarikat didakwa walaupun laporan rasuah dibuat oleh pengurusan syarikat sendiri.
  - syarikat didapati bersalah kerana kegagalan melaksanakan usaha pencegahan rasuah yang berkesan.

**Ironinya**, perbuatan rasuah dalam syarikat Skansen dilaporkan sendiri oleh pengurusan baharu Skansen.

Malah, pengurusan Skansen memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa semasa proses siasatan.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Mahkamah tidak menganggap laporan rasuah dibuat syarikat Skansen sebagai usaha pencegahan rasuah.
- Laporan rasuah tersebut bukan usaha pencegahan rasuah yang mencukupi.
- Laporan rasuah oleh Skansen merupakan tindakan ‘reactive’, iaitu tindakan selepas rasuah telah berlaku.
- Skansen gagal membuktikan usaha mencukupi telah dilaksanakan untuk mencegah rasuah dalam syarikat.

# **Siemens AG**

---

**The Foreign Corrupt Practices Act 1977**

## **NOTA PENCERAMAH**

## Siemens didenda USD1.34 bilion



**Siemens AG** merupakan syarikat kejuruteraan elektronik terbesar di Eropah.

Didakwa membuat bayaran rasuah bejumlah €1.3 bilion, untuk memenangi bidaan bagi projek-projek besar.

Disember 2008 - Siemens mengaku bersalah. Siemens bersetuju membayar penalti **USD1.34 bilion**.

## NOTA PENCERAMAH

- Disiasat di bawah The Foreign Corrupt Practices Act 1977.
- Siemens AG membuat penyelesaian di luar mahkamah bagi mengelakkan pendakwaan.
- Penalti yang dikenakan terhadap Siemens AG adalah sangat tinggi (dikatakan sebagai penalti tertinggi dalam sejarah)

# **Alcatel-Lucent**

---

**The Foreign Corrupt Practices Act 1977**

## **NOTA PENCERAMAH**



## Alcatel•Lucent

Didenda USD137 juta dan  
disenarai hitam oleh Kerajaan  
Malaysia

**Alcatel-Lucent** didakwa merasuh pegawai kerajaan Costa Rica, Honduras, Taiwan dan Malaysia, bertujuan mendapatkan dan mengekalkan kontrak kerajaan bernilai jutaan dollar.

Pada 28 Disember 2010, Alcatel Lucent bersetuju membayar penalti lebih **USD137 juta** untuk menyelesaikan pendakwaan pihak berkuasa Amerika Syarikat.

Bagi kesalahan yang berlaku di Malaysia, syarikat tersebut pernah disenarai hitam oleh kerajaan.

## NOTA PENCERAMAH

- Disiasat di bawah The Foreign Corrupt Practices Act 1977.
- Alcatel-Lucent membuat penyelesaian di luar mahkamah bagi mengelakkan pendakwaan.

# **Alstom**

---

**The Foreign Corrupt Practices Act 1977**

---

## **NOTA PENCERAMAH**

Didakwa menggunakan rasuah untuk mendapatkan kontrak di beberapa buah negara.

November 2011 - anak syarikat [Alstom](#) di Switzerland bersetuju membayar denda **USD42.7 juta** kepada agensi penguat kuasa Switzerland bagi menyelesaikan dakwaan rasuah tersebut.

Dua eksekutif Alstom turut didakwa kerana merasuh pegawai awam Indonesia bagi mendapat projek janakuasa negara itu.

## Alstom, syarikat janakuasa dunia didenda USD42.7 juta



### **NOTA PENCERAMAH**

- Disiasat di bawah The Foreign Corrupt Practices Act 1977.
- Alstom membuat penyelesaian di luar mahkamah bagi mengelakkan pendakwaan.





*Toolkit 11*

---

# Tatacara mencukupi

# **TATACARA MENCUKUPI**

---

## **Liabiliti Korporat**

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Bab ini khusus membincangkan mengenai tatacara mencukupi seperti mana garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan
  - Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah Subseksyen (5) Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

## Prinsip LIABILITI KORPORAT

Organisasi komersial adalah melakukan kesalahan jika pekerja / pihak bersekutunya **menawar atau memberi** rasuah untuk faedah organisasi tersebut.



### NOTA PENCERAMAH

- Penjelasan ringkas mengenai kesalahan rasuah di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
- **SOALAN:** Adakah kesalahan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 terpakai untuk kesalahan meminta/menerima rasuah, tuntutan palsu dan salah guna kuasa oleh pegawai awam?
- **JAWAPAN:** Tidak terpakai. Kesalahan ini khusus untuk kesalahan menawar, memberi atau menjanjikan suapan.

Organisasi komersial terbabit boleh **disifatkan bersalah** dalam keadaan sama ada / tidak pengurusan atasannya tahu tentang kelakuan rasuah oleh pekerja / pihak bersekutunya.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Perkara ini dinyatakan di perkara 3.1 Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah Subseksyen (5) Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
- **SOALAN:** Sekiranya pegawai di anak syarikat terlibat memberi rasuah untuk mendapat projek, adakah syarikat induk dan pengurusannya boleh didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009?
- **JAWAPAN:** Boleh didakwa sekiranya syarikat induk gagal melaksanakan usaha pencegahan rasuah yang mencukupi untuk menghalang perbuatan rasuah oleh anak syarikat.

## IKTIBAR kes luar negara



- Penalti ke atas **Sweett Group PLC**, **Standard Bank**, **Rolls-Royce** dan **Skansen Interiors Limited**.
- Disebabkan gagal membuktikan pelaksanaan tatacara mencukupi.

## NOTA PENCERAMAH

- Seksyen 17A Akta SPRM 2009 banyak mengadaptasi Seksyen 7 UK Bribery Act 2010.
- Melihat kes-kes yang melibatkan kesalahan liabiliti korporat di UK, syarikat terbabit dikenakan tindakan (penalti dan denda) kerana kegagalan melaksanakan usaha pencegahan rasuah yang mencukupi.

# Mengelakkan **liabiliti korporat**

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- *Slide* berikutnya memberi panduan kepada syarikat untuk mengelakkan pendakwaan kerana kesalahan rasuah.
- Panduan ini hanya asas sahaja mengenai bentuk tindakan yang boleh dilaksanakan.
- Banyak lagi aktiviti pencegahan rasuah yang boleh dilaksanakan kepada warga organisasi.

# PEMBELAAN ORGANISASI KOMERSIAL

Organisasi komersial yang didakwa di mahkamah mesti membuktikan **tatacara (usaha) yang mencukupi** telah dilaksanakan untuk mencegah jenayah rasuah dalam organisasi terbabit.

## NOTA PENCERAMAH

- Bagi mengelakkan organisasi komersial didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009, organisasi komersial mesti melaksanakan usaha-usaha pencegahan yang mencukupi agar rasuah tidak berlaku dalam urus niaga perniagaan.
- Perkara ini diperuntukkan melalui Seksyen 17A(4) Akta SPRM 2009 - *Jika suatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1), menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara yang mencukupi untuk menghalang orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan perbuatan itu.*

# Usaha yang mencukupi?

Menteri mengeluarkan **Garis Panduan Tatacara Mencukupi** untuk menghalang pegawai atau kakitangan terlibat rasuah.

Garis panduan ini telah dikeluarkan dan dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 10 Disember 2018.



## NOTA PENCERAMAH

- Garis panduan ini menjelaskan bentuk usaha atau tindakan yang boleh dilaksanakan oleh organisasi.
- Pengurusan organisasi mesti menjadikan garis panduan ini sebagai rujukan untuk melaksanakan usaha pencegahan rasuah.
- Garis panduan ini dikeluarkan selaras dengan kehendak Seksyen 17A(5) Akta SPRM 2009 - Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan yang berkaitan dengan tatacara yang disebut dalam subseksyen (4).

## **GARIS PANDUAN INI:**



- a. bersifat tidak preskriptif.
- b. boleh dilaksanakan berdasarkan kesesuaian organisasi komersial (saiz dan jenis industri)
- c. hendaklah dilaksanakan secara praktikal dengan mengambil kira - skala, sifat, industri, risiko dan kompleksiti sesebuah organisasi komersial.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Garis panduan ini bukan berbentuk *checklist* perkara-perkara yang mesti dilaksanakan.
- Usaha mencukupi berbeza antara organisasi besar, sederhana dan kecil.
- Organisasi besar - perlu melaksanakan banyak usaha pencegahan rasuah kerana mempunyai pegawai/kakitangan yang ramai.
- Usaha-usaha pencegahan rasuah yang mencukupi perlu mengambil kira saiz organisasi, jenis peniagaan dan tahap risiko rasuah yang dihadapi oleh organisasi terbabit.



Sekiranya syarikat didakwa di mahkamah, penilaian mengenai **kecukupan tatacara** sesebuah organisasi komersial untuk menghalang terjadinya insiden rasuah adalah tertakluk kepada **budi bicara mahkamah.**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Pengurusan organisasi mesti melaksanakan segala langkah yang perlu untuk mencegah rasuah di organisasi.
- Keputusan akhir sama ada ‘mencukupi’ atau ‘tidak mencukupi’ usaha tersebut ditentukan oleh mahkamah.

# Prinsip **T.R.U.S.T**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Garis panduan ini menetapkan 5 prinsip asas untuk melaksanakan usaha mencegah rasuah dalam organisasi komersial.
- Dikenali dengan akronim T.R.U.S.T

# T.R.U.S.T | Top level commitment



- *Tone from the top*
- **Peranan** pengurusan agar warga organisasi berintegriti dan mematuhi undang-undang / peraturan
- **Jaminan** kepada *stakeholders* bahawa organisasi akan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa

## **NOTA PENCERAMAH**

- Komitmen pengurusan organisasi dalam pencegahan rasuah.
- Komitmen ini mesti jelas melalui pendirian pengurusan organisasi berhubung jenayah rasuah.
- **PENTING:** Komitmen pengurusan ini tidak boleh sekadar retorik atau 'wayang' sahaja.
- Apa yang dicakap, mesti dilaksanakan.
- Kepimpinan organisasi mesti tegas berkaitan sebarang pelanggaran integriti dan perbuatan rasuah.

Apa perlu dilakukan?

## Top level commitment

- a. Wujudkan **penilaian** dan program pematuhan antirasuah
- b. **Promosi** budaya integriti dan antirasuah
- c. Wujudkan **polisi** dan komitmen antirasuah
- d. Galakkan **pelaporan** rasuah dan salah laku

## **NOTA PENCERAMAH**

- Komitmen pengurusan organisasi diterjemahkan melalui polisi, dasar, peraturan berkaitan pencegahan rasuah dan salah guna kuasa.
- Integriti dan antirasuah menjadi agenda wajib dalam mesyuarat atau perhimpunan dengan warga organisasi.
- Pengurusan organisasi mesti menggalakkan pelaporan salah laku dan rasuah.
- Caranya - wujudkan saluran yang berwibawa untuk pelaporan perbuatan rasuah dan salah laku.
- Beri pengiktirafan kepada mereka yang memamerkan integriti.
- Beri pengiktirafan kepada mereka yang melaporkan rasuah.

## Top level commitment

Apa perlu dilakukan?

- e. Lantik **pegawai khusus** untuk melihat isu integriti dan antirasuah
- f. Pastikan laporan audit, penilaian risiko, langkah kawalan dan prestasinya **dilaporkan** kepada pengurusan tertinggi organisasi.
- g. Menyediakan **bajet** dan **sumber manusia** bagi melaksanakan usaha pencegahan rasuah

### **NOTA PENCERAMAH**

- **PENTING:** Komitmen pengurusan organisasi untuk menyediakan bajet dan sumber manusia dalam menggerakkan usaha pencegahan rasuah.
- Perlu ada pegawai yang khusus untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pencegahan rasuah.



- Kenal pasti, analisa dan penilaian risiko rasuah dan fraud dalam organisasi.
- Dicadangkan dibuat setiap 3 tahun
- Ambil kira risiko dalaman dan luaran
- Penilaian risiko menjadi asas untuk kukuhkan sistem dan prosedur

### **NOTA PENCERAMAH**

- Penilaian risiko rasuah mesti dijadikan asas untuk merangka strategi, pendekatan dan inisiatif pencegahan rasuah dalam organisasi.
- Penilaian risiko bukan bersifat ‘one-off’.
- Mesti dibuat dari semasa ke semasa.
- Garis panduan ini mencadangkan penilaian risiko dibuat setiap 3 tahun.
- Hasil penilaian mesti digunakan untuk mengukuhkan sistem dan prosedur sesuatu proses.



Penilaian risiko **rasuah** boleh dilaksanakan:

- secara berasingan; atau
- dimasukkan dalam pengurusan risiko keseluruhan organisasi.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Organisasi mempunyai 2 pilihan dalam membuat penilaian risiko rasuah.
- Pertama - penilaian dibuat secara khusus untuk menilai risiko rasuah. Maksudnya, penilaian rasuah dibuat secara berasingan dengan penilaian risiko lain.
- Kedua - penilaian risiko rasuah dibuat secara bersama dengan penilaian risiko lain dalam organisasi.
- Garis panduan menyarankan agar organisasi memilih kaedah kedua iaitu memasukkan penilaian risiko rasuah dalam penilaian risiko sedia ada.
- Kelebihannya - perancangan untuk mencegah rasuah boleh dibuat secara komprehensif dengan mengambil kira risiko-risiko lain dalam organisasi.
- Mengelakkan berlaku pertindihan aktiviti dalam pelan tindakan antirasuah dan pelan tindakan untuk menangani risiko lain.

## Risk assessment

Apa perlu dilakukan?

Penilaian risiko merangkumi:

- a. Amalan, sistem dan prosedur yang boleh membuka ruang berlaku rasuah dan fraud
- b. Transaksi kewangan yang menyamari bayaran rasuah

## NOTA PENCERAMAH

- Garis panduan menjelaskan beberapa aspek utama yang perlu dibuat penilaian risiko rasuah.
- Aspek 1 - amalan, sistem dan prosedur yang lemah. Perkara ini boleh membuka ruang berlakunya rasuah dan salah laku lain. Kelemahan sistem dan prosedur boleh berlaku disebabkan telah lapuk, perubahan undang-undang, penggunaan banyak kuasa budi bicara.
- Aspek 2 - transaksi kewangan yang menyamari bayaran rasuah. Contohnya, yuran pengarah, yuran perunding, bayaran keraian dan bayaran pemudah cara (*facilitation payment*).

## Risk assessment

Apa perlu dilakukan?

- c. Aktiviti dan sektor yang berisiko tinggi
- d. Risiko pihak luar yang dilantik untuk mematuhi undang-undang antirasuah

## NOTA PENCERAMAH

- Aspek 3 - aktiviti dan sektor yang berisiko tinggi untuk berlakunya rasuah. Contohnya, aktiviti yang berurusan dengan lesen atau permit, perolehan dan kelulusan pembayaran.
- Aspek 4 - risiko rasuah oleh pihak luar yang dilantik oleh organisasi komersial. Perkara ini amat penting kerana perbuatan rasuah oleh pihak yang dilantik (contohnya, syarikat perunding dan orang tengah), boleh menyebabkan organisasi terdedah kepada pendakwaan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
- **APA SPRM BOLEH BANTU?**
  - a. membuat penilaian risiko rasuah melalui Corruption Risk Management (CRM).
  - b. memberi nasihat bagi mengukuhkan sistem dan prosedur organisasi.
  - c. membantu organisasi merangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) seperti mana yang dikehendaki oleh Pelan Antirasuah Nasional (NACP).

# T.R.U.S.T

Undertake control measures



- Mewujudkan langkah kawalan yang munasabah dan bersesuaian dengan sifat serta saiz organisasi.
- Bertujuan menangani risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan tadbir urus, sistem dan prosedur organisasi.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Langkah kawalan pencegahan rasuah mesti dirangka berdasarkan penilaian risiko yang telah dibuat.
- Langkah kawalan ini mestilah praktikal dan sesuai dengan saiz organisasi, sifat organisasi serta risiko organisasi untuk terlibat dengan jenayah rasuah.

## Undertake control measures

## Apa perlu dilakukan?

- a. Melaksanakan *due-diligence* - pelantikan pegawai, kontrak dan kontraktor
- b. Menggalakkan pelaporan rasuah
  - saluran aduan
  - galakkan pelaporan secara suci hati
  - sistem pengurusan maklumat / aduan
  - elak tindakan terhadap pemberi maklumat

## **NOTA PENCERAMAH**

- Langkah kawalan utama adalah melaksanakan 'due-diligence' terhadap calon pekerja baharu, kontraktor yang hendak dilantik dan projek/kontraktor.
- *Due-diligence* boleh mengurangkan risiko organisasi tersalah memilih pekerja dan tersalah melantik kontraktor (yang bermasalah).
- Langkah kawalan kedua adalah mewujudkan budaya melaporkan sebarang salah laku.
- Bagi menggalakkan pelaporan, organisasi mesti:
  - mewujudkan saluran aduan yang berwibawa.
  - memastikan kerahsiaan aduan.
  - memastikan setiap aduan diambil tindakan.

## Undertake control measures

Apa perlu dilakukan?

Organisasi perlu mempunyai **dasar** berikut:

- a. Polisi yang jelas mengenai antirasuah
- b. *Conflict of interest*
- c. Hadiah dan keraian
- d. Sumbangan dan penajaan termasuk sumbangan politik
- e. Bayaran kemudahan (*Facilitation payment*)
- f. Kawalan kewangan dan kawalan bukan kewangan

## NOTA PENCERAMAH

- Langkah kawalan ini termasuk mewujudkan polisi dan peraturan khusus berkaitan rasuah.
- **SOALAN:** Bolehkah perbelanjaan keraian dibuat kepada pihak-pihak yang berurusan dengan syarikat?
- **JAWAPAN:** Boleh. Sebarang perbelanjaan yang tidak berunsur rasuah adalah dibenarkan.
- **SOALAN:** Apakah yang dimaksudkan dengan *facilitation payments*? Adakah bayaran ini untuk mendapatkan sesuatu kontrak merupakan kesalahan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009?
- **JAWAPAN:** *Facilitation payments* bermaksud bayaran untuk memudahkan sesuatu urusan dilaksanakan.
- Di bawah Akta SPRM 2009, sebarang pembayaran yang berunsur rasuah merupakan satu kesalahan. Contohnya, pembayaran dibuat untuk melakukan perkara yang melanggar prosedur atau peraturan.

## Undertake control measures

Apa perlu dilakukan?

### Penting:

Memastikan polisi, prosedur dan inisiatif antirasuah didokumentasi

## **NOTA PENCERAMAH**

- Setiap polisi, prosedur, inisiatif, program atau aktiviti antirasuah mesti didokumenkan secara teratur.
- Sekiranya syarikat terdedah kepada pendakwaan, dokumen tersebut akan menjadi bukti bahawa organisasi komersial telah melaksanakan usaha mencukupi untuk mencegah jenayah rasuah.



Penilaian, pemantauan dan penambahbaikan berterusan terhadap:

- polisi dan prosedur antirasuah
- program antirasuah

### **NOTA PENCERAMAH**

- Penilaian dan penambahbaikan berterusan mesti dilaksanakan dalam 2 aspek berikut:
  1. Polisi dan prosedur antirasuah - mesti dikemas kini agar selaras dengan perubahan prosedur/proses kerja dan perkembangan peraturan semasa.
  2. Program antirasuah yang dilaksanakan - mesti ditambah baik dan diperkuuhkan bagi memastikan keberkesanannya.
- Pengurusan organisasi perlu memastikan penilaian, pemantauan dan penambahbaikan dibuat secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanannya polisi, strategi, pendekatan serta program antirasuah.
- Pemantauan oleh pengurusan organisasi adalah bagi memastikan setiap program/ inisiatif antirasuah bukan sekadar retorik, tetapi benar-benar dilaksanakan.

- a. Merangka program penilaian dan pemantauan berterusan
- b. Melantik individu kompeten untuk **audit dalam** inisiatif antirasuah
- c. Melantik **audit luar** untuk melihat pematuhan terhadap prosedur antirasuah - contoh, ISO 37001

### **NOTA PENCERAMAH**

- Penilaian program antirasuah boleh dilaksanakan melalui audit dalam, atau audit yang dilaksanakan oleh pihak luar.
- Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan antirasuah sedia ada di organisasi.
- Garis panduan ini mencadangkan organisasi untuk mendapatkan pensijilan ISO 37001: Anti-Bribery Management System.
- **SOALAN:** Adakah pensijilan MS ISO 37001 boleh menjamin sesebuah syarikat tidak didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009?
- **JAWAPAN:** Bukan jaminan. Syarikat boleh mendapatkan pensijilan MS ISO 37001 sebagai salah satu usaha pencegahan rasuah dalam organisasi. Walau bagaimanapun, standard ini bukan jaminan sesebuah syarikat tidak didakwa di bawah kesalahan liabiliti korporat. Hanya mahkamah yang akan menentukan sesuatu usaha itu mencukupi atau tidak.

## Systematic review, monitoring & enforcement

## Apa perlu dilakukan?

- d. Memantau pegawai/kakitangan
- e. Mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat rasuah dan salah laku

### **NOTA PENCERAMAH**

- Pemantauan secara teliti mesti dibuat terhadap:
  - a. pekerja berisiko (*hot staff*);
  - b. jawatan berisiko (*hot job*) - contohnya, jawatan pegawai pelulus sesuatu kontrak atau lesen/permit;
  - c. bahagian berisiko (*hot spot*) seperti bahagian kewangan atau perolehan.
- Organisasi mesti tegas terhadap isu integriti dan rasuah.
- Pegawai/Kakitangan yang melakukan perbuatan tidak berintegriti, salah laku dan rasuah mesti diambil tindakan tegas.
- Tindakan tegas merupakan bukti keseriusan pengurusan organisasi terhadap isu salah laku dan rasuah.
- Tindakan tegas juga bertujuan memberi iktibar kepada warga organisasi yang lain.



Hebahan dan latihan mengenai:

- Dasar antirasuah
- Program latihan antirasuah
- Saluran pelaporan aduan
- Kesan ke atas ketidakpatuhan peraturan

## **NOTA PENCERAMAH**

- Setiap warga organisasi mesti dimaklumkan mengenai polisi dan inisiatif antirasuah yang dilaksanakan di organisasi.
- Latihan antirasuah mesti:
  - dilaksanakan secara berterusan.
  - melibatkan warga organisasi
  - melibatkan mereka yang berurusan dengan organisasi (contohnya, pembekal atau kontraktor syarikat).
- Pengurusan organisasi mesti menggalakkan serta meyakinkan warga organisasi untuk melaporkan rasuah dan salah laku di saluran aduan yang diwujudkan.
- Hebahan mengenai tindakan tegas yang telah diambil terhadap mereka yang melakukan perbuatan tidak berintegriti, sebagai iktibar kepada warga organisasi yang lain.

## Training & communication

Apa perlu dilakukan?

a. **Komunikasi** - Dasar antirasuah dihebahkan melalui:

- laman sesawang dan intranet organisasi
- e-mel, buletin dan poster
- kod etika perniagaan dan buku panduan pekerja
- video seminar atau mesej
- sesi perhimpunan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Hebahan tidak perlu melibatkan kos yang tinggi.
- Mesej antirasuah dihebahkan melalui saluran sedia ada seperti laman sesawang, e-mel, WhatsApp Group, poster dan lain-lain.
- Mesej antirasuah mesti sentiasa diulang sebagai peringatan kepada semua.
- Hebahan mesej antirasuah juga boleh dibuat semasa mesyuarat pengurusan atau semasa perhimpunan bulanan.

### b. Latihan

- Menjelaskan pendirian organisasi berhubung antirasuah
- Peranan warga organisasi dan mereka yang berurusan dengan organisasi
- Contoh latihan - program induksi; latihan kepada mereka yang berisiko terlibat rasuah; kursus dalaman; dan kempen kesedaran melalui media.

## NOTA PENCERAMAH

- Khidmat SPRM - organisasi boleh menjemput SPRM untuk menyampaikan ceramah integriti dan antirasuah dalam program-program yang dianjurkan.





*Toolkit 12*

---

# Bila hadiah menjadi rasuah?

Penerimaan & Pemberian

# HADIAH

Bagaimana  
menjadi  
**rasuah?**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Hadiah merupakan amalan biasa untuk menunjukkan penghargaan, kasih sayang dan sebagainya.
- Hadiah juga merupakan salah satu bentuk rasuah menurut Akta SPRM 2009.
- Beb ini akan menjelaskan:
  - Keadaan-keadaan yang menyebabkan hadiah itu menjadi rasuah.
  - Hadiah yang boleh diterima.
  - Peranan ketua jabatan apabila dirujuk permohonan untuk menerima hadiah.

**Peringatan  
kepada  
pegawai  
awam!**

**JANGAN** sesekali menerima hadiah / barang bernilai daripada kontraktor / pembekal yang berurusan rasmi dengan anda.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Pegawai awam dinasihatkan agar berhati-hati dalam pemberian dan penerimaan hadiah.
- Pegawai awam dilarang menerima hadiah daripada mereka yang mempunyai hubungan rasmi.
- Perbuatan itu salah daripada segi etika kerja dan peraturan pegawai awam
- Boleh juga menjadi satu kesalahan jenayah.
- **SOALAN:** Apakah yang dimaksudkan ‘hadiah’?
- **JAWAPAN:** Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998, hadiah termasuklah wang, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa benda yang bernilai yang diberi atau diterima pegawai awam itu.

**Sekiranya** anda menerima hadiah, tindakan itu akan menimbulkan rasa serba salah dan dilema kepada anda.




Keputusan anda mungkin telah dipengaruhi oleh hadiah yang diterima. Akhirnya, membawa kepada perbuatan **rasuah**.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Hadiah daripada pembekal/kontraktor - tiada yang betul-betul ikhlas.
- Mesti si pemberi mengharapkan sesuatu daripada anda.
- Mungkin bukan serta merta, tetapi masanya akan tiba. Si pemberi akan mengharapkan anda membalaikan pemberiannya.
- Oleh sebab itu, berhati-hati sekiranya ada pihak cuba memberi anda hadiah.
- Hadiah itu adalah satu pelaburan mereka kepada anda.

## Kesalahan menerima hadiah oleh pegawai awam



### Seksyen 165 Kanun Keseksaan

Pegawai awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya.

### Hukuman

Penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

## NOTA PENCERAMAH

- Pegawai awam mesti berhati-hati dalam menerima hadiah.
- Adalah satu kesalahan jenayah apabila seorang pegawai awam menerima barang berharga (hadiah) tanpa balasan setimpal daripada kontraktor atau pembekal yang mempunyai urusan rasmi dengannya.
- SPRM banyak menyiasat kes sebegini.
- Banyak juga yang didakwa di mahkamah sehingga mendapat sabitan.
- Contoh kes berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah yang disiasat oleh SPRM:
  - Kes 1: YDP Majlis Perbandaran Kangar menerima set golf daripada kontraktor.
  - Kes 2: Penyelia projek (JKR) menerima hadiah telefon bimbit, jam tangan, angpau dan hamper mahal daripada kontraktor.




### Mantan Menteri Besar Selangor

- Mendapatkan untuk dirinya dan isterinya.
- 2 lot tanah dan sebuah rumah di Shah Alam.
- Harga RM3.5 juta.
- Adalah diskaun melampau.

- Hartanah tersebut dibeli oleh penjual pada tahun 2004 dengan harga RM6.5 juta.
- MB dan pengarah syarikat (penjual rumah) mempunyai hubungan rasmi.
- MB didapati bersalah. Dihukum 12 bulan penjara.
- Tanah & banglo dilucut hak.

## NOTA PENCERAMAH

- Soalan yang perlu ditanya dalam kes ini:
- Sekiranya tertuduh (Khir Toyo) bukan MB dan cuma orang biasa, adakah beliau akan menerima diskaun (melampau) sebegini?
- Sekiranya penjual tidak mempunyai apa-apa urusan rasmi dengan tertuduh dan tidak berharap apa-apa daripadanya, adakah beliau akan menjual rumah tersebut pada diskaun sebanyak RM3 juta?
- Berdasarkan fakta semasa perbicaraan, dalam tawar menawar harga, saksi (penjual) bersetuju menjual harta tersebut pada harga RM5 juta atas dasar persahabatan dengan tertuduh (Khir Toyo).
- Bagaimanapun, Khir Toyo tidak setuju.
- Oleh kerana takut perniagaannya terjejas, maka penjual terpaksa bersetuju menjualnya pada harga RM3.5 juta.



## **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998: Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah dalam Perkhidmatan Awam**

- Menyediakan panduan kepada penjawat awam berhubung pemberian dan penerimaan hadiah.
- Menjelaskan bentuk hadiah yang boleh dan tidak boleh diterima.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Berdasarkan pemerhatian SPRM, ramai penjawat awam yang tidak tahu mengenai pekeliling ini.
- Kesannya, mereka melakukan kesalahan kerana menerima hadiah yang dilarang berdasarkan pekeliling ini.
- Secara ringkasnya, pekeliling ini menjelaskan perkara berikut:
  - bentuk hadiah yang boleh diterima
  - bentuk hadiah yang dilarang untuk diterima
  - tatacara penerimaan hadiah
  - prosedur untuk melaporkan penerimaan hadiah.
  - panduan kepada ketua jabatan berhubung hadiah.

# HADIAH menjadi **RASUAH** apabila...

**1** Pemberi dan penerima hadiah mempunyai hubungan rasmi

**2** Pemberian hadiah mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh si penerima

**3** Nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah diberi

## **NOTA PENCERAMAH**

- Slide menjelaskan kriteria pemberian atau penerimaan hadiah boleh menjadi rasuah.
- Walaupun hadiah bernilai RM10, sekiranya diberi oleh orang yang ada urusan rasmi dan boleh mempengaruhi keputusan si penerima - boleh dianggap sebagai rasuah.
- Terdapat juga keadaan di mana hadiah diterima daripada orang yang ada hubungan rasmi, tetapi sukar ditolak.
- Contohnya, hadiah diberi di hadapan tetamu. Sekiranya ditolak akan menyebabkan pemberi berasa malu.
- Dalam keadaan tersebut, hadiah boleh diterima. Tetapi mesti dirujuk kepada ketua jabatan untuk keputusan beliau.

## HADIAH YANG DIBENARKAN



1. Hadiah daripada orang yang **tiada kaitan** dengan tugas rasmi.
2. Hadiah yang diterima mesti kurang dari  $\frac{1}{4}$  emolumen atau **RM500.00**.
3. Berbentuk lencana, pen, plaque, **cenderamata**.
4. Barang-barang **mudah rosak** seperti sayur, buah-buahan.

## NOTA PENCERAMAH

- Prinsip asas - hadiah tidak boleh diterima daripada mereka yang mempunyai urusan rasmi.
- Hadiah hanya boleh diterima sekiranya tiada hubungan rasmi.
- Bentuk, kadar dan nilai hadiah adalah seperti dinyatakan dalam *slide*.
- **SOALAN:** Adakah pemberian hamper yang kecil nilainya dianggap rasuah?
- **JAWAPAN:** Penerimaan atau pemberian hadiah tidak kira kecil atau besar nilainya adalah menjadi satu kesalahan rasuah sekiranya orang yang memberi hadiah itu;
  - Mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi pegawai itu atau pegawai bawahannya; dan
  - Pemberian atau penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati atau berniat untuk merasuah.

## Hadiah melebihi RM500 boleh diterima sekiranya:



1

Sempena persaraan, pertukaran, pertunangan atau perkahwinan.

2

Hadiah daripada suami/isteri, ibu/bapa, mertua, atau adik beradik.

3

Hadiah daripada saudara sempena hari jadi, perkahwinan dan lain-lain.

## NOTA PENCERAMAH

- *Slide* menjelaskan keadaan-keadaan yang membenarkan pegawai awam menerima hadiah bernilai lebih RM500.
- **SOALAN:** Bolehkah seorang pegawai awam menerima keraian seperti belanja makan dan sebagainya?
- **JAWAPAN:** Boleh. Tetapi perlu mengambil perhatian serius mengenai perkara-perkara berikut:
  1. Dengan memberi/menerima keraian itu, ia tidak mempengaruhi tugas rasminya.
  2. Keraian itu tidak sama sekali menjelaskan kuasa dan tanggungjawab sebagai pegawai awam untuk kepentingan pihak yang memberi keraian.
  3. Tidak bercanggah dengan tatakelakuan pegawai awam.
  4. Sensitiviti jabatan di mana pegawai itu bertugas.
  5. Sensitiviti masyarakat.
  6. Kekerapan pegawai menerima keraian.
  7. Nilai keraian.

# Penerimaan hadiah yang perlu MENDAPAT KEBENARAN Ketua Jabatan



Pegawai yang terima hadiah ragu-ragu sama ada **NILAI HADIAH SEPADAN** dengan maksud pemberiaannya.

1

2

Pegawai awam berada dalam **SUKAR MENOLAK** pemberian hadiah bernilai yang dilarang untuk diterima.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Dijelaskan penerimaan hadiah yang perlu mendapat kebenaran ketua jabatan.
- Contoh kategori 1: Menerima hadiah bernilai tinggi seperti jam tangan berharga RM30,000 daripada jiran.
- Contoh kategori 2: Menerima hadiah/ barang bernilai semasa majlis rasmi. Sekiranya ditolak, akan menyinggung dan memalukan si pemberi.

## PERANAN KETUA JABATAN



Ketua Jabatan yang dikemukakan pengisyiharan tentang penerimaan hadiah boleh membuat keputusan berikut:

1. Mbenarkan pegawai menerima hadiah itu
2. Mengarahkan hadiah itu dikembalikan kepada si pemberi
3. Hadiah itu disimpan oleh jabatan

## NOTA PENCERAMAH

- Dijelaskan peranan ketua jabatan selepas menerima pengisyiharan daripada penerima hadiah.
- **SOALAN:** Bolehkah orang awam/syarikat memberi hadiah kepada pegawai awam sebagai tanda terima kasih kerana memudahkan urusannya dengan jabatan terbabit?
- **JAWAPAN:** Tidak boleh. Pegawai awam dilarang menerima apa-apa hadiah daripada mereka yang mempunyai kaitan dengan tugas rasminya.
- Sekiranya bercadang untuk merakamkan penghargaan, disyorkan untuk menyatakan dalam bentuk **surat penghargaan**.

Semua hadiah yang  
diterima wajib diisyiharkan  
secara **BERTULIS** kepada  
ketua jabatan.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Bagi menjaga integriti penjawat awam, semua hadiah yang diterima mesti diisyiharkan kepada ketua jabatan.
- **2 kategori** pengisyiharan:
  1. pengisyiharan semata-mata dan hadiah boleh diambil.
  2. pengisyiharan yang memerlukan kelulusan dan keputusan ketua jabatan.
- Borang pengisyiharan dilampirkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998.

## LAMPIRAN A:

# Penerimaan hadiah yang **MEMERLUKAN** kebenaran untuk menerima.

LAMPIRAN 'A'

PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN  
PENERIMAAN HADIAH DI BAWAH PERATURAN 8,  
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 DAN PEKELILING  
PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1998

PERHATIAN:

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dalam 2 salinan.
2. Borang ini hendaklah diisi dengan ditulis atau dituliskan dengan huruf cetak.

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

- (i) Name Pegawai : .....  
(ii) No. Kad Pengenalan : .....

## NOTA PENCERAMAH

- Borang ini boleh diperoleh di Lampiran A - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998.
- **SOALAN:** Adakah jabatan kerajaan boleh menerima hadiah daripada syarikat swasta?
- **JAWAPAN:** Jabatan kerajaan boleh menerima hadiah daripada syarikat swasta atau mana-mana pihak lain setelah memperoleh kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai Pengawal (Nota: rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008).

LAMPIRAN 'B'

LAPORAN PENERIMAAN HADIAH  
DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN  
BILANGAN 3 TAHUN 1998

PERHATIAN:

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dalam satu ('1') salinan sahaja.
2. Borang ini hendaklah diisi dengan cairip atau ditulis dengan huruf cetak.
3. Borang ini hendaklah dimasukkan dalam fail peribadi pegawai atau fail yang berkaitan.

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

- (i) Nama Pegawai : .....  
(ii) No. Kad Pengenalan : .....  
(iii) Gelaran Jawatan : .....

**LAMPIRAN B:**  
**Penerimaan**  
**hadiah yang**  
**TIDAK**  
**MEMERLUKAN**  
**kebenaran**  
**untuk**  
**menerima.**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Borang ini boleh diperoleh di Lampiran B - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998.
- **SOALAN:** Bolehkah Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan **meminta** apa-apa sumbangan (barang atau wang ringgit) daripada pihak luar yang **TIADA** hubungan rasmi?
- **JAWAPAN:** Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan **tidak dibenarkan meminta** apa-apa sumbangan secara langsung daripada syarikat-syarikat swasta atau orang awam. Walaubagaimanapun, kelab boleh membuat permohonan kepada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) bagi mendapatkan peruntukan. Sebarang sumbangan daripada syarikat/individu perlu disalurkan kepada MAKSAK.



**BERFIKIR SEJENAK:** Sebelum anda menerima apa-apa hadiah, soalan di bawah perlu ditanya:

1. Siapa si pemberi? Adakah saya ada kepentingan dengan beliau?
2. Sekiranya saya tidak memegang jawatan sekarang, adakah dia akan beri hadiah ini?
3. Mengapa hadiah ini tidak diberi kepada pegawai lain?
4. Mungkinkah hadiah ini diberi dengan niat tertentu?

## **NOTA PENCERAMAH**

- Pesanan ini untuk semua, terutama pegawai awam, anggota pentadbiran kerajaan dan mereka yang memegang jawatan dalam sesebuah organisasi.
- Refleksi atau muhasabah sendiri sebelum menerima sebarang tawaran hadiah.
- Sekiranya ragu-ragu, boleh hubungi SPRM untuk mendapat penjelasan.
- Atau layari portal rasmi SPRM di alamat [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my).

## **NOTA PENCERAMAH**

- **SOALAN:** Adakah jabatan/agensi kerajaan boleh meminta dan menerima apa-apa sumbangan berupa barang atau wang ringgit daripada pihak yang mempunyai hubungan rasmi dengan jabatan?
- **JAWAPAN:** Secara dasarnya, jabatan/agensi kerajaan tidak boleh meminta/menerima apa-apa sumbangan daripada mana-mana syarikat atau individu yang mempunyai hubungan rasmi dengan jabatan tersebut.  
• Bagaimanapun, jika ada syarikat atau individu yang secara **sukarela ingin memberi sumbangan**, jabatan/agensi kerajaan terbabit mesti merujuk dan memohon kelulusan daripada Pegawai Pengawal sebelum sumbangan diterima.



*Toolkit 13*

---

# Jenayah pengubahan wang haram

Transaksi  
hasil rasuah

---

**Jenayah  
pengubahan  
wang haram**




## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Bagi perbuatan rasuah, selain boleh didakwa di bawah Akta SPRM 2009, mereka yang terlibat juga boleh didakwa di bawah kesalahan pengubahan wang haram.

# **Apakah pengubahan wang haram?**



## **NOTA PENCERAMAH**

- Pengubahan wang haram (*money laundering*) - membersihkan harta 'kotor' supaya kelihatan bersih.
- 3 peringkat dalam pengubahan wang haram, iaitu:
  1. **Placement** - menempatkan wang haram di beberapa tempat. Contoh: Simpan wang haram di beberapa akaun bank.
  2. **Layering** - memindahkan atau menyembunyikan wang haram melalui urus niaga yang sah. Contoh: Wang haram dipindahkan daripada akaun bank ke perniagaan yang sah.
- **3. Integration** - Wang haram dan wang halal telah bercampur. Contoh: Wang haram yang dilabur dalam perniagaan menghasilkan keuntungan.
  - Dalam kes rasuah, selalunya wang rasuah digunakan untuk tujuan berikut:
    - membeli aset dan barang mewah seperti rumah, kereta, jam tangan dan beg tangan.
    - Disimpan atau dilaburkan dalam institusi kewangan/pelaburan seperti simpanan tetap, ASB, Tabung Haji dan sebagainya.

## Pengubahan wang haram




- Kesalahan rasuah dikategorikan sebagai jenayah serius.
- Sebarang transaksi melibatkan hasil rasuah menjadi kesalahan pengubahan wang haram.
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUA 2001).

### NOTA PENCERAMAH

- Semua kesalahan rasuah adalah kesalahan berat (*predicate offence*) seperti mana Jadual Kedua (Tafsiran Kesalahan Berat) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUA 2001).
- Oleh itu, sebarang transaksi melibatkan hasil aktiviti rasuah boleh dikategorikan sebagai jenayah pengubahan wang haram.

## ILLUSTRASI



## NOTA PENCERAMAH

- Ilustrasi ini menjelaskan bagaimana jenayah pengubahan wang haram berlaku.
- Penjenayah memperoleh hasil daripada aktiviti haram.
- Contoh aktiviti haram - rasuah, mencuri, merompak, menipu, pecah amanah, terima deposit haram dan sebagainya.
- Hasil haram digunakan untuk membeli aset, disimpan dalam bank dan pelaburan.
- Setiap transaksi itu adalah jenayah pengubahan wang haram.

## Jika sabit kesalahan pengubahan wang haram

Seksyen 4(1)  
AMLATFAPUAA 2001



**PENJARA** tidak lebih 15 tahun; **DAN**

**DENDA** 5 kali nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana yang lebih tinggi.

## NOTA PENCERAMAH

- Petikan Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUAA) 2001.
- Semangat peruntukan ini adalah:
  - Mengesan hasil yang diperoleh daripada aktiviti haram.
  - mengelakkan hasil aktiviti haram disembunyikan dan dilarikan oleh penjenayah.
  - mendapatkan semula (merampas) hasil aktiviti haram kepada kerajaan



## NOTA PENCERAMAH

- Kes ini adalah ilustrasi kesalahan pengubahan wang haram berdasarkan kes sebenar.
- Sekadar pengetahuan penceramah - kes ini melibatkan tertuduh bernama Hasbie Satar, bekas Setiausaha Sulit kepada Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.
- Kes berlaku sekitar bulan Februari 2010.
- Tertuduh **dibebaskan** daripada pertuduhan jenayah pengubahan wang haram.
- Bagaimanapun, hartanya iaitu rumah banglo dan rumah kedai telah dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.

## Rasuah dan gubah wang haram, bekas pengarah JKR dipenjara dan didenda RM36 juta



- MELAKA, 5 Julai 2018 - Bekas Pengarah JKR Melaka dihukum penjara 22 tahun 6 bulan dan denda RM36 juta atas 15 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram.
- Bagi 13 pertuduhan rasuah, tertuduh didakwa menerima suapan tunai berjumlah RM196,200 di pejabat JKR Melaka antara Mac 2014 dan Ogos 2016.
- 5 pertuduhan pengubahan wang haram bernilai lebih RM5.2 juta pula melibatkan transaksi berikut:
  - a. Pelaburan RM206,396.16 dalam akaun ASB 2;
  - b. Simpanan RM506,735.92 dalam Tabung Haji;
  - c. wang tunai RM375,200;
  - d. Pelaburan lebih RM1.98 juta dalam ASW 2020; dan
  - e. Pelaburan lebih RM2.13 juta dalam Amanah Saham Didik.
- Kesalahan tersebut dilakukan di beberapa lokasi di Melaka antara 1 September 2015 dan 15 Ogos 2016.

## NOTA PENCERAMAH

- Kes yang disiasat oleh SPRM.
- Tertuduh adalah bekas Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka, Datuk Khalid Omar.
- Pertuduhan dibuat pada 29 September 2016 di Melaka.

- PUTRAJAYA, 29 Mei 2015 - Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara 8 tahun dan denda RM1.75 juta terhadap seorang pegawai kanan polis berpangkat Superintendant kerana jenayah pengubahan wang haram.
- Beliau disabitkan 4 pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah kira-kira RM3.8 juta antara 2002 dan 2005.
- Mahkamah turut memerintah harta tertuduh bernilai kira-kira RM6 juta dilucut hak di bawah AMLATFA 2001.
- 25 September 2007 - Beliau dituduh menerima wang hasil aktiviti pengubahan wang haram melalui akaunnya seperti berikut:
  1. menerima RM2.08 juta.
  2. menerima RM679,850
  3. menerima RM941,930
  4. menerima RM250,000

### **Pegawai kanan polis dipenjara dan denda kerana pengubahan wang haram**



## **NOTA PENCERAMAH**

- Kes yang disiasat oleh SPRM.
- Tertuduh adalah Superintendant Azmi Osman.
- Tertuduh melakukan kesalahan itu ketika bertugas di Cawangan Anti-Perjudian dan Pencegahan Maksiat di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru.

## **Tertuduh pertama kesalahan pengubahan wang haram dipenjara 3 tahun, denda lebih RM6 juta**

- KUALA LUMPUR, 21 Mac 2012 - Bekas pengarah Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd adalah individu pertama di negara ini didakwa di bawah AMLA 2001, dihukum penjara 3 tahun dan denda RM6,394,530.72.
- 8 pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM41.33 juta yang dilakukan antara 3 Jun hingga 10 Jun 2003, di bawah Seksyen 4(1) AMLA 2001.
- 10 pertuduhan bersubahat dengan pekerjanya untuk memalsukan surat perjanjian Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd yang setiap satunya bernilai US\$1.2 juta (RM4.56 juta), di bawah Seksyen 109 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 468 kanun yang sama.
- Tertuduh yang seorang pengamal perubatan telah memaksa pekerjanya untuk memalsukan tandatangan CEO Safire Pharmaniaga dan bekas Timbalan Menteri Kesihatan.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Kes ini disiasat oleh PDRM.
- Kes pertama jenayah pengubahan wang haram yang didakwa dan dijatuhkan hukuman.
- Kesalahan utama atau kesalahan predikat adalah di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan iaitu memalsukan dokumen untuk menipu.
- Tertuduh terlibat memalsukan surat perjanjian.
- Jenayah pengubahan wang berlaku apabila beliau melakukan transaksi terhadap hasil yang diperoleh daripada aktiviti haramnya (pemalsuan dokumen untuk menipu).

## **4 bekas pengarah Genneva dipenjara 8 tahun, denda RM1 juta**



- PUTRAJAYA, 21 Februari 2018 - 4 bekas pengarah Genneva Sdn. Bhd. dijatuhkan hukuman penjara 8 tahun dan denda RM1 juta setiap seorang atas pertuduhan pengubahan wang haram dan menerima deposit tanpa lesen melibatkan urus niaga bernilai lebih RM200 juta.
- Mahkamah turut mendenda syarikat itu RM2 juta atas kesalahan menerima deposit tanpa lesen.
- Keempat-empat tertuduh disabitkan atas 154 pertuduhan pengubahan wang haram di Public Bank Bhd. Cawangan Kuala Lumpur di antara Julai 2008 dan Jun 2009.
- Mereka dan syarikat Genneva Sdn. Bhd. menghadapi 5 pertuduhan menerima deposit daripada orang awam tanpa lesen di antara November 2008 dan Julai 2009

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kes ini disiasat oleh Bank Negara Malaysia.
- Jenayah utama atau kesalahan predikat adalah menerima deposit wang secara tidak sah.
- Jenayah pengubahan wang haram berlaku apabila tertuduh membuat transaksi terhadap hasil daripada aktiviti haram (wang deposit yang diterima secara tidak sah).



*Toolkit 14*

---

# **White-collar crime**

# **JENAYAH KOLAR PUTIH**

*White-collar crimes*

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Sesetengah pengajur meminta agar SPRM memasukkan penjelasan mengenai jenayah kolar putih dalam ceramah.
- Bab ini memberi pengenalan ringkas mengenai perkara ini.

# White-collar Crimes

Istilah ini diperkenalkan oleh ahli sosiologi Amerika Syarikat, Edwin Sutherland pada tahun 1939.

"A crime committed by a person of respectability and high social status in the course of his occupation"

- Edwin Sutherland, 1939 -




**Edwin Hardin Sutherland**  
13 Ogos 1883 – 11 Okt. 1950

## **NOTA PENCERAMAH**

- Maksud ringkas jenayah kolar putih - jenayah yang dilakukan oleh mereka yang mempunyai status dalam sesbuah organisasi atau komuniti.

# **White-collar Crimes**



**Maksud umum –** jenayah yang tidak melibatkan kekerasan, bermotifkan kewangan. Dilakukan oleh golongan profesional di sektor awam dan swasta.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Jenayah kolar putih bermotifkan kewangan.
- Orang yang terlibat - mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, mempunyai kedudukan dalam organisasi dan dipandang tinggi dalam masyarakat.
- Tidak melibatkan kekerasan.

Mengapa dipanggil

## White-collar Crimes?

Umumnya,  
golongan  
profesional  
memakai baju  
putih dan bertali  
leher.



### **NOTA PENCERAMAH**

- Orang yang terlibat dengan jenayah ini adalah golongan profesional.
- Sinonim dengan profesional - baju putih, kemas, bertali leher, dan memakai *blazer*.

## *Blue-collar Crimes* vs White-collar Crimes

Jenayah yang dilakukan oleh kumpulan sosial bawahan, menyebabkan kecederaan dan kerosakan harta benda.



### **NOTA PENCERAMAH**

- Beza antara jenayah kolar biru dan jenayah kolar putih.
- Siapa penjenayah kolar biru? - Individu dalam kumpulan sosial bawahan. Contoh - pekerja kilang, pemandu bas dan lain-lain.
- Mengapa dikenali sebagai jenayah kolar biru? - kerana golongan ini selalunya sinonim dengan pakaian seragam berwarna biru. Contoh - pekerja kilang.
- Jenayah yang dilakukan - bersifat kekerasan.



Fraud



Penipuan perakaunan



Rasuah

## White-collar Crimes



Jenayah  
siber



Penyelewengan

## NOTA PENCERAMAH

- Antara bentuk jenayah kolar putih.
- Skim ponzi - skim yang mengambil wang pelabur kemudian untuk membayar dividen kepada pelabur awam. Contoh skim ini adalah perniagaan MLM atau skim piramid.
- Jenayah siber semakin meningkat di seluruh dunia.
- Rasuah merupakan salah satu jenayah kolar putih yang popular.

*Kesan*

## **White-collar Crimes**

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Jenayah kolar putih menyebabkan kerugian kepada organisasi, kesan kepada individu, keselamatan negara, ekonomi dan alam sekitar.
- *Slide* berikutnya akan menjelaskan beberapa fakta dan kes yang melibatkan jenayah kolar putih.

# USD3.7 trillion

Setiap tahun,  
peniagaan rugi 5%  
daripada keuntungan  
akibat **aktiviti fraud**.  
Seluruh dunia, jumlah  
kerugian USD3.7 trillion.

- Kajian oleh ACFE pada tahun 2013 -

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kajian daripada Association of Certified Fraud Examiners (ACFE).
- ACFE adalah pertubuhan profesional yang berpangkalan di Austin, Texas.

## Kes 1: Skandal Enron



Endless possibilities.™



Pada tahun 2001, syarikat gergasi tenaga, Enron bankrupt kerana fraud dalam pelaporan kewangannya.


Juruaudit kepada Enron ini pernah ditarik lesennya. Akibat skandal Enron, Arthur Anderson terjejas teruk dan tidak lagi menjadi firma terbesar dunia.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Kes 2: Keruntuhan Barings Bank


- **Barings Bank** – bank tertua di United Kingdom.
- Pernah memiliki akaun Ratu Elizabeth II.
- Bankrup pada tahun 1995, selepas 233 tahun beroperasi.
- **Punca** – aktiviti fraud, aktiviti spekulasi tidak sah oleh pengurusnya, **Nick Leeson**.
- Leeson sebabkan Barings rugi US\$1.4 bilion.
- Leeson dipenjara  $6\frac{1}{2}$  tahun.



### **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Kes 3: Skim Ponzi Bernie Madoff



- Bernard Lawrence **Madoff** (lahir 29 April 1938) - Legenda jenayah Skim Ponzi.
- Dikenali juga sebagai Skim Piramid.
- Madoff pernah memegang jawatan pengurus National Association of Securities Dealers Automated Quotation (NASDAQ).
- 2008 - Madoff ditangkap,
- \$65 bilion berada dalam akaunnya.
- Madoff mengaku bahawa salah satu anak syarikatnya menjalankan Skim Ponzi secara besar-besaran.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.




- Pada 12 Mac 2009, Madoff (71 tahun) mengaku bersalah atas 11 pertuduhan.
- Madoff dijatuhkan hukuman penjara selama 150 tahun.
- Diarahkan membayar balik \$170 bilion kepada pelabur-pelaburnya.
- Semasa di penjara, dua anak Madoff meninggal dunia.
- Seorang bunuh diri dan seorang lagi kerana barah

---

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Kes 4: Kisah pencuri 1 sen



- Aman Shah - 24 tahun, eksekutif di Hock Hua Bank.
- Gaji RM1,800 sebulan.
- Tahun 1990, Aman mencuri 1 sen setiap hari daripada akaun pelanggan bank
- Wang dimasukkan ke dalam akaun proksi di bank lain.
- Hidup mewah. Mempunyai 6 *supercars*, i.e Lamborghini Countach (RM1.3juta), Mercedes Benz 300SL (RM502,000), Mercedes Benz 300E (RM192,000), Porsche Carrera 928 S4 (RM638,000) dan BMW 329i (RM68,000).

### **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.



- Mempamerkan 3 keretanya di sebuah *showroom*, Bukit Bintang (Jun 1990).
- Muncul secara langsung di rancangan *Sekapur Sireh* (TV3), berkongsi kelebihan setiap keretanya. (3 Jun 1990).
- Bekas pengurus rasa syak selepas menonton rancangan tersebut dan membuat aduan.
- Aman didakwa kerana aktiviti penipuan berjumlah RM4 juta.
- Didapati bersalah dan dipenjara 5 tahun.

## NOTA PENCERAMAH

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Kes 5: Skim Pak Man Telo

- Skim **Ponzi** di Malaysia.
- Popular sekitar 80-an, di Taiping, Perak.
- Diasaskan oleh Pak Man Telo, bekas wartawan.
- Skim ini menggunakan wang pelabur baharu untuk bayar dividen pelabur awal.
- Syarikat Pak Man - Pestama Enterprise
- Terima pelaburan orang ramai, janjikan pulangan tinggi 10% setiap bulan.
- 50,000 pelabur, jumlah pelaburan **RM99 juta**.



PAK Man Telo.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.



- Tahun 1989 - Pak Man ditahan oleh Bank Negara.
- Beliau didakwa menerima deposit secara haram daripada orang ramai.
- Skim menjadi tidak stabil.
- Pelabur menuntut wang mereka.
- Berlaku kekecohan di kediaman Pak Man.
- Kemuncak kepada kemarahan - anak Pak Man diculik, untuk dapatkan tebusan.
- Pak Man didapati bersalah, dipenjara 2 tahun.

## NOTA PENCERAMAH

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

# **JENAYAH TERKINI**

---

*Jenayah kolar putih & perdagangan*

## **NOTA PENCERAMAH**

- *Slide berikutnya menjelaskan jenis jenis jenayah kolar putih dan jenayah perdagangan yang kerap berlaku di Malaysia.*

# MACAU SCAM

## PENYAMARAN MELALUI TELEFON



Menyamar sebagai pegawai Bank / Polis / Mahkamah / SPRM dll ...



Ugut mangsa bahawa mangsa terlibat dalam aktiviti DADAH, PENGGUBALAN WANG HARAM, tunggakan KAD KREDIT dll.

MANGSA  
TAKUT &  
CEMAS



Mangsa tidak dibenarkan memberitahu pasangan / keluarga / kenalan dengan alasan siasatan adalah sulit.



Saspek meminta maklumat semua akaun bank mangsa. Saspek meminta mangsa memindahkan wang ke akaun lain untuk tujuan siasatan.

## SASARAN MANGSA



Warga emas/  
golongan pencer



Orang kaya/  
berharta



Golongan yang mudah cemas.

**SCAM ALERT**



#beSmart

## NOTA PENCERAMAH

- Penjelasan seperti dalam slide.

## MACAU Scam



- Didalangi sindiket Taiwan dan China - menggunakan talian antarabangsa dari Hong Kong dan tempatan.
- 4 *modus operandi* paling popular:
  - a. memenangi cabuan bertuah.
  - b. tipu culik dan minta wang tebusan.
  - c. menyamar sebagai pegawai polis, pegawai mahkamah atau agensi kerajaan lain.
  - d. menyamar sebagai pegawai Bank Negara atau bank komersial.

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## **MACAU Scam (1)**



### **Cabutan bertuah (*lucky draw*)**

- Mangsa menerima panggilan telefon - memaklumkan mangsa telah memenangi cabutan bertuah bernilai jutaan dollar dari syarikat Hong Kong dan Macau.
- Sindiket memberikan nombor telefon untuk dihubungi sekiranya pengadu mahu menuntut hadiah berkenaan.
- Setelah mangsa bersetuju, mangsa dikehendaki membayar cukai dan insuran dengan cara memasukkan wang ke dalam akaun tertentu bagi menuntut hadiah tersebut.
- Setelah transaksi selesai, pemanggil gagal dihubungi dan wang hadiah yang dijanjikan tidak diterima.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## **MACAU Scam (2)**



### **'Spoofing' pegawai polis / agensi kerajaan**

- Mangsa menerima panggilan telefon daripada individu yang mengaku sebagai pegawai mahkamah dan polis
- Mangsa didakwa terlibat dalam kegiatan haram (seperti ah long, kongsi gelap dan pengedaran dadah)
- Mangsa diminta memindahkan wang dari akaunnya ke akaun tertentu, kononnya bagi mengelakkan akaun mangsa dibekukan oleh pihak berkuasa.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## **MACAU Scam (3)**



### **'Spoofing' pegawai bank negara atau bank komersial (kad kredit)**

- Mangsa menerima panggilan daripada seseorang yang mengaku sebagai pegawai bank.
- Mangsa didakwa gagal membuat bayaran kad kredit.
- Mangsa diarah untuk menghubungi seseorang, kononnya pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengelakkan nama disenarai hitam atau akaun bank dibekukan.
- Mangsa diminta membuat pemindahan wang ke akaun tertentu melalui e-banking atau melalui mesin deposit tunai (CDM).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam slide.

## **MACAU Scam (4)**



Kidnap scam

### **Tipu culik dan minta wang tebusan**

- Mangsa menerima panggilan telefon daripada seseorang yang mendakwa anak atau saudaranya diculik.
- Mangsa diperdaya untuk memindahkan wang tebusan ke nombor akaun pihak ketiga yang diberikan oleh pemanggil (sindiket).
- Helah/taktik lain - dakwaan langgar lari dan gagal membayar hutang pinjaman bank / institusi kewangan).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Penipuan cinta



- Mangsa akan berkenalan melalui internet dan kemudiannya bercinta.
- Suspek mendakwa ingin ke Malaysia kerana ingin mengahwini mangsa.
- Apabila tiba di Malaysia (kononnya), suspek/ahli sindiket akan menghubungi mangsa dan mendakwa suspek telah ditahan oleh pihak berkuasa atas beberapa kesalahan.
- Mangsa dikehendaki membayar sejumlah wang bagi membolehkan suspek dilepaskan.

## NOTA PENCERAMAH

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Penipuan bungkusan



- Mangsa berkenalan dengan suspek melalui laman sosial.
- Suspek meyakinkan mangsa bahawa dia telah jatuh cinta dengan mangsa.
- Suspek berhasrat mengirimkan bungkusan kepada mangsa sebagai tanda cinta.
- Mangsa dihubungi seseorang yang mendakwa pegawai kastam atau syarikat perkhidmatan penghantaran - memaklumkan bungkusan yang dikirim kepada mangsa telah sampai.
- Mangsa diarah membayar cukai atau insuran kerana bungkusan tersebut dikesan mengandungi wang/barang berharga yang tidak diisyihar.
- Mangsa hanya sedar ditipu apabila barang yang dijanjikan tidak diterima, walaupun bayaran telah dibuat.

## NOTA PENCERAMAH

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Penipuan e-banking



- Berpunca daripada kecuaian pelanggan kerana mendedahkan kata laluan kepada pihak ketiga.
- Mangsa menerima SMS kononnya telah memenangi hadiah wang tunai.
- Bagi menuntut hadiah, mangsa diarah membuka akaun perbankan internet dan seterusnya mengikut arahan yang diberikan.
- Arahan itu termasuklah mendedahkan kata laluan serta menjadikan telefon bimbit sindiket sebagai medium untuk menerima SMS kod pengesahan bank.

## NOTA PENCERAMAH

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## ***Phishing***



- Sindiket memperdayakan mangsa untuk mendedahkan maklumat akaun bank atau kad kredit.
- Sindiket menghantar e-mel palsu seolah-olah dihantar oleh pihak yang sah (institusi perbankan).
- E-mel tersebut meminta mangsa mendedahkan maklumat peribadi.
- Terdapat juga kes yang mengalih mangsa ke laman web palsu yang menyerupai laman web sah.

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Penipuan kad kredit (1)



### ***Fraudulent applications***

- Sindiket membuat permohonan kad kredit dengan memalsukan kad pengenalan, slip gaji dan surat pengesahan majikan.
- Sindiket menjadikan rumah kosong yang tidak berpenghuni sebagai alamat penghantaran pos.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam slide.

## Penipuan kad kredit (2)



### ***Account takeover/Identity theft***

- Penglibatan 'orang dalam' institusi kewangan.
- Mereka memberi segala maklumat pemegang akaun kepada sindiket.
- Sindiket akan menghubungi 'Card Centre' memperkenalkan diri sebagai tuan punya kad dan membuat laporan tentang kehilangan kad.
- Sindiket akan membuat permohonan tukar alamat.
- Setelah mendapat kelulusan, bank akan menggantikan kad yang dilaporkan hilang tersebut tanpa pengetahuan pemegang kad asal.
- Kad baharu akan diposkan ke alamat sindiket.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam *slide*.

## Penipuan kad kredit (3)



### ***Non-received issue fraud***

- Penghantaran kad kredit yang dipohon oleh pelanggan dicuri atau dipintas.
- Pekerja pos berkemungkinan besar terlibat.
- Kad asal jatuh ke tangan sindiket, yang memaksimumkan pembelian pada kad kredit.
- Pengeluaran wang tunai akan berlaku jika terdapat PIN ATM pada kad kredit asal untuk pengeluaran tunai.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Penjelasan seperti dalam slide.

## Mengenal pasti profil *fraudster*



### NOTA PENCERAMAH

- Cambridge Dictionary - *fraud* adalah “*the crime of getting money by deceiving people*”; atau “*the crime of obtaining money or property by deceiving people*.”
- Contoh *fraud* - corporate *fraud*, *credit card/tax fraud*, bank/accounting *fraud*
- *Fraudster* adalah orang yang melakukan jenayah *fraud*.

## KPMG: *Global profiles of the fraudsters*



- Laporan diterbitkan pada Mei 2016.
- Kajian terhadap 750 fraudster seluruh dunia.
- Tempoh kajian Mac 2013 - Ogos 2015.
- Melihat profil fraudster - melibatkan penipuan dan penyelewengan dalam organisasi

## NOTA PENCERAMAH

- KPMG adalah antara 4 firma perakaunan dan pengauditan terbesar di dunia.
- 3 yang lain adalah Deloitte, PricewaterhouseCoopers (PwC), dan Ernst & Young (EY).
- KPMG membuat kajian bagi melihat profil orang yang terlibat dengan jenayah *fraud* dalam organisasi.
- Kajian terhadap 750 *fraudster* di seluruh dunia.
- Hasil kajian diterbitkan satu laporan bertajuk KPMG: *Global profiles of the fraudsters*.



## JANTINA

- **Lelaki (79%)**

## UMUR

- **36 - 55 tahun (68%)**
- **26 - 35 tahun (14%)**
- **Lebih 55 (8%)**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Daripada segi jantina dan umur - majoriti *fraudster* adalah lelaki (79%)
- Berumur 36-55 tahun - pada tahap ini, mereka telah matang, ada kedudukan dan tahu selok belok organisasi.
- Pengetahuan dan pengalaman yang memudahkan mereka melakukan *fraud*.



## Majoriti fraud adalah perbuatan ‘orang dalam’, bersekongkol

- Pekerja syarikat (65%), kebanyakannya telah bekerja lebih 6 tahun
- Bekas pekerja (21%)
- 62% insiden fraud dilakukan lebih daripada seorang (bersekongkol)

### **NOTA PENCERAMAH**

- *Fraud* adalah jenayah ‘orang dalam’.
- Sebabnya adalah jelas. Mereka faham dan tahu selok belok organisasi.
- Mereka memanipulasi kelemahan sistem dan prosedur untuk keuntungan peribadi.
- Mereka tahu bagaimana untuk tidak ditangkap.

## Fraud dilakukan oleh individu berjawatan dan dihormati



- Pengarah Eksekutif/Bukan Eksekutif (34%)
  - Pengurus (32%)
  - Kakitangan (20%)
- Majoriti fraudster adalah individu dihormati dalam organisasi (38%)

### NOTA PENCERAMAH

- *Fraud* dilakukan oleh mereka yang mempunyai jawatan dalam organisasi.
- Sebabnya, jawatan memberikan mereka kuasa dalam sesuatu proses kerja.
- Mereka juga boleh mengarahkan pekerja untuk melakukan sesuatu perkara.
- Jawatan juga menjadikan mereka dihormati dalam sesebuah organisasi.
- NOTA: Orang yang terlibat dengan *fraud* dan rasuah, bukanlah orang yang jahat. Mereka adalah orang yang terperangkap dengan sikap tamak sehingga sanggup melakukan perkara yang salah untuk faedah diri sendiri.

## Punca utama berlaku fraud?

Kelemahan **kawalan dalaman** menyebabkan perbuatan fraud dapat dilakukan dalam organisasi (61%)



### **NOTA PENCERAMAH**

- Kelemahan kawalan dalaman menjadi faktor utama *fraud* berlaku.
- Contoh - kelemahan pemantauan oleh pegawai atasan, pemberian lebih kuasa dalam sesuatu proses, sistem dan prosedur yang banyak kelemahan dan tiada mekanisme '*check & balance*' dalam sesuatu proses.



Fraud paling kerap berlaku adalah:

1. Penyelewengan aset (penipuan dalam perolehan) - (47%)
2. Penipuan dalam laporan kewangan - (22%)

Teknologi menjadi pembantu (atau *enabler*) untuk fraud dilakukan.



## NOTA PENCERAMAH

- Terdapat banyak jenis *fraud*.
- *Fraud* yang paling kerap berlaku dalam organisasi adalah penyelewengan dalam perolehan dan penipuan laporan kewangan.
- Kajian KPMG mendapati, teknologi membolehkan *fraud* dalam dilaksanakan dengan jayanya.

# Pengesanan fraud




- Laporan pengadu/pemberi maklumat (43%)
- Pemeriksaan pengurusan syarikat - contohnya, melalui audit (22%)
- Secara tidak sengaja (14%)


## NOTA PENCERAMAH

- Bagaimana aktiviti *fraud* dikesan?
- Kebanyakan melalui aduan.
- Sebab itu, organisasi perlu menguatkan saluran aduan. Supaya, warga organisasi boleh membuat aduan mengenai sebarang salah laku yang berlaku.
- Pengesanan juga dibuat melalui pemeriksaan seperti proses audit dan sebagainya.
- Juruaudit mesti melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya menemui perbuatan penyelewengan, rasuah dan *fraud* dalam organisasi.


## Mengapa fraud dilakukan?




Kerana keuntungan peribadi dan tamak



Kerana mempunyai kemampuan



Budaya organisasi




Untuk capai sasaran - sembunyi kerugian untuk terima bonus


### **NOTA PENCERAMAH**

- Faktor yang mendorong seseorang itu terlibat *fraud*.
- 2 faktor utama
  - kerana ingin mendapat keuntungan peribadi dan sifat tamak; dan
  - kerana mempunyai kemampuan. Kemampuan wujud kerana kuasa yang dimiliki; dan pengetahuan tentang sesuatu proses serta bagaimana untuk memanipulasi untuk faedah diri sendiri.


## Mengapa fraud dilakukan?




Untuk capai sasaran bajet - sembunyi kerugian untuk kekal dalam organisasi.



Untuk capai sasaran - sembunyi kerugian untuk lindungi organisasi



Motif lain selain yang disebut sebelum ini



Lain-lain motif (hilang kepercayaan *stakeholder*, elak tindakan undang-undang, untuk publisiti, untuk penarafan)

### **NOTA PENCERAMAH**

- Antara motif lain - tekanan untuk mencapai sasaran dan kerana ingin lindungi kerugian organisasi.

## **RASUAH**

- Adalah salah satu jenayah kolar putih (white-collar crime).
- Kesan daripada perbuatan rasuah lebih serius.

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Kesimpulan daripada tajuk ini.
- Rasuah adalah salah satu jenayah terbesar dalam ‘jenayah kolar putih’
- Jenayah rasuah membawa mudarat yang lebih dasyat kepada organisasi.
- Seksyen 17A Akta SPRM 2009 - syarikat boleh didakwa sekiranya pegawai melakukan rasuah untuk faedah syarikat.
- Rasuah juga membawa mudarat kepada ekonomi dan keselamatan negara.
- Malah, banyak kerajaan yang telah tumbang kerana jenayah rasuah.





*Toolkit 15*

---

# Pengiktirafan kepada penjawat awam yang menolak rasuah



## PENGIKTIRAFAN

kepada **penjawat awam** yang  
melaporkan pemberian/penerimaan  
rasuah

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Ramai penjawat awam yang tidak tahu bahawa mereka akan diberi pengiktirafan sekiranya melaporkan pemberian/penerimaan rasuah.
- Bab ini memberi input kepada penceramah SPRM berhubung perkara ini.

## TANGGUNGJAWAB MEMBUAT ADUAN



Gagal melapor **tawaran/pemberian** rasuah

- didenda tidak lebih RM100,000; atau
- penjara tidak lebih 10 tahun; atau
- kedua-duanya sekali.



Gagal melapor **permintaan/penerimaan** rasuah

- didenda tidak lebih RM10,000; atau
- penjara tidak lebih 2 tahun; atau
- kedua-duanya sekali.

## NOTA PENCERAMAH

- Melaporkan rasuah bukan sekadar tanggungjawab, tetapi adalah kehendak undang-undang.
- **Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009** - mewajibkan pelaporan oleh mana-mana orang yang ditawar, diberi atau dijanjikan rasuah.
- Gagal melapor merupakan satu kesalahan di bawah **Seksyen 25(2) Akta SPRM 2009**.
- **Seksyen 25(3) Akta SPRM** - mewajibkan pelaporan oleh mana-mana orang yang diminta, diperoleh atau cuba diperoleh rasuah.
- Gagal melapor merupakan satu kesalahan di bawah **Seksyen 25(4) Akta SPRM 2009**.

**Penjawat awam** melaporkan rasuah,  
akan diberi ganjaran dan pengiktirafan!

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Khas untuk penjawat awam
- Pegawai dan kakitangan GLC serta syarikat swasta tidak tertakluk kepada pengiktirafan dan ganjaran ini.

## PUNCA KUASA



- 19 Ogos 2010 - Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri **bersetuju** memberi pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan rasuah.
- 11 Mei 2011 - Ketua Setiausaha Negara mengeluarkan **surat pekeliling** bertajuk 'Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah'.

## NOTA PENCERAMAH

- Latar belakang dan punca kuasa kepada pekeliling pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan rasuah.

# PENJAWAT AWAM?

## Fasal 1 Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan:

Perkhidmatan awam termasuklah

- perkhidmatan awam persekutuan
- perkhidmatan awam negeri
- pasukan polis
- angkatan tentera
- perkhidmatan kehakiman dan perundangan
- perkhidmatan pendidikan

Bagi maksud pengiktirafan ini - termasuk penjawat awam yang dilantik secara kontrak

## **NOTA PENCERAMAH**

- Surat pekeliling terpakai kepada penjawat seperti mana yang ditakrifkan dalam *slide* di atas.

## OBJEKTIF PENGIFTIRAFAN

**1**

Menggalakkan penjawat awam melaporkan rasuah.

**2**

Mengiktiraf penjawat awam yang memperlihatkan etika dan integriti dalam menangani rasuah.

**3**

Mewujudkan skim khusus untuk mengiktiraf penjawat awam yang melaporkan kes rasuah.

**4**

Meningkatkan imej sektor awam - penjawat awam tidak berkompromi perbuatan rasuah.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Objektif utama adalah memberi motivasi kepada penjawat awam untuk membudayakan integriti dan menolak rasuah semasa melaksanakan tugas.

# KRITERIA PENGIFTIRAFAN

- Aduan mestilah dilaporkan kepada SPRM.
  - 1
- Kes itu hendaklah membawa kepada sabitan (mahkamah) sehingga ke peringkat yang tiada lagi rayuan boleh dibuat.
  - 2
  - 3
- Penjawat awam yang melaporkan rasuah hendaklah memberi kerjasama penuh sehingga perbicaraan selesai.

## NOTA PENCERAMAH

- Jelaskan secara ringkas.
- Ganjaran bukan diberi serta merta selepas laporan dibuat.
- Ganjaran akan diberi selepas kes mendapat sabitan dan selesai (tiada lagi rayuan)

# KRITERIA PENGIKTIRAFAN

Pesara layak diberi pengiktirafan sekiranya aduan rasuah dibuat semasa masih berkhidmat.

4

Pengiktirafan kepada penjawat awam dan bukannya kepada kementerian, jabatan atau agensi.

5

## NOTA PENCERAMAH

- Kriteria ke-4 bermaksud pengiktirafan adalah kepada individu terbabit (yang melaporkan rasuah). Bukan pengiktirafan kepada kementerian atau agensi.

# **PROSES PENGIKTIRAFAN**

**NOTA PENCERAMAH**

## PENCALONAN



- Pencalonan bagi pengiktirafan penjawat awam oleh Panel Perakuan
- Pemilihan dibuat berdasarkan laporan kes dan pendakwaan terhadap pesalah rasuah
- **Panel Perakuan** peringkat persekutuan: Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, wakil JPA, wakil Biro Pengaduan Awam dan wakil Jabatan Audit Negara
- **Panel Perakuan** peringkat negeri: Pengarah SPRM Negeri, wakil SUK, dan wakil Jabatan Audit Negara peringkat negeri

## NOTA PENCERAMAH

- Jelaskan secara ringkas.

## PENILAIAN

- Penilaian dibuat oleh Panel Penilaian.
- **Panel Penilaian** bertanggung jawab:
  - a. menilai cadangan Panel Perakuan
  - b. membuat keputusan
  - c. mempertimbangkan nilai/bentuk ganjaran
- Ahli Panel Penilaian:
  - a. Ketua Pesuruhjaya SPRM,
  - b. KSU Perbendaharaan (atau wakil), TKP Operasi SPRM,
  - c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (atau wakil)
  - d. Pengarah Bahagian Perundungan & Pendakwaan
  - e. Pengarah Bahagian Pengurusan Manusia & Pentadbiran Am



## NOTA PENCERAMAH

- Jelaskan secara ringkas.

Bentuk

## GANJARAN & PENGIKTIRAFAN



- Ganjaran - berdasarkan nilai sogokan yang diberi atau diterima.
- Jika sogokan melibatkan harta alih atau tidak alih (contohnya, kereta atau rumah), nilai sogokan akan ditentukan berdasarkan nilai pasaran.
- Nilai ganjaran minimum adalah RM500.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Bentuk ganjaran.
- **Ganjaran** bermaksud hadiah wang.
- Nilai ganjaran diputuskan oleh Panel Penilaian (*slide* sebelum ini)

Bentuk

## GANJARAN & PENGIKTIRAFAN

Pelapor pemberian rasuah akan diberikan:

1. Sijil penghargaan; dan
2. Dipertimbangkan pencalonan anugerah pingat peringkat persekutuan/negeri



### **NOTA PENCERAMAH**

- Bentuk pengiktirafan.
- 2 bentuk **pengiktirafan** iaitu sijil penghargaan dan pertimbangan untuk anugerah pingat persekutuan/negeri.

## **Pengiktirafan kepada mereka yang menolak rasuah**

---

**339** penjawat awam telah  
menerima pengiktirafan ini

**RM640,415**

Jumlah ganjaran yang telah diberi kepada  
penjawat awam terbabit

Sehingga 31 Disember 2019

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Secara ringkas - jumlah penjawat awam  
yang menerima pengiktirafan dan nilai  
ganjaran yang telah diberikan.

**STATISTIK penjawat awam yang diiktiraf kerana  
melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah**  
(2012 – 2019)

BIL.	PERKARA	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	JUMLAH
1	Bilangan kes	34	48	48	60	54	60	53	43	<b>400</b>
2	Bilangan calon yang diperakusi untuk diberi ganjaran dan sijil	27	42	43	51	50	53	37	36	<b>339</b>
3	Nilai rasuah yang terlibat (RM) <i>*jumlah rasuah bagi keseluruhan kes</i>	RM 16,490	RM 82,473	RM 82,025	RM 84,347	RM 64,415	RM 98,294	RM 199,479	RM 111,790	<b>RM 739,313</b>
4	Nilai ganjaran (RM) <i>*ganjaran bagi calon yang telah diperakusukan</i>	RM 26,300	RM 96,700	RM 91,600	RM 94,325	RM 74,650	RM 106,810	RM 69,550	RM 80,480	<b>RM 640,415</b>

## **NOTA PENCERAMAH**

- Maklumat terperinci mengenai ganjaran dan pengiktirafan kepada penjawat awam.
- Jumlah ini sehingga 31 Disember 2019.





*Toolkit 16*

---

# **Pelan Antirasuah Nasional (NACP) & Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)**

# **PELAN ANTIRASUAH NASIONAL**

*National Anti-Corruption Plan (NACP)*

---

## **NACP 2019 - 2023**

### **NOTA PENCERAMAH**

- NACP merupakan dasar utama negara berkaitan antirasuah.
- Dasar ini terpakai kepada semua kementerian, agensi awam, GLC dan syarikat swasta.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Latar belakang dasar antirasuah bagi negara ini.
- Dengan adanya NACP, pelan-pelan lain adalah terbatal.

# PELAN ANTIRASUAH NASIONAL

## 2019 - 2023

Pelan 5 tahun ini dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Perdana Menteri. Pelan ini merupakan **dasar** dan **araham** kerajaan berkaitan pencegahan rasuah.

### **NOTA PENCERAMAH**

- NACP adalah pelan 5 tahun (2019-2023)
- Pelancaran dibuat oleh YAB Perdana Menteri menunjukkan komitmen peringkat tertinggi negara untuk menjayakan pelan ini.

# **Aspirasi Nasional**

Malaysia dikenali kerana integriti  
dan bukannya rasuah.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Sebelum ini, banyak isu rasuah membelenggu negara.
- Nama negara agak tercemar dengan skandal rasuah.
- Oleh sebab itu, aspirasi negara adalah menjadikan Malaysia negara yang dikenali dengan integriti dan bukannya rasuah.

# **PELAN ANTIRASUAH NASIONAL**

## **2019 - 2023**

---

<b>6</b> Bidang keutamaan	<b>6</b> Strategi	<b>17</b> Objektif Strategik	<b>115</b> Inisiatif
---------------------------------	----------------------	------------------------------------	-------------------------

### **NOTA PENCERAMAH**

- Overview kepada kandungan NACP.

# Kerangka Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

VISI		Ke Arah Negara Bebas Rasuah				
MISI	Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang		Meningkatkan Kecekapan, Ketelusuran dan Akauntabiliti Kerajaan Berdasarkan Tadbir Urus Baik		Mewujudkan Persekutuan Perniagaan Yang Bersih	
MATLAMAT	Akauntabiliti dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang		Kecekapan dan Responsif dalam Penyampaian Perkhidmatan		Integriti dalam perniagaan	
BIDANG KEUTAMAAN	Tadbir Urus Politik	Sektor Pentadbiran Awam	Perolehan Awam	Perundangan dan Kehakiman	Penguatkuasaan Undang-Undang	Tadbir Urus Korporat
STRATEGI	Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti Politik	Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan	Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusuran Perolehan awam	Mempertingkat kredibiliti sistem perundungan dan kehakiman	Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang	Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat

## NOTA PENCERAMAH

- NACP adalah pelan komprehensif yang mengambil kira semua sektor.
- Penceramah perlu memberi penjelasan mengenai:
  - 6 bidang keutamaan
  - 6 strategi yang ditetapkan
- **Rasional** memberi fokus kepada **6 bidang** permasalahan utama:
  - a. Tadbir urus politik - punca utama yang menghasilkan isu 1MDB.
  - b. Pentadbiran sektor awam - 63.30% daripada maklumat rasuah bermula sini.
  - c. Perolehan awam - 42.84% daripada kes rasuah berlaku dalam bidang perolehan.
  - d. Perundangan dan kehakiman - kes rasuah perlu diuruskan oleh hakim dan DPP berpengalaman dan mesti diselesaikan segera.
  - e. Penguatkuasaan undang-undang - majoriti tangkapan SPRM dalam sektor awam melibatkan agensi penguatkuasaan.
  - f. Tadbir urus korporat - ekosistem dalam sektor swasta mesti bersih daripada segala bentuk rasuah.

# 22 inisiatif yang diberi keutamaan

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Berikut adalah 22 inisiatif utama NACP yang diberi keutamaan untuk dilaksanakan.



Memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan **pembiayaan politik** termasuk melobi.

Memperkenalkan sistem  
**pengisytiharan harta** Anggota  
Pentadbiran dan Ahli Parlimen.



## NOTA PENCERAMAH

### PENGISYIHARAN HARTA

- Semua anggota Pentadbiran telah diwajibkan membuat perisyiharan harta
- Anggota Pentadbiran - Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Politik dan Setiausaha Sulit Menteri/Timbalan Menteri.
- Maklumat ini dipaparkan dalam portal Perisyiharan Harta SPRM.
- Bertujuan - rakyat dapat menilai sama ada seorang Anggota Pentadbiran itu telah membina kekayaan semasa memegang jawatan atau sebaliknya.

- Boleh layari <https://mydeclaration.sprm.gov.my>

### PEMBIAYAAN POLITIK

- Memastikan ketelusan parti politik berhubung sumbangan yang diterima.
- Memastikan sumbangan tidak disalah guna dan tidak berunsur rasuah.



Menambah baik dasar dan mekanisme berkaitan **penerimaan hadiah**, keraian dan bayaran oleh Anggota Pentadbiran.



Memperkenalkan Arahan Perdana Menteri dalam pengurusan **had bidang kuasa** antara Menteri dengan Ketua Setiausaha.

## **NOTA PENCERAMAH**

### **PENERIMAAN HADIAH**

- Peraturan penerimaan hadiah, keraian serta upahan oleh Anggota Pentadbiran dilaksanakan dengan menggunakan satu borang khas yang disediakan oleh SPRM.
- Bertujuan agar apa juga ‘habuan’ yang diterima dilaporkan secara telus bagi menghindar sebarang tohongan.
- Dasar yang jelas membantu Anggota Pentadbiran untuk menilai sendiri hadiah yang boleh dan tidak boleh diterima.

### **BIDANG KUASA MENTERI & KSU**

- Bertujuan agar Menteri tidak menganggu tugas KSU dan pegawai-pegawaiannya dalam melaksanakan tugas.
- Peranan Menteri - membuat dasar untuk kepentingan rakyat.
- Peranan KSU - melaksanakan dasar yang telah ditetapkan.

Melarang Anggota Pentadbiran atau individu berpengaruh mengeluarkan **surat sokongan** ke atas mana-mana permohonan atau projek.

Oleh itu, semua ketua jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima surat sokongan sebagai arahan atau keputusan daripada anggota pentadbiran atau individu berpengaruh.



## **NOTA PENCERAMAH**

### **SURAT SOKONGAN**

- Ketua-ketua jabatan diarah tidak lagi menganggap surat sokongan atau sebarang bentuk pengaruh luar sebagai satu arahan atau keputusan Anggota Pentadbiran yang wajib dilaksanakan.
- Ketua jabatan mesti melaksanakan tugasnya dengan mematuhi peraturan dan prosedur kerja yang telah ditetapkan.
- Perkara ini akan mengelakkan anggota pentadbiran menyalah guna kuasa yang ada pada mereka.




Memperkenalkan dasar berhubung dengan **pelantikan ahli politik** sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOEs), syarikat terhad dengan jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan professional sahaja.

## **NOTA PENCERAMAH**

### **PELANTIKAN AHLI POLITIK DI AGENSI BERKAITAN KERAJAAN**

- Tiada lagi lantikan pengerusi syarikat atau agensi berkaitan kerajaan daripada kalangan ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri.
- Pemilihan adalah berasaskan kepakaran serta kelayakan (seperti di Tabung Haji, FGV Holdings, FELCRA dan MARA).

Mengukuhkan mekanisme dalam menguat kuasa **pusingan kerja** secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif.



Menguruskan penglibatan dan pelantikan pegawai kanan kerajaan sebagai **Ahli Lembaga Pengarah** dan **Ketua Pegawai Eksekutif** di semua syarikat berkepentingan kerajaan dan badan berkanun.

## NOTA PENCERAMAH

### PUSINGAN KERJA

- Bertugas di sesuatu tugas, posisi dan tempat terlalu lama membuka ruang kepada rasuah.
- Pusingan kerja dilaksanakan terhadap mereka yang berisiko tinggi seperti mana kategori berikut:
  - a. pekerja berisiko (*hot staff*) - pekerja yang menerima aduan salah laku.
  - b. jawatan berisiko (*hot job*) - contohnya, jawatan pegawai pelulus sesuatu kontrak atau lesen/permit
  - c. bahagian berisiko (*hot spot*) seperti bahagian kewangan atau perolehan

### PEGAWAI KERAJAAN DALAM AGENSI BERKAITAN KERAJAAN

- Tujuan pegawai kanan dilantik di agensi berkaitan kerajaan/GLC adalah bagi menjaga kepentingan kerajaan.
- Isu tadbir urus yang timbul apabila ada pegawai kerajaan dilantik di banyak agensi dan beliau menikmati elauan tertentu di agensi berkenaan.
- Perkara tersebut sudah tentu menganggu tugas hakiki beliau di agensi/kementerian.
- Inisiatif ini menghadkan pelantikan pegawai kanan kerajaan (sebagai BOD) **tidak lebih** 5 agensi/syarikat sahaja.

Menyemak semula dan memperkuatkan proses **tapisan integriti** sedia ada khususnya pegawai kerajaan yang memegang jawatan dan tanggungjawab yang berisiko tinggi.



Mengawal selia kuasa **ahli politik** dan **individu berpengaruh** termasuk menghadkan pengaruh, campur tangan dan kawalan terhadap prestasi dan pembuatan keputusan oleh **pihak berkuasa tempatan**

## NOTA PENCERAMAH

### TAPISAN INTEGRITI

- Tapisan integriti dibuat oleh SPRM.
- Tapisan integriti merupakan proses saringan bertujuan memastikan hanya calon yang bebas daripada pelakuan dan penyiasatan rasuah diperakukan untuk memegang sesuatu jawatan.
- Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985 - semua penjawat awam diwajibkan lulus tapisan keutuhan sebagai syarat kenaikan pangkat atau pemangkuhan, persaraan, penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat.

### KUASA AHLI POLITIK DI PBT

- Ahli politik yang dilantik dalam PBT (contohnya sebagai Ahli Majlis) dilihat banyak mempengaruhi dan mengganggu pembuatan keputusan di PBT.
- Inisiatif ini bagi memastikan ahli politik yang dilantik dalam PBT tidak menyalah guna kuasa mereka bagi mengarahkan PBT untuk membuat sesuatu perkara untuk kepentingan mereka.



Memperkenalkan garis panduan yang telus dalam pelantikan **pegawai khas, setiausaha politik, setiausaha sulit, setiausaha media** kepada semua Menteri dan Timbalan Menteri merangkumi perkara berikut:

- terma dan syarat pelantikan
- bilangan pegawai yang layak dilantik
- fungsi dan tanggungjawab
- gaji dan imbuhan yang layak

## **NOTA PENCERAMAH**

### **PELANTIKAN PEGAWAI KHAS DAN SU MENTERI/TIMBALAN MENTERI**

- Pegawai khas, SU Politik, SU Sulit dan SU Media merupakan mereka yang rapat dengan Menteri atau Timbalan Menteri.
- Hubungan yang rapat itu membuka ruang kepada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa.
- Contohnya, mereka menggunakan nama Menteri untuk meminta suapan dan sebagainya.
- Oleh sebab itu, perlu ada garis panduan dalam melantik Pegawai khas, SU Politik, SU Sulit dan SU Media.
- Garis panduan bagi memastikan mereka yang dilantik adalah benar-benar berintegriti, tiada isu salah laku dan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.



Mewujudkan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pelaksanaan **kuasa-kuasa Menteri** yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang khususnya dalam perolehan dan sistem kewangan



Memastikan semua agensi dan agensi kawal selia untuk melaksanakan **projek berdasarkan nasihat dan cadangan** yang dikemukakan oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan agensi teknikal yang berkaitan

## **NOTA PENCERAMAH**

### **KETELUSAN DALAM PELAKSANAAN KUASA MENTERI**

- Peruntukan undang-undang memberi banyak kuasa kepada Menteri berkaitan perolehan dan hal ehwal kewangan.
- Perkara ini boleh membuka ruang berlakunya salah guna kuasa oleh Menteri.
- Inisiatif ini bagi mengkaji campur tangan Menteri dalam perolehan dan hal ehwal kewangan kerajaan.
- Bagi memastikan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam sesuatu urusan perolehan.

### **PELAKSANAAN PROJEK AWAM BERDASARKAN NASIHAT DAN CADANGAN JKR**

- Bagi mengelakkan projek kerajaan mengalami masalah teknikal sehingga menyebabkan kerugian besar, semua projek kerajaan mesti berpandukan nasihat dan cadangan agensi teknikal seperti JKR.



Memperkenalkan **klausa standard** dalam semua perolehan projek yang diterima bagi melindungi kepentingan kerajaan dalam semua projek / kontrak yang melibatkan kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkepentingan kerajaan.

Sekiranya berlakunya pelanggaran kontrak, maka kerajaan boleh pada bila-bila masa, menamatkan dan / atau menfailkan kes sivil terhadap pihak dalam kontrak.

## **NOTA PENCERAMAH**

### **KLAUSA STANDARD DALAM PEROLEHAN**

- Bertujuan memastikan kepentingan kerajaan terjamin dalam sesuatu perolehan.
- Klausa standard akan terpakai kepada projek-projek milik agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkepentingan kerajaan.

- Klausa standard - sekiranya berlaku pelanggaran, kerajaan boleh menamatkan kontrak atau menfailkan kes sivil.



Memastikan pengasingan kuasa yang jelas dan memartabatkan keadilan, iaitu kuasa Pendakwa Raya hendaklah diasingkan daripada kuasa Peguam Negara.



Memberi keutamaan supaya kes rasuah didengar oleh hakim dan diuruskan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang berpengalaman dan dilatih dalam menguruskan kes rasuah.

## NOTA PENCERAMAH

### PENDAKWA RAYA & PEGUAM NEGARA

- Peguam Negara - berperanan sebagai penasihat undang-undang kepada kerajaan.
- Pendakwa Raya - berperanan menjalankan pendakwaan.
- Pada masa sekarang, Pendakwa Raya dan Peguam Negara adalah individu yang sama iaitu **Peguam Negara**
- Wujud *conflict of interest* apabila perbuatan rasuah dilakukan oleh pihak kerajaan. Tanggungjawab Peguam Negara - Adakah perlu nasihat atau jalankan pendakwaan?

### PENGURUSAN KES RASUAH DI MAHKAMAH

- Inisiatif ini memastikan kes rasuah diberi perhatian dalam peringkat perbicaraan.
- Rasuah adalah jenayah yang unik kerana melibatkan 2 pihak yang sama-sama mendapat keuntungan.
- Orang yang terlibat rasuah adalah mereka yang mempunyai kedudukan dan tahap pendidikan yang baik.
- Oleh itu, perbicaraan dan pengurusan kes di mahkamah mesti dilaksanakan oleh hakim dan TPR yang berpengalaman.



Menyepadukan agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam mengurus **kawalan sempadan** bagi memastikan pengurusan sempadan yang berkesan.

Menambah baik sistem **pengurusan pekerja asing** berpusat dengan cara memperkemas dan menyepadukan sistem permohonan pekerja asing atas talian sedia ada.



## NOTA PENCERAMAH


### PENGURUSAN KAWALAN SEMPADAN

- Bertujuan mengukuhkan kawalan sempadan negara.
- Mengelakkan pencerobohan sehingga menyebabkan kebanjiran pendatang asing.
- Antara punca kebocoran - perbuatan rasuah oleh pegawai yang menjalankan tugas di sempadan.

### PENGURUSAN PEKERJA ASING

- Perkara ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempraktikkan tadbir urus yang baik serta mengurangkan birokrasi.
- Seterusnya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Mentranformasikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) kepada [Suruhanjaya Bebas Aduan](#) dan [Salah Laku Polis](#) (IPCMC) bagi menangani isu integriti dan mengekang salah laku anggota Polis Diraja Malaysia.



Memasukkan peruntukan baharu dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) berkaitan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam [penjualan projek / tender kerajaan kepada pihak lain](#) untuk faedah kewangan tanpa melaksanakan projek/tender tersebut.

## NOTA PENCERAMAH

### SIAP MENJADI IPCMC

- Rasionalnya - 86% aduan yang diterima SIAP adalah mengenai salah laku polis.
- Salah satu penstrukturkan semula di bawah kerajaan baharu. Pestrukturan lain:
  - Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara diserapkan dibawah GIACC.
  - Institut Integriti Malaysia dijadikan agensi untuk membina kapasiti agensi kerajaan dan swasta dalam pembentukan budaya integriti.

- Biro Pengaduan Awam dijadikan Ombudsman Malaysia yang berperanan meneliti aduan rakyat bagi hal-hal yang tiada tindakan oleh agensi kerajaan.

### PINDAAN AKTA SPRM 2009 - PENJUALAN PROJEK KEPADA PIHAK LAIN

- Peruntukan mengenai *beneficiary ownership* (BO) dalam Akta SPRM 2009
  - tanggungjawab mendedahkan pemilik sebenar dalam sesebuah syarikat.
- Bagi menangani isu 'Ali Baba' dan 'sabotaj ekonomi'.

Memperkenalkan sistem **tapisan integriti** dalam pemilihan pengurusan tertinggi dalam badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOEs) dan syarikat terhad dengan jaminan (CLBG).



Mengenakan pendekatan bersyarat dalam penggunaan dana kerajaan ke atas semua badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOEs) dan syarikat terhad dengan jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh kerajaan.

## **NOTA PENCERAMAH**

### **TAPISAN INTEGRITI CALON PENGURUSAN TERTINGGI AGENSI BERKAITAN KERAJAAN**

- Calon pengurusan tertinggi di badan berkanun, syarikat milik kerajaan dan CLBG mesti lulus tapisan integriti.
- Bagi memastikan pengurusan tertinggi di agensi berkaitan kerajaan bebas daripada salah laku dan rasuah.
- Tapisan Integriti dilaksanakan oleh SPRM.

### **DANA KERAJAAN DALAM AGENSI BERKAITAN KERAJAAN**

- Inisiatif ini bagi mengelakkan badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOE) dan CLBG menggunakan dana kerajaan secara sewenang-sewangnya.
- Dana kerajaan mesti digunakan secara berhemah dan untuk kepentingan rakyat.
- Perkara ini juga memastikan akauntabiliti agensi berkaitan kerajaan dalam menggunakan dana kerajaan.

# **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI**

*Organizational Anti-Corruption Plan (OACP)*

## **NOTA PENCERAMAH**

- Segmen ini akan menjelaskan mengenai OACP.

## NACP punca kuasa kepada OACP



- NACP mengarahkan semua agensi kerajaan, syarikat berkepentingan kerajaan dan sektor swasta untuk membangunkan **OACP**.
- **OACP** merangkumi isu-isu dalaman organisasi dalam aspek integriti, tadbir urus dan antirasuah.

## NOTA PENCERAMAH

- Salah satu perkara yang wajib dilaksanakan menurut NACP 2019-2023 adalah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

- OACP bertujuan untuk menangani permasalahan/kelemahan governans, integriti dan isu rasuah dalam organisasi.
- Pembangunan OACP adalah **MANDATORI** seperti mana Arahan YAB PM No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019.

**Strategi 2:** Memperkuatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam

**Strategi 6:** Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat

## **NOTA PENCERAMAH**

- OACP merangkumi sektor awam dan entiti korporat.
- Kewajipan pembangunan OACP adalah seperti mana arahan YAB Perdana Menteri.

## **Strategi 2:** Memperkuatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam

- **Strategi 2.1.5** - mewajibkan sektor awam untuk membangunkan OACP dengan dibantu oleh SPRM, GIACC dan IIM.
- Dalam tempoh 5 tahun (Januari 2019-Disember 2023)



## **NOTA PENCERAMAH**

- Kewajipan sektor awam untuk membangunkan OACP.
- Peranan SPRM, GIACC dan IIM - memberi bantuan kepada agensi awam untuk membangunkan OACP.

## **Strategi 6:** Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat



- **Strategi 6.2.1** - mewajibkan badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOEs), syarikat terhad dengan jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan OACP.
- Dibantu oleh SPRM, GIACC dan IIM.
- Dalam tempoh 2 tahun (Januari 2019-Disember 2020).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kewajipan sektor swasta untuk membangunkan OACP.
- Peranan SPRM, GIACC dan IIM - memberi bantuan kepada agensi dan sektor korporat untuk membangunkan OACP.

## **TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN OLEH ORGANISASI**

- Kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri hendaklah membangunkan OACP di peringkat organisasi.
- OACP dibangunkan dengan bantuan SPRM dan INTEGRITI.
- Pelan tindakan OACP merangkumi aspek governans, integriti dan antirasuah melibatkan semua bidang dan aktiviti dalam organisasi.
- Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan OACP.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Peranan ketua jabatan untuk memastikan OACP dibangunkan.
- Ketua jabatan mesti:
  - memberi arahan untuk membangunkan OACP
  - menyediakan sumber manusia untuk membangunkan OACP
  - menyediakan bajet untuk membangunkan OACP

## **TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN OLEH ORGANISASI**

- Diselaraskan oleh Unit Integriti kementerian / jabatan / agensi atau mana-mana bahagian / cawangan / unit yang mengendalikan aspek governans, integriti dan antirasuah.
- Pelan tindakan adalah bagi jangka masa 3 tahun atau 5 tahun dan tidak semestinya perlu seiring dengan tempoh pelaksanaan NACP (2019-2023).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Jelaskan secara ringkas.

## KEPERLUAN MEMBANGUNKAN **OACP**




- Menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.
- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam.
- Mempersiapkan organisasi komersial supaya mempunyai tatacara mencukupi selaras dengan peruntukan Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
- Memastikan pembangunan organisasi yang lestari dan bebas rasuah.
- OACP adalah bukti komitmen pengurusan tertinggi organisasi dalam usaha pencegahan rasuah.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Jelaskan mengapa OACP perlu dibangunkan.

# PROSES PEMBANGUNAN OACP



## NOTA PENCERAMAH

- *Slide berikut menjelaskan proses pembangunan OACP.*

Kelulusan Ketua Jabatan	Analisa Data	Analisa Risiko Rasuah (CRA)	Scenario Planning	Pelan Tindakan	M & E
Pelantikan Pengerusi dan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan OACP	Proses menilai data menggunakan <i>analytical tool</i> dan statistik untuk mencari maklumat berguna.	Proses mengenal pasti risiko dan kelemahan dalam sistem yang mungkin membuka peluang kepada rasuah.	Proses mengkaji pelbagai senario masa hadapan yang boleh berlaku akibat keputusan yang dibuat sekarang.	Merangka pelan tindakan yang boleh meningkatkan integriti, tadbir urus dan mencegah rasuah.	Pemantauan dan penilaian ke atas pelan tindakan yang dibangunkan.

## NOTA PENCERAMAH

- **PENTING:** Ketua jabatan mesti menubuhkan jawatan kuasa OACP.
- **PENTING:** Semasa analisa data dan CRA - semua pegawai yang memberi input mesti memaklumkan secara telus masalah-masalah dalam organisasi.
- Perkara ini bagi memastikan OACP yang dibangunkan adalah menyeluruh dan mampu menangani semua isu utama dalam organisasi.
- **PENTING:** Pembangunan OACP mesti mendapatkan maklum balas semua lapisan warga organisasi.
- M & E - *Monitoring and Evaluation*

# STRUKTUR PEMANTAUAN OACP



## NOTA PENCERAMAH

- Laporan pelaksanaan OACP mesti dikemukakan kepada:
  1. Mesyuarat JKKMAR yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri
  2. Mesyuarat JAR yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara
- Pemantauan OACP kementerian/jabatan/agensi kerajaan dibuat oleh JAR kementerian/jabatan/agensi.
- Sekretariat - Unit Integriti kementerian/jabatan/agensi.
- Pemantauan OACP Kerajaan Negeri dibuat oleh JAR Kerajaan Negeri.
- Sekretariat - Unit Integriti SUK Negeri.

## Maklumat lanjut mengenai OACP



### **NOTA PENCERAMAH**

- Sekiranya perlu maklumat lanjut atau bantuan berkaitan OACP - boleh hubungi talian seperti dalam *slide*.

## Contoh Pelan Tindakan

<b>Bidang Keutamaan</b>	Perolehan						
<b>Strategi</b>	Mempertingkatkan ketelusan perolehan dan pengurangan risiko rasuah.						
<b>Inisiatif</b>	<b>Tempoh Masa</b>	<b>Pemantauan dan Penilaian</b>	<b>Tanggungjawab</b>				<b>Key Performance Indicator (KPI)</b>
			R	A	C	I	
1. Memperkenalkan mekanisme yang lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan.  2. Mempraktikkan arahan pelaksanaan Integrity Pact dalam proses perolehan.	1 tahun (Jun 2019 – Mei 2020)	Mesyuarat JAR Kementerian yang dipengerusikan oleh KSU setiap 3 bulan	Pengarah Bahagian Perolehan	TKP Pentadbiran	KP	KSU	1. Masa 2. Kuantiti 3. Kualiti

## NOTA PENCERAMAH

- Contoh pelan tindakan untuk rujukan. Pelan tindakan tidak semestinya diikuti oleh semua kementerian atau agensi.

## Contoh Pelaporan Pelaksanaan dan Pemantauan

Bidang Keutamaan	Objektif Strategik	Inisiatif	Key Performance Indicator (KPI)	Status Pelaksanaan	Outcome	Cadangan / Ulasan
Perolehan	Mempertingkatkan ketelusan perolehan dan pengurangan risiko rasuah.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memperkenalkan mekanisme yang lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan.</li> <li>Mempraktikan arahan pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dalam proses perolehan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Masa</li> <li>Kuantiti</li> <li>Kualiti</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tindakan yang telah diambil</li> <li>Tindakan lanjut yang akan diambil:</li> </ol>	1 tahun (Jun 2019 - Mei 2020)	

## NOTA PENCERAMAH

- Contoh format pelaporan pelaksanaan OACP.



*Toolkit 17*

---

# **MS ISO 37001: Anti-Bribery Management System (ABMS)**



**MS ISO 37001: 2016**

## **NOTA PENCERAMAH**

- ABMS: Anti-Bribery Management System atau Sistem Pengurusan Antirasuah.
- **SOALAN:** Apakah maksud ‘sistem pengurusan’?
- **JAWAPAN:** Sistem pengurusan adalah satu set dasar dan prosedur yang boleh dilaksanakan oleh organisasi untuk membantu mengawal risiko khusus atau untuk membantu menghasilkan hasil tertentu.
- Rasuah boleh dicegah atau dikurangkan sekiranya organisasi mempunyai set dasar dan prosedur yang kukuh untuk menangani jenayah itu.

## International Organization for Standardization (ISO)



- NGO antarabangsa yang bebas
- Berpusat di Geneva, Switzerland
- Mempunyai 162 ahli pertubuhan standard seluruh dunia

### **NOTA PENCERAMAH**

- ISO merujuk kepada sebuah pertubuhan antarabangsa yang memberikan pensijilan standard dalam bidang tertentu.



Menyediakan standard antarabangsa untuk barang, perkhidmatan dan sistem.

**21,000**

Jumlah standard yang telah dikeluarkan

## **NOTA PENCERAMAH**

- Antara ISO yang popular adalah:
  - ISO 9001:2015 *Quality Management Systems*
  - ISO 14001:2015 *Environmental Management Systems*

- Dilaksanakan mulai 15 Oktober 2016
- Merupakan standard antarabangsa berkaitan pencegahan rasuah
- Menetapkan keperluan dan instrumen kepada organisasi untuk mencegah rasuah



## **NOTA PENCERAMAH**

- ISO 37001 dibangunkan oleh ISO Technical Committee ISO/TC 309, dipengerusikan oleh Neill Stansbury.
- Diterbitkan pertama kali pada 15 Oktober 2016.
- Standard ini dibina berlandaskan panduan sedia ada daripada organisasi lain seperti the International Chamber of Commerce, Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), Transparency International (TI) dan lain-lain.

# **MS ISO 37001: ABMS**

**Disember 2016**  
Permohonan  
SPRM kepada  
Jabatan Standard  
Malaysia

Terima pakai (*adopt*  
& *adapt*) ISO  
37001: 2016 ABMS  
sebagai standard  
Malaysia (MS)

**27 Oktober 2017**  
Pelancaran MS  
ISO 37001: 2016  
Anti-Bribery  
Management  
System

## **NOTA PENCERAMAH**

- Malaysia telah mengadapatisasi ISO 37001 menjadi MS ISO37001.
- Kronologi perjalanan atau proses untuk menerima pakai ISO 37001 di Malaysia adalah seperti di *slide*.

# MS ISO 37001: ABMS

- Kelulusan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili pada 17 Oktober 2017
- Kerjasama Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan SPRM
- Dikenali Malaysian Standard ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management System (MS ISO 37001: 2016 ABMS)
- Memberi panduan kepada organisasi dalam melaksana / menambah baik sistem pengurusan antirasuah
- **Manual** MS ISO 37001 boleh dibeli daripada Jabatan Standard Malaysia

## NOTA PENCERAMAH

- SPRM sebagai *scheme owner* kepada MS ISO 37001:2016 ABMS menetapkan syarat-syarat tambahan kepada badan-badan pensijilan (*certification bodies* atau CB) bagi mendapat akreditasi daripada JSM. Syarat tersebut adalah:
  1. CB perlu menghadiri latihan yang dijalankan di MACA membabitkan modul berkaitan perundangan negara.
  2. Juruaudit yang dilantik oleh CB perlu hadir *in-class training* di MACA. Modul latihan merangkumi pengenalan kepada MS ISO: 37001 ABMS, Akta SPRM
- 2009, Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah, AMLATPUAA 2001, kajian kes, kawalan dalaman dan *Corruption Risk Management* (CRM).
- 3. Tapisan keutuhan (*Integrity Vetting*) SPRM ke atas juruaudit-juruaudit yang ingin menjalankan audit pensijilan. Tapisan keutuhan dikendalikan oleh SPRM setiap 3 tahun sekali. Maklumat berkaitan keperluan melalui integrity vetting ini boleh diperolehi di <http://estk.sprm.gov.my>.

## Siapa boleh memohon pensijilan MS ISO 37001: ABMS?



- Sektor awam
- Sektor swasta
- Perusahaan kecil & sederhana (SMEs)
- Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

### **NOTA PENCERAMAH**

- Semua organisasi boleh memohon pensijilan MS ISO 37001.
- **SOALAN:** Adakah MS ISO 37001 hanya bersifat satu senarai semak?
- **JAWAPAN:** Tidak. Organisasi tidak boleh mendapat pensijilan MS ISO 37001 hanya dengan menanda ‘kotak’ senarai semak. Pematuhan MS ISO 37001 memerlukan perkara berikut:
  1. Komitmen sebenar pengurusan organisasi untuk memastikan sistem pengurusan rasuah berfungsi.
  2. Perancangan dan reka bentuk dasar dan prosedur yang bertujuan untuk mencegah rasuah.
  3. Pelaksanaan dasar dan prosedur yang berkesan.
  4. Pemantauan dan kajian keberkesanan dasar dan prosedur antirasuah dari semasa ke semasa.
  5. Penambahbaikan dasar dan prosedur secara berterusan.

## FAEDAH MS ISO 37001 KEPADA **ORGANISASI**

- Menjadi sistem kawalan dalaman kepada organisasi
- Instrumen antirasuah yang fleksible
- Kawalan & pengukuran standard antarabangsa
- Meningkatkan keyakinan rakan perniagaan serta pelanggan terhadap organisasi

### **NOTA PENCERAMAH**

- Pensijilan MS ISO 37001 juga merupakan salah satu inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh organisasi bagi menghadapi penguatkuasaan kesalahan liabiliti korporat (Seksyen 17A Akta SPRM 2009).
- **SOALAN:** Adakah ISO 37001 mampu menangani semua jenis rasuah dan jenayah lain?
- **JAWAPAN:** Tidak. MS ISO 37001 hanya memberi fokus untuk menangani jenayah rasuah sahaja. Standard ini tidak bertujuan untuk menangani penipuan, kartel, pengubahan wang haram atau aktiviti jenayah yang lain.

## FAEDAH MS ISO 37001 KEPADA **STAKEHOLDERS**

- Menambah keyakinan pelanggan
- Meningkatkan kredibiliti dan imej organisasi
- Bukti komitmen organisasi dalam pencegahan rasuah
- Nilai tambah untuk mendapat kontrak kerajaan
- Mengurangkan ketirisan dalam pengurusan kewangan organisasi.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Jelaskan secara ringkas faedah-faedah MS ISO 37001 kepada *stakeholders*.
- Secara mudahnya, pensijilan MS ISO 37001 ini merupakan komitmen pengurusan dan organisasi itu sendiri ke arah pelaksanaan perniagaan yang bebas daripada amalan rasuah.
- **SOALAN:** Adakah MS ISO 37001 mengecualikan bentuk rasuah kecil dan *facilitation payment*?
- **JAWAPAN:** Tidak. MS ISO 37001 menghendaki organisasi melarang semua jenis rasuah, besar dan kecil, termasuk *facilitation payment*.

## SOALAN LAZIM

Adakah pensijilan  
MS ISO 37001 dapat  
menjamin rasuah tidak  
berlaku dalam organisasi?

- MS ISO 37001 bertujuan memberi panduan kepada organisasi untuk melaksanakan sistem antirasuah.
- Bagaimanapun, standard ini **bukan jaminan** tiada rasuah berlaku dalam organisasi.

## NOTA PENCERAMAH

- MS ISO 37001 adalah antara usaha yang boleh dilaksanakan untuk mencegah jenayah rasuah.
- Usaha ini tidak akan berkesan sekiranya masih ada individu yang tamak dan sanggup melakukan rasuah.
- Mempunyai sijil MS ISO 37001 tidak bermaksud organisasi itu bebas daripada rasuah sepenuhnya.
- Contohnya, JPJ antara jabatan terawal yang mendapatkan pensijilan MS ISO 37001.
- Namun begitu, sekitar April 2019, lebih kurang 70 pegawai dan kakitangan JPJ ditangkap kerana rasuah dalam satu operasi besar-besaran.

## SOALAN LAZIM

**Adakah pensijilan MS ISO 37001 boleh menjamin sesebuah syarikat tidak didakwa di bawah kesalahan liabiliti korporat (Seksyen 17A Akta SPRM 2009)?**

- Syarikat boleh mendapatkan pensijilan MS ISO 37001 sebagai salah satu usaha pencegahan rasuah dalam organisasi.
- Bagaimanapun, standard ini **bukan jaminan** sesebuah syarikat tidak didakwa di bawah kesalahan liabiliti korporat.


## NOTA PENCERAMAH

- Sekiranya sesebuah syarikat didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009, sebagai pembelaan, syarikat tersebut mesti membuktikan bahawa usaha-usaha pencegahan rasuah secara mencukupi telah dilaksanakan.
- Syarikat boleh melaksanakan apa sahaja usaha bagi mencegah rasuah. Namun, hanya mahkamah yang akan menentukan sama ada usaha tersebut mencukupi atau tidak.

# Proses pensijilan MS ISO 37001

## **NOTA PENCERAMAH**

- **Pemohon** (organisasi) mendapatkan khidmat *certification bodies* (CB) yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia.
- Contoh CB - SIRIM QAS International Sdn. Bhd., British Standards Institution (BSI) dan PEBC.
- **Audit kecukupan** - CB akan mengarahkan juruauditnya untuk melaksanakan audit kecukupan. Tujuan audit ini adalah bagi melihat kesediaan pemohon berkaitan pematuhan kehendak MS ISO 37001. Audit kecukupan ini adalah seperti *pre-auditing* sebelum audit sebenar dilaksanakan.
- **Audit pematuhan** - Audit sebenar oleh juruaudit CB. Juruaudit akan memeriksa dokumen dan melihat bukti pemohon telah mematuhi standard.
- Juruaudit akan melihat bagaimana pemohon menilai risiko rasuah dan melaksanakan pelan tindakan untuk mencegah rasuah daripada berlaku.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Laporan audit - Pemohon akan menerima laporan audit pematuhan. Sekiranya menerima *non-conformity report* (NCR), pemohon mesti membuat penambahbaikan seperti mana teguran dalam laporan tersebut.
- **Pensijilan** - Setelah pemohon disahkan mematuhi kehendak MS ISO 37001, Jabatan Standard Malaysia akan mengeluarkan sijil. Sijil ini sah untuk tempoh 2 tahun.
- **Audit pemantauan** - Juruaudit akan melaksanakan audit pemantauan setiap tahun. Tujuan audit untuk memastikan sistem diuruskan dengan baik.
- **Penilaian semula** - Penilaian semula dibuat selepas 2 tahun dan atas permohonan organisasi. Penilaian semula bertujuan untuk memperbaharui tempoh sah sijil MS ISO 37001.

# ISO ABMS vs MS ISO ABMS

ISO 37001: 2016 ABMS  
diiktiraf oleh  
International Standard of  
Organization (ISO)

MS ISO 37001: 2016 ABMS  
diiktiraf oleh  
Jabatan Standard Malaysia

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN:** Apakah perbezaan dan kelebihan MS ISO 37001 berbanding ISO 37001?
- **JAWAPAN:** Tiada beza. Malaysia *adopt & adapt* ISO 37001 menjadi MS ISO 37001.
- Kandungan dokumen MS ISO 37001 juga adalah sama dengan ISO 37001.
- Bagaimanapun, untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 37001, organisasi perlu mendapatkan badan pentaualihan (*certification bodies*) yang telah diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia.
- MS ISO 37001 - dikawal selia oleh Jabatan Standard Malaysia.
- MS ISO 37001 juga diiktiraf di seluruh dunia.
- Daripada segi kos, lebih murah MS ISO 37001.
- Harga dokumen ISO 37001 sekitar RM700. Manakala, dokumen MS ISO 37001 hanya berharga RM70.00 sahaja.

# Peranan SPRM dalam MS ISO 37001



- SPRM - agensi penguatkuasa dan peneraju utama kepada pencegahan rasuah di Malaysia
- Organisasi bebas untuk menggunakan apa-apa sistem pengurusan pencegahan rasuah (termasuk ABMS)

## NOTA PENCERAMAH

- SPRM mempunyai peranan kerana ISO 37001 adalah berkaitan pencegahan rasuah.
- SPRM menggalakkan agensi kerajaan dan sektor swasta untuk mendapatkan pensijilan ini.
- SPRM turut mempromosi ISO 37001 dalam program-program yang dilaksanakan.
- **SOALAN:** Adakah perbelanjaan mendapatkan MS ISO 37001 boleh mendapat pengurangan cukai?
- **JAWAPAN:** Paragraph 34(6)(ma), Income Tax Act 1967 - Syarikat layak mendapat pengurangan cukai berganda untuk perbelanjaan bagi memperoleh sijil standard daripada *certification bodies* yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

## **SPRM memberi khidmat nasihat & latihan**

SPRM (BPMP dan MACA) menyediakan khidmat nasihat serta latihan kepada organisasi luar atau individu yang ingin mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan ISO 37001/MS ISO 37001.

Selaras dengan peranan SPRM sebagai penguat kuasa undang-undang, khidmat nasihat dan latihan ini adalah berkaitan perundangan dan peraturan berkaitan pencegahan rasuah.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM (BPMP) - khidmat nasihat dan taklimat mengenai ISO 37001.
- Bantuan melaksanakan Corruption Risk Management, Corruption Risk Assessment, Corporate Integrity Pledge dan khidmat nasihat mengenai Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

## Khidmat syarikat perunding



- Organisasi boleh mendapatkan khidmat mana-mana syarikat perunding bagi mendapatkan pensijilan MS ISO 37001: ABMS.
- Contoh syarikat perunding adalah SIRIM STS Sdn. Bhd., Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Trident Integrity Solution.

## NOTA PENCERAMAH

- Dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat syarikat perunding yang diiktiraf oleh Jabatan Standard.
- SPRM hanya memberi nasihat dan latihan dalam aspek berkaitan pencegahan rasuah sahaja.
- Syarikat perunding akan membantu organisasi untuk memastikan semua keperluan bagi memperoleh pensijilan MS ISO 37001.
- **SOALAN:** Agensi manakah yang telah mendapat pensijilan MS ISO 37001?
- **JAWAPAN:** Sehingga 10 Disember 2019, 37 organisasi (agensi awam, kerajaan negeri, PBT, syarikat swasta dan NGO) mendapat pensijilan MS ISO 37001.
- Kerajaan negeri yang mendapat pensijilan - Kelantan, Pulau Pinang dan Kedah,
- Antara agensi kerajaan - Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). (*Rujuk kenyataan SIRIM pada 10 Disember 2019 di Kota Bharu.*)



## 8 komponen MS ISO 37001: ABMS



1. Polisi antirasuah, prosedur dan kawalan
2. Kepimpinan pengurusan tertinggi, komitmen dan tanggungjawab
3. Badan pengawasan
4. Latihan antirasuah
5. Penilaian risiko rasuah
6. *Due diligence* terhadap projek, rakan perniagaan dan pegawai/kakitangan
7. Pelaporan, pemantauan dan penyiasatan
8. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang berterusan

### NOTA PENCERAMAH

- *Slide* adalah komponen-komponen yang mesti dipatuhi untuk mendapat pensijilan MS ISO 37001.
- Organisasi boleh menghubungi SPRM untuk mendapat nasihat berkaitan MS ISO 37001.
- **SOALAN:** Adakah organisasi perlu mematuhi semua keperluan MS ISO 37001?
- **JAWAPAN:** Ya. Organisasi akan diberi pensijilan MS ISO 37001 jika ia telah melaksanakan semua langkah yang ditetapkan dalam standard itu.
- Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini perlu dilaksanakan oleh organisasi dengan cara yang munasabah dan seimbang mengikut jenis, saiz organisasi, sifat dan tahap risiko rasuah yang dihadapi.



*Toolkit 18*

---

# Pencegahan rasuah oleh individu dan organisasi

# Langkah Pencegahan RASUAH

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Bab ini memberi tips mencegah rasuah bagi individu dan organisasi.
- Beberapa tips yang utama sahaja. Banyak lagi yang boleh dilakukan oleh individu dan organisasi.

# **PETUA** UNTUK ELAK DARIPADA RASUAH

## **NOTA PENCERAMAH**

- Tips kepada individu bagi mengelakkan diri daripada terjebak dengan jenayah rasuah.

**JANGAN**  
mengatakan 'YA' bagi  
pelawaan pertama.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Dunia perniagaan adalah sangat mencabar. Ahli perniagaan (kontraktor/pembekal) akan menggunakan apa sahaja cara untuk mendapatkan projek. Termasuk menggunakan rasuah.
- Kontraktor/pembekal akan berbaik dengan orang menguruskan perolehan projek.
- Kontraktor/pembekal membelanjakan wang untuk meraikan mereka yang menguruskan perolehan.
- Perkara itu adalah pelaburan jangka panjang bagi mereka.
- Oleh sebab itu, mereka yang terlibat perolehan mesti berhati-hati.
- Jangan mula menerima.
- Kerana permulaan itu membuka jalan kepada mereka untuk membuat tawaran lebih lumayan.
- Akhirnya, anda akan terperangkap dan terpaksa mengikut permintaan mereka.



**HATI-HATI** dengan pujian yang diberikan.

**Pujian** yang berlebihan boleh menyebabkan seseorang itu lupa diri dan akhirnya boleh membawa kepada pelanggaran peraturan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Hati-hati apabila anda dipuji oleh kontraktor atau pembekal.
- Pujian mereka mungkin mempunyai sebab tertentu.
- Barangkali pujian mereka tidak ikhlas dan hanya sekadar membeli jiwa anda.
- Antara bentuk pujian - “anda pekerja yang amat baik”, “senang berurusan dengan anda”, “anda memudahkan proses”, “kerana anda, tiada bayaran tertangguh”.



**JANGAN** sesekali menampakkan perbuatan atau tingkah laku yang menggambarkan seolah-olah kita yang **meminta-minta**.

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Elakkan menceritakan masalah atau keperluan anda kepada kontraktor/pembekal.
- Kontraktor/pembekal mungkin melihat perkara itu sebagai ‘*hint*’ untuk meminta sesuatu daripada mereka.
- Jangan campur aduk urusan rasmi dengan bukan rasmi. Kekalkan hubungan rasmi sahaja dengan kontraktor/pembekal.

**JANGAN** membiasakan diri  
menerima sebarang bentuk **keraian**  
daripada mereka yang mempunyai  
urusani rasmi dengan kita,  
walaupun sekadar belanja minum.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Jangan budayakan perbincangan mengenai urusan rasmi (tender, projek dan sebagainya) di kedai kopitiam.
- Seeloknya, perbincangan urusan rasmi dibuat di pejabat.
- Tolak dengan baik sebarang bentuk keraian daripada kontraktor/pembekal.
- Antara bentuk keraian yang pastinya boleh menjaskankan integriti pegawai awam adalah:
  - keraian di hotel mewah
  - bermain golf sama ada dalam negara atau luar negara.
  - menanggung perbelanjaan bercuti sama ada di dalam atau luar negara.

**ELAKKAN** perhubungan  
yang **terlalu rapat** dengan  
pihak syarikat yang  
mempunyai urusan rasmi  
dengan kita.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Kekalkan hubungan profesional dengan kontraktor/pembekal.
- Jangan jalinkan hubungan terlalu rapat dengan kontraktor/pembekal.
- Contoh:
  - bercuti bersama kontraktor/pembekal.
  - berkongsi masalah keluarga.
  - berpoya-poya dengan kontraktor/pembekal




**TOLAK** tawaran atau  
pujukan dengan tegas.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Sekiranya ada cubaan untuk merasuh anda - tolak dengan tegas.
- Tunjukkan ketegasan anda supaya mereka tahu prinsip anda untuk tidak terima rasuah.
- Beri amaran supaya jangan sesekali tawar rasuah.
- Sekiranya, kontraktor/pembekal berdegil dan masih cuba untuk tawarkan rasuah, laporkan kepada SPRM.

**ELAKKAN** berbincang mengenai **hal peribadi** atau keluarga dengan mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Jangan berbincang hal atau masalah peribadi kepada kontraktor/pembekal.
- Perkara itu boleh memberi pemahaman yang salah kepada kontraktor/pembekal.
- Kontraktor/pembekal boleh jadi menganggap anda cuba meminta sesuatu daripada mereka.
- Berbincang hal rasmi sahaja dengan kontraktor/pembekal.



**Berkawan** dengan orang yang jujur dan boleh menasihati serta membimbing kita.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kawan-kawan yang tidak baik boleh menarik kita kepada perbuatan yang tidak baik.
- Kawan-kawan yang baik boleh saling nasihat-menasihati secara ikhlas berhubung sesuatu perkara.
- Oleh sebab itu, pilih kawan yang baik. Elakkan berkawan dengan orang yang tidak baik.

MENGUKUHKAN TADBIR URUS

---

**ORGANISASI**

BEBAS **RASUAH** DAN

PENYELEWENGAN

### **NOTA PENCERAMAH**

---

- Tips kepada organisasi untuk mencegah rasuah.
- Antara usaha utama yang boleh dilaksanakan organisasi.
- Banyak lagi usaha yang boleh dilaksanakan bergantung kepada kemampuan sesebuah organisasi.



Pimpinan **berintegriti**  
menjadi teladan warga  
kerja.

## NOTA PENCERAMAH

- Paling penting - pimpinan organisasi mesti menunjukkan teladan yang baik kepada warga organisasi.
- Pemimpin mesti zahirkan komitmen mengenai integriti dan antirasuah melalui dasar, arahan, pesanan dan peringatan dari semasa ke semasa.
- Pemimpin mesti sanggup mengeluarkan kos untuk program integriti dan antirasuah.
- INGAT: Pepatah Cina ada menyebut - *The fish rots from the head.*

**Mengkaji risiko** berlaku penyelewengan  
dan rasuah dalam agensi.



## **NOTA PENCERAMAH**

- Risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa mesti diuruskan dengan baik.
- Sebagus mana sekalipun sistem dan prosedur, risiko berlaku rasuah masih ada.
- Dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi Seksyen 17A Akta SPRM 2009 - dicadangkan penilaian risiko dibuat 3 tahun sekali.
- SPRM boleh membantu berhubung penilaian risiko ini melalui *Corruption Risk Management* (CRM).
- Kajian dan penilaian risiko mesti mengambil kira dan melibatkan kontraktor, pembekal dan mereka yang dilantik untuk menjalankan tugas bagi pihak syarikat.



Memperkuuhkan sistem **kawalan dalaman** dan mekanisme ‘*check and balance*’ dalam sistem/prosedur.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Kawalan dalaman yang baik boleh mencegah berlakunya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
- Disarankan membuat pemeriksaan mengejut untuk memastikan warga organisasi sentiasa patuh kepada dasar, sistem dan prosedur yang telah ditetapkan.

Mewujudkan **saluran aduan** yang berkesan dan boleh dipercayai.



## NOTA PENCERAMAH

- Orang takut melaporkan salah laku dan penyelewengan kerana saluran aduan yang tidak dipercayai.
- Dikhawatir - pelaku tidak diambil tindakan, pengadu yang merana.
- Keadaan ini menyebabkan salah laku terus berlaku. Kerana pelaku tahu, mereka akan terlepas.
- Organisasi mesti menggalakkan laporan dibuat bagi setiap salah laku dan rasuah.
- Caranya - kukuhkan serta tingkatkan kredibiliti saluran aduan dan orang yang menguruskan aduan.
- Saluran aduan mesti mempunyai elemen kerahsiaan yang tinggi.
- Pengendali aduan mesti orang yang dilantik khas. Bukan sekadar mengisi jawatan yang kosong.
- Pastikan - identiti pengadu adalah rahsia.
  - tiada tindakan terhadap pengadu
  - aduan diambil tindakan
- Contoh saluran aduan - e-mel, peti aduan, atau jumpa sendiri dengan pegawai bertanggungjawab menguruskan aduan.



Mengamalkan *referral policy*  
apabila berlaku jenayah dan  
salah laku dalam organisasi.

## NOTA PENCERAMAH

- Organisasi enggan melaporkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa kepada pihak berkuasa kerana faktor berikut:
  - kasihankan pelaku
  - tidak mahu memburukkan imej organisasi
  - merasakan tindakan melaporkan kepada pihak berkuasa akan menyusahkan diri sendiri.
- Laporan kepada pihak berkuasa boleh memberi mesej bahawa organisasi serius dalam isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
- Sekiranya laporan tidak dibuat, sekalipun pelaku dibuang kerja, jenayah yang sama boleh berulang di tempat kerja barunya.

Mewujudkan polisi  
mengenai '*conflict of  
interest*' yang jelas.



## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN:** Maksud conflict of interest
- **JAWAPAN:** Definisi *businessdictionary.com* - *A situation that has the potential to undermine the impartiality of a person because of the possibility of a clash between the person's self-interest and professional interest or public interest.*
- Uruskan isu '*conflict of interest*' secara berkesan.
- Sekiranya tidak diedahkan, akan berlaku perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
- Pastikan polisi yang diwujudkan dihebahkan dan dikuatkuasakan sepenuhnya.



Menguatkuasakan polisi mengenai pemberian dan penerimaan hadiah (*gift policy*).

## **NOTA PENCERAMAH**

- Wujudkan polisi khusus berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah (termasuk keraian).
- Paling penting, polisi tersebut mesti:
  - didokumenkan
  - dihebahkan
  - dikuatkuasakan
  - tindakan tegas diambil apabila berlaku pelanggaran.



**Awasi** mereka yang mengamalkan gaya hidup mewah.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Tidak salah hendak bermewah sekiranya ada kemampuan.
- Mereka yang mengamalkan hidup mewah, tetapi bergaji kecil, cenderung untuk terlibat dengan jenayah rasuah.
- Kalau wujud individu sebegini, beri perhatian yang lebih.
- **INGAT:** Sekiranya mereka melakukan rasuah, syarikat turut boleh didakwa setelah peruntukan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (liabiliti korporat) dikuatkuasakan.



Program **membudayakan** integriti dan nilai benci rasuah dalam organisasi.

## **NOTA PENCERAMAH**

- Laksanakan secara berterusan program antirasuah kepada warga organisasi.
- Selitkan mesej antirasuah dalam perhimpunan bulanan atau mesyuarat ahli lembaga pengaruh.
- Budayakan integriti dengan mesej-mesej melalui e-mel, pesanan di papan kenyataan, bunting dan sebagainya.
- Galakkan warga organisasi melaporkan sebarang salah laku kepada pengurusan organisasi. Bagi ganjaran kepada mereka.
- Iktiraf dan beri ganjaran kepada pegawai yang memperlihatkan integriti yang tinggi.



*Toolkit 19*

---

# Kerjaya di SPRM



# Kerjaya **SPRM**

## **NOTA PENCERAMAH**

- Bab ini menjelaskan proses pengambilan pegawai SPRM.
- Penceramah boleh memaklumkan perkara ini kepada pelajar universiti atau audiens yang sedang atau akan memasuki alam pekerjaan.



## Pengambilan pegawai baru SPRM: Terbuka sepanjang tahun

### **NOTA PENCERAMAH**

- SPRM adalah jabatan tertutup (*closed service*)
- Semua orang boleh memohon sebagai pegawai SPRM.
- Minimum adalah pemegang diploma.
- Dalam apa sahaja bidang pengajian.
- Permohonan boleh dibuat sepanjang tahun.

# Cara memohon



## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Mereka yang ingin memohon menjadi warga kerja SPRM, berikut adalah cara-caranya.



---

Permohonan dibuat melalui  
Suruhanjaya Perkhidmatan  
Awam (SPA)

## **NOTA PENCERAMAH**

- Daripada segi pengambilan pegawai, SPRM sama seperti jabatan-jabatan kerajaan lain (kecuali polis, tentera, guru).
- Pengambilan dibuat melalui SPA.
- Oleh sebab itu, mereka yang berminat, perlu memohon kepada SPA.

The screenshot shows the official website of the Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) in Malaysia. The top navigation bar includes the national emblem, the title 'PORTAL RASMI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM', a search bar, and a date/time stamp (15 Oktober 2018 | 4 Safar 1440 H | 11:41:35 AM). The main content area features a welcome message 'Selamat Datang ke Pautan Pintas Portal Rasmi SPA' and a call-to-action button 'TERUS KE PORTAL RASMI SPA'. Below this, there's a section titled 'SILA KLIK PAUTAN DI BAWAH UNTUK KOMUNIKASI YANG LEBIH CEPAT DAN PANTAS' with four links: 'IKLAN' (Job Vacancies), 'MAKLUMAT JAWATAN' (Job Description), 'SPA8i' (Job Application), and 'SEMAKAN' (Check Status). To the right, a blue sidebar lists two additional links: 'Portal SPA' with the URL <http://www.spa.gov.my/> and 'Ke laman SPA8i'.

## NOTA PENCERAMAH

- Layari portal rasmi SPA.
- <http://www.spa.gov.my>
- Pilih menu 'SPA8i - Permohonan Pekerjaan'.

The screenshot shows the homepage of the SPA8i website. At the top, there is a logo featuring the Malaysian coat of arms and the text "PENDAFTARAN PEKERJAAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM (SPA8i)" in yellow. Below the logo, the URL "http://www.spa.gov.my" is displayed.

**Pastikan Anda Membaca SOALAN LAZIM (FAQ) dan PANDUAN PENGGUNA Sebelum Menggunakan SPA8i. Sila salurkan sebarang pertanyaan atau aduan kepada ePertanyaan SPA untuk bantuan selanjutnya.**

**\*\* PERINGATAN PENTING! \*\***  
Sebarang pengemaskinian maklumat di SPA8i, sila hantar semula permohonan tersebut dengan klik butang **HANTAR** di menu **PENGAKUAN PEMOHON**.

MyID :   
Kata Laluan :   
**LOG MASUK**

**DAFTAR MYID BARU** Soalan Lazim (FAQ)  
Panduan Pengguna (PDF)  
Panduan Pengguna (Video)  
Panduan Sijil Matriculasi (PDF)  
Glosari Urusan Pengurusan  
**LUPA KATA LALUAN**

Pendaftaran Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i) menggunakan Single Sign-On (SSO)

**\*\* PERHATIAN \*\***  
Sila pastikan anda mengaktifkan **javascript** di Pelayar Web anda. Untuk paparan dan fungsi terbaik sila gunakan Google Chrome Version 48.0.2564 ke atas, Mozilla Firefox 45.0 ke atas atau Internet Explorer (IE) 11.0.9600.18499 dengan resolusi minima skrin 1024 x 768

## NOTA PENCERAMAH

- Pilihan jawatan: Pegawai Siasatan SPRM (Ijazah Sarjana Muda) atau Penolong Pegawai Siasatan SPRM (Diploma).

# 2 kategori pengambilan

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Bagi pengambilan baharu, terdapat 2 kategori pengambilan.

## PENOLONG PEGAWAI SIASATAN

---

Kelayakan akademik: Diploma

Gelaran Pangkat:  
Penolong Penguasa (**PPs**)

**Gred P29**

## PEGAWAI SIASATAN

---

Kelayakan akademik: Ijazah  
Sarjana Muda (minimum)

Gelaran Pangkat: Penguasa (**Ps**)

**Gred P41**

## NOTA PENCERAMAH

---

- Penolong Pegawai Siasatan, singkatannya 'PPs'
- Gred P29
- Minimum - memiliki Diploma
- **NOTA:** Skim 'P' merujuk kepada 'Pencegahan rasuah'
- Pegawai Siasatan, singkatannya 'Ps'
- Gred P41
- Minimum - memiliki ijazah Sarjana Muda.

## **SYARAT LANTIKAN ASAS**

---

- Warganegara MALAYSIA
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Mesti warganegara Malaysia.
- Umur minimum 18 tahun dan tiada had umur maksimum.

## Kelayakan & Gaji Permulaan

<p><b>Diploma</b> dalam bidang pengajian perniagaan, perakaunan, undang-undang atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p><i>Gaji permulaan</i> RM1,824.00</p>
<p><b>Diploma</b> dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p><i>Gaji permulaan</i> RM1,863.82</p>

### **NOTA PENCERAMAH**

- Skim gaji permulaan adalah berbeza mengikut bidang pengajian.
- *Slide* menunjukkan kelayakan (Diploma) dan skim gaji permulaan mengikut bidang pengajian dan sijil profesional

## Kelayakan & Gaji Permulaan

Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	<i>Gaji permulaan</i> RM2,502.00
Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	<i>Gaji permulaan</i> RM2,616.65
Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	<i>Gaji permulaan</i> RM2,732.18
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	<i>Gaji permulaan</i> RM2,963.24

## **NOTA PENCERAMAH**

- Skim gaji permulaan adalah berbeza mengikut bidang pengajian.
- *Slide* menunjukkan kelayakan (ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi) dan skim gaji permulaan mengikut bidang pengajian dan sijil profesional.

## Kelayakan & Gaji Permulaan

Ahli penuh badan-badan ikhtisas perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.	<i>Gaji permulaan</i> RM2,963.24
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi ahli penuh badan-badan ikhtisas perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.	<i>Gaji permulaan</i> RM3,078.77
Ahli penuh institut akauntan Malaysia.	<i>Gaji permulaan</i> RM3,194.30

### **NOTA PENCERAMAH**

- Skim gaji permulaan adalah berbeza mengikut bidang pengajian.
- *Slide* menunjukkan kelayakan (ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi) dan skim gaji permulaan mengikut bidang pengajian dan sijil profesional.

Penolong Pegawai Siasatan **Gred P29** / Pegawai Siasatan **Gred P41**

## JADUAL GAJI

GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
P29	RM1,824.00	RM5,801.00	RM150.00
P41	RM2,502.00	RM9,803.00	RM230.00

**Kumpulan:** Pelaksana / Pengurusan dan Profesional (Skim Perkhidmatan Bersepadu)

**Kementerian/Jabatan:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## NOTA PENCERAMAH

- Setiap tahun, terdapat kenaikan gaji.
- Kenaikan ini berbeza mengikut gred.
- *Slide* adalah gaji minimum, gaji maksimum dan kenaikan gaji tahunan, bagi P29 dan P41.

## **DESKRIPSI TUGAS**

1. Siasatan
2. Perisikan
3. Pendidikan masyarakat
4. Pemeriksaan dan perundingan
5. Perundangan dan pendakwaan
6. Penyelidikan dan perancangan
7. Latihan
8. Keselamatan
9. Pengurusan sumber manusia dan pentadbiran am.

### **NOTA PENCERAMAH**

- Tugas SPRM adalah luas.
- Tidak hanya menjalankan siasatan.
- Ada banyak bidang lain yang boleh diceburi sekiranya anda menjadi pegawai SPRM.
- Di *slide* adalah senarai tugas-tugas yang terdapat di SPRM.

## KURSUS ASAS KADET SPRM

- Kursus wajib bagi semua pegawai lantikan baharu SPRM
- Selama 9 bulan
  - 6 bulan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
  - 3 bulan latihan di lapangan (*on job training*)



## NOTA PENCERAMAH

- Proses pengambilan - ujian fizikal, Program Assessment Centre (PAC), temu duga, ujian berkomputer (psikologi).
- Mereka yang terpilih wajib mengikuti Kursus Asas Kadet SPRM.
- Tempoh keseluruhan - 9 bulan iaitu 6 bulan latihan di MACA dan 3 bulan *on-job-training* (OJT).
- Sebelum latihan dijalankan di MACA, kadet BPR/SPRM dilatih di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) atau Pusat Latihan Polis Tentera (PULAPOT).



## KURSUS ASAS KADET SPRM

- Dikendalikan oleh Pusat Latihan Asas, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
- **UNODC** mengiktiraf MACA sebagai pusat latihan antirasuah antarabangsa berdasarkan peranannya dalam melatih pegawai agensi pencegahan rasuah luar negara

### **NOTA PENCERAMAH**

- MACA adalah pusat latihan milik SPRM.
- MACA diiktiraf di peringkat dunia oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC).
- Fasiliti di MACA adalah lengkap - hostel, padang kawad, gimnasium, *moot court*, bilik temu bual bervideo, perpustakaan dan lain-lain.



## Program kerjasama SPRM & Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom:

- *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies*
- *Professional Degree in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies*

## **NOTA PENCERAMAH**

- Pada 23 Oktober 2017, SPRM telah menjalinkan kerjasama bersama Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom dengan memeterai Memorandum Pelaksanaan Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM.
- Objektif - meningkatkan kompetensi, kelayakan dan daya saing pegawai lantikan baharu SPRM serta menepati keperluan profesion pemberantasan rasuah domestik dan antarabangsa.
- Program *Profesional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies* bagi pegawai gred P29 telah mendapat pengiktirafan oleh Quality Assurance Agency (QAA) United Kingdom dan setanding dengan *Profesional Diploma* United Kingdom.
- Dilaksanakan bermula tahun 2018.
- Manakala Program *Graduate Certificate in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership* bagi pegawai gred P41 sedang dirangka bersama NTU.



Taklimat  
Komandan  
Pusat Latihan  
Asas, MACA  
kepada pelatih  
dan ibu bapa



Kuliah oleh  
tenaga pengajar  
Nottingham  
Trent University



## **NOTA PENCERAMAH**

- Antara aktiviti kadet baharu SPRM.



*Toolkit 20*

---

# **Latihan dalam kumpulan - Kajian kes**

## LATIHAN DALAM KUMPULAN

# **KAJIAN KES**

### **NOTA PENCERAMAH**

- Kaedah kajian kes dan perbincangan dijalankan:
  - Audiens dipecahkan kepada kumpulan kecil. Satu kumpulan 5-7 orang.
- Kes atau topik perbincangan diedarkan kepada kumpulan.
- Audiens diminta untuk berbincang dalam kumpulan berhubung kajian kes yang diterima.
- Masa perbincangan ditetap 15 minit.
- Hasil perbincangan mesti dibentangkan dan dikongsi dengan semua audiens.
- Audiens daripada kumpulan lain boleh bertanya dan memberi pandangan mereka.
- Penceramah akan memberi ulasan dan membuat rumusan.
- Kajian kes ini dapat menguji audiens dan meningkatkan kefahaman mereka. Masa keseluruhan untuk aktiviti ini dianggarkan antara 60-90 minit. Kes-kes dalam *slide* berikutnya boleh digunakan.

## Kajian Kes 1

Anda merupakan pengurus tempatan bagi sebuah syarikat di luar negara. Anda ditugaskan untuk menunggu penghantaran (melalui kapal laut) peralatan teknikal kritikal.

Apabila peralatan tersebut tiba, pekerja anda diberitahu oleh pegawai kastam bahawa dokumentasi 'tidak lengkap'. Perkara ini menghalang pelepasan peralatan tersebut sehingga masalah diselesaikan.

Pegawai kastam menyatakan, proses akan mengambil masa beberapa minggu. Beliau juga memaklumkan, masalah ini dapat diselesaikan segera melalui bayaran tunai RM2,000. Seterusnya, peralatan akan dilepaskan kastam dalam masa satu hari bekerja sahaja.

### Bincangkan

Apakah tindakan anda?

## NOTA PENCERAMAH

- Pegawai Kastam melakukan kesalahan meminta rasuah RM2,000
- Sebagai balasan mempercepatkan proses
- Kesalahan di bawah Seksyen 16(a) / 17(a) Akta SPRM 2009
- Tindakan anda - laporkan segera kepada SPRM.
- Tanggungjawab anda di bawah Seksyen 25 Akta SPRM 2009.
- Cara melapor - hubungi SPRM atau pergi ke pejabat SPRM atau saluran-saluran lain.
- Berkerjasama dengan SPRM sebagai pengadu dan saksi dalam proses siasatan.
- Berkerjasama sebagai saksi semasa peringkat pendakwaan.
- **NOTA:** Perbuatan rasuah adalah kesalahan boleh tangkap. Oleh sebab itu, anda boleh tangkap sekiranya berkemampuan.
- Cara paling baik - bincang dan tetapkan tarikh/masa/tempat perjumpaan untuk anda berikan wang rasuah. Kemudian laporkan segera kepada SPRM. SPRM akan melakukan operasi untuk tangkapan terhadap suspek.

## Kajian Kes 2

Syarikat anda merupakan pengeluar barang pembinaan yang terkemuka, beroperasi di luar Malaysia. Syarikat anda dalam perundingan untuk menjual teknologi pembuatan barang binaan pada skala besar kepada negara luar.

Bagi menunjukkan kemampuan teknikal peralatan anda yang dianggap 'state-of-the-art', anda menjemput delegasi negara luar menghadiri persidangan peralatan pembinaan di Kuala Lumpur. Syarikat anda membiayai tiket penerangan, penginapan dan lain-lain perbelanjaan perjalanan.

Memandangkan persidangan itu diadakan pada hujung minggu, syarikat anda menyediakan pakej penginapan di Sepang Gold Coast, termasuk bersiar-siar dan tiket menyaksikan perlumbaan F1 secara langsung.

### Bincangkan

Adakah tindakan syarikat anda satu bentuk kesalahan rasuah? Jelaskan jawapan anda.

## NOTA PENCERAMAH

- Bukan rasuah.
- Perbuatan membiayai perjalanan, penginapan dan lain-lain - tiada unsur memujuk rayu mengugut untuk delegasi memilih produk anda.
- Delegasi tersebut tidak terikat untuk membeli produk anda.
- Pakej penginapan dan bersiar-siar - lebih kepada promosi pelancongan ke negara kita.
- Untuk menjadi kesalahan rasuah, perbuatan meminta atau menerima suapan mesti jelas. Ada permintaan, ada balasan dan ada niat jahat.

## Kajian Kes 3

Anda membida projek pembangunan dan perumahan di sebuah daerah. Semasa fasa pembidaan, Yang Di Pertua pihak berkuasa tempatan menemui anda. Beliau menyatakan, syarikat yang berjaya mesti membina tadika untuk kegunaan orang ramai (secara percuma). Perkara itu adalah sebahagian daripada projek pembangunan.

Pembinaan tadika akan menaikkan nama Yang Di Pertua terbabit. Beliau dijangka bertanding dalam pilihan raya umum yang akan datang.

### Bincangkan

Adakah tindakan Yang Di Pertua itu merupakan satu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 atau akta-akta lain?

## NOTA PENCERAMAH

- Bukan kesalahan rasuah:
  - tiada unsur janji seperti, "saya akan bantu awak dapat projek ini, dengan syarat awak bina tadika".
  - permintaan dibuat kepada semua kontraktor.
- Bagaimanapun, tindakan YDP adalah sesuatu yang tidak betul.
- Kontraktor yang menang, tidak terikat dengan permintaan YDP iaitu. Ini kerana, tiada dalam kontrak.
- Akan menjadi rasuah sekiranya:
  - YDP menemui kontraktor yang telah memenangi kontrak.
  - minta untuk bina tadika secara percuma.
  - Sekiranya kontraktor enggan, beliau mengugut akan gunakan kuasa untuk membatalkan kontrak.

## Kajian Kes 4

Anda merupakan Pengurus Sumber Manusia sebuah syarikat. Anda ditugaskan untuk mencari dan melantik pengurus perniagaan baharu di sebuah kilang yang terpencil.

Kekosongan jawatan ini diiklankan secara terbuka dan anda menerima banyak permohonan. Salah seorang pemohon merupakan sepupu anda. Dia telah mencari kerja selama beberapa bulan, tetapi tidak berjaya. Berbanding calon lain, sepupu anda tidak mempunyai kelayakan bagi mengisi jawatan tersebut. Walau bagaimanapun, anda telah memilih sepupu anda dengan alasan memberi peluang kepadanya.

### Bincangkan

1. Adakah tindakan anda itu merupakan satu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 atau akta-akta lain?
2. Adakah keputusannya berbeza jika sepupu anda mempunyai kelayakan seperti calon-calon lain?

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Bukan rasuah.  
Alasannya, pekerja syarikat swasta tidak tertakluk kepada kesalahan salah guna kuasa di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.
- Bagaimanapun, perbuatan tersebut adalah sesuatu yang salah dan akan memberi kesan buruk kepada syarikat pada masa akan datang.
- Sudah pasti perkara itu melanggar kod etika atau kod tatakelakuan syarikat.
- perbuatan tersebut dianggap sebagai '*conflict of interest*'.
- **SOALAN 2:** Sama sahaja bukan rasuah. Alasannya sama iaitu syarikat swasta tidak tertakluk kepada Seksyen 23 Akta SPRM 2009.
- **NOTA:** Sekiranya, di agensi kerajaan, perbuatan pegawai awam memberikan jawatan kepada ahli keluarga adalah kesalahan salah guna kuasa di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

## Kajian Kes 5

Encik Bocey adalah Penolong Jurutera yang cemerlang di sebuah agensi kerajaan. Beliau sentiasa menjalankan tugas-tugas dengan penuh dedikasi, tepat pada masanya dan tidak pernah bertangguh. Beliau selalu membuat pengesahan kerja-kerja kontraktor dengan efisien sehingga pembayaran dapat dibuat kepada pihak kontraktor dalam masa yang ditetapkan.

Encik Tan Tak Tuang, seorang kontraktor yang selalu mendapat kerja-kerja di jabatan Encik Bocey amat menyenangi etika bekerja Encik Bocey.

Pada akhir tahun, Encik Tan Tak Tuang telah memberikan hadiah berupa jam tangan Omega bernilai RM4,000 kepada Encik Bocey. Pada mulanya Encik Bocey agak keberatan untuk menerimanya. Bagaimanapun, Encik Tan Tak Tuang menyatakan bahawa hadiah tersebut adalah sebagai tanda penghargaan beliau secara peribadi kepada Encik Bocey. Menurut Encik Tan Tak Tuang, kerana kecekapan Encik Bocey, tiada bayaran yang lewat atau tertunggak.

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Encik Bocey tidak boleh menerima pemberian tersebut.
- Hadiah tersebut boleh menjadi rasuah kerana:
  - pemberi dan penerima ada hubungan rasmi
  - hadiah bernilai mahal. Tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi.
  - Hadiah sebegini sudah tentu akan mempengaruhi keputusan Encik Bocey. Terutama untuk urusan-urusan rasmi pada masa akan datang.
- Penerimaan hadiah sebegini merupakan kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan - pegawai awam menerima hadiah daripada mereka yang ada urusan rasmi, tanpa ada balasan yang munasabah.
- Pegawai awam mesti jelas dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998.
- **NOTA:** Sekiranya kontraktor ingin menghargai pegawai awam, cukup sekadar menulis surat penghargaan kepada pegawai atasannya.

Encik Tan Tak Tuang menegaskan bahawa beliau tidak meminta apa-apa balasan balas daripada Encik Bocey. Hadiah itu adalah ikhlas daripada hati nurani Encik Tan Tak Tuang.

## Bincangkan

1. Adakah Encik Bocey boleh menerima hadiah tersebut? Jelaskan.
2. Apakah tatacara penerimaan hadiah yang dibolehkan?
3. Sekiranya anda salah seorang rakan sejawat Encik Bocey dan anda mengetahui perkara ini. Apakah tindakan anda?
4. Sekiranya Encik Bocey mengambil hadiah itu dan anda melaporkan kepada SPRM, apakah status anda? (sama ada pemberi maklumat, pengadu, atau saksi). Jelaskan

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 2:** Hadiah yang dibenarkan berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998:
  - Hadiah daripada orang yang tiada kaitan dengan tugas rasmi.
  - Hadiah yang diterima mesti kurang dari  $\frac{1}{4}$  emolumen atau RM500.00.
  - Berbentuk lencana, pen, plaque, cenderamata.
  - Barang-barang mudah rosak seperti sayur, buah-buahan.
- **SOALAN 3:** Menasihatkan Encik Bocey untuk memulangkan hadiah itu. Sekiranya dia masih menerima hadiah tersebut, boleh melaporkan kepada SPRM.
- **SOALAN 4:** Boleh sebagai pemberi maklumat atau pengadu. Sekiranya ingin identiti disembunyikan, cuma berikan maklumat sebagai pemberi maklumat sahaja.
- Boleh juga mohon perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

## Kajian Kes 6

Prof. Ali adalah Dekan Fakulti Sains, Universiti Malaya. Sebagai Dekan, beliau boleh membuat pesanan atau pembelian barang-barang bagi fakulti beliau.

Sehingga bulan Oktober 2019, terdapat lebihan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi pembelian aset di fakulti beliau. Jika wang ini tidak dihabiskan, maka iaanya tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.

Prof. Ali meminta kawannya Amran seorang pemilik kedai komputer untuk membekalkan 10 buah komputer pada harga RM4,950 sebuah. Harga pasaran bagi sebuah komputer adalah RM3,000 sahaja. Prof. Ali berniat membantu Amran yang merupakan kawan lamanya semasa belajar dulu.

Pada 15 Disember, Amran berjumpa dengan Prof. Ali dan maklumkan bahawa 10 buah komputer itu tidak dapat dibekalkan sebelum 31 Disember 2019. Prof. Ali meminta Amran mengemukakan invois menuntut bayaran 10 buah komputer itu. Pada 31 Disember 2019, Prof. Ali menerima invois daripada Amran. Prof. Ali telah memperakarkan bahawa 10 buah komputer tersebut telah diterima dalam keadaan baik. Akhirnya Amran telah mendapat bayaran penuh daripada Universiti Malaya.

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Kesalahan pertama - Prof. Ali peraku tuntutan palsu dan Amran kemuka tuntutan palsu.
- Seksyen 18 Akta SPRM 2009.
- Sekiranya bersalah - penjara tidak lebih 20 tahun; dan denda 5 kali nilai tuntutan palsu; atau minimum RM10,000; mana yang lebih tinggi.
- Kesalahan kedua - Menerima hadiah daripada kontraktor.
- Seksyen 165 Kanun Kesejahteraan.
- Sekiranya bersalah - Penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.
- **SOALAN 2:** Tindakan sepatutnya oleh Prof. Ali:
  - Rancang perbelanjaan dengan baik.
  - Mendapatkan harga terbaik untuk jabatan
  - Tidak memperakarkan tuntutan yang tidak cukup
  - Tidak sesekali menerima hadiah daripada kontraktor
  - Melaporkan sebarang pemberian kepada ketua jabatan untuk kelulusan.

Sehingga 30 Jun 2020, Amran hanya membekalkan 7 buah komputer sahaja kepada Fakulti Sains UM. Bakinya tidak dibekalkan dengan alasan kos untuk sebuah komputer telah meningkat mendadak kerana banjir di Thailand.

Selain pembekalan komputer, dalam bulan Disember 2019 juga, Prof. Ali meminta Mamat, pengurus Kedai Elektronik Ali Baba Cawangan Bangi untuk membekalkan 10 buah TV LED 42 inci di fakulti beliau. Jumlah untuk 10 buah TV LED itu adalah RM49,000. Pada 28 Disember 2019, Mamat telah menghantar semua TV LED ke fakulti Sains.

Memandangkan Mamat mendapat keuntungan daripada pembekalan tersebut, beliau telah menghadiahkan sebuah TV LED jenama SONY 42 inci kepada Prof. Ali. Prof. Ali menerima hadiah daripada Mamat dan meminta TV LED itu dipasang di rumahnya.

## Bincangkan

1. Apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh Prof. Ali?
2. Apakah tindakan sepatutnya dibuat oleh Prof. Ali?
3. Kesan daripada tindakan beliau.

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 3:** Kesan akibat tindakan Prof. Ali:
  - Terlibat perbuatan rasuah dan beliau boleh ditangkap/dakwa
  - Memalukan institusi pendidikan
  - Boleh hilang penced sekiranya didapati bersalah dan dipenjarakan.
  - Merugikan jabatan kerana:
    - menaikkan harga barang.
    - pembekalan komputer tidak sempurna.

## Kajian Kes 7

Sarip adalah Ketua Jabatan di sebuah jabatan kerajaan. Jabatan beliau ingin membuat pembelian cenderahati untuk kegunaan semasa program bersama Menteri pada hujung bulan Julai 2012. Sarip telah meminta pegawaiannya untuk memanggil beberapa syarikat untuk mengemukakan sebut harga.

Sebanyak 5 buah syarikat mengemukakan sebut harga seperti berikut :

- Ramly burger Sdn. Bhd RM95,000
- Cikedi Enterprise RM103,000
- Dorayaki Sedap Sdn. Bhd RM90,900
- LA LA LA Sdn. Bhd RM88,900
- Syarikat Sukahati Sdn. Bhd RM100,500

Syarikat LA LA LA Sdn. Bhd yang menawarkan harga terendah sebenarnya dimiliki oleh isteri Sarip iaitu Rahimah. Semasa mempengerusikan mesyuarat untuk memilih syarikat yang layak, Sarip memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa syarikat itu milik isterinya. Setelah itu, mesyuarat diteruskan dan memilih syarikat LA LA LA Sdn. Bhd untuk pembekalan tersebut.

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Kesalahan salah guna kuasa oleh pegawai awam.
- Seksyen 23 Akta SPRM 2009.
- Sekiranya bersalah - penjara tidak lebih 20 tahun; dan denda 5 kali nilai berkaitan kesalahan yang dilakukan; atau minimum RM10,000; mana yang lebih tinggi.
- Kesalahan berlaku apabila sebagai pegawai awam melantik syarikat yang dimiliki oleh isteri.
- Walaupun telah isytihar, tetapi masih melantik syarikat isteri.
- Kehadiran beliau dalam mesyuarat sebagai pengurus boleh mempengaruhi keputusan untuk melantik syarikat isteri.
- **SOALAN 2:** Tindakan sepatutnya:
  - Isytihar kepentingan
  - Keluar daripada mesyuarat dan tidak ambil bahagian dalam membuat keputusan.
  - Minta orang lain untuk buat keputusan.
  - Minitkan tindakan isytihar kepentingan dan keluar mesyuarat.
  - Paling baik - tidak benarkan sanak saudara untuk cuba mendapatkan projek di tempat anda bertugas.

## Bincangkan

1. Apakah ada apa-apa kesalahan rasuah yang telah dilakukan oleh Sarip?
2. Apakah tindakan sepatutnya dibuat oleh Sarip?
3. Kesan daripada tindakan Sarip tersebut?

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- **SOALAN 3:** Kesan:
  - Boleh ditangkap dan didakwa.
  - Menjejaskan integriti beliau serta keputusan yang dibuat.
  - Merugikan organisasi kerana syarikat yang dipilih bukan berdasarkan merit. Ada kemungkinan tidak dapat bagi perkhidmatan terbaik.
  - Tindakan tersebut juga boleh mengundang fitnah dan tohmahan.

## **Kajian Kes 8**

Kamarul adalah seorang pembekal barang-barang pejabat. Kamarul sentiasa mencari pelanggan untuk kerja-kerja pembekalan bagi syarikatnya.

Kamarul berkawan rapat dengan Dato' Ajis, Pengarah Bahagian Pentadbiran di sebuah jabatan kerajaan. Kamarul banyak membuat pembekalan peralatan pejabat di bahagian Dato' Ajis. Kamarul juga sering meraikan Dato' Ajis sama ada secara individu atau bersama pegawai-pegawai lain.

Pada suatu hari, semasa Kamarul sedang makan tengahari dengan Dato' Ajis di Hotel PJ Hilton, Dato' Ajis maklumkan mengenai keinginan isterinya untuk melancong di London. Bagaimanapun, beliau tidak cukup wang untuk ke sana.

Dua hari kemudian, Kamarul telah menghubungi Dato' Ajis dan menawarkan 2 tiket ke London. Menurut Kamarul, tiket tersebut adalah sebagai hadiah sebagai seorang kawan kepada Dato' Ajis. Kamarul turut memberikan wang saku RM5,000 kepada Dato' Ajis. Dato' Ajis telah menerima hadiah tersebut daripada Kamarul dan pergi bercuti dengan isterinya di London.

## **NOTA PENCERAMAH**

## Bincangkan

1. Apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh Dato' Ajis?
2. Apakah tindakan sepatutnya dibuat oleh Dato' Ajis?

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Kesalahan menerima barang bernilai daripada orang yang mempunyai kepentingan.
- Seksyen 165 Kanun Keseksaan
- Sekiranya bersalah - Penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.
- **SOALAN 2:** Tindakan sepatutnya oleh Dato' Ajis:
  - Elakkan menerima keraian daripada kontraktor.
  - Tidak membincangkan masalah keluarga kepada kontraktor.
  - Tidak memberi 'hint' seolah-seolah ingin meminta sesuatu daripada kontraktor.
  - Tidak menerima pemberian hadiah.
  - Laporkan pemberian kepada ketua jabatan.
  - Elakkan campur aduk hubungan rasmi dan peribadi.

## Kajian Kes 9

Cikgu Faizul bertugas sebagai guru sains di Sekolah Kebangsaan Alor Janggus. Beliau juga merupakan penyelia kepada makmal komputer sekolahnya. Pada tahun 2012, sekolah tersebut membuka sebut harga bagi pembekalan peralatan makmal komputer yang keseluruhannya bernilai RM300,000.

Sebanyak 6 buah syarikat telah mengemukakan sebut harga mereka. Syarikat-syarikat tersebut adalah syarikat Ibu S.B, syarikat Bapa S.B, syarikat Abang S.B, syarikat Mak Tiri S.B, syarikat Along S.B, dan syarikat Angah S.B.

Nazri pemilik syarikat Mak Tiri S.B telah berjumpa dengan Cikgu Faizul dan menyatakan keinginan untuk mendapatkan projek tersebut. Nazri mengatakan beliau sanggup untuk beri apa sahaja kepada Faizul untuk dapatkan projek itu. Faizul cuma terdiam dan tidak memberi apa-apa jawapan. Selepas itu, Nazri pun balik.

Selepas 2 hari Nazri telah menghubungi En. Faizul dan menawarkan wang RM20,000 sekiranya beliau dapat projek itu. Faizul telah menolak dan meminta Nazri tidak merasuah beliau.

## NOTA PENCERAMAH

- Cikgu Faizul mesti menolak sebarang tawaran rasuah
- Melaporkan tawaran tersebut kepada SPRM.
- Kewajiban melapor diperuntukkan di bawah Seksyen 25 Akta SPRM 2009.
- Sekiranya Nazri masih mahu memberi wang, Cikgu Faizul mempunyai beberapa pilihan:
- Pilihan 1: Mengambil wang tersebut dan dengan segera melaporkan kepada SPRM. Sebaiknya ada saksi yang melihat.
- Pilihan 2: Menjanjikan agar wang itu diberi pada tarikh, masa dan tempat yang ditentukan.
- Buat aduan segera kepada SPRM.
- Tangkapan dibuat oleh SPRM semasa Nazri menyerahkan wang itu kepada Cikgu Faizul.
- Kaedah ini adalah cara pantas untuk menangkap perasuah dan amat baik dari segi pengumpulan bukti untuk siasatan lanjut.

Pada keesokan harinya, Nazri telah datang berjumpa dengan Cikgu Faizul di pejabatnya. Nazri membawa satu *briefcase* kecil. Nazri mengatakan terdapat wang RM30,000 dalam *briefcase* tersebut. Wang itu hendak diberikan kepada Cikgu Faizul sekiranya beliau membantu untuk mendapatkan projek berkenaan.

## Bincangkan

Apakah yang perlu dilakukan oleh Cikgu Faizul?

## NOTA PENCERAMAH

- Pilihan 3: Sekiranya mampu, beliau boleh menangkap sendiri.
- Jenayah rasuah adalah kesalahan boleh tangkap [seksyen 49(1) Akta SPRM 2009] dan cara menangkap diperuntukkan melalui seksyen 15 Kanun Prosedur Jenayah.
- **NOTA:** Tindakan mesti diambil terhadap perasuh bagi menghentikan jenayah itu dan sebagai pengajaran kepada orang lain. Sekiranya tiada tindakan, perasuh akan menawarkan rasuah kepada orang lain.

## Kajian Kes 10

Razid, pensyarah di Kolej Ehsan merupakan seorang yang mengamalkan rasuah. Beliau meminta rasuah daripada pelajarnya yang ingin mendapat gred cemerlang dalam peperiksaan.

Rasuah diterima dalam bentuk wang ringgit serta barang-barang bernilai lain seperti tiket melancong, hamper, hadiah dan sebagainya. Rasuah juga diminta dalam bentuk perkhidmatan seks daripada pelajar.

Razid memiliki rumah, kereta, barang-barang mewah hasil daripada perbuatan rasuah.

### Bincangkan

Apakah kesan/implikasi jangka pendek dan panjang daripada perbuatan beliau itu?

---

### NOTA PENCERAMAH

- Perbuatan rasuah menyebabkan beliau ditangkap/didakwa.
- Hasil rasuah (rumah, kereta dan barang-barang mewah) boleh disita dan dilucut hak.
- Transaksi wang haram adalah kesalahan di bawah AMLATFAPUA 2001.
- Tindakan beliau menjatuhkan imej golongan pendidik dan institusi pendidikan yang dipandang tinggi oleh masyarakat.
- Menghasilkan pelajar tidak berkualiti untuk pasaran kerja.
- Menghasilkan pemimpin masa depan yang tidak berintegriti.
- Tindakan tersebut memberikan teladan tidak baik kepada pelajar.
- Seolah-olah menjadikan rasuah satu budaya di institusi pendidikan tinggi.
- Pelajar tersebut berpotensi untuk melakukan rasuah apabila mereka bekerja nanti.

## **Kajian Kes 11**

Azhar merupakan Ketua Pemuda Cawangan Lengkok Golf, Kelana jaya. Pada 30 Julai 2008, Azhar datang ke pejabat SPRM Putrajaya untuk mendapatkan khidmat nasihat.

Setelah mendengar pandangan dan nasihat pegawai SPRM, Azhar membuat keputusan untuk membuat aduan SPRM. Dalam aduan tersebut Azhar mengatakan, pada 29 Julai 2008, Man seorang ahli baru yang ingin bertanding sebagai Ketua Pemuda Bahagian Kelana Jaya telah datang ke rumahnya di Bangsar.

Di dalam perjumpaan tersebut, Man menyerahkan satu sampul surat yang mengandungi wang rasuah sebanyak RM1,500 kepada Azhar. Man meminta Azhar mempengaruhi ahli-ahlinya untuk mengundi Man bagi merebut jawatan tersebut.

Semasa wang tersebut diserahkan, ianya disaksikan isteri dan adik Azhar. Menurut Azhar, wang itu beliau tidak gunakan. Wang itu didermakan kepada Masjid Nurul Yakin di Kelana Jaya.

## **NOTA PENCERAMAH**

Sebenarnya Azhar membuat aduan tersebut untuk memburukkan nama baik Man sahaja. Man tidak pernah pergi ke rumah Azhar pada 29 Julai 2008. Man juga tidak pernah memberikan wang RM1,500 kepada Azhar. Azhar juga berbohong mengenai wang RM1,500 didermakan kepada Masjid Nurul Yakin.

## Bincangkan

Apakah kesalahan yang dilakukan oleh Azhar?

## **NOTA PENCERAMAH**

- Berdasarkan kes sebenar.
- Azhar boleh ditangkap dan didakwa di bawah kesalahan membuat pernyataan (aduan) palsu.
- Seksyen 27 (1)(a) Akta SPRM 2009.
- Sekiranya didapati bersalah - denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-dua sekali.
- Boleh juga didakwa di bawah Seksyen 182 Kanun Keseksaan - Sekiranya didapati bersalah boleh dipenjara tidak lebih 6 bulan; atau denda tidak lebih RM2,000; atau kedua-dua sekali.
- **NOTA:** Individu sebenar dalam kes ini mengaku salah dan dijatuhkan hukuman denda dan penjara.

## **Kajian Kes 12**

Rasuah boleh berlaku di mana sahaja. Sesiapa pun boleh terlibat dengan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Tidak kira walau sekecil mana jawatan seseorang itu sehingga kepada pemimpin sesebuah negara, peluang melakukan rasuah pasti ada.

### **Bincangkan**

1. Adakah rasuah ada berlaku di jabatan anda?
2. Bagaimana rasuah boleh berlaku di jabatan anda?
3. Punca berlaku?
4. Kesan daripada rasuah?
5. Langkah pencegahan yang mesti dilakukan segera?

### **NOTA PENCERAMAH**

- Mohon audiens/peserta untuk bersikap terbuka bagi latihan ini.
- Latihan ini bukan untuk membuka keburukan jabatan.
- Sekadar perkongsian untuk faedah dan pengetahuan bersama.
- Peserta akan berbincang mengenai bentuk perbuatan rasuah di jabatan mereka.

## Kajian Kes 13

Suatu ketika dulu, Hong Kong mempunyai masalah rasuah yang amat serius terutama dalam kalangan polis. Masyarakat ketika itu, menganggap rasuah sebagai suatu yang biasa.

Situasi sudah berubah. Kini masyarakat Hong Kong begitu serius menentang amalan rasuah di negara mereka. Sikap masyarakat Hong Kong daripada “tolerate” kepada rasuah suatu ketika dahulu, kini mereka mengamalkan “zero tolerate” kepada penjenayah rasuah. Masyarakat Hong Kong juga berani untuk tampil sendiri membuat aduan kepada agensi pencegahan rasuah iaitu Independent Commission Against Corruption Hong Kong. Kesannya, Hong Kong merupakan antara negara yang menduduki tangga teratas dalam CPI.

Melihat kepada situasi di Malaysia, kebanyakan maklumat diberi melalui surat layang. Melalui surat layang, SPRM sukar untuk membuat *follow-up* bagi mendapatkan maklumat lanjut. Banyak maklumat melalui surat layang tidak mempunyai asas kesalahan rasuah.

## NOTA PENCERAMAH

## Bincangkan:

1. Adakah masyarakat Malaysia masih 'tolerate' kepada rasuah?
2. Mengapa orang awam tidak mahu melaporkan rasuah?
3. Adakah wajar SPRM masih menerima aduan melalui surat layang?
4. Bagaimana untuk menggalakkan masyarakat untuk datang sendiri membuat aduan dan bukan melalui surat layang?

## **NOTA PENCERAMAH**

---

- Latihan ini membuka ruang kepada peserta untuk memberikan pendapat mengenai isu rasuah.

## Kajian Kes 14

Anda seorang kerani kewangan di sebuah jabatan kerajaan. Anda bertanggungjawab memproses semua tuntutan perjalanan pegawai di jabatan anda. Dalam bulan Disember 2019, anda baru mendapat tahu, tuntutan perjalanan Encik Mat Pi bin Mat Tih, seorang Pegawai Tadbir mempunyai butiran yang tidak betul. Tuntutan tersebut adalah bagi perjalanan Encik Mat Pi bin Mat Tih ke Perlis pada 15-18 Julai 2019. Beliau membuat tuntutan berikut:

- Tuntutan perjalanan (perbatuan) sebanyak 1,200 km pergi dan balik ke Perlis
- Tuntutan Bayaran Sewa Hotel selama 3 hari berjumlah RM600

Tuntutan tersebut diragui kerana anda mengetahui bahawa beliau pergi ke Perlis dengan menaiki kendaraan jabatan dan menginap di rumah ibu bapanya.

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Encik Mat Pi melakukan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu
- Seksyen 18 Akta SPRM 2009.
- Sekiranya bersalah - penjara tidak lebih 20 tahun; dan denda 5 kali nilai tuntutan palsu; atau minimum RM10,000; mana yang lebih tinggi.
- **SOALAN 2:** Nasihatkan Encik Mat Pi (mungkin beliau tersilap).  
Rujuk kepada SPRM dan dapatkan nasihat SPRM.  
• Membuat laporan kepada SPRM sekiranya yakin tuntutan tersebut bertujuan untuk menipu.

## Bincangkan:

1. Apakah kesalahan yang dilakukan oleh Encik Mat Pi bin Mat Tih?
2. Apakah tindakan anda sebagai seorang penjawat awam yang berintegriti?
3. Di dalam situasi tersebut, apakah status anda? (sama ada pemberi maklumat, pengadu?) Jelaskan.
4. Apakah dokumen yang diperlukan untuk dijadikan rujukan kepada SPRM bagi membuktikan kesalahan yang dilakukan oleh Encik Mat Pi bin Mat Tih?

## **NOTA PENCERAMAH**

- **SOALAN 3:** Anda boleh menjadi pengadu kerana terlibat secara langsung (menyemak).
- Anda juga boleh memohon untuk menjadi pemberi maklumat sekiranya tidak mahu sesiapa tahu anda yang membuat laporan.
- **SOALAN 4:** Dokumen tuntutan Encik Mat Pi yang asal,
- Dokumen yang membuktikan pembayaran telah dibuat kepada Encik Mat Pi.

## Kajian Kes 15

Anda seorang anggota polis trafik berpangkat Koperal, bertugas di IPD Kuala Kedah. Pada 1 Januari 2019, anda bersama-sama 3 lagi anggota melakukan tugas sekatan jalan raya di Persimpangan Jalan Pusara. Tujuannya, bagi mengesan pengguna jalan raya yang melakukan kesalahan lalu lintas.

Semasa menjalankan tugas sekatan tersebut, anda telah menahan seorang lelaki warga Pakistan yang menaiki motorsikal. Hasil pemeriksaan yang dilakukan mendapati bahawa lelaki berkenaan tidak mempunyai lesen memandu. Anda memberitahu kepadanya bahawa anda akan mengeluarkan saman di atas kesalahan tersebut.

Lelaki berkenaan merayu kepada anda supaya tidak dikeluarkan saman ke atasnya. Seterusnya, lelaki itu menghulurkan RM200 kepada anda.

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Tindakan yang sepatutnya anda lakukan
  - Menolak tawaran tersebut dahulu.
  - Sekiranya, tawaran masih dibuat - ambil wang dan buat tangkapan.
  - Bawa warga Pakistan itu ke pejabat SPRM.
  - Buat aduan rasmi kes rasuah.
  - Anda perlu juga keluarkan saman trafik kerana kesalahan menunggang motorsikal tanpa lesen memandu yang sah.
- **SOALAN 2:** Kesalahan warga Pakistan
  - menawar dan memberi rasuah kepada seorang pegawai awam.
  - Seksyen 17B Akta SPRM 2009.
  - Sekiranya bersalah - penjara tidak lebih 20 tahun; dan denda 5 kali nilai suapan; atau minimum RM10,000; mana yang lebih tinggi.

## Bincangkan:

1. Anda sebagai anggota Polis yang berintegriti, apakah tindakan anda?
2. Apakah kesalahan yang dilakukan oleh warga Pakistan tersebut?
3. Nyatakan perincian yang tepat jika anda hendak membuat aduan kepada pihak SPRM?

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 3:** Perincian untuk membuat aduan
  - Siapa yang terlibat rasuah?
  - Bila dan di mana kejadian berlaku?
  - Apa yang dilakukan?
  - Siapa saksi kejadian?
  - Bagaimana kesalahan dilakukan?
  - Apa dokumen yang terlibat?
- **NOTA:** Tindakan anda membuat laporan - boleh dipertimbangkan untuk mendapat ganjaran dan pengiktirafan seperti mana surat pekeliling KSN bertajuk 'Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah' bertarikh 11 Mei 2011.

## Kajian Kes 16

Anda adalah pemilik syarikat Jujur Ikhlas Sdn. Bhd. Syarikat anda sering mendapat kerja-kerja pembekalan kepada Jabatan Air dan Saliran. Bagaimanapun, semenjak Encik Boh bin Nohal, pengarah baharu mengambil alih pentadbiran jabatan tersebut, anda tidak lagi mendapat sebarang projek.

Semasa anda berjumpa dengan Encik Mael, pembantu tadbir di Jabatan Air dan Saliran, beliau memberitahu bahawa Encik Boh telah melantik syarikat baharu iaitu syarikat Ahli Syurga Sdn. Bhd, bagi melaksanakan kerja-kerja pembekalan menggantikan syarikat anda.

Menurut Encik Mael, dipercayai syarikat tersebut milik isteri Encik Boh iaitu Puan Magarita. Encik Mael memberitahu lagi, baru-baru ini, Encik Boh telah melantik syarikat Ahli Syurga Sdn. Bhd. secara pemberian terus dalam pembekalan alat-alat tulis untuk tahun 2019 bernilai RM25,000.

### NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Kesalahan salah guna kuasa oleh pegawai awam.
- Seksyen 23 Akta SPRM 2009.
- Sekiranya bersalah - penjara tidak lebih 20 tahun; dan denda 5 kali nilai berkaitan kesalahan yang dilakukan; atau minimum RM10,000; mana yang lebih tinggi.
- Kesalahan berlaku apabila sebagai pegawai awam melantik syarikat yang dimiliki oleh isterinya.
- **SOALAN 2:** Membuat aduan kepada SPRM.
  - Bekerjasama sebagai saksi semasa siasatan dan saksi di mahkamah.

## Bincangkan:

1. Apakah kesalahan yang dilakukan oleh Encik Boh bin Nohal?
2. Apakah tindakan anda setelah mengetahui cerita tersebut daripada Encik Mael?
3. Sekiranya Encik Mael seorang penjawat awam yang berintegriti, apakah pula tindakan yang perlu dilakukan?
4. Dalam situasi tersebut, apakah status anda dan Encik Mael? (sama ada pemberi maklumat, pengadu, atau saksi?) Jelaskan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- **SOALAN 3:** Membuat laporan kepada SPRM.
- Bekerjasama sebagai saksi semasa siasatan
- Bekerjasama sebagai saksi semasa perbicaraan.
- **SOALAN 4:** Sebagai pemberi maklumat.
- Boleh juga mohon perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

## Kajian Kes 17

Pada 10 Januari 2018, jam 11.00 malam, anda ditahan oleh seorang anggota polis trafik, L/Kpl Midul dalam satu sekatan jalan raya di Jalan Tanjung, Kuala Terengganu. Didapati, anda tidak mempunyai lesen memandu serta motorsikal mempunyai cukai jalan dan insuran tamat tempoh.

L/Kpl Midul memberitahu anda bahawa dia hendak mengeluarkan 3 saman dan akan menyita motorsikal anda. Kemudian, seorang anggota polis trafik, Sarjan Hassan datang dan mendekati anda. Sarjan Hassan beritahu, jika anda tidak mahu disaman, anda perlu membayar RM300 kepadanya.

Anda tidak mempunyai duit untuk diberikan kepada Sarjan Hassan. Anda berjanji untuk berikan kepada Sarjan Hassan pada kesokan hari.

Sarjan Hassan menyatakan anggotanya akan menahan motorsikal anda buat sementara waktu. Motorsikal akan dilepaskan apabila wang yang diminta telah dibayar. Sarjan Hassan memberikan nombor telefon bimbitnya dan minta anda berjumpa dengan beliau di Balai Polis Tanjung kesokan harinya.

## NOTA PENCERAMAH

- **SOALAN 1:** Tindakan saya?
- Perbuatan anggota polis itu adalah rasuah.
- Perlu kenal pasti identiti anggota terbabit (nama, nombor badan, nombor pendaftaran kenderaan dll).
- Membuat aduan rasmi kepada SPRM secepat yang mungkin pada hari yang sama.
- Berkerjasama dengan SPRM dalam 'operasi perangkap'.
- Bersedia berkerjasama dengan SPRM dalam siasatan dan perbicaraan di mahkamah.
- **SOALAN 2:** Kesalahan anggota polis - meminta rasuah sebagai balasan tiada tindakan terhadap anda.
- Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.
- Sekiranya bersalah - penjara tidak lebih 20 tahun; dan denda 5 kali nilai suapan; atau minimum RM10,000; mana yang lebih tinggi.

## Bincangkan:

1. Apakah tindakan anda untuk menghadapi situasi sebegini?
2. Apakah kesalahan dilakukan oleh anggota polis trafik berkenaan?
3. Nyatakan perincian yang tepat jika anda hendak membuat aduan kepada pihak SPRM?
4. Di dalam situasi tersebut, apakah status anda? (sama ada pemberi maklumat, pengadu, atau saksi?) Jelaskan.

## **NOTA PENCERAMAH**

- **SOALAN 3:** Perincian untuk membuat aduan
  - Siapa yang terlibat rasuah?
  - Bila dan di mana kejadian berlaku?
  - Apa yang dilakukan?
  - Siapa saksi kejadian?
  - Bagaimana kesalahan dilakukan?
  - Apa dokumen yang terlibat?
- **SOALAN 4:** Sebagai pengadu. Anda juga perlu hadir ke mahkamah sebagai saksi bagi kes ini.



**Rasuah Disisih Negara Bersih**

[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)